



Kini, kami menyokong Asia dengan aset melebihi RM495 bilion.

Kini, kami menyokong Asia dengan jumlah aset melebihi RM495 bilion. Maybank, satu daripada bank terbesar di Asia Tenggara, telah mendokong aspirasi anda selama lebih 50 tahun. Menyediakan perkhidmatan di 20 buah negara di seluruh dunia dan menghubungkan anda dengan peluang-peluang baru menerusi 2,200 pejabat di seluruh Asia Tenggara, Wilayah Besar China dan di seluruh dunia. Kami **Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia**

www.maybank.com



Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia



LAPORAN TAHUNAN 2012

MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)

MenerajuiAsia

LAPORAN TAHUNAN 2012



16%

Pulangan atas Ekuiti
Lebih Tinggi daripada Sasaran

Peningkatan Sumbangan Serantau
30% Sumbangan Keuntungan Antarabangsa

Tepat dengan matlamat strategik Maybank bagi tahun 2015

Membina Kekukuhan di Seluruh Pelusuk Asia Tenggara

Kehadiran di kesemua 10 buah negara Asia Tenggara



Menerajui

KAMI MENERAJUI ASIA

dengan pelbagai cara. Melalui kehadiran kami di 10 buah negara Asia Tenggara dan perluasan perniagaan di seluruh rantau ini, Maybank telah meningkatkan momentum dalam memainkan peranan kami untuk menjadikan Asia lebih makmur dan mampan. Kami menawarkan perkhidmatan yang konsisten dan menyeluruh di samping produk-produk bernilai tambah yang menepati citarasa setiap pelanggan. Kami memberikan pelanggan akses mudah terhadap perkhidmatan kewangan, terma dan penetapan harga yang adil serta menasihati mereka mengikut keperluan masing-masing. Pada masa sama, kami kekal komited untuk senantiasa di hati mereka biarpun di mana jua kami beroperasi.

KETIKA ASIA TERUS

berkembang di sebalik ekonomi dunia yang mencabar, kami kekal komited kepada warga dan komuniti di rantau ini. Dengan semangat Maybank, kami terus menginsankan perkhidmatan kewangan dan menyediakan nilai yang dipertingkatkan melalui produk dan perkhidmatan yang pelbagai.

LEBIH 2,200
PEJABAT

20
NEGARA

47,000
WARGA MAYBANK

ASIA

JUMLAH ASET
**RM495
BILION**

KEUNTUNGAN
BERSIH
**RM5.74
BILION**

22
JUTA PELANGGAN

PERMODALAN
PASARAN
**RM77
BILION**



KANDUNGAN

SEPINTAS LALU

- 4 Ulasan 2012
- 6 Pasaran Utama Kami

PERSPEKTIF KAMI

- 8 Penyata Pengerusi
- 10 Penyata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

SIAPA KAMI

- 18 Visi, Misi dan Nilai Teras
- 19 Kod Etika & Perilaku
- 20 Profil Korporat & Rangkaian Global
- 22 Entiti Perniagaan Utama
- 24 Sejarah, Inovasi & Kepimpinan
- 28 Struktur Korporat Kumpulan
- 29 Struktur Organisasi Kumpulan

STRATEGI & PENCAPAIAN KAMI

- 32 Strategi Kami
- 40 Petunjuk Prestasi Utama
- 42 Saham Maybank
- 48 Maybank dalam Media
- 50 Sorotan Peristiwa
- 66 Anugerah & Pengiktirafan

PRESTASI KAMI

- 68 Ringkasan Kewangan Kumpulan Dalam Lima Tahun
- 70 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan
- 71 Prestasi Kewangan Kumpulan Dalam Suku Tahun
- 72 Faedah Utama Berkaitan Aset dan Liabiliti
- 73 Penyata Nilai Tambah
- 74 Maklumat Segmen

TINJAUAN PERNIAGAAN

- 78 Tinjauan Kewangan Kumpulan
- 88 Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan
- 91 Tinjauan Perniagaan: Ulasan
- 92 Perkhidmatan Kewangan Komuniti
- 100 Perbankan Global
- 104 Perbankan Pelaburan
- 118 Operasi Antarabangsa
- 122 Singapura
- 124 Indonesia
- 126 Filipina
- 127 Wilayah Besar China
- 128 Indochina
- 129 Lain-lain Unit Luar Negara
- 130 Insurans & Takaful
- 138 Perbankan Islam
- 141 Jawatankuasa Syariah
- 142 Modal Insan Kumpulan
- 150 Perkhidmatan Transformasi Perusahaan

KEPIMPINAN KAMI

- 172 Lembaga Pengarah
- 174 Profil Lembaga Pengarah
- 182 Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



**Perspektif
Kami**

8



**Strategi
Kami**

32

PUSAT KONVENSYEN SIME DARBY • DEWAN UTAMA, ARAS 1
1A Jalan Bukit Kiara 1 • 60000 Kuala Lumpur, Malaysia

Khamis : 28 Mac 2013 pada 10.00 pagi

Rujuk di halaman 242 hingga 246 untuk maklumat mengenai Mesyuarat Agung Tahunan dan Kalendar Kewangan.

TANGGUNGJAWAB KAMI

- 158 Tanggungjawab Korporat
- 167 Perhubungan Pelabur

TADBIR URUS KORPORAT

- 192 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 213 Penyata Kawalan Dalaman
- 216 Laporan Jawatankuasa Audit
- 221 Pengurusan Risiko
- 229 Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan

LAIN-LAIN MAKLUMAT

- 230 Analisis Pegangan Saham

- 232 Klasifikasi Pemegang Saham
- 233 Perubahan Modal Saham
- 236 Hartanah Dimiliki Oleh Kumpulan Maybank
- 237 Senarai 10 Hartanah Utama Dimiliki Kumpulan Maybank
- 238 Maklumat Korporat
- 239 Direktori Kumpulan

MAKLUMAT AGM

- 242 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53
- 245 Penyata Iringan Notis Mesyuarat Agung Ke-53
- 246 Kalendar Kewangan
 - Borang Proksi



Laporan Tahunan ini boleh didapati di laman sesawang www.maybank.com



Untuk menghubungi kami, sila rujuk di halaman 238 bagi Maklumat Korporat dan halaman 239 bagi Direktori Kumpulan.



Penyata Kewangan boleh didapati dalam bahagian Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2012 yang dicetak berasingan.



Kepimpinan Kami

172



Tinjauan Perniagaan

78



Tanggungjawab Kami

158

KEUNTUNGAN BERSIH

RM5.74 bilion
+17.6%

Mencatatkan rekod keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) yang meningkat 17.6% kepada RM5.74 bilion di atas pertumbuhan mampan dalam pendapatan berasaskan dana bersih dan pendapatan berasaskan yuran, disokong oleh kecekapan kos yang semakin baik.

Sila rujuk pada muka surat 78 bagi Kajian Kewangan Kumpulan

SUMBANGAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (PBT) ANTARABANGSA

30%
CY2011: 23.8%

PBT daripada operasi antarabangsa melonjak kepada 30.2% daripada 23.8% setahun sebelumnya memandangkan hasil antarabangsa berkembang 15.5% akibat pertumbuhan sebanyak 12.9% dalam pinjaman kasar antarabangsa.

Sila rujuk pada muka surat 82 bagi Kajian Kewangan Kumpulan



Integrasi Maybank Kim Eng berjalan lancar dan mewujudkan nilai bagi sektor Perbankan Pemborongan Global (kini dikenali sebagai Perbankan Global). Janji niaga ketara dalam tahun 2012 termasuk tawaran awam permulaan (IPOs), penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penempatan swasta dan pembiayaan projek di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan Filipina.

Sila rujuk pada muka surat 104 bagi Perbankan Pelaburan



Kami mengukuhkan kehadiran di rantau ini dan kini bertapak di 10 buah negara di Asia Tenggara dengan pembukaan pejabat di Myanmar dan Laos pada tahun 2012 dan meningkatkan tumpuan di Wilayah Besar China selepas membuka cawangan kami di Beijing.

Sila rujuk pada muka surat 118 bagi Operasi Antarabangsa

**MENGUKUKKAN
KEDUDUKAN MODAL
LEBIH AWAL SEBELUM
BASEL III**

Menyelesaikan penempatan ekuiti terbesar dalam sejarah korporat Malaysia berjumlah RM3.66 bilion untuk mengukuhkan kedudukan modal lebih awal sebelum Basel III dan bertujuan menyokong operasi Kumpulan.

Sila rujuk pada muka surat 85 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan


Nota:

Kumpulan telah menukar tempoh berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Perbandingannya adalah keputusan kewangan bagi tempoh 12 bulan bermula pada 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011. Angka tersebut adalah belum diaudit dan dirujuk sebagai CY2011 (Tahun Kalendar) dalam laporan tahunan ini. Perangkaan bagi Tempoh Kewangan 2011 adalah keputusan yang diaudit selama enam-bulan berakhir pada 31 Disember 2011 sebagai sebahagian daripada peralihan tempoh akhir tahun kewangan Kumpulan kepada bulan Disember. Angka bagi TK2009-TK2011 adalah perangkaan 12 bulan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun.


CY: Tahun Kalendar

TINJAUAN KEWANGAN


Keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank
RM5.74 bilion




Pendapatan Sesaham
72.7 sen




Pulangan atas Ekuiti
16.0 %




Jumlah aset
RM494.9 bilion



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
RM311.8 bilion




Nisbah Kecukupan Modal
RWCR: 17.35%




* andaian penuh pelaburan semula DRP


Dividen Sesaham
65 sen



Permodalan Pasaran
RM76.6 bilion



Harga Saham
RM9.20



SOROTAN BUKAN KEWANGAN

Modal Insan

47,000 warga kerja Maybank di seluruh dunia

Rangkaian Global

2,200 cawangan **20** negara

Pelanggan

22 juta di seluruh dunia

TK - Tahun Kewangan

FP - Tempoh Kewangan

Pasaran UTAMA kami



Pada 2012, tiga pasaran utama di Malaysia, Singapura dan Indonesia menyumbang sebanyak 91.2% kepada PBT Kumpulan berdasarkan kepada asas ekonomi dan pertumbuhan domestik yang kukuh termasuk perbelanjaan pengguna dan pelaburan infrastruktur. Di Malaysia, yang mana kami memiliki rangkaian pengedaran terbesar, strategi kami adalah untuk menerajui pertumbuhan industri dan memastikan pertumbuhan yang seimbang di seluruh sektor utama. Di Singapura, penyertaan kami sejak lama dulu telah membolehkan kami untuk membentuk perhubungan yang kukuh dengan pelanggan, dan tahap perkhidmatan kami semakin dikenali dalam industri. Di Indonesia, kami sangat terdorong dengan tarikan daripada program transformasi yang sedang dilaksanakan. Semakin kami menambahkan rangkaian pengedaran, kami terus berkembang selari dengan perkembangan dalam industri. Pertumbuhan kami bagaimanapun, akan terus dilaksanakan selari dengan matlamat kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan.

MALAYSIA

Malaysia kekal menjadi pasaran teras tempatan bagi Kumpulan Maybank, dengan sebanyak 63.3% daripada pinjaman kasar Kumpulan dijana dari pasaran utama ini dan menyumbang 69.8% kepada PBT Kumpulan. Portfolio pinjaman domestik adalah seimbang antara segmen pengguna dan bukan pengguna. Pada akhir 2012, 54% daripada portfolio domestik ini terdiri daripada pinjaman pengguna, manakala pinjaman korporat sebanyak 32% dan baki sebanyak 14% pula merupakan pinjaman Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Perbankan Perniagaan.

Kedudukan teratas kami dalam keseluruhan pasaran pinjaman dan deposit disokong oleh francais domestik kami yang besar yang terdiri daripada 26,473 kakitangan, 401 cawangan dan lebih daripada 4,700 mesin terminal layan diri serta perkhidmatan perbankan mudah alih.

Pada 2012, kami meraih banyak pencapaian. Kami menduduki tempat pertama dalam janji niaga bagi M&A dan di tempat kedua di pasaran bon domestik. Kami juga mengekalkan kedudukan sebagai peneraju dalam pasaran perbankan Islam dengan jumlah sumbangan pinjaman Islam ke dalam pinjaman domestik meningkat daripada 26.1% pada 2010 kepada 30.6% pada 2012. Bagi 2013, kami menjangkakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan kekal kukuh melebihi 5.0% bersandarkan kepada permintaan yang mampan dan pelaburan yang kukuh. Dengan pertumbuhan ekonomi yang stabil ini, kami jangkakan industri pinjaman akan berkembang antara 10%-11% pada 2013.

Pertumbuhan pinjaman Maybank di Malaysia: **12%**

Kewangan	
Jumlah aset	RM355.3 bilion
Jumlah pinjaman	RM199.8 bilion
Jumlah Deposit	RM227.3 bilion
Sumbangan kepada PBT Kumpulan	69.8%
Nisbah	
Nisbah pinjaman Pengguna/Perniagaan	54:46
Operasi	
Cawangan	401
Kekuatan kakitangan	26,473



SINGAPURA

Maybank mengendalikan satu daripada rangkaian perbankan luar negara terbesar di Singapura, dengan 22 cawangan perkhidmatan penuh dan lima ATM di luar cawangan.

Di sebalik persekitaran pasaran yang lebih mencabar pada 2012, operasi kami di Singapura terus mencatat pertumbuhan yang menguntungkan disokong oleh pertumbuhan pinjaman sebanyak 10.5%. Portfolio pinjaman merangkumi 35% daripada jumlah pinjaman pengguna manakala 65% pula terdiri daripada pinjaman komersial.

Dengan kehadiran Maybank Kim Eng, kami yakin dengan potensi pertumbuhan masa hadapan kami. Kami juga berhasrat untuk mengembangkan pembiayaan Islam masa hadapan di Singapura dan akan memperkenalkan pembiayaan runcit berlandaskan Syariah dan penyelesaian perbendaharaan.

Bagi 2013 kami anggarkan KDNK akan berkembang sebanyak 3.0% kerana permintaan luaran semakin pulih. Kadar faedah dijangka kekal rendah dan inflasi akan menurun. Berdasarkan tinjauan ini, industri pinjaman dianggarkan berkembang antara 9%-11%.

Pertumbuhan pinjaman Maybank di Singapura:

11%

INDONESIA

Sejak pengambilalihan Bank Internasional Indonesia (BII) pada 2008, operasi kami di Indonesia telah meningkat bersandarkan kepada berbagai inisiatif transformasi yang dilaksanakan. Pada 2012, PBT Indonesia meningkat kepada Rp1.68 trilion. Sumbangan Indonesia kini merangkumi 7.0% daripada PBT Kumpulan dan kualiti aset terus pulih. Di sebalik persaingan pasaran yang sengit, pinjaman di Indonesia berkembang 21% daripada tahun sebelumnya, manakala deposit naik sebanyak 22%. Pertumbuhan pinjaman dan deposit ini disokong oleh bilangan francais yang lebih baik terdiri daripada 415 cawangan dan 1,317 ATM dan mesin deposit tunai (CDM).

Melangkah ke hadapan, Kumpulan terus menumpukan kepada pembangunan keupayaan perniagaan di Indonesia, termasuk perkhidmatan kewangan perbankan konsumer dan pemborongan. Pembiayaan Islam juga akan turut menjadi bidang tumpuan. Pada 2013, pertumbuhan KDNK di Indonesia dijangka melebihi 6.0% yang disokong oleh faktor ekonomi makro, kemajuan sosial dan pelaburan infrastruktur. Pertumbuhan sistem pembiayaan pula dijangka mencapai antara 18%-20%.

Pertumbuhan pinjaman Maybank di Indonesia:

22%

SGD430.0 bilion
SGD27.2 bilion
SGD29.9 bilion
14.4%

35:65

22
1,492

Rp115.9 trilion
Rp81.1 trilion
Rp86.1 trilion
7.0%

37:64

415
12,351



“
PADA TAHUN 2012, PATAMI
BERKEMBANG KEPADA RM5.74
BILION DAN PULANGAN KE ATAS
EKUITI SEKALI LAGI MELEPASI
SASARAN UTAMA KAMI
SEBANYAK 15.6% APABILA
BERJAYA DICAPAI PADA 16.0%. ”

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin
Megat Mohd Nor

PENYATA Pengerusi

PARA PEMEGANG SAHAM,

Apabila kita membaca mengenai semangat kepimpinan dan kecemerlangan, contohnya dalam sukan, perkataan yang sering didengar adalah 'tumpuan'. Akibat keadaan yang suram dalam ekonomi Eropah dan Amerika Syarikat, Maybank memberikan tumpuan di pasaran serantau iaitu di Asia Tenggara yang menawarkan portfolio yang luas dengan menawarkan semua aspek dalam perkhidmatan kewangan. Kepelbagaian ini telah menghasilkan pertumbuhan ketara dalam keuntungan sebelum cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) Maybank selama tiga tahun berturut-turut.

Tahun 2012 merupakan tahun pertama Maybank menukar tahun kewangannya yang berakhir pada 30 Jun kepada 31 Disember. Tempoh ini juga telah menyaksikan PATAMI berkembang kepada RM5.74 bilion dan Pulangan Atas Ekuiti (ROE) melebihi sasaran 15.6% hingga mencapai 16.0%.

“

MISI UNTUK MENGINSANKAN PERKHIDMATAN KEWANGAN KE SELURUH ASIA KINI MENJADI SATU PENGGERAK YANG MENYATUKAN KAMI DI SELURUH KUMPULAN, MENYEMARAKKAN KEINGINAN DAN KOMITMEN WARGA MAYBANK UNTUK BERKHIDMAT DENGAN LEBIH BAIK DARIPADA JANGKAAN PARA PELANGGAN DAN PEMEGANG KEPENTINGAN.”

Dengan seluruh kakitangan Kumpulan mengekalkan semangat yang tinggi, perjalanan transformasi Maybank diteruskan lagi dengan meningkatkan pembinaan keupayaan dan kecekapan operasi. Pelaburan yang dilakukan ke seluruh rantau ini dalam Program Transformasi IT melibatkan usaha memodenkan dan merasionalisasikan infrastruktur kami di mana sahaja kami beroperasi. Bersama-sama usaha ini, penyatuan budaya korporat oleh Kumpulan membolehkan berlakunya sinergi yang jauh lebih besar berbanding sebelumnya, sebagai contoh antara Perbankan Islam, komersial dan pelaburan perbankan serta bankasurans.

Misi untuk menginsankan perkhidmatan kewangan ke seluruh Asia kini menjadi satu penggerak yang menyatukan kami di seluruh Kumpulan, menyemarakkan keinginan dan komitmen warga Maybank untuk berkhidmat dengan lebih baik daripada jangkaan para pelanggan dan pemegang kepentingan. Sementara itu, peningkatan jumlah penugasan kakitangan melangkaui sempadan negara membawa kepada wujudnya ketangkasan dalam merebut peluang. Keupayaan ini amat penting kerana masyarakat perniagaan di dalam rantau yang ekonominya berkembang pesat juga mengamalkan kerjasama antara rantau.

Di dalam aktiviti tanggungjawab korporat kami, pendekatan yang diambil juga bersifat serantau. Di seluruh Asia Tenggara, kami menjuarai amalan perniagaan yang mapan, terutamanya dalam bidang yang memerlukan penglibatan komuniti yang rapat, pemuliharaan alam sekitar dan etika pasaran yang baik. Melalui serangkaian luas program tanggungjawab korporat yang bermakna, matlamat kami adalah untuk berkembang selari dengan komuniti di mana kami beroperasi, di samping mengekalkan reputasi sebagai Bank yang 'Prihatin'.

Pada tahun 2012, Yayasan Maybank mengukuhkan komitmennya terhadap kesihatan dengan menjadikan fungsi hepar sebagai perjuangan utama kesihatan peringkat serantaunya. Yayasan akan terus menyokong inisiatif ke arah mencapai aspirasi menjadikan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi sesuatu yang mampu dinikmati masyarakat di samping bidang pendidikan, sukan dan kesenian kekal menjadi keutamaan lain.

Kepada pihak pengurusan dan kakitangan Maybank, kejayaan untuk meraih pengiktirafan adalah penanda kemajuan. Pada tahun 2012, Maybank mencapai tempat teratas sebagai Jenama Paling Bernilai di Malaysia dan diperakui sebagai Majikan Paling Diutamakan dalam Kategori Kewangan & Perbankan untuk tahun kedua berturut-turut, menjadi tanda-tanda jelas bahawa kami berada di landasan yang betul.

Kami mencadangkan dividen akhir bersih sebanyak 28.5 sen sesaham, berjumlah RM2.4 bilion, menjadikan jumlah pembayaran pada tahun 2012 sebanyak RM4.29 bilion, atau 74.7% nisbah pembayaran dividen bersih.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelbagai pihak pemegang kepentingan atas sokongan yang diberikan sepanjang tahun kewangan. Kami juga terhutang budi kepada para pemegang saham kerana terus mengambil bahagian dalam pelan pelaburan semula dividen, dan dengan itu menggambarkan keyakinan mereka terhadap tekad Kumpulan untuk membina modalnya bukan hanya mematuhi peraturan Basel III tetapi untuk mengukuhkan asas bagi pertumbuhan masa depan.

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR
Pengerusi

PARA PEMEGANG SAHAM,

2012 merupakan tahun yang hebat untuk Maybank. Kami telah menaikkan 'galang' atau had cabaran keupayaan di seluruh Kumpulan, mencatat rekod keuntungan bersih, memperluaskan jangkauan serantau, mengukuhkan asas dan seterusnya menggenggam kuat etika perkhidmatan yang didorong oleh nilai-nilai teras yang kami dokong.

Maybank kini merupakan syarikat paling bernilai disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM77 bilion (atau AS\$25 bilion), dan salah satu kumpulan perbankan terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah aset sebanyak RM495 bilion (lebih daripada AS\$150 bilion).

MERAIH KEJAYAAN

Dalam keadaan ekonomi global yang bergolak kami berjaya mencatatkan pertumbuhan yang sihat. PATAMI meningkat 17.6% berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun untuk mencapai paras tertinggi baru iaitu RM5.74 bilion dan hampir kesemua sektor perniagaan kami di dalam dan luar negara melaporkan hasil pertumbuhan lebih tinggi berbanding pada tahun 2011.

Keuntungan sebelum cukai (PBT) operasi seberang laut menyumbang 30% kepada jumlah yang diraih Kumpulan, menunjukkan kejayaan kami dalam peluasan ke peringkat antarabangsa. PBT Maybank Singapura melepasi paras RM1.0 bilion dan PBT bagi BII Indonesia mencecah RM526 juta.

Sementara itu, Maybank Islamic mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran Malaysia, dengan PBT melonjak 24.9% kepada RM1.19 bilion dengan jumlah pembiayaan meningkat sebanyak 18.3% kepada RM62.0 bilion.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar

Penyata

PRESIDEN

dan Ketua Pegawai Eksekutif



Pinjaman Kumpulan meningkat 12.2%, dengan pinjaman domestik juga bertambah 11.8% – melepasi paras industri. Terdapat juga berita baik mengenai kualiti aset apabila nisbah Pinjaman Rosot Nilai Bersih kami berkurangan kepada 1.09% daripada 1.86% pada tahun 2011, manakala Liputan Kerugian Pinjaman meningkat kepada 105.6%.

Untuk mengurangkan pengurangan dalam Margin Faedah Bersih (NIM) kami memilih pelan pertumbuhan lebih konservatif. Strategi ini ternyata membuahkan hasil. Walaupun jumlah pertumbuhan aset kewangan berada di bawah sasaran sebanyak 15.2%, NIM kami stabil pada 2.41%

Pada tahun 2012, kami mencapai Pulangan Atas Ekuiti (ROE) sebanyak 16.0%, melebihi sasaran kami sebanyak 15.6% dan menyaksikan kewujudan nilai pemegang saham yang cemerlang. Dana pemegang saham kami sebanyak RM42.2 bilion dan nisbah kecukupan modal sebanyak 17.2% (dengan mengandaikan kadar pelaburan semula pada kadar 85%) adalah antara yang tertinggi di Malaysia, dan secara keseluruhannya asas Kumpulan adalah teguh.

“PINJAMAN KUMPULAN MENINGKAT 12.2%, DENGAN PINJAMAN DOMESTIK JUGA BERTAMBAH 11.8% – MELEPASI PARAS INDUSTRI. TERDAPAT JUGA BERITA BAIK MENGENAI KUALITI ASET APABILA NISBAH PINJAMAN ROSOT NILAI BERSIH KAMI BERKURANGAN KEPADA 1.09% DARIPADA 1.86% PADA TAHUN 2011, MANAKALA LIPUTAN KERUGIAN PINJAMAN MENINGKAT KEPADA 105.6%.”

TRANSFORMASI PERNIAGAAN

Kejayaan yang menyaksikan hasil kewangan memecah rekod pencapaian sebelum ini menggariskan kejayaan perjalanan transformasi kami. Pada tahun 2010 kami menyusun semula Kumpulan kepada tiga teras yang membentuk apa yang kami panggil “Rumah Maybank” (“House of Maybank” yang baru: Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS), Perbankan Borong Global (kini dikenali sebagai Perbankan Global – GB) dan Insurans dan Takaful). Inisiatif transformasi kami telah membolehkan kerjasama antara sektor dan di seluruh rantau ini dan kami kini memaksimumkan sumber untuk memberikan nilai pelanggan yang luar biasa. Apa yang lebih jelas, apabila sinergi dibangunkan di seluruh Kumpulan, saya melihat dorongan kepada transformasi kami meningkat.

Pada tahun 2012 kami menggandakan usaha untuk menginsankan perkhidmatan kewangan seluruh Asia dan untuk membezakan diri kami daripada para pesaing. Kami memberi tumpuan khususnya dalam tiga bidang:

Menyediakan Akses Kepada Pembiayaan

Di mana-mana sahaja kami beroperasi, kami mengukuhkan keupayaan pengedaran kami, terutama meningkatkan pengalaman pelanggan dengan cawangan. Pada tahun 2012, saya gembira untuk melaporkan bahawa kami mendapat pengiktirafan sebagai Jenama Paling Bernilai di Malaysia daripada Persatuan Ejen Pengiklanan Bertauliah Malaysia. Sementara itu, kami telah membangunkan kehadiran kami di seluruh Asia Tenggara dengan menubuhkan syarikat perbadanan tempatan di Kemboja dan pejabat-pejabat baru di Myanmar dan Laos. Di samping itu, kami juga menubuhkan cawangan kedua di China.

Syarat-syarat dan Penetapan Harga Saksama dan Menasihati Pelanggan Berdasarkan Keperluan Mereka

Kami melabur dalam infrastruktur dan set kemahiran yang membolehkan kami berkhidmat kepada pelanggan-pelanggan dengan lebih berkesan. Kami berkembang pesat untuk memenuhi keperluan pelanggan serantau dan cawangan kami menjadi lebih cekap apabila kami meningkatkan keupayaan di barisan hadapan (perkhidmatan di kaunter) dan menambah pengetahuan kakitangan – terutamanya di bidang operasi dan produk teras.

PENYATA PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sentiasa di Hati Komuniti

Pada tahun 2012, kami membuat cabaran global kepada kakitangan untuk tampil dengan inisiatif asli dan kreatif yang mampu membawa perubahan positif dalam kehidupan masyarakat yang mereka pilih. Beribu-ribu kakitangan Maybank menunjukkan contoh tanggungjawab korporat dengan menganjurkan pelbagai program komuniti dan alam sekitar. Saya bangga untuk mengatakan bahawa kakitangannya Maybank telah pergi ke luar melebihi apa yang dijangkakan daripada mereka.

MENCAPAI OBJEKTIF

Selaras dengan wawasan untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau menjelang tahun 2015, kami telah membuat kemajuan besar bagi mencapai kesemua lima matlamat strategik sepanjang tahun lalu.

Objektif Strategik 1

Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No.1 Yang Sukar Dicabar di Malaysia

Perkhidmatan Kewangan Komuniti berkembang walaupun keadaan pasaran yang sukar. Bahagian pasaran kami dalam segmen pengguna dan isi rumah meningkat kepada 17.0%. Bahagian kami dalam jumlah deposit runcit kini adalah 18.3% dan kami kini menerajui pasaran dalam segmen Akaun Semasa & Akaun Simpanan dan Deposit Tetap – satu bukti kekuatan rangkaian kami. Saya amat yakin bahawa inisiatif transformasi akan meletakkan kami jauh di hadapan menjelang tahun 2015.

Objektif Strategik 2

Bank Borong ASEAN Yang Utama

Kami bekerja melepasi rantau ASEAN untuk memenuhi keperluan pelanggan yang kompleks, GB telah berjaya meraih kejayaan perniagaan memberangsangkan di peringkat domestik dan serantau. Ini termasuk IPO, penggabungan dan pengambilalihan, penempatan swasta dan pembiayaan projek. Kejayaan ini adalah satu gambaran yang jelas kerjasama berkesan GB dengan rakan-rakan dalam Liputan Pelanggan dan Maybank Kim Eng.

Kedudukan Maybank dalam Jadual Liga Malaysia

	2012				2011		Pergerakan Ranking
	Kedudukan Industri Mengikut Nilai	Penguasaan Pasaran	Jumlah Nilai (RM bil)	Urus niaga/ Terbitan	Kedudukan Industri Mengikut Nilai	Penguasaan Pasaran	
Penggabungan dan pengambilalihan (M&A) ¹	1	36.5%	46.6	30	2	34.6%	+11
Ekuiti dan penawaran hak ¹	2	19.7%	6.2	11	2	15.9%	0
Hutang Pasaran – Malaysia Bon Domestik ¹	2	25.6%	30.2	170	2	27.1%	0
Hutang Pasaran - Malaysia Bon Islam Ringgit ¹	2	27.7%	26.5	159	2	22.2%	0
Ekuiti Pembrokeran ²	2	7.1%	57.6	—	5	6.5%	+3

Sumber: ¹ Bloomberg ² Bursa Malaysia

Objektif Strategik 3


Juara Mapan untuk Insurans dan Takaful

Selari dengan visinya untuk menjadi peneraju yang sukar ditandingi di Malaysia, entiti Etiqa Insurans dan Etiqa Takaful yang digabungkan telahpun menjadi peneraju bersandarkan penguasaan pasaran segmen insurans hayat & takaful keluarga dan insurans am & takaful am – kedudukan yang telah mereka kekalkan sejak tahun 2008. Pada tahun 2012, Etiqa Insurance dan Etiqa Takaful buat kali pertamanya menyaksikan premium kasar bertulisnya melepasi paras RM5.0 bilion.


Objektif 4 Strategik

Organisasi Serantau Dalam Erti Kata Sebenar

Dengan mempunyai kehadiran di semua negara ASEAN dan tumpuan yang dipertingkatkan terhadap Wilayah Besar China selepas membuka cawangan yang baru di Beijing, francais kami di seluruh rantau ini kini membina momentum baru ke arah aspirasi untuk memperoleh 40.0% sumbangan Kumpulan PBT dari operasi antarabangsa menjelang tahun 2015. Lebih banyak penugasan kakitangan melepasi sempadan negara akan memacu realisasi sinergi yang kami tahu boleh diraih apabila lebih beroperasi di peringkat serantau.



PBT Sumbangan kepada Kumpulan (%)



PBT Sumbangan kepada Kumpulan (%)

* Tidak beraudit

Objektif Strategik 5

Pemimpin Global dalam Kewangan Islam

Pada tahun 2012, PBT Maybank Islamic mencapai RM1.0 bilion bagi kali pertama. Dengan meneruskan strategi “Mendahulukan Islam” di seluruh peringkat runcit dan francais perbankan korporat, telah melonjakkan Maybank Islamic ke kedudukan teratas dalam pasaran Malaysia. Strategi ini diperkukuhkan bukan hanya dengan kerjasama rapat dengan CFS dan GB tetapi juga oleh Pusat Kecemerlangan Kewangan Islam kami yang menyediakan idea wawasan dan nasihat bijak berkaitan struktur Syariah yang inovatif.

Prospek bagi perbankan Islam adalah cemerlang kerana lebih 40% daripada 560 juta penduduk ASEAN adalah beragama Islam dan kadar penembusan pada masa ini masih rendah. Di Indonesia, kami pesat mengembangkan produk dan perkhidmatan perbankan universal Islam dan di Singapura kami melaksanakan pelbagai perbendaharaan dan penyelesaian runcit yang mematuhi Syariah.

FRANCAIS KAMI DI SELURUH RANTAU KINI MEMBINA MOMENTUM BARU KE ARAH ASPIRASI UNTUK MEMPEROLEH 40.0% SUMBANGAN KUMPULAN PBT DARI OPERASI ANTARABANGSA MENJELANG TAHUN 2015.

CY: Tahun Kalendar

MENINGKATKAN KECUKUPAN MODAL

Dalam tahun kewangan, kami mengukuhkan asas modal dengan menaikkan ekuiti kepada RM3.66 bilion. Penempatan swasta yang proaktif dengan sejumlah 412 juta saham (4.9%) pada harga RM8.88 sesaham pada bulan September 2012 – yang terbesar dalam sejarah korporat Malaysia – dilanggan dengan pantas oleh pelabur institusi tempatan dan asing, sekali gus mencerminkan keyakinan kukuh pelabur terhadap Maybank. Kami akan menggunakan dana ini untuk merangsang pertumbuhan kami, terutamanya di Indonesia, Filipina dan pasaran-pasaran lain di peringkat serantau.

MEMANDANG KE HADAPAN

Dengan momentum kukuh yang dijana pada tahun 2012 dan keadaan ekonomi makro positif di seluruh pasaran tempatan, saya berkeyakinan satu lagi prestasi kewangan yang kukuh dapat dicapai pada tahun 2013. Kami juga akan kekal berhemah dan menyedari keperluan modal lebih tinggi di bawah Basel III – Lembaga Pengarah menetapkan KPI utama sebanyak 15.0% ROE daripada asas modal yang diperbesarkan.

Pada tahun 2013, kami akan memacu transformasi dan lebih menumpukan kepada lima matlamat strategik kami. Kami akan mengukuhkan prestasi, menguruskan perbelanjaan berhemah dan mengembangkan keuntungan dan tanggungjawab. Kami akan meningkatkan kadar pengembangan serantau dan membina sumber ke seluruh rantau. Kami juga akan terus memanfaatkan operasi kami di rantau ini, memastikan kami kekal tangkas dalam merebut peluang.

Objektif ini terkandung dalam tiga keutamaan strategik bagi 2013:

Meningkatkan Rentak Pengembangan Serantau

Kami akan meraih nilai daripada inisiatif serantau kami. Kami akan mempercepatkan program transformasi di Indonesia, membangunkan strategi pertumbuhan baru di Singapura, mengembangkan operasi di Filipina dan meneroka kemungkinan menubuhkan syarikat perbadanan tempatan di China. Pada masa yang sama, kami akan meningkatkan rangkaian dan modal insan dalam pasaran yang mencatat pertumbuhan.

Memacu Langkah ke Budaya Berprestasi Tinggi

Kami akan meningkatkan lagi penekanan pada latihan, penggiliran kerja dan tugas antarabangsa. Kami akan mengukuhkan lagi pengurusan prestasi dan melaksanakan secara aktif serta mengesan metrik produktiviti di seluruh Kumpulan. Kami akan meningkatkan piawaian profesional seluruh Kumpulan untuk meningkatkan tempoh tindak balas dan akauntabiliti serta menekankan penyelesaian isu secara proaktif. Kami akan memperluaskan penetapan harga berasaskan risiko melibatkan kesemua produk dan segmen utama.

Meningkatkan Struktur Kos

Kami akan meneruskan usaha mengoptimumkan kos dan memulakan inisiatif penstrukturan semula kos di seluruh Kumpulan. Kami akan melangkah ke hadapan dengan perubahan komunikasi dan budaya untuk menerapkan budaya keprihatinan kos. Kami akan mendorong penjimatan kos dengan ukuran yang lebih kerap dan berautomasi. Dan kami akan memacu penambahbaikan berterusan dalam kecekapan dan keberkesanan melalui proses penambahbaikan perniagaan.

PENGHARGAAN

Pada tahun 2012, saya telah melihat warga Maybank dari seluruh rantau memulakan dan menerajui perubahan yang berjaya memberikan hasil yang diharapkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada mereka di atas peranan yang dimainkan dalam transformasi Kumpulan.

Saya juga sangat terhutang budi di atas sokongan padu yang diberikan sepanjang tahun kewangan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah Maybank dan entiti-entiti lain dalam Kumpulan serta rakan-rakan kami, pelanggan dan pemegang saham. Saya juga amat menghargai panduan yang diterima daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pihak Berkuasa Monetari Singapura, Otoritas Jasa Keuangan Bank Indonesia, Bangko Sentral ng Pilipinas dan pihak berkuasa kawal selia lain di negara-negara di mana kami beroperasi.

Terima kasih!

DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif



Meneruskan momentum di seluruh Asia

Pada 2012 kami mengembangkan kehadiran kami di kesemua 10 negara di Asia Tenggara dengan menyediakan akses lebih luas kepada pelanggan kami ke pasaran-pasaran baru. Kami meneruskan pengembangan perniagaan kami di seluruh rantau untuk mewujudkan satu rangkaian Pan-Asia. Kami berhasrat untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau dan memainkan peranan utama dalam ekonomi negara-negara di Asia Tenggara.





VISI
MENJADI PENERAJU
PERKHIDMATAN KEWANGAN
SERANTAU

MISI
MENGINSAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN DI SELURUH
ASIA

NILAI TERAS

Maybank Group Core Values



KERJA BERPASUKAN

Kami bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan berdasarkan sikap saling menghormati dan penuh keikhlasan

INTEGRITI

Kami jujur, profesional dan beretika dalam segala urusan

KEMAJUAN

Kami bersemangat dalam memastikan peningkatan dan inovasi yang berterusan

KECEMERLANGAN & KEBERKESANAN

Kami komited dalam mencapai prestasi terbaik serta menawarkan perkhidmatan cemerlang

MENJALIN PERHUBUNGAN

Kami terus menjalinkan perhubungan jangka panjang yang menguntungkan



KOD ETIKA & PERILAKU

MAYBANK SEBAGAI PEMEGANG AMANAH DANA AWAM, BERTANGGUNGJAWAB MENJAGA INTEGRITI DAN KREDIBILITINYA. BERDASARKAN FAHAMAN INI, MAYBANK TELAH MENETAPKAN SECARA JELAS KOD ETIKA DAN PERILAKU UNTUK KAKITANGANNYA. KOD INI MENGGARISKAN PRINSIP YANG JELAS BAGI MEMBERI PANDUAN KEPADA SEMUA KAKITANGAN MAYBANK DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA. IA MENETAPKAN PIWAIAN AMALAN PERBANKAN YANG BAIK.

TUJUAN KOD INI ADALAH UNTUK:

1. Menjaga nama baik Maybank dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap Kumpulan Maybank.
2. Mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan dan integriti sistem perbankan.
3. Mengekalkan hubungan yang adil dan saksama antara Kumpulan Maybank dengan pelanggannya.
4. Menjaga integriti diri dan profesionalisme kakitangan Kumpulan Maybank.

KOD TERSEBUT MELARANG KAKITANGAN DARI:

1. Melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti perniagaan yang bersaing atau berkonflik dengan kepentingan Bank.
2. Menyalah guna atau menyelewengkan kedudukan mereka di dalam Bank bagi mengambil peluang untuk faedah diri sendiri atau faedah individu lain.
3. Menyalah gunakan maklumat. Kakitangan tidak seharusnya meniru, mengeluarkan atau menggunakan sebarang maklumat yang diperolehi sepanjang menjalankan tugas sama ada untuk faedah mereka sendiri atau orang lain secara langsung atau tidak langsung.

SEBAGAI TAMBAHAN, KAKITANGAN SEHARUSNYA:

1. Memastikan integriti dan ketepatan rekod serta urus niaga.
2. Memastikan layanan yang adil dan saksama dalam setiap urusan perniagaan yang dijalankan atas nama Bank.
3. Mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi dalam hubungan dengan pelanggan.
4. Menjaga hubungan dan urusan sulit antara bank dengan pelanggannya. Walau bagaimanapun, maklumat sulit tentang pelanggan boleh diberi atau disediakan kepada pihak ketiga hanya setelah menerima persetujuan bertulis daripada pelanggan atau apabila pendedahan ini dibenarkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan, 1989.
5. Menguruskan urusan kewangan mereka dengan baik dan tidak mendedahkan diri mereka dengan sebarang masalah kewangan yang memalukan.
6. Menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan operasi Bank.

PROFIL KORPORAT & RANGKAIAN GLOBAL



2,200

PEJABAT

Lebih 2,200 pejabat di 20 negara

Maybank merupakan bank keempat terbesar di Asia Tenggara dari segi aset. Ia disenaraikan dan beribu pejabat di Kuala Lumpur serta merupakan syarikat terbesar di Malaysia dari segi permodalan pasaran.

22 juta

PELANGGAN

47,000 kakitangan menyediakan perkhidmatan kepada lebih 22 juta pelanggan

Rangkaian global Kumpulan Maybank melebihi 2,200 pejabat di 20 negara termasuk di 10 buah negara ASEAN. Kumpulan Maybank memulakan operasi perbankan komersial di Malaysia pada 1960 dan kini beroperasi dari pasaran-pasaran utama di Malaysia, Singapura dan Indonesia selain di rantau Asia-Pasifik serta pusat-pusat kewangan antarabangsa. Ini termasuk di Filipina, Brunei Darussalam, Kemboja, Vietnam, Laos, Thailand, Myanmar, China, Hong Kong, Papua New Guinea, Pakistan, India, Uzbekistan, Arab Saudi, Bahrain, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

77 bilion

PERMODALAN PASARAN

Permodalan Pasaran RM77 bilion

Dengan lebih 50 tahun pengalaman serta kemunculan awal di pasaran perbankan global, Kumpulan Maybank menawarkan para peniaga dan pelabur dengan keupayaan dari segi sumber dan rangkaian untuk memenuhi keperluan kewangan mereka. Perkhidmatan yang disediakan termasuk perbankan korporat dan konsumer, perbankan pelaburan, insurans & takaful, pengurusan aset, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, pembrokeran saham, pembiayaan modal teroka dan banyak lagi.

495 bilion

JUMLAH ASET


Jumlah Aset sebanyak RM495 bilion

Sejak bertahun-tahun lalu, Maybank sentiasa menggunakan kelebihan teknologi untuk menghasilkan inovasi produk dan perkhidmatan, serta meningkatkan kecekapan dan membina daya saing serantau. Barisan anugerah daripada pelbagai pertubuhan antarabangsa serantau dan antarabangsa menjadi bukti komitmen Kumpulan

5.74 bilion

KEUNTUNGAN BERSIH

Keuntungan bersih bagi TK2012 sebanyak RM5.74 bilion



- **Bahrain** 1 cawangan • **Brunei** 3 cawangan • **Kemboja** 12 cawangan • **China** 2 cawangan
- **Hong Kong** 1 cawangan, 1 cawangan menerusi Kim Eng • **Indonesia** 1 cawangan menerusi Maybank Syariah Indonesia, 415 cawangan menerusi BII yang 97.5% dimiliki Maybank, 6 cawangan menerusi Kim Eng • **India** 1 cawangan menerusi Kim Eng • **Labuan** 1 cawangan •
- London** 1 cawangan, 1 cawangan menerusi Kim Eng • **New York** 1 cawangan, 1 cawangan menerusi Kim Eng • **Malaysia** 401 cawangan, 4 cawangan menerusi Maybank IB • **Papua New Guinea** 2 cawangan • **Pakistan** 1,193 cawangan menerusi MCB Bank yang 20% dimiliki Maybank, 4 cawangan menerusi Pak-Kuwait Takaful Company yang 25% dimiliki Maybank •
- Filipina** 55 cawangan, 3 cawangan menerusi Kim Eng • **Singapura** 22 cawangan, 4 cawangan menerusi Kim Eng • **Thailand** 47 cawangan menerusi Kim Eng • **Uzbekistan** 1 pejabat menerusi Uzbek Leasing International yang 35% dimiliki Maybank • **Vietnam** 2 cawangan, 140 cawangan menerusi An Binh Bank yang 20% dimiliki Maybank, 7 cawangan menerusi Kim Eng
- **Arab Saudi** 1 pejabat menerusi Anfaal Capital • **Myanmar** 1 pejabat perwakilan

 **PASARAN LUAR NEGARA**
 **PASARAN UTAMA**

terhadap kecemerlangan. Hari ini, Maybank bukan hanya merupakan Jenama Paling Bernilai di Malaysia, tetapi juga bank dalam senarai teratas di Malaysia serta tersenarai antara 200 bank global oleh The Banker, sebuah majalah dari United Kingdom. Maybank juga menerajui syarikat di Malaysia dalam senarai FORBES Global 2000.

Pengasas Maybank menetapkan wawasan menjadikannya pemangkin utama bagi kemajuan ekonomi dan sosial walau di mana sahaja ia berada. Falsafah asas ini tidak pernah berubah dan masih hidup hingga ke hari ini untuk meneruskan misinya bagi menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia. Ini ditunjukkan menerusi komitmen Kumpulan untuk menyediakan

masyarakat laluan kepada perkhidmatan kewangan pada terma dan harga yang adil, memberi nasihat mengikut keperluan mereka dan sentiasa berada dekat dengan komuniti.

Menerusi Yayasan Maybank – jenteranya untuk melaksanakan inisiatif tanggungjawab korporat serantau – Maybank kini turut memainkan peranan aktif dalam membentuk masa hadapan yang lebih cerah bagi komuniti Asia yang memerlukan. Dengan sokongan 47,000 kakitangan yang menyumbang secara aktif menerusi program sukarela, kesan ini membantu masyarakat untuk mewujudkan hari esok yang mampan dan lebih baik untuk semua.

ENTITI PERNIAGAAN UTAMA



MALAYAN BANKING BERHAD MERUPAKAN SYARIKAT PEGANGAN DAN ENTITI SENARAI AWAM BAGI KUMPULAN MAYBANK YANG MEMILIKI CAWANGAN DI MALAYSIA, SINGAPURA DAN PUSAT-PUSAT KEWANGAN ANTARABANGSA SEPERTI LONDON, NEW YORK, HONG KONG DAN BAHRAIN.

Subsidiari luar negara utama Maybank terdiri daripada PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII), Maybank Philippines Inc., Maybank (PNG) Ltd di Papua New Guinea dan Maybank International (L) Ltd di pusat kewangan luar pesisir Labuan.

Subsidiari operasi utama terdiri daripada Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad dan Etiqa Insurance Berhad. Maybank turut memiliki syarikat bersekutu di Pakistan (menerusi 20% pemilikan dalam MCB Bank) dan di Vietnam (menerusi 20% pemilikan dalam An Binh Bank).

Struktur Korporat Kumpulan Maybank di halaman 28.



MAYBANK ISLAMIC BERHAD

Anak syarikat milik penuh Kumpulan Maybank yang juga memiliki lesen penuh perbankan Islam. Maybank Islamic juga merupakan penyedia produk dan perkhidmatan kewangan utama di ASEAN. Maybank Islamic memanfaatkan infrastruktur dan rangkaian Kumpulan bagi menawarkan penyelesaian kewangan patuh Syariah yang lengkap. Pada 2012, ia kekal sebagai peneraju bagi keseluruhan penguasaan pasaran kewangan dan deposit.

PERBANKAN PELABURAN

Bahagian perbankan pelaburan Kumpulan Maybank terdiri daripada Maybank Investment Bank Berhad dan Kumpulan syarikat Maybank Kim Eng Holdings Limited.



MAYBANK INVESTMENT BANK BERHAD

Syarikat milik penuh Maybank. Maybank IB merupakan operasi perbankan pelaburan Malaysia bagi Maybank Kim Eng. Ia menawarkan produk perbankan pelaburan dan penyelesaian lengkap termasuk pembiayaan korporat dan penasihat, penasihat strategik, pasaran ekuiti, pembrokeran saham, pasaran hutang, derivatif dan penyelidikan.



MAYBANK KIM ENG HOLDINGS LTD

Syarikat milik penuh Maybank. Maybank Kim Eng merangkumi perniagaan di seluruh dunia dengan pejabat di Singapura, Hong Kong, Thailand, Indonesia, Filipina, India, Vietnam, Great Britain dan Amerika Syarikat. Ia menyediakan perkhidmatan dalam pembiayaan korporat, pasaran hutang, pasaran modal ekuiti, derivatif, pembrokeran saham runcit dan institusi serta penyelidikan.



ETIQA

Etika adalah jenama perniagaan insurans Kumpulan Maybank yang menawarkan semua jenis dan kelas Insurans konvensional Hayat, Am dan Keluarga serta pelan Takaful Am menerusi lebih 22,000 ejen serta rangkaian bankasurans dan perbankan takaful.



PT BANK INTERNASIONAL INDONESIA TBK

Bank Internasional Indonesia (BII) merupakan syarikat subsidiari Maybank dengan pemilikan 97%. Ia merupakan bank komersial kesembilan terbesar dari segi aset dan disenaraikan di Indonesia Stock Exchange (Ticker: BNII). BII menyediakan perkhidmatan kewangan penuh bagi segmen SME, komersial, konsumen dan pelanggan perbankan korporat.

BII memiliki rangkaian yang terdiri daripada 415 cawangan, termasuk cawangan Syariah, 3 cawangan luar negara dan 1,317 ATM termasuk mesin deposit tunai. Jumlah deposit pelanggan BII berjumlah Rp86 trilion dan aset pula berjumlah Rp116 trilion.

SYARIKAT SEKUTU UTAMA



MCB BANK LTD

MCB merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%. Sebagai satu daripada bank peneraju di Pakistan dengan 60 tahun pengalaman, MCB berperanan penting dalam mewakili negara ini di pentas global. Ia memiliki operasi di Dubai (UAE), Bahrain, Azerbaijan, Hong Kong, Sri Lanka dan menyediakan perkhidmatan menerusi rangkaian domestik di lebih 1,193 cawangan dan 688 ATM di seluruh Pakistan dengan asas pelanggan seramai 4.7 juta. MCB memiliki asas deposit yang besar berjumlah Rs.545 bilion dan jumlah aset sebanyak Rs.770 bilion.



AN BINH BANK

An Binh Bank, syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%, pantas menjadi peneraju bank komersial di Vietnam. Ia beroperasi di bawah model bank sejagat dengan tumpuan kepada perbankan runcit. An Binh Bank telah mencapai pertumbuhan mengalakkan selama lebih lima tahun lalu, dan menjadi matang daripada sebuah bank desa menjadi bank bandar. Ia memiliki rangkaian yang luas meliputi 140 pejabat di 29 buah wilayah di seluruh Vietnam.

SEJARAH, INOVASI & KEPIMPINAN

Maybank telah memahatkan banyak pencapaian sejak memulakan operasinya pada 1960. Perkembangan ini menjadi bukti komitmen tidak terhingga terhadap inovasi dan kecemerlangan yang membantu kami berkembang untuk menjadi satu daripada peneraju perbankan di Asia Tenggara ketika ini.

1960

- > Maybank ditubuhkan pada 31 Mei dan memulakan operasi di Kuala Lumpur pada 12 September.
- > Malayan Finance Corporation (kemudian dikenali sebagai Mayban Finance) ditubuhkan, syarikat kewangan milik penuh bank yang pertama.
- > Maybank membuka cawangan luar negara yang pertama di Brunei Darussalam.
- > Cawangan Maybank di Singapura bermula.

1962

- > Operasi Maybank Hong Kong dibuka pada 12 Februari, diikuti pembukaan cawangan di London pada 12 September.
- > Pada 17 Februari, Maybank disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

1973

- > Pada bulan September, Maybank menubuhkan sayap perbankan pelaburannya – Asian dan Euro-American Merchant Bankers Bhd (ASEAMBANKERS). Bank subsidiari ini telah dinamakan Maybank Investment Bank pada 2009.

1974

- > Pertama kali memperkenalkan skim kredit luar bandar pada 1974.

1976

- > Bank pertama memperkenalkan perkhidmatan perbankan bas bergerak pada 1976.

1977

- > Pada bulan Jun, Mayban-Phoenix Assurance Bhd – yang mana Bank memegang 70% ekuiti ditubuhkan untuk menawarkan taja jamin risiko insurans am dengan modal yang diluluskan sehingga \$10 juta. Baki 30% dipegang oleh British Phoenix Assurance. Pada 10 Oktober 1986, Mayban-Phoenix Assurance dinamakan semula sebagai Mayban Assurance.

1978

- > Peneraju operasi perbankan pengkomputeran di Malaysia pada tahun 1978.

1980

- > Maybank melancarkan kredit kad pertamanya – kad Maybank Visa Classic.

1981

- > Bank di Malaysia yang pertama menyediakan Mesin Juruwang Automatik (ATM).

1983

- > Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan batu asas Menara Maybank, ibu pejabat Maybank pada bulan September.

1984

- > Cawangan Maybank di New York dibuka pada bulan September.

1986

- > Maybank perkenalkan rangkaian ATM bersepadu terbesar yang pertama di negara ini. Konsortium Perbankan Automatik (ABC) menghubungkan Kwong Yik Bank, Mayban Finance dan Maybank di Malaysia dan Singapura, melibatkan sejumlah 296 ATM.

1988

- > Balai Seni Maybank dan Muzium Numismatik Maybank secara rasmi dibuka oleh Tan Sri Dato' Jaffar Hussein, Gabenor Bank Negara Malaysia. Ini diikuti dengan perasmian Menara Maybank pada bulan Jun 1988 oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

- > Maybank merupakan institusi kewangan pertama memperkenalkan pembayaran IPO baru menerusi ATM.

1990

- > Maybank menubuhkan bank luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.

1992

- > Pada Januari, Mayban Securities ditubuhkan.
- > Maybank Autophone dilancarkan, menjadikan Maybank sebagai bank tempatan pertama yang menawarkan perkhidmatan telefon berkomputer.

1993

- > Mayban Ventures memulakan operasi pada bulan Februari.
- > Pada bulan September, Aseam Leasing and Credit Bhd. ditubuhkan, menawarkan aktiviti pajakan dan sewa beli.

1994

- > Maybank (PNG) Ltd memulakan perniagaannya di Port Moresby pada bulan Oktober, dengan cawangan kedua dibuka di Lae pada 1997.
- > Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasmi melancarkan PT Maybank Nusa Internasional, syarikat usaha sama dengan PT Bank Nusa Internasional Indonesia.

1996

- > Pada bulan Mac, cawangan Hanoi dan sebuah pejabat perwakilan di Ho Chi Minh dibuka secara rasminya. Pada bulan Oktober 2005, Ho Chi Minh dijadikan cawangan rasmi, sekali gus menjadikannya cawangan kedua di Vietnam.
- > Peneraju bankasurans di Asia Tenggara.
- > Maybank menjual Kwong Yik Bank kepada Rashid Hussain Berhad pada bulan Disember.

1997

- > Bank pertama menawarkan keselesaan untuk penerbangan tanpa tiket bagi penerbangan domestik menerusi MAS Electronic Ticketing (MASET) pada 1997.
- > Maybank menguasai 60% saham kepentingan dalam PNB-Republic Bank di Filipina, yang dinamakan semula sebagai Maybank Philippines Inc.

2000

- > Bank pertama menawarkan perkhidmatan "Pandang dan Bayar" di Malaysia menggunakan kad kredit dan perkhidmatan debit langsung menerusi Internet dengan Mesiniaga Bhd.
- > Bank pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang menawarkan perkhidmatan seragam ATM dan kaunter bagi perkhidmatan di Malaysia, Singapura, Brunei dan Filipina.

- > Bank Malaysia yang pertama membuka cawangan di Shanghai, Republik Rakyat China.
- > Maybank melancarkan Maybank2u.com pada bulan Jun, menjadikannya bank pertama di Malaysia memperkenalkan perkhidmatan perbankan Internet.
- > Maybank telah mengambil alih Pacific Bank Bhd dan Phileo Allied Bank Bhd sebelum menggabungkannya dalam operasi Maybank pada tahun 2001.

2001

- > Maybank dan Fortis International NV, salah sebuah penyedia perkhidmatan kewangan bersepadu yang terbesar di Eropah, bekerjasama untuk menubuhkan Mayban Fortis Holdings Bhd menerusi usahasama 70:30.
- > Maybank Tower, ibu pejabat baru Maybank Singapura dibuka secara rasmi.
- > Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Dataran Maybank di Kuala Lumpur.

2002

- > Maybank Takaful mula beroperasi, menjadikannya syarikat Takaful pertama dimiliki oleh sebuah bank konvensional di Malaysia.

2003

- > Bank pertama melancarkan kiosk Perbankan Internet Malaysia, Kiosk Internet Maybank2u.com.
- > Maybank secara rasminya melancarkan cawangan di Bahrain, menjadi bank Malaysia yang pertama beroperasi di negara berkenaan.

2004

- > Maybank menjadi bank tempatan pertama memperkenalkan e-Dividen. e-Dividen adalah sistem pembayaran dividen bersepadu yang menyelaraskan pemprosesan dividen dan pembayaran melalui sistem pengurusan tunai perusahaan Bank berkenaan iaitu Maybank2e.net.
- > Keseluruhan operasi dan perniagaan Mayban Finance Bhd diserahkan hak kepada Maybank.

2005

- > Pengambilalihan Malaysia National Insurance Bhd, syarikat insurans terbesar di negara ini berserta subsidiarinya, Takaful Nasional Sdn Bhd, penyedia insurans Takaful utama di Malaysia.

2006

- > Bank pertama menawarkan perbankan mudah alih menerusi sistem pesanan ringkas diikuti dengan penggunaan Perkhidmatan Mudah Alih M2U menggunakan telefon GPRS/3G pada 2006.
- > Maybank menjadi penerbit tunggal dan pengurus kad caj American Express dan mengambilalih perniagaan saudagar kad ini di Malaysia.

- > Bank Malaysia pertama menyediakan perkhidmatan rangkaian serantau bagi kemudahan pengeluaran tunai di kaunter. Ini melibatkan pejabat-pejabatnya di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Filipina, dikenali sebagai Region Link.
- > Maybank muncul sebagai penaja utama bagi Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank untuk tempoh lima tahun. Penajaan ini kemudiannya dilanjutkan selama lima tahun lagi bermula 2011.

2007

- > Bank pertama memperkenalkan penyelesaian pembiayaan komoditi berstruktur bagi pelanggan-pelanggan perniagaan pada 2007.
- > Bank pertama melancarkan perkhidmatan penyelesaian wang mudah alih lengkap di Malaysia dengan Maxis pada 2007.
- > Kumpulan Maybank melancarkan Etiqa, jenama baru bagi perniagaan insurans konvensional dan takaful di bawah Mayban Fortis Holdings.

2008

- > Bank pertama melancarkan Bankcard, kad dwi kegunaan susulan kerjasama dengan Visa International pada 2008.
- > Maybank diiktiraf sebagai Jenama Paling Bernilai Di Malaysia pada 2008 & 2007.
- > Maybank menubuhkan subsidiari perbankan Islamnya, Maybank Islamic Berhad.
- > Maybank mengambilalih kepentingan dalam PT Bank Internasional Indonesia, An Binh Bank di Vietnam dan MCB Bank Ltd di Pakistan.

2009

- > Melancarkan perkhidmatan yang pertama seumpamanya di mana pelaburan unit ASB boleh ditambah melalui perbankan Internet.
- > Maybank melancarkan kemudahan pembayaran mudah alih tanpa wayar yang pertama di negara ini bagi perkhidmatan penghantaran Pizza Hut.
- > Bekerjasama dengan Maxis, Nokia, Touch n' Go dan Visa untuk melancarkan satu program yang julung kali di dunia, pembayaran bergerak tanpa sentuhan menggunakan komunikasi lapangan (NFC) melalui telefon Nokia.
- > Maybank menyempurnakan dengan jayanya terbitan hak berjumlah RM6 bilion – terbitan terbesar dalam sejarah korporat Malaysia.

2010

- > Menjadi syarikat tersenarai pertama di Bursa Malaysia mengumumkan pelan pelaburan semula dividen.
- > Bank pertama di Malaysia meraih lebih AS\$100 bilion dalam jumlah aset dan lebih AS\$1 bilion keuntungan selepas cukai.
- > Bank pertama melancarkan cawangan mesra orang kurang upaya bagi pengguna kerusi roda di seluruh negara.
- > Maybank meraikan sambutan ulang tahun ke-50.
- > Maybank melancarkan TradeConnex, bank tempatan pertama di Malaysia yang menawarkan produk pembiayaan perdagangan konvensional yang menyeluruh dalam talian.

- > Maybank Islamic melancarkan Wakaf, program komuniti berstruktur pertama diperkenalkan oleh sebuah institusi kewangan di Malaysia untuk pelanggan.
- > Maybank Singapura melancarkan pakej pembiayaan Islam pertama bagi SME di Singapura.
- > Pelancaran kad kredit Pantai American Express, kad jenama bersama pertama di Malaysia dan Asia bersama penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan.
- > PT Bank Maybank Indocorp, ditukar menjadi bank Islam sepenuhnya dan dinamakan semula sebagai Maybank Syariah Indonesia.
- > Yayasan Maybank ditubuhkan dengan peruntukan awal sebanyak RM50 juta untuk memelopori inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan di rantau ini.

2011

- > Bank pertama di Malaysia melancarkan "Skim Pinjaman Gadaai Janji Luar Negara" yang menawarkan kemudahan pinjaman perumahan hartanah di London dalam Ringgit Malaysia.
- > Pengambilalihan Kim Eng Holdings Ltd, kumpulan perbankan pelaburan yang disenaraikan di Singapura serta memiliki platform serantau yang kukuh.
- > Pelancaran usahasama strategik menerusi Perkhidmatan Perbankan Perkongsian dengan Pos Malaysia Berhad bagi menyediakan perkhidmatan terpilih Maybank di lebih 400 cawangan Pos Malaysia di seluruh negara.
- > Bank Malaysia pertama memperkenalkan "Maybank 2 Kad" yang menyediakan dua kad kredit kepada pemegang kad dengan hanya 1 permohonan.
- > Menjadi Bank Kelayakan Penuh pertama di Singapura untuk melancarkan Kad Debit Platinum dengan ciri-ciri NETS FlashPay.

- > Bank Malaysia pertama melancarkan eCustody, platform elektronik berasaskan internet yang menawarkan pelanggan-pelanggan institusi kemudahan pengurusan dalam talian terhadap akaun penjagaan amanah dengan Kumpulan Maybank.
- > Memperkenalkan identiti korporat baru yang diinspirasikan menerusi misinya untuk "Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia".

2012


- > Maybank menjadi bank tempatan pertama yang memeterai perjanjian dengan empat buah bank sekali gus dari Myanmar untuk memperkenalkan perkhidmatan pindahan wang, Maybank Money Express (MME) ke negara berkenaan.
- > Maybank mengukuhkan komitmen operasi jangka panjang di Kemboja dengan memperbadankan operasi tempatannya di negara berkenaan.
- > Yayasan Maybank buat pertama kalinya mengembangkan program biasiswa pengajian tempatan dengan turut menawarkan biasiswa pra-universiti. Yayasan menyalurkan biasiswa kepada 19 pelajar dari golongan memerlukan untuk meneruskan pengajian di universiti terkemuka awam dan swasta dalam negara.
- > Maybank menambah rangkaiannya di China dengan pembukaan cawangan baru di Beijing untuk meningkatkan operasinya di Wilayah Besar3 China.
- > Perdana Menteri Malaysia merasmikan pembukaan cawangan pertama Maybank Laos, yang melengkapkan jejak Kumpulan di semua 10 negara ASEAN.
- > Maybank Singapura melaksanakan Swap

Kadar Keuntungan Islam bersandarkan kepada pinjaman Islam bersindiket yang mencerminkan keupayaannya dalam penyelesaian lindung nilai Islam.

- > Jenama Paling Bernilai Malaysia.
- > Maybank mengumumkan kejayaan penyelesaian program pembinaan buku berkaitan penempatan persendirian untuk meraih kira-kira RM3.66 bilion (ASS\$1.2 bilion) pada kadar diskaun berbanding harga pasaran. Penempatan persendirian ini disenaraikan sebagai yang terbesar dalam sejarah korporat Malaysia. Tawaran ini menerima sambutan yang baik daripada pelabur institusi domestik dan luar negara.
- > Maybank Philippines Inc. melancarkan kad Kredit Maybank di Filipina.
- > Maybank Philippines Inc. mengumumkan perpindahan ke pejabat baru di Pusat Korporat Maybank di Bonifacio Global City di Taguig.
- > Maybank menjadi bank yang pertama di Singapura memperkenalkan Aplikasi Maybank Smart TV yang memanfaatkan keupayaan penuh Samsung Smart TV untuk mewujudkan saluran perkhidmatan dalam talian yang benar-benar berinovasi buat pelanggan dan bukan pelanggan.
- > Maybank melancarkan platform Pengurusan Tunai Serantau yang dilaksanakan menerusi platform Maybank2E berasaskan laman sesawang di Singapura bagi meraih peluang di pasaran pengurusan tunai Asia yang sedang pantas berkembang.
- > Maybank memperkenalkan perkhidmatan perbankan internet, Maybank2u di Kemboja.
- > Maybank mengembangkan rangkaiannya di Kemboja dengan membuka cawangan ke-12 bertempat di Zon Ekonomi Khas Phnom Penh.


STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN


pada 31 Januari 2013



- Nota:
1. Di mana syarikat-syarikat pegangan pelaburan tidak disenaraikan, pegangan saham yang ditunjukkan merupakan kepentingan efektif.
 2. Syarikat-syarikat yang tidak ditunjukkan termasuk syarikat yang dorman, di bawah pelupusan sukarela oleh ahli, telah menamatkan operasi atau menyediakan perkhidmatan nomini.
 3. Rujuk halaman 58: Senarai lengkap syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat sekutu dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2012

STRUKTUR ORGANISASI KUMPULAN







Meneroka sinergi di seluruh rantau

Dengan kekukuhan yang dibina di ketiga-tiga pasaran utama kami – Malaysia, Singapura dan Indonesia, kami berupaya untuk meraih nilai daripada sinergi semua sektor perniagaan untuk membantu anda merealisasikan peluang-peluang di seluruh Asia.

2015 MATLAMAT STRATEGIK

VISI

Menjadi Peneraju
Perkhidmatan Kewangan
Serantau

MISI

Menginsan Perkhidmatan
Kewangan di Seluruh Asia

Pertama	Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No. 1 di Malaysia yang sukar ditandingi menjelang 2015
Kedua	Bank Pemborong ASEAN terkemuka yang seterusnya mengembangkan operasi ke Timur Tengah, China dan India
Ketiga	Kekal sebagai juara dalam Insurans dan Takaful di Malaysia dan peserta serantau sedang muncul
Keempat	Organisasi serantau sebenar dengan ~40% keuntungan sebelum cukai dijana daripada operasi antarabangsa
Kelima	Peneraju Global dalam Pembiayaan Islam



“KAMI TELAH MENDAPAT MANFAAT DARIPADA STRATEGI TRANSFORMASI DAN PERTUMBUHAN YANG JELAS UNTUK MENYOKONG WAWASAN MENJADI KUMPULAN PERKHIDMATAN KEWANGAN SERANTAU MENJELANG 2015. SEMENTARA KAMI TERUS MEMACU PERTUMBUHAN, MEWUJUDKAN KEUPAYAAN BARU DAN MEMBINA FRANCAIS BARU, FALSAFAH KAMI DALAM MEMBOLEHKAN DAN MENGGALAKKAN TRANSFORMASI UNTUK MASYARAKAT, AKAN MEMBANTU MEMASTIKAN KEMAMPUAN.”

MICHAEL FOONG
Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi

- **MENYEDIAKAN MASYARAKAT DENGAN LALUAN PEMBIAYAAN YANG SELESA**
- **MENYEDIAKAN TERMA DAN HARGA YANG ADIL**
- **MENASIHATKAN PELANGGAN MENGIKUT KEPERLUAN MEREKA**
- **BERADA DEKAT DI HATI KOMUNITI**

STRATEGI KUMPULAN

Strategi Kumpulan kami kekal tertumpu kepada membina Maybank sebagai Kumpulan peneraju perkhidmatan kewangan serantau dan menunaikan janji kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan ke seluruh Asia. Strategi unik ini membezakan Kumpulan Maybank berbanding pesaing-pesaing dari segi:

- Mengukuhkan jenama serantau kami sebagai Kumpulan Peneraju Perkhidmatan Kewangan Asia, dengan produk dan perkhidmatan Perbankan Global serantau yang lengkap
- Memacu ke arah kepimpinan global dalam Perbankan Islam
- Menjadi “Bank Yang Sentiasa di Hati” dengan menyemarakkan keinginan dan komitmen semua kakitangan Maybank untuk memberi perkhidmatan di luar jangkaan para pelanggan kami serta membina reputasi yang kukuh terhadap tanggungjawab korporat dan sosial, justeru menjana semangat positif dan kepercayaan di kalangan para pemegang kepentingan luaran.
- Mencapai kedudukan tertinggi di Malaysia dari segi kualiti perkhidmatan pelanggan terbaik di seluruh Kumpulan.
- Membina rangkaian liputan yang tiada bandingannya tetapi masih mengoptimumkan kos dan sentiasa dekat di hati komuniti di mana jua kami berada.

OBJEKTIF STRATEGIK

STATUS SEMASA

Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No.1 Yang Sukar Dicabar di Malaysia.



- Jumlah penguasaan pasaran pinjaman pelanggan/Isirumah 17.0% (No.2)
- Rangkaian terbesar dengan 3208 titik sentuh
- 'Bank Runcit Terbaik di Malaysia' oleh Asian Banker

Peneraju bank pemborongan ASEAN yang berkembang ke Asia Tengah, China & India



- No.1 dan No.2 masing-masing bagi M&A dan Bon Domestik di Malaysia
- Kehadiran GWB di 15 negara

Peneraju Insurans & Takaful sukar dicabar di Malaysia & peserta serantau sedang muncul



- Jumlah aset RM27.5 bilion
- 'Syarikat Takaful Terbaik' oleh KLIFF

Organisasi serantau sebenar dengan ~40% keuntungan sebelum cukai dijana daripada operasi antarabangsa menjelang 2015



- Sumbangan PBT antarabangsa sebanyak 30%
- Kehadiran di semua 10 negara ASEAN

Peneraju Global dalam kewangan Islam



- PBT Perbankan Islam Kumpulan sebanyak RM1.32 bilion pada 2012
- No.3 dalam senarai Pasaran Bon Islam Global

Prestasi berbanding Objektif Strategik 2015 kami

PROGRAM TRANSFORMASI MAYBANK

Pada TK2009, Kumpulan telah memulakan satu program transformasi dikenali sebagai LEAP30 (Memimpin, Melaksana, Mencapai, Maju) yang melibatkan 30 inisiatif direka untuk menguasai kedudukan utama kami dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia dan mengembangkan kehadiran serantau kami menjelang 2015. Untuk mentransformasikan Kumpulan, kami telah memperkenalkan inisiatif strategik dan taktikal untuk merangsang jualan; mengukuhkan pengurusan hubungan pelanggan; menambah baik proses-proses dan sistem-sistem dalaman kami; meningkatkan bakat kumpulan; dan meningkatkan piawaian perkhidmatan pelanggan.

Pada TK2010, ekoran penjajaran semula organisasi ke dalam tiga tunjang perniagaan, 30 inisiatif yang dilancarkan di bawah LEAP30 dimasukkan dalam tunjang berkaitan dan terus memacu inisiatif-inisiatif berkenaan. Pejabat LEAP30 telah dinamakan semula sebagai Pejabat Transformasi sebahagian daripada Strategi dan Transformasi Kumpulan.

MEWUJUDKAN DAYA SAING YANG BENAR-BENAR MEMBEZAKAN KAMI BERBANDING KUMPULAN YANG SEALIRAN DENGAN KAMI: MENGINSANKAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DI SELURUH ASIA

Berikutan keputusan kewangan 2011 yang tertinggi pernah dicapai, program transformasi Kumpulan bersandarkan kepada momentum kukuh yang telah dicapai dan menunaikan janji-janji kami untuk lebih cemerlang, dengan membawa perubahan transformasi ke tahap yang lebih tinggi. Tahun 2012 menyaksikan semua sektor meneruskan pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi yang memberi kesan langsung kepada keuntungan bank, sekali gus membantu kami lebih hampir mencapai matlamat strategik. Beberapa sektor juga telah mengatasi sasaran dan mencapai kejayaan yang ketara.

Tahun ini menyaksikan Perbankan Gobal, Teknologi Maklumat dan Modal Insan Kumpulan, melangkah jauh di Asia Tenggara dan mencipta kejayaan di Asia Tenggara dalam melaksanakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelanggan. Pengurusan Risiko Kredit Kumpulan, Perbankan Islam, Pengurusan Kos dan PT Bank Internasional Indonesia turut diserap dalam program berkenaan dan telah berjaya menunjukkan kemajuan dalam tahun pertama pengenalannya. Perkembangan ini terus mendalamkan program transformasi di seluruh rantau.

Mengekalkan komunikasi yang berterusan dan membangunkan pengurusan projek serta kemahiran kumpulan kepimpinan dalam sektor yang berkaitan, telah memudahcara kejayaan program transformasi.

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

Meningkatkan inisiatif transformasi untuk pertumbuhan jangka panjang yang mampan

- *Gelombang pertama inisiatif transformasi dan projek pertumbuhan pantas dilaksanakan*
- *Inisiatif transformasi melebihi sasaran sebanyak 28%*

Inisiatif transformasi utama yang dilaksanakan oleh CFS dalam tahun yang dikaji termasuk:

- Penyusunan semula dan pemusatan fungsi kredit runcit menerusi Pusat Pemprosesan Berpusat – Pemprosesan Origin (CPC-OP) untuk meningkatkan kecekapan dan tempoh pemprosesan
- Memperkenalkan konsep baru perbankan ‘tanpa cawangan’-kios MaybankOne
- Pelaksanaan model perniagaan baru PKS Runcit, perubahan transformasi yang membolehkan CFS untuk mempercepatkan pertumbuhan dan memberi perkhidmatan kepada pelanggan PKS dengan lebih baik serta kos yang lebih efektif.

CFS turut melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi perkhidmatan untuk terus meningkatkan standard perkhidmatan di cawangan-cawangannya dan terus memberi tumpuan kepada model tumpuan pelanggan.

PENCAPAIAN

Pemusatan fungsi kredit runcit telah menghasilkan kelulusan pinjaman gadai janji yang lebih cepat, dengan Tempoh Pemprosesan (TAT) bagi kebanyakan pinjaman diluluskan dalam tempoh tiga hari. Inisiatif Maybank One dan PKS Runcit telah membolehkan Maybank untuk menyediakan perkhidmatan kepada segmen pelanggan biasa dan juga PKS pada kos yang lebih cekap. Hasil daripada inisiatif transformasi ini, standard perkhidmatan di cawangan-cawangan kami telah dipertingkatkan dan Purata Masa Menunggu telah dikurangkan.

Model berpusatkan pelanggan ini mendorong pertumbuhan segmen Pelanggan Kaya & Berada (HNW) dan Mewah sebanyak 19%. Dengan menyediakan produk-produk yang berbeza dan konsisten dengan kualiti perkhidmatan pelanggan, perniagaan HNW dan Mewah mencapai pertumbuhan hasil yang memuaskan dan meningkatkan keuntungan setiap perlanggan.

PERBANKAN GLOBAL

Mengembangkan dan mengintegrasikan keupayaan kami untuk membina kedudukan teratas di seluruh ASEAN

- *Menempatkan Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global di negara-negara utama dan Pusat Perbendaharaan utama*
- *Memulakan Platform Kewangan Perdagangan Serantau untuk pelanggan (TradeConnex) di 10 negara Asia*
- *Memperkenalkan operasi Platform Pengurusan Tunai Serantau di 2 negara ASEAN*

Setelah memperkenalkan pelbagai inisiatif transformasi dalam bidang utama untuk menyokong pertumbuhan serantau, pada 2012 Perbankan Global (GB) mencapai keputusan di luar jangkaan. Dengan pertumbuhan serantau yang menjadi prioriti utamanya, platform perniagaan ditempatkan dengan sewajarnya dengan menyediakan kemudahan tanpa batasan bagi pengurusan tunai dan pembiayaan perdagangan bagi pelanggan korporat kami.

PENCAPAIAN

Pasaran Global memperkenalkan Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global kami di 9 buah negara – merangkumi bandar-bandar utama dan Pusat Perbendaharaan (Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Hong Kong, Shanghai, Labuan, London dan New York) untuk menguruskan risiko Kumpulan di seluruh syarikat subsidiari dan unit luar negara. Sistem ini membolehkan pengurusan risiko global yang lebih baik dengan sinergi merentas sempadan yang lebih luas.

Platform Pembiayaan Perdagangan Serantau (RTFP) disediakan bagi Perbankan Transaksi untuk kemudahan pemprosesan yang lebih cekap ke seluruh rantau. Platform yang menawarkan pemprosesan perdagangan masa sebenar, membolehkan pelanggan untuk membuat serahan dan pertanyaan secara elektronik. Platform ini disokong oleh pusat operasi perdagangan berpusat yang membolehkan unit luar negara untuk memberi tumpuan untuk mengembangkan perniagaan. RTFP (Tradeconnex) kini telah diperkenalkan kepada pelanggan di 10 buah negara Asia: Vietnam, Brunei, Filipina, Kemboja, Singapura, Indonesia, Hong Kong, Shanghai, dan Malaysia (termasuk Labuan).

Perbankan Transaksi turut memperkenalkan Platform Pengurusan Tunai Serantau (RCMS) di Singapura dan Malaysia dan juga menyelaras model operasi serantau untuk menawarkan perkhidmatan yang konsisten bagi meneroka pasaran pengurusan tunai Asia yang berkembang pantas. Pelanggan mendapat manfaat menerusi kos yang efektif dan sistem pengurusan tunai yang cekap serta semakan masa sebenar kedudukan mudah tunai mereka dalam pelbagai bahasa dan mata wang. RCMS didatangkan dengan ciri-ciri keselamatan bagi memenuhi keperluan bank-bank pusat serantau yang sangat ketat, termasuk pengesahan dua faktor bagi daftar masuk dan transaksi. Transmisi data di seluruh internet dibuat secara enkrip. RCMS akan diperluaskan penggunaannya di lain-lain negara di rantau ini pada 2013.

MAYBANK KIM ENG

Menjadi kuasa kewangan serantau

- *Tempat ke-lima teratas dari segi Penguasaan Pasaran Pembrokeran Saham pada 2012 - Thailand, Malaysia, Filipina, Vietnam dan Singapura*

Dengan matlamat untuk menjadi kuasa kewangan serantau menjelang 2015, program selepas penggabungan diperkenalkan untuk melancarkan perniagaan dan operasi dan juga untuk menghubungkan perbezaan budaya. Program ini berjaya melaksanakan 30 inisiatif berimpak pantas di seluruh rantau dengan keputusan yang jelas. Tahun 2012 turut menyaksikan pelancaran produk-produk baru Maybank Kim Eng untuk tawaran hutang, pembrokeran hadapan dan dagangan dalam talian serantau.

KEJAYAAN

Maybank Kim Eng telah diiktiraf sebagai peserta utama dalam perniagaan ekuiti, dengan mencatatkan kedudukan tempat kelima teratas dari segi penguasaan pasaran di Thailand, Malaysia, Filipina, Vietnam dan Singapura. Pada 2012, kami juga telah memainkan peranan utama bagi dua daripada lima tawaran awam permulaan (IPO) terbesar - Felda Global Ventures Holdings (AS\$3.1 bilion) dan IHH Healthcare (RM6.3 bilion). Bagi penggabungan & pengambilalihan (M&A), kami mendahului Meja Liga M&A Bloomberg 2012 untuk Malaysia, manakala di tempat ketiga, keempat dan kesembilan masing-masing di Thailand, Filipina dan Singapura. Semua ini merupakan petunjuk jelas bahawa kami berada pada hala tuju yang betul untuk membina kejayaan perniagaan perbankan pelaburan di rantau ini.

INSURANS & TAKAFUL

Mengukuhkan kepimpinan dalam perniagaan insurans kebakaran, bankasurans dan agensi

- *Bankasurans: 30% peningkatan dalam prestasi kewangan berbanding 2011*

Untuk mengukuhkan kedudukan No. 1 di pasaran Malaysia, Etiqa terus membina rangkaian pengedaran pelbagai saluran dengan tumpuan khusus terhadap pertumbuhan perniagaan kebakaran dan bankasurans dan meningkatkan pengedaran agensi. Ia turut melancarkan beberapa produk baru untuk pasaran sasaran tertentu.

KEJAYAAN

Dengan rangkaian pengedaran Maybank yang luas dan portfolio pelanggan yang kukuh, bankasurans mencapai kemajuan yang membanggakan. Peningkatan prestasi kewangan saluran ini sebanyak 30% didorong khususnya daripada pengenalan produk pelaburan premium tunggal baru, terutamanya Dragon 9, Persaraan Emas dan AUSpicious 10. Premium insurans biasa menerusi saluran ini menokok 10% lagi kepada purata pertumbuhan.

Untuk mengukuhkan saluran agensi, pelan telah dirangka untuk menyusun semula struktur model operasi agensi dan menggariskan asas-asas yang perlu untuk meningkatkan produktiviti serta kemahiran ejen bagi menangani daya saing di pasaran yang semakin sengit.

PERBANKAN ISLAM

Memacu strategi "Mendahulukan Islam" dan membina jenama Islam

- *Keuntungan sebelum cukai melepasi RM1.0 bilion*

Maybank Islamic kekal menerajui perbankan Islam di ASEAN, dan pada 2012 PBT telah melebihi RM1.0 bilion. Selaras dengan strategi yang dimulakan pada 2010, sektor ini kekal sebagai teraju tempatan bagi pembiayaan dan deposit, dan mengukuhkan jenamanya menerusi manfaat yang diperolehi daripada program penjenamaan semula Kumpulan yang sangat berjaya pada 2011.

STRATEGI KAMI

PENCAPAIAN

Pendekatan perbankan kami, yang menerapkan kedua-dua produk Islamik dan konvensional, membantu mengembangkan operasi Islam kami di seluruh Malaysia. Untuk mempercepatkan jualan produk-produk Islam, kami telah membangunkan strategi perhubungan yang komprehensif terdiri daripada meja bantuan dan juga latihan serta menjejaki prestasi. Pada 2012, hasil diraih daripada kempen jualan meningkat sebanyak 8%, sekali gus mengekalkan penguasaan kami di pasaran. Sementara itu, untuk meningkatkan kewujudan jenama kami, papan tanda Maybank Islamic telah diletakkan di hadapan cawangan di lokasi-lokasi utama.

Sektor ini juga telah memulakan langkah ke pasaran-pasaran utama serantau.

KUALITI PERKHIDMATAN

Menambah baik perkhidmatan pelanggan dalaman dan luaran

- *98% penambahbaikan dalam kaedah kami menyelesaikan aduan pelanggan*

Transformasi Kualiti Perkhidmatan telah menghasilkan peningkatan boleh diukur dalam pelbagai bidang, seperti ditunjukkan menerusi Kaji Selidik Hubungan Pelanggan Dalaman dan Luaran. Keutamaan kami adalah untuk terus menambah baik perkhidmatan di seluruh rangkaian cawangan kami. Inisiatif telah diperkenalkan untuk memendekkan purata masa menunggu dan menambah baik pengetahuan mengenai produk di kalangan perkhidmatan barisan hadapan serta keupayaan pengurusan aduan.

PENCAPAIAN

Bagi meningkatkan keseluruhan pengalaman pelanggan di cawangan, penyambut tetamu telah ditempatkan untuk membantu pelanggan yang masuk dalam memilih borang yang betul dan menyertai giliran. Pegawai-pegawai barisan hadapan kami bekerja dalam kumpulan untuk memastikan perkhidmatan maksimum di waktu puncak. Selain itu, semua barisan hadapan telah menambah baik pengetahuan produk supaya kecekapan dapat ditingkatkan dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Hasilnya masa menunggu di semua cawangan kami telah diperbaiki apabila 86% daripada pelanggan kini menunggu tidak lebih daripada dua minit untuk satu transaksi, dan 56% menunggu tidak sampai lima minit untuk transaksi pelbagai.

Penambahbaikan lain yang ketara dalam kualiti perkhidmatan kami adalah melibatkan pengurusan aduan. Dengan pengurusan aduan yang lebih baik dari awal dan dengan memberi maklum balas kemas kini yang kerap kepada pelanggan, kami telah meningkatkan skor penyelesaian aduan ke tahap yang membanggakan sebanyak 98%.

PROGRAM TRANSFORMASI IT

Memperkayakan pengalaman pelanggan

- *2,672 akaun baru dibuka menggunakan Sistem Penyelesaian Cawangan Serantau*
- *Sistem Pengurusan Tunai Serantau dilancar di Singapura serta Malaysia dan disediakan menerusi komunikasi mudah alih, lebih awal berbanding para pesaing*

Kumpulan Transformasi IT telah bekerjasama dengan semua bahagian perniagaan untuk membolehkan jualan melalui pelbagai saluran dan perkhidmatan, analisis pelanggan bersepadu dan penghasilan produk yang pantas. Tahun 2012 menyaksikan pelbagai inisiatif untuk menyokong operasi domestik dan serantau Kumpulan.

PENCAPAIAN

Pada 2012, Penyelesaian Cawangan Serantau (RBS) diperkenalkan di beberapa cawangan bagi memberi manfaat kepada pelanggan dengan pengalaman perbankan yang lancar tanpa halangan. Kemajuan teknologi RBS telah memanfaatkan pelanggan menerusi perkhidmatan yang konsisten, peningkatan kecekapan pemprosesan, memudahkan mobiliti dan piawaian platform juruwang di seluruh rantau.

Kumpulan kerja turut memperkenalkan Sistem Pengurusan Tunai Serantau (RCMS) di Singapura dan Malaysia. Sistem ini, yang selari dengan sistem terbaik global, menawarkan pelanggan korporat dengan semakan masa sebenar dan kawalan yang lebih baik terhadap wang mereka serta spektrum keupayaan kewangan yang lengkap untuk menguruskan perniagaan mereka dengan lebih baik.



PENGURUSAN RISIKO KREDIT KUMPULAN

Meningkatkan pengurusan risiko dan mengoptimalkan keupayaan pulangan risiko

- *Mengoptimalkan Aset Berwajaran Risiko kami sebanyak RM9.1 bilion*

Transformasi Pengurusan Risiko bermatlamat untuk meningkatkan keseluruhan proses pengurusan risiko kami, meningkatkan keupayaan kami untuk menguruskan risiko di mana sahaja kami beroperasi, menambah baik maklum balas perniagaan, dan mengoptimalkan keupayaan pulangan risiko.

PENCAPAIAN

Untuk terus mengukuhkan tadbir urus global, Kumpulan meningkatkan kecekapan Unit Risiko Dalam (ERU) di seluruh sektor perniagaan, unit luar negara dan syarikat-syarikat subsidiari. Kakitangan yang dedikasi kini memudahkan cara fungsi pengurusan risiko Kumpulan dan menyokong pertumbuhan serantau.

Tahun kajian turut menyaksikan pelaksanaan beberapa inisiatif dalam Aset Berwajaran Risiko kami bagi meningkatkan pengurusan dan penggunaan modal. Pelbagai usaha dilakukan untuk meninjau dan membangunkan model baru, mengurus penarafan lapuk, memastikan klasifikasi aset yang sewajarnya dan meningkatkan usaha sama pengurusan maklumat bagi pasaran tempatan, pasaran pertumbuhan dan pasaran-pasaran yang menawarkan peluang.

OPERASI

Kecekapan kos menerusi penggabungan dan pemusatan

- *RM2.3 juta diijamatkan menerusi penyatuan fungsi*

Bekerja dengan unit perniagaan, bahagian operasi telah memberi tumpuan kepada penyatuan fungsi, meningkatkan pemprosesan dan mengoptimumkan kos. Pelbagai bidang telah dikenalpasti untuk mencapai kecemerlangan, dengan menggunakan proses alternatif untuk mempercepatkan manfaat jangka panjang kepada pelanggan. Dalam tahun 2012, kami memberi tumpuan kepada pembayaran dan pentadbiran kredit bagi menambah baik kecekapan keseluruhan.

PENCAPAIAN

Dengan menyusun semula pemprosesan semasa dan memasukkan elemen risiko, pematuhan dan khidmat pelanggan, tempoh pemprosesan pembayaran bagi transaksi Islamik telah dikurangkan sebanyak 80%. Lain-lain bidang juga telah menunjukkan keputusan yang memberangsangkan, dengan menambah baik kecekapan sekurang-kurangnya 40%. Dengan keupayaan ini, unit ini telah mula meneroka idea untuk menubuhkan pusat pembayaran serantau.

Untuk mendapatkan kecekapan kos, unit ini telah juga memulakan pentadbiran berpusat. Dengan meringkaskan pemprosesan dan menghapuskan pertindihan, unit ini telah mengurangkan kadar kesilapan dan meningkatkan keupayaan pemprosesan secara terus. Dokumen keselamatan akan berpusat di Lembah Klang bagi meningkatkan kecekapan.

PROGRAM PENGURUSAN KOS STRATEGIK

Menguruskan kos dan membina budaya keprihatinan kos

- *Menanam disiplin kewangan di seluruh Kumpulan*

Tahun 2012 menyaksikan perubahan asas dari segi cara Maybank menguruskan kos. Program pengurusan kos yang ketat dilaksanakan di seluruh sektor untuk mengelakkan pembaziran perbelanjaan dan terlebih berbelanja dan menanamkan budaya keprihatinan kos.

PENCAPAIAN

Program ini melihat kepada bidang-bidang utama perniagaan untuk mendorong penjimatan ketara dan segera. Dengan sokongan daripada semua sektor, program ini cepat mencapai momentumnya. Komunikasi berterusan di seluruh Kumpulan telah menanamkan ke dalam minda tentang pulangan atas pelaburan yang mengenalpasti keperluan untuk mengelakkan perbelanjaan yang tidak perlu dan sebaliknya melabur dalam bidang-bidang yang mempunyai potensi perniagaan. Program ini telah berjaya mengurangkan nisbah kos kepada pendapatan di bawah 49%.

MODAL INSAN KUMPULAN

Memajukan kakitangan kami dengan budaya untuk berprestasi tinggi

- *Mendorong budaya untuk berprestasi tinggi menerusi persekitaran dan kebolehan yang tetap.*

Ketika kami menyemai budaya berprestasi tinggi, kami turut memastikan usaha-usaha ini membuahkan hasil. Kakitangan kamilah yang bertanggungjawab bagi kejayaan transformasi Bank dan selama beberapa tahun lalu, kedua-dua kakitangan dan pemegang kepentingan kami amat berpuas hati dengan perubahan ini.

PENCAPAIAN

Kejayaan kami terletak kepada sistem pengurusan kakitangan yang hebat dan berstruktur, strategi ganjaran dan pengiktirafan yang menyeluruh, sistem pengurusan prestasi yang berdisiplin, pembelajaran dan intervensi kemajuan yang kukuh, program pembangunan kepimpinan yang tertumpu, dan hubungan dengan kakitangan yang mendatangkan impak.

Dari segi dalaman, kami mengendalikan set petunjuk prestasi yang lengkap bagi kakitangan dan kami turut diaudit oleh badan-badan bebas dari luar. Semua ini, termasuk pengiktirafan yang telah kami perolehi dari pihak luar, membuktikan pencapaian kami dan memotivasikan kakitangan untuk berkerja yang lebih baik.

Dalam meneruskan penerokaan serantau, kami menumpukan kepada keperluan perniagaan dan membangunkan bakat kakitangan kami. Penilaian bakat, hari 'terbuka' antarabangsa, dan pengiklanan jawatan kosong dalam Kumpulan semuanya membantu kami untuk membina pangkalan data bagi bakat-bakat dalaman, membangunkan bekalan sumber kakitangan yang berkemahiran, dan mengenalpasti peluang-peluang merentas sempadan.

Di sepanjang tahun, hubungan kakitangan kami kekal tinggi. Pada 2012, kadar penglibatan kakitangan kami mencapai tahap 85% iaitu sama tinggi dengan kadar Syarikat-syarikat Berprestasi Tinggi Global oleh Towers Watson.

Persekitaran kerja yang mencabar dan dinamik yang diwujudkan oleh program transformasi kami, telah mewujudkan Proposisi Nilai Kakitangan "GO Ahead" yang membolehkan kami "GO Ahead Cipta, GO Ahead Tumbuh, GO Ahead Terajui dan GO Ahead Terbang."

BANK INTERNASIONAL INDONESIA (BII)

Menjadi 'bank sahabat' terbaik di Indonesia

- *Lebih daripada 100% peningkatan dalam prestasi jualan di cawangan-cawangan percubaan.*

BII memulakan program transformasi "IMPACT" pada Julai 2012, sekali gus memperkenalkan 28 inisiatif di seluruh unit peniagaan dan sokongan. Ia bermatlamat untuk mendorong BII menjadi bank sahabat utama di Indonesia dengan benar-benar berada dekat dengan komuniti, menyediakan produk dan penyelesaian yang mereka perlukan, dan memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi.

Program ini mempunyai tiga matlamat utama:

- Untuk terus berkembang dari segi keuntungan
- Untuk membina keupayaan dan menangani isu-isu asas
- Untuk membangunkan bakat kakitangan






PENCAPAIAN

BII memulakan inisiatif berimpak tinggi yang menghasilkan kejayaan cepat dan 21 inisiatif telah dilancarkan pada TK2012.

Prestasi jualan meningkat lebih daripada 100% di cawangan yang melaksanakan program simulasi jualan. Pelancaran semula produk Syariah menyaksikan peningkatan 40% bagi jualan Syariah di cawangan konvensional, manakala perancangan akaun yang hebat meningkatkan pengenalan produk bagi pelanggan korporat. BII turut melaporkan peningkatan 7% dalam hubungan kakitangan di seluruh Bank.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Untuk menilai prestasi Kumpulan dan memastikan ia memenuhi matlamat strategiknya, Kumpulan mengukur kemajuannya berbanding beberapa petunjuk prestasi utama (KPI) seperti yang dinyatakan di bawah:

KPI UTAMA	PENCAPAIAN	PURATA PESAING SETANDING**
PULANGAN ATAS EKUITI (ROE) 15.6% ROE diistilahkan sebagai keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) yang dibahagi dengan purata ekuiti pemegang saham dalam tahun kewangan. Ekuiti pemegang saham merangkumi modal saham, pendapatan dikekalkan dan rizab-rizab lain	 Sasaran TK12 15.6% CY11* TK12	16.0% Melempi sasaran bersandarkan kepada pendapatan bersih yang tinggi, pertumbuhan kos yang perlahan dan kualiti aset yang lebih baik.
PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN DAN SEKURITI HUTANG 15.2% Pertumbuhan pembiayaan dan sekuriti hutang (aset kewangan) mengukur kenaikan jumlah dalam pinjaman kasar dan lain-lain hutang atau terbitan sekuriti.	 Sasaran TK12 15.2% CY11 TK12	12.9% Aliran pertumbuhan pembiayaan selaras dengan industri, manakala pertumbuhan sekuriti hutang selari dengan persekitaran pasaran.
LAIN-LAIN KPI	PENCAPAIAN	PURATA PESAING SETANDING**
PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN KUMPULAN 16.2% Pertumbuhan pembiayaan Kumpulan ditakrifkan sebagai pertumbuhan pembiayaan kasar bagi Kumpulan Maybank.	 Sasaran TK12 16.2% CY11 TK12	12.2% Berikutan pertumbuhan pembiayaan industri yang perlahan di Malaysia dan Singapura, tumpuan kami adalah untuk meningkatkan keuntungan bagi segmen terpilih dan menguruskan kualiti aset.
PERTUMBUHAN PINJAMAN MALAYSIA 13.6% Pertumbuhan pembiayaan di Malaysia ditakrifkan sebagai pertumbuhan pembiayaan domestik iaitu di Malaysia sahaja.	 Sasaran TK12 13.6% CY11 TK12	11.8% Walaupun pertumbuhan pembiayaan tidak mencapai sasaran, ia melebihi pencapaian industri sebanyak 10.4%.
PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN SINGAPURA 11.4% Pertumbuhan pembiayaan di Singapura ditakrifkan sebagai pertumbuhan pembiayaan kasar yang dilaporkan oleh Maybank Singapura dalam dolar Singapura.	 Sasaran TK12 11.4% CY11 TK12	10.5% Walaupun pertumbuhan pembiayaan tidak mencapai sasaran sebanyak 11.4%, ia bagaimanapun lebih sedikit daripada pertumbuhan industri sebanyak 10.4%.

* Belum diaudit

** Purata pesaing setanding adalah berdasarkan kepada keputusan suku ketiga TK2012 beberapa buah bank terpilih. KPI utama, pertumbuhan pinjaman Kumpulan dan pertumbuhan deposit Kumpulan adalah berdasarkan kepada purata bagi bank-bank terpilih di Singapura dan Malaysia yang memiliki operasi serantau. Pertumbuhan pembiayaan adalah berdasarkan kepada kadar pertumbuhan purata tahunan bagi pembiayaan yang dikeluarkan di pasaran tertentu oleh bank-bank terpilih.

CY: Tahun Kalendar

LAIN-LAIN KPI	PENCAPAIAN	PURATA PESAING SETANDING**
PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN INDONESIA 20.9% Ditakrifkan sebagai pertumbuhan pinjaman kasar diperolehi oleh BII, termasuk syarikat-syarikat subsidiari WOM Finance, dalam Rupiah Indonesia.	20.8% Pertumbuhan pembiayaan seperti yang disasarkan, dengan pengguna meningkat 40.4% dan bukan pengguna naik 12.1%.	20.4%
PERTUMBUHAN DEPOSIT KUMPULAN 12.3% Pertumbuhan deposit Kumpulan ditakrifkan sebagai pertumbuhan deposit kasar bagi Kumpulan Maybank.	10.3% Tidak mencapai sasaran berikutan persaingan yang sengit. Bagaimanapun, ketika Kumpulan memberi tumpuan untuk memulihkan gabungan deposit, nisbah CASA pulih kepada 35.1% (Dis 11: 33.6%).	6.1%
NISBAH PEMBAYARAN DIVIDEN 40-60% Maybank memiliki dasar pembayaran dividen sebanyak 40-60% daripada keuntungan tahunan disumbangkan kepada pemegang saham.	74.7% Nisbah pembayaran dividen 2012 sebanyak 74.7% melebihi kadar dasar sebanyak 40-60%. Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) terus mengukuhkan asas modal Kumpulan dan mencapai lebih daripada 80% kadar penerimaan (berdasarkan 5 pelan lalu).	6.1%
SASARAN JANGKA PANJANG MENJELANG 2015	PENCAPAIAN	SEPERTI DISASARKAN
SUMBANGAN ANTARABANGSA KEPADA KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI KUMPULAN 40%	30% Sumbangan keuntungan sebelum cukai (PBT) daripada operasi antarabangsa meningkat dengan Singapura dan Indonesia menjadi penyumbang utama masing-masing sebanyak 14.0% dan 7.0%.	
PEMBIAYAAN ISLAM KEPADA PINJAMAN DOMESTIK MAYBANK 33%	30.6% Pembiayaan Islam membentuk 30.6% daripada pinjaman dan pendahuluan domestik Maybank, dan mampu mencapai sasaran kami sebanyak 33%.	

* Belum diaudit

** Purata pesaing setanding adalah berdasarkan kepada keputusan suku ketiga TK2012 beberapa buah bank terpilih. KPI utama, pertumbuhan pinjaman Kumpulan dan pertumbuhan deposit Kumpulan adalah berdasarkan kepada purata bagi bank-bank terpilih di Singapura dan Malaysia yang memiliki operasi serantau. Pertumbuhan pembiayaan adalah berdasarkan kepada kadar pertumbuhan purata tahunan bagi pembiayaan yang dikeluarkan di pasaran tertentu oleh bank-bank terpilih.

CY: Tahun Kalendar

SAHAM MAYBANK

- Pada 2012, pergerakan saham Maybank mencerminkan Indeks FBM KLCI, dan mencapai paras tertinggi RM9.28 (17 Oktober 2012) berbanding paras tertinggi Indeks berkenaan sebanyak 1,688.95 mata pada 31 Disember 2012.
- Harga saham Maybank meningkat sebanyak 19.0% daripada RM7.73 pada 2 Januari 2012 kepada RM9.20 pada 31 Disember 2012. Prestasi ini mengatasi Indeks FBM KLCI yang meningkat sebanyak 11.6% dan Indeks Kewangan yang naik sebanyak 14.1%.
- Pada permulaan tahun yang dikaji, pemulihan global diancam oleh tekanan memuncak di zon Euro dan ketidakutuhannya berikutan kenaikan hasil bon berdaulat, kesan ketidakbergantungan kepada ekonomi sebenar dan kesan pengukuhan fiskal tambahan.
- Justeru, persekitaran kewangan merosot, prospek pertumbuhan malap dan risiko kejatuhan bertambah. Perkembangan ini meningkatkan kebimbangan pelabur terhadap ketidaktentuan pasaran global yang telah menolak Indeks FBM KLCI dan harga saham Maybank ke paras terendah pada 1,504.22 mata (4 Januari 2012) dan RM7.59 pada 27 Januari 2012.
- Perkembangan ini diikuti oleh lonjakan berikutan pemulihan aktiviti di Amerika Syarikat dan dasar-dasar yang lebih baik di zon Euro. Lonjakan momentum itu kekal berikutan rantai bekalan yang telah dipulihkan di Thailand (selepas banjir), sekali gus mendorong pengeluaran perindustrian yang kukuh dan perdagangan di pelbagai negara ekonomi Asia. Selain itu, pembangunan semula di Jepun terus mendorong hasil keluaran dari negara berkenaan.

Dividen Sesaham

TK 2012	65 sen
CY 2011	68 sen
Tahun-ke-Tahun	-4.6%

Harga Saham

31 Dis 12	RM9.20
31 Dis 11	RM7.95
Tahun-ke-Tahun	+15.7%

Permodalan Pasaran

31 Dis 12	RM76.6 bil
31 Dis 11	RM65.5 bil
Tahun-ke-Tahun	+16.9%

Pendapatan Sesaham

TK 2012	72.7 sen
CY 2011	65.1 sen
Tahun-ke-Tahun	+11.7%

Jumlah Pulangan Pemegang Saham

TK 2012	13.3%
CY 2011	8.4%
Tahun-ke-Tahun	+56.0%

(CY: Tahun Kalendar)

HARGA SAHAM MAYBANK BERBANDING PENANDA ARAS

25%

20%

15%

10%

5%

0

-5%

Dis-11

Mac-12

Jun-12

Sep-12

Dis-12

Maybank
Indeks FBMKLCI
Indeks KLFIN


JUMLAH PULANGAN PEMEGANG SAHAM (TSR)

TSR adalah pengukur bagi peningkatan nilai kepada pemegang saham. Ia mengukur kenaikan modal (kenaikan harga saham) dan dividen.

	TK07	TK08	TK09	TK10	TK11	CY11	TK12
Maybank	19.30%	-21.43%	-3.88%	31.69%	28.13%	8.37%	13.30%
Indeks FBM KLCI	54.30%	-8.20%	-5.26%	26.09%	24.83%	4.45%	8.70%
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	53.23%	-19.79%	1.70%	43.81%	32.86%	4.58%	13.90%

(CY: Tahun Kalendar)

HARGA SAHAM MAYBANK DAN JUMLAH URUS NIAGA



1	30 Sep 08	Menyelesaikan pengambilalihan BII	12	14 Nov 11	Pengumuman keputusan kewangan Suku Pertama TK2011
2	29 Apr 09	Maybank menyelesaikan terbitan hak RM6 bilion	13	23 Feb 12	Pengumuman Keputusan Kewangan TK2011
3	25 Ogos 09	Pengumuman keputusan kewangan 2009	14	24 Mei 12	Pengumuman keputusan kewangan Suku Pertama TK2012
4	21 Apr 10	BII menyelesaikan terbitan hak Rp1.4 trilion	15	16 Ogos 12	Pengumuman Keputusan Kewangan Suku Kedua TK2012
5	20 Ogos 10	Pengumuman keputusan kewangan 2010	16	8 Okt 12	Penempatan persendirian ekuiti saham RM3.66 bilion
6	12 Nov 10	Pengumuman Keputusan Suku Pertama TK2011	17	9 Nov 12	Pengumuman Keputusan kewangan Suku Ketiga TK2012
7	6 Jan 11	Pengumuman pengambilalihan Kim Eng	18	21 Feb 13	Pengumuman keputusan kewangan Suku Keempat TK2012
8	21 Feb 11	Pengumuman Keputusan Suku Kedua TK2011			
9	12 Mei 11	Pengumuman keputusan kewangan Suku Kedua TK2011			
10	4 Ogos 11	Menyelesaikan pengambilalihan Kim Eng			
11	22 Ogos 11	Pengumuman keputusan kewangan TK2011			

DIVIDEN DAN PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN

Untuk 2012, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen kasar sebanyak 33 sen yang diterjemahkan kepada nisbah pembayaran dividen sebanyak 74.7%.


Kumpulan akan terus menyumbang ganjaran kepada pemegang saham dengan memberikan nisbah pembayaran dividen yang tinggi di samping berhemah dalam mengekalkan modal menerusi pengenalan Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP). Program DRP telah mencapai kadar pelaburan semula yang tinggi iaitu sebanyak 88.6%, 91.1%, 86.1%, 88.5% dan 88.2% dalam lima DRP setakat ini, sekali gus mencerminkan keyakinan para pemegang saham terhadap Maybank.

DRP akan terus menjadi sebahagian penting dalam strategi Maybank untuk memelihara modal ekuiti di samping memberikan pendapatan dividen yang memuaskan kepada pemegang saham.


KEUNTUNGAN EKONOMI

- Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi (PGC) Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) meneraju Program Transformasi GLC untuk membangunkan entiti berprestasi tinggi bagi kemakmuran masa hadapan negara.
- Keuntungan Ekonomi merupakan satu pengukuran yang penting bagi pengwujudan nilai bagi pemegang saham yang dicadangkan oleh Sekretariat PCG untuk menunjukkan pulangan syarikat melebihi kos modal. Maybank telah menjejaki prestasi Keuntungan Ekonominya sejak 2005.
- Pada 2012, Keuntungan Ekonomi Maybank meningkat sebanyak 7.8% kepada RM2.22 bilion daripada RM2.06 bilion dalam tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh keuntungan yang lebih tinggi dalam tahun berkenaan walaupun asas ekuiti telah diperluaskan.

Dividen Kasar (sen) dan Nisbah Pembayaran (%)



Keuntungan Ekonomi (RM juta)




ANALISIS PEMEGANG SAHAM


- Dengan lebih 58,000 pemegang saham di seluruh dunia, Maybank memiliki asas pemegang saham yang pelbagai.
- Analisis struktur pemegang saham institusi (tidak termasuk Pemegang Saham Ketara) menunjukkan bahawa 34.6% daripada pemegang saham datang dari Asia, diikuti sebanyak 28.9% dari Amerika Utara, 13.9% dari United Kingdom (UK), 9.4% dari Eropah (tidak termasuk UK), dan 1.5% dari lokasi-lokasi geografi lain.
- Saham Maybank kebanyakannya dipegang oleh pelabur-pelabur institusi (91.1%), manakala pelabur-pelabur swasta memegang baki saham berkenaan (8.9%).
- Analisis pemegang saham mengikut polar menunjukkan bahawa 19.7% terdiri daripada dana berorientasikan nilai, 19.0% berorientasikan pertumbuhan, 13.1% dana GARP, 21.3% dana Indeks & Kuantitatif, 1.0% dana lindung nilai dan 25.9% merupakan lain-lain bentuk pelaburan.
- Pegangan saham asing meningkat kepada 19.5% pada Disember 2012 daripada 13.3% tahun sebelumnya.

* Belum diaudit


Pegangan Saham mengikut rantau




Jumlah Pemegang Saham



Pegangan Saham mengikut bentuk



Pegangan Saham mengikut jenis



AMERICAN DEPOSITORY RECEIPT (ADR)

Untuk meluaskan dan menambahbaik pemilikan Amerika Syarikat (AS) serta meningkatkan profil Maybank di pasaran AS, Maybank turut diniagakan di AS menerusi ADR, kemudahan penajaan tersenarai di NYSE sejak 2005 dengan The Bank of New York Mellon sebagai pendeposit. ADR diniagakan di New York Stock Exchange di bawah penanda MLYBY US di Bloomberg dan MLYBY.PK di Reuters.

PENARAFAN KREDIT

- Dalam tempoh tahun kewangan, Maybank terus mengekalkan penarafan kredit setaraf dengan penarafan kedaulatan Malaysia dengan asas yang kukuh.
- Tinjauan bagi penarafan kredit jangka panjang bagi Maybank dikekalkan sebagai **Stabil** di sepanjang tempoh kewangan oleh kelima-lima agensi penarafan.
- Maybank kerap berhubung dengan agensi-agensi penarafan kreditnya dan juga pengawal selia bagi memastikan guna pakai amalan pengurusan modal yang berhemah, dan kekal komited untuk mengekalkan gred penarafan kreditnya.

Agensi Penarafan	Pengelasan Penarafan	Penarafan
Moody's Investors Service	Deposit Bank Matawang Asing Jangka Panjang/Tinjauan	A3/Stabil
	Deposit Bank Matawang Asing Jangka Pendek	P-2/Stabil
	Deposit Bank Matawang Tempatan Jangka Panjang/Tinjauan	A1/Stabil
	Deposit Bank Matawang Tempatan Jangka Pendek	P-1/Stabil
	Penarafan Kekukuhan Kewangan Bank/Tinjauan	C/Stabil
	Penilaian Kredit 'Baseline'	(a3)/Stabil
	Penilaian Kredit 'Baseline' diselaraskan	(a3)/Stabil
Standard & Poor's	Subordinat 'Junior'	Baa2/Stabil
	Timbalawan Jangka Panjang	A-
	Timbalawan jangka Pendek	A-2
	Sijil Deposit	A-
	Stok Keutamaan (1 Terbitan)	BBB-
	Subordinat (2 Terbitan)	BBB+
	Tinjauan	Stabil
Fitch Ratings	Senior Tidak Berjamin (1 Terbitan)	A-
	Penarafan Kemungkiran Terbitan Asing Jangka Panjang	A-/Stabil
	Penarafan Kemungkiran Terbitan Tempatan Jangka Panjang	A-/Stabil
	Penarafan Berdaya Maju	a-
	Penarafan Sokongan	2
	Penarafan Sokongan Minimum	BBB
	Sub Hutang AS\$ dan SGD	BBB+
RAM Ratings	Sekuriti Modal SGD Tahap 1	BB+
	Penarafan Institusi Kewangan Jangka Panjang	AAA
	Penarafan Institusi Jangka Pendek	P1
	Bon Subordinat	AA1
	Sekuriti Modal Inovatif Tahap-1	AA2
	Sekuriti Modal Tidak Inovatif Tahap-1	AA2
	Program Nota Subordinat Modal Tahap-2	AA1
MARC	Program Nota Subordinat	AA1
	Tinjauan (Jangka Panjang)	Stabil
	Penarafan Institusi Kewangan Jangka Panjang	AAA
MARC	Penarafan Institusi Kewangan Jangka Pendek	MARC-1
	Tinjauan	Stabil

ANGKA-ANGKA UTAMA BERKAITAN SAHAM

	TK2007	TK2008	TK2009	TK2010	TK2011	FP2011	TK2012
Permodalan Pasaran (RM bilion)	46.7	34.4	41.8	53.5	66.9	65.5	76.6
Pulangan Jumlah Pegangan Saham, TSR (%)	19.3	-21.4	-3.9	31.7	28.1	-0.16	13.3
Dividen sesaham (sen)	57.5	44.0	8.0	55.0	60.0	36.0	65.0
Hasil Dividen (%)	6.7	7.4	1.4	7.3	6.7	4.3	6.2
Harga Penutup, 31 Dis (RM)	8.62	6.33	5.9	7.56	8.94	8.58	9.20
Harga Purata Saham (RM)	8.46	8.00	5.25	6.94	8.60	8.45	8.50
Harga saham penutup tertinggi (RM)	9.84	9.20	7.14	7.72	9.29	8.99	9.20
Harga saham penutup terendah (RM)	7.47	6.33	3.57	5.60	7.53	7.51	7.59
EPS Asas (sen)	58.5	53.3	12.0	53.9	61.4	32.4	72.7

Note: Pelarasan bagi Terbitan Bonus 1:4 pada Februari 2008 dan Terbitan Hak 9:20 pada RM2.74 pada Mac 2009
FP: Tempoh Kewangan

SEJARAH DIVIDEN

		Dividen sesaham (sen)		Pengisytiharan	Lepas Tarikh	Rekod	Tarikh Bayaran
		Sebenar	Diselaras bagi perubahan modal				
TK2007	Interim	40.0	28.7	21 Feb 2007	10 Apr 2007	12 Apr 2007	26 Apr 2007
	Akhir	40.0	28.7	29 Ogos 2007	30 Okt 2007	1 Nov 2007	15 Nov 2007
	Jumlah	80.0	57.5				
TK2008	Interim Pertama	17.5	12.6	15 Nov 2008	31 Dis 2007	3 Jan 2008	16 Jan 2008
	Bonus 1:4			24 Jan 2008	18 Feb 2008	20 Feb 2008	20 Feb 2008
	Interim Kedua	15.0	13.5	20 Feb 2008	24 Mac 2008	26 Mac 2008	7 Apr 2008
	Akhir	20.0	18.0	27 Ogos 2008	7 Okt 2008	9 Okt 2008	21 Okt 2008
	Jumlah	52.5	44.0				
TK2009	Hak 9:20			1 Mac 2009	31 Mac 2009	2 Apr 2009	-
	Akhir	8.0	8.0	25 Ogos 2009	13 Okt 2009	15 Okt 2009	27 Okt 2009
	Jumlah	8.0	8.0				
TK2010	Interim	11.0	11.0	9 Feb 2010	2 Mac 2010	4 Mac 2010	16 Mac 2010
	Akhir	44.0	44.0	11 Okt 2010	18 Nov 2010	22 Nov 2010	20 Dis 2010
	Jumlah	55.0	55.0				
TK2011	Interim	28.0	28.0	31 Mac 2011	12 Apr 2011	14 Apr 2011	12 Mei 2011
	Akhir	32.0	32.0	22 Ogos 2011	25 Nov 2011	30 Nov 2011	28 Dis 2011
	Jumlah	60.0	60.0				
FP2011	Akhir	36.0	36.0	23 Feb 2012	27 Apr 2012	2 Mei 2012	4 Jun 2012
	Jumlah	36.0	36.0				
TK2012	Interim	32.0	32.0	7 Sep 2012	20 Sep 2012	24 Sep 2012	25 Okt 2012
	Akhir	33.0	33.0	21 Feb 2012	-	-	-
	Jumlah	65.0	65.0				

Nota: Diselaraskan bagi Terbitan Bonus 1:4 pada Februari 2008 dan Terbitan Hak 9:20 pada RM2.74 pada Mac 2009
FP: Tempoh Kewangan

LAIN-LAIN MAKLUMAT

Akhir Tahun Kewangan

31 Disember

Pemegang Saham Asing

31 Disember 2012 19.54%
 31 Disember 2011 13.28%

Kod Penanda

Bursa Malaysia MYX:1155
 Bloomberg MAY MK EQUITY
 Reuters MBBM.KL

American Depository Receipt (ADR)

Bloomberg: MLYBY US
 Reuters: MLYBY.PK

Pendaftar Saham

Tricor Investor Services Sdn Bhd
(dulunya dikenali sebagai Tenaga Koperat Sdn Bhd)
 Aras 17, The Gardens North Tower
 Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
 59200 Kuala Lumpur
 Malaysia

Top five Cambodia target

Maybank aims higher after getting local incorporation licence

Maybank tampil sebagai penaja utama BAM

JIKA sebelum ini, Proton cukup sinonim dengan BAM sebagai penaja utama, namun kini tidak lagi.

Bogikan simpatikan semangit bahara, BAM menerima tajaan daripada syarikat perbankan utama negara, Maybank, selama enam tahun yang dimeterai dalam satu memorandum persefahaman (MoU) Juhai Iqbal.



juta setahun itu (kira-kira RM36 juta bagi enam tahun) adalah tanggungjawab daripada bank dalam tajaan syarikat negara merlang di

bakal menjadi suntikan positif dalam kempen

Maybank's Career Day attracts 5,000 talents

馬銀行私人銀行服務
明年設5中心8候客室



Maybank Kim Eng eyes top spot in Asean



Maybank IB sets sights on big IPOs

IN THE PIPELINE: Bank confident of handling more high-value initial public offerings

Maybank International Bank (MIB) is eyeing a series of high-value IPOs in the pipeline, says a senior executive.



Rafique Merican is Maybank's new group CFO

KUALA LUMPUR: Mohamed Rafique Merican Mohd Wahiduddin has been appointed group chief financial officer (CFO) of Ma-



Banking, succeed Ramli, who of pre-bank subsidiary are delivue to May 20 years of e, he will er strength senior ma said Maybank p Datuk Seri Abd a statement.

Just the ton

For Louis Oosthuizen, winning the US\$2.5mil Maybank Malaysian Open was pick-me-up after his disappointment at the US Masters -- and sets him up for the season's other Majors. The 29-year-old former British Open champion missed out on a second Major when he lost a playoff previous Sunday, declared: "This is just what I need."

The perfect cure for heartbreak

Maybank aims for RM32m investment on

22 students go Maybank aid to study abroad

LIFELONG LEARNING: Top achievers get chance to Ivy League universities

MURADILLA NOORAZAM
MAYBANK is extending its aid for human capital development by awarding 22 students with scholarships worth RM1.2 million this year.



A new Maybank



Maybank is set to launch a new service, the Maybank iBank, which will allow customers to access their accounts and services through a mobile app.

30 rasai kehebatan perlumbaan F1

KUALA LUMPUR: Seramai 30 pemegang kad kredit Maybank berpeluang merasai kehebatan perlumbaan Formula Satu (F1) di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) selepas memenangi hadiah utama baki menaiki kereta lumba F1 dengan

an tiket tempat duduk utama di S1 dengan tawaran turut diberi kepada pemegang kad dari Indonesia dan Singapura.



Maybank sees 20% growth in fund transfer

By EBY SARIF

edy@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysian Banking Bhd (Maybank) is aiming for a 20% growth in the value of foreign work-

hold there, a representative that Maybank branch in Myanmar is targeting

The new service to Myanmar will help fuel the 20% growth that we are targeting



Boost for high achievers

Bank employees' children praised for good work

Maybank ready to incorporate in S'pore


By EBY ANN NEE

improve, so have the ratings of the Asian banks. The last in recent years, Malaysian ratings have improved to A-1, and banks like

Maybank lauded country's value



马银行：银行业贷款



KLGCC, March 21-24, 2012

It's an RM8.57m
whopper at
the Maybank
Malaysian Open



TIGER-POWERED RACQUET

The bank has used money to fund a...
The bank has used money to fund a...
The bank has used money to fund a...

Maybank Islamic embarks on regional push

CROSSING BORDERS: Bank turns attention to its businesses abroad, especially in the Middle East



Maybank plans branch in Myanmar

Maybank lancar dana pendidikan RM125 juta

3,500 pelajar perubatan AUCMS bakal nikmati faedah pinjaman



Bank gives more funds for tiger outreach

RM200,000 for MYCAT ensure survival of big

MAYBANK is continuing its collaboration with the Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MYCAT) to further raise public awareness and support for tiger conservation efforts.

Under the new collaboration, the Maybank Foundation is providing MYCAT an additional grant of RM200,000.



Maybank tawar moratorium kepada mangsa banjir

KUALA LUMPUR: Maybank akan menawarkan moratorium bayaran bulanan pinjaman dan pengiraan bayaran bersejarah kepada mangsa banjir di Terengganu, Kelantan dan Pahang serta di kawasan lain yang terjejas.

செலாபாங் மருத்துவமனையின் கல்வீரல் மாற்று அறுவை சிகிச்சை மையத்திற்கு மே போங்க் அறுவாரியம் வெ.162,000 வழங்கியது

明年增 10%

Maybank H1 earnings surge to record high

Maybank to lead in Asean

Analyst Reports

WONG WEI-SHEN
PETERLING JAYA: Analysts believe that Malayan Banking Bhd's (Maybank) efforts to increase its presence overseas is a good move that will make it a stronger regional player.

As recently reported, Maybank could potentially buy into Philippines' only syariah-oriented commercial bank, Al Amanah Islamic Bank.

economic situation remains volatile with the eurozone crisis, we believe that positive growths in the local ETP's related sectors are expected to stimulate private investments and in turn, spur domestic loans growth as well as fuel local capital market activities.

The next journey would see the

US\$1.4bil that were awarded by Brazil's state-owned Petrobras in November 2011. The contract accounts for 31% of SapuraKencana's order book.

It calls for the charter and operation of the three PLSVs for five years from 4QFY11/15. All three vessels will

be built in Brazil

draw positive response



MAYBANK DALAM MEDIA

SOROTAN PERISTIWA



5 JANUARI 2012

Maybank telah menganjurkan lawatan ke Maybank@Tampines untuk pelajar-pelajar dari Tampines Secondary School di Singapura. Matlamat bagi lawatan itu adalah untuk berkongsi ilmu dengan pelajar mengenai penggunaan teknologi dalam sistem perbankan dan manfaatnya serta membolehkan mereka mendapat pengalaman dalam bidang perbankan.

10 JANUARI 2012

Maybank menyerahkan kunci kepada pemenang kempen “Debit & Drive Home a Volkswagen (VW) Polo” pada majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur. Kempen itu berlangsung dari Mei-September 2011.

11 JANUARI 2012

Pemain-pemain badminton terkemuka dunia berkumpul di Kuala Lumpur untuk menyertai kejohanan Badminton Terbuka Malaysia Maybank. Maybank turut mengubah stadium menjadi perkampungan badminton untuk sepanjang minggu acara berlangsung. Di antara acara badminton yang dianjurkan termasuklah “Powersmash”, permainan interaktif digital yang digabungkan dengan aplikasi realiti dan mudah alih.

12 JANUARI 2012

Maybank Singapura melancarkan Maybank Visa Infinite, kad kredit yang disasarkan kepada pelanggan segmen mewah.

12 JANUARI 2012

Maybank mengumumkan program bantuan moratorium bagi bayaran bulanan serta pengecualian caj-caj tertentu mengikut kes, sehingga 30 Jun 2012. Bantuan ini diberikan kepada pelanggan-pelanggan Perbankan Perniagaan, Perbankan PKS dan perbankan pengguna yang terjejas dalam bencana banjir di Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

16 JANUARI 2012

Bank Internasional Indonesia (BII) mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi mendapatkan kelulusan perlantikan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Maybank, Dato' Khairussaleh Ramli sebagai Pengarah Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif yang baru dan Ani Pangestu sebagai Pengarah Modal Insan BII. Mesyuarat ini turut meluluskan perubahan nama Bank kepada PT Bank Maybank Indonesia Tbk.

17 JANUARI 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) memeterai perjanjian dengan E-MoneyPlus Inc. (EMPI), cabang pindahan wang ABS-CBN Global, yang juga rangkaian multimedia terbesar di Filipina. MPI akan menyediakan gerbang pindahan wang antara bank dalam talian untuk mengkreditkan akaun pemilik yang mengekalkan akaunnya dengan anggota bank BancNet. Usahasama itu membolehkan EMPI untuk menjejaki semua bank di Filipina menerusi MPI, bagi pindahan wang ke dalam akaun ahli bank-bank BancNet.





30 JANUARI 2012

Kumpulan Maybank memuktamadkan Kemudahan Berjangka Bersindiket sebanyak AS\$330.6 juta untuk PT Bajradaya Sentranusa (BDSN). Entiti Kumpulan Maybank, PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII), Maybank Investment Bank Berhad dan PT Bank Maybank Syariah Indonesia (MSI) bersama-sama mendapat mandat untuk mengatur dan menguruskan kemudahan itu, manakala BII, Maybank Islamic Berhad dan MSI menjadi penaja jamin bagi transaksi berkenaan. PT Bank Bukopin Tbk dan Lembaga Pembiayaan Eksport Indonesia (Indonesia Eximbank) turut membiayai transaksi ini. Hasil daripada dana ini akan digunakan untuk mengambilalih keseluruhan pembiayaan bagi projek pembinaan Loji Tenaga Hidro Elektrik Asahan 1 dengan kapasiti 2x90 MW (Asahan 1 Hydroplant) yang dibangunkan di Utara Sumatra, Indonesia.

2 FEBRUARI 2012

Maybank memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina dengan persembahan remaja yang hilang deria pendengaran dari Persatuan Tarian Naga dan Singa Jing Ying Wushu Kuala Lumpur dengan tarian licik yang mengagumkan penonton dan pelanggan di Menara Maybank.

4 FEBRUARI 2012

BII memeterai memorandum persefahaman dengan Kementerian Guna Tenaga dan Transmigrasi untuk menyediakan perkhidmatan perbankan kepada pekerja Indonesia di luar negara.

22 FEBRUARI 2012

BII mengumumkan keuntungan bersih terkumpul sebanyak Rp669 bilion bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2011, meningkat 45% daripada Rp461 bilion pada 31 Disember 2010. Keuntungan sebelum cukai BII pula mencapai sejumlah Rp985 bilion, naik 25% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.



23 FEBRUARI 2012

Maybank mengumumkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) untuk tempoh enam bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011, naik 20% kepada rekod baru sebanyak RM2.58 bilion. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan pula meningkat 20.1% kepada RM3.56 bilion, untuk mengakhiri tempoh kewangan enam bulan berikutan perubahan tahun kewangan Kumpulan daripada 30 Jun kepada 31 Disember.

28 FEBRUARI 2012

Maybank membuka cawangan baru di Ranau yang juga cawangan ke-19 di Sabah untuk membolehkan lebih banyak kemudahan perbankan dapat dinikmati oleh komuniti di kawasan berkenaan.

29 FEBRUARI 2012

Maybank mengukuhkan komitmennya terhadap komuniti dengan memperuntukkan lebih daripada RM1 juta bagi program sukarelawan kakitangan "Cahaya Kasih" tahun ini menerusi Yayasan Maybank. Peruntukan untuk pejabat Maybank di seluruh dunia untuk melaksanakan inisiatif mampan yang memanfaatkan komuniti dan turut memasukkan program Cabaran Cahaya Kasih Maybank.



1 MAC 2012

Maybank mengumumkan perlantikan Herminio M. Famatigan, Jr. sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Philippines Inc. (MPI). Beliau menggantikan Amos Ong yang menggalas tanggungjawab baru sebagai Ketua, Liputan Pelanggan Serantau di bawah Perbankan Pemborongan Global, Maybank Singapura.

1 MAC 2012

MPI dengan kerjasama Maybank ATR Kim Eng, mengendalikan Taklimat Ekonomi Maybank pertama untuk pelanggan utama Kumpulan di Filipina bertajuk "Return of the Dragon: Reinvesting in Asia". Forum ini menyediakan pandangan terhadap pelaburan di rantau ini dan Filipina.

1 MAC 2012

Maybank Kemboja melancarkan Akaun Semasa Premier Maybank, akaun semasa dengan kadar faedah pelbagai peringkat. Akaun ini juga menawarkan kemudahan cek untuk perniagaan dan juga kegunaan ATM secara percuma.



3 MAC 2012

Maybank Kemboja mengembangkan pasaran untuk simpanan kanak-kanak dengan melancarkan Akaun Simpanan Yippie.



3 MAC 2012

Geran pengangkutan "Pergi Ke Sekolah", kerjasama tiga tahun di antara Maybank Singapura dan Central Singapore CDC, dilancarkan oleh Menteri Pengangkutan dan Kewangan Singapura, Puan Josephine Teo. Geran bernilai S\$100,800 itu memanfaatkan seramai 280 orang pelajar yang memerlukan dari 5 sekolah menengah di Pusat Bandar Singapura dan masing-masing menerima peruntukan subsidi pengangkutan sebanyak S\$360.

6 MAC 2012

Maybank buat pertama kalinya melancarkan program "Diamanté Private Client" yang bermatlamat untuk menyediakan pelanggan kaya dengan pengalaman perbankan baru dan khidmat kewangan peribadi di seluruh ASEAN. Hanya berdasarkan jemputan, program ini telah direka untuk memberikan pengiktirafan kepada sekumpulan pelanggan yang kerap mengembara ke seluruh rantau dan menyediakan perkhidmatan peribadi di mana sahaja mereka berada.



7 MAC 2012

BII melancarkan kad kredit MC2 dengan rekaan baru mengikut aplikasi permainan animasi "Angry Birds". Kad kredit yang disasarkan untuk golongan muda ini menawarkan manfaat istimewa di pusat belian terpilih.



14 MAC 2012

Maybank Filipina memeterai perjanjian kerjasama dengan AsianLife & General Assurance Corp. (AsianLife), penyedia insurans perubatan dan hayat, untuk pekerja menyediakan perlindungan insurans kepada pelanggan, peminjam dan pendepositnya. AsianLife merupakan sebahagian daripada Kumpulan Maybank ATR Kim Eng, peneraju konglomerat perkhidmatan kewangan bukan bank di Filipina.



20 MAC 2012

Maybank mencipta satu lagi sejarah apabila ia menjadi bank tempatan pertama yang memeterai perjanjian dengan empat bank di Myanmar iaitu Asia Green Development Bank (AGD Bank), Co-operative Bank Limited (CB Bank), Ayeryarwady Bank Limited dan Kanbawza Bank Limited, sekali gus untuk memperkenalkan perkhidmatan Maybank Money Express (MME) di negara berkenaan. Perkhidmatan itu membuka saluran baru untuk pekerja-pekerja warga Myanmar di Malaysia untuk menghantar wang pulang ke negara mereka.

14 MAC 2012

Maybank Singapura mendapat mandat utama untuk mengatur kemudahan bersindiket S\$5 bilion untuk tempoh 5.5-tahun yang diberikan kepada MS Commercial Pte Ltd/Ophir-Rochor Commercial Pte Ltd, kedua-duanya dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd (60%) dan Temasek Holdings Pte Ltd (40%). MS Commercial akan mengendalikan pembangunan hartanah bersepadu di atas 4 keping tanah di Marina South manakala OR Commercial akan membangunkan 2 keping tanah di Ophir Rochor, dengan nilai projek sebanyak S\$11 bilion.



15 MAC 2012

Sebagai sebahagian daripada maklum balas lanjut daripada pelancaran program Diamante, BII melancarkan BII Diamante Visa Infinite di Jakarta. Kad itu direka untuk pelanggan yang kerap mengembara ke luar negara khususnya ke Singapura dan Malaysia.

5 APRIL 2012

Maybank mengukuhkan komitmen jangka panjangnya di Kemboja dengan menubuhkan syarikat perbadanan tempatan menerusi Maybank (Cambodia) Plc. Pelancaran syarikat ini disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak dan Perdana Menteri Kemboja, Samdech Hun Sen serta Gabenor National Bank of Cambodia, Dr. Chea Chanto. Pelancaran diadakan sempena dengan Forum Kepimpinan ASEAN ke-9 di Phnom Penh, Kemboja.

SOROTAN PERISTIWA

6 APRIL 2012

Maybank mengumumkan perantikan Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan berkuat kuasa pada 1 Jun 2012.

8 APRIL 2012

BII menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi mendapatkan kelulusan daripada pemegang sahamnya terhadap perubahan dalam Peraturan Penubuhan Syarikat dan juga prestasi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2011.



12-15 APRIL 2012

Maybank sekali lagi menjadi penaja utama Golf Terbuka Malaysia Maybank yang berlangsung di Kuala Lumpur Golf and Country Club. Acara empat hari itu menyaksikan Louis Oosthuizen sebagai juara. Selain berpeluang untuk menonton pemain golf profesional beraksi, penonton turut mendapat peluang untuk membantu golongan yang memerlukan menerusi dua aktiviti kebajikan iaitu Sky Rider dan Cabaran Charity Putt Maybank. Dana yang dikumpulkan disalurkan kepada Pusat Pemindahan Hepar Maybank di Hospital Selayang. Yayasan Maybank turut menyumbang untuk menambah kutipan dana dengan tambahan sebanyak RM50,000.

17 APRIL 2012

Maybank Singapura dan Central Singapore CDC melancarkan Program Perlindungan Ketua Keluarga Maybank untuk 180 penduduk yang tinggal di daerah Central Singapura. Di bawah program ini, mereka yang terpilih dan masih bekerja, diberikan insurans kemalangan peribadi percuma untuk tempoh lima tahun. Keluarga mereka juga disediakan dengan perlindungan jika ketua keluarga berkenaan tidak lagi berupaya. Maybank Singapura memperuntukkan sebanyak S\$150,000 untuk tujuan pembayaran premium berkenaan.

18 APRIL 2012

Maybank Singapura melancarkan semula kad kredit Maybank Business Platinum MasterCard, menjadikannya bank pertama yang menawarkan pilihan kepada pelanggan untuk memasukkan logo dan nama syarikat di atas kad kredit perniagaan mereka. Ciri istimewa ini merupakan khidmat tambahan yang diberikan kepada peniaga untuk mempamerkan jenama mereka di kalangan rakan kongsi dan sekutu perniagaan.



19 APRIL 2012

Yayasan Maybank mengembangkan program biasiswa dengan memasukkan buat pertama kalinya biasiswa peringkat pra-universiti. Kali ini ia memberikan biasiswa penuh kepada 19 pelajar yang memerlukan untuk meneruskan impian mereka belajar di universiti awam dan swasta terkemuka dalam negara. Penerima biasiswa ini disenarai pendek daripada lebih 1,000 permohonan yang diterima.





20 APRIL 2012

Maybank mengembangkan usahasama dengan Manchester United melalui pelancaran kad debit Manchester United yang disasarkan untuk menarik 50,000 pemegang kad dalam tahun pertama pengenalannya. Kad berkenaan dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2012 anjuran Permodalan Nasional Berhad yang berlangsung di Sabah.

22 APRIL 2012

Bank Internasional Indonesia (BII) buat pertama kalinya menganjurkan "BII Maybank Bali Marathon" – acara marathon antarabangsa yang menyaksikan penyertaan lebih daripada 2,000 peserta dari seluruh dunia.

23 APRIL 2012

Maybank Kim Eng melancarkan dengan rasminya jenama barunya di Thailand, dengan sasaran untuk kekal sebagai broker terkemuka di negara berkenaan.



26 APRIL 2012

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Singapura, Pollie Sim menerima anugerah Kepimpinan Program Jurubank Pacific Rim (PRBP) 2012 pada Majlis Ulang Tahun Bankuet PRBP yang ke-35 di Hong Kong. Anugerah itu merupakan pengiktirafan global bagi inisiatif berterusan untuk meneruskan kecemerlangan dalam kepimpinan dan organisasi menerusi pembelajaran, membangunkan kecekapan dan membina barisan bakat-bakat baru untuk pertumbuhan operasi masa hadapan.

29 APRIL 2012

Maybank menawarkan pemegang kad Manchester United dengan peluang eksklusif untuk bertemu lagenda bolasepak Manchester United, Denis Irwin dan Paul Parker dan juga melihat trofi Liga Premier pada pelancaran kad Visa Platinum Maybank Manchester United.



SOROTAN PERISTIWA

2 MEI 2012

Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan dan Inovasi - i.InSPIRE ("i. Innovate & serve with passion, integrity, responsibility & empathy") dilancarkan di Maybank Singapura. Pusat ini akan membantu menambah baik tahap kecemerlangan perkhidmatan dan inovasi di Bank.

11 MEI 2012

Maybank Singapura diberikan anugerah khas Perkhidmatan Cemerlang bagi Pengalaman Pelanggan pada penganugerahan Perbankan & Pembayaran Asia (BPA) Trailblazer.



12 MEI 2012

Maybank Singapura mendapat Anugerah Kecemerlangan Masyarakat 2012 dari Persatuan Semangat Rakyat buat kali kedua. Maybank merupakan satu-satunya bank daripada sembilan penerima anugerah berkenaan.

12 MEI 2012

Bank Internasional Indonesia (BII) melancarkan "BII KPR Bebas Bunga" (pembiayaan kediaman tanpa kadar faedah) – produk pinjaman perumahan baru untuk dinikmati pelanggan dengan kadar serendah sifar dengan menghubungkan pinjaman berkenaan dengan akaun simpanan milik pemohon atau saudara maranya.

13 MEI 2012

Bank Internasional Indonesia (BII) meraikan ulang tahunnya yang ke-53.

14 MEI 2012

BII bekerjasama dengan Yayasan Mitra Dhuafa untuk menyediakan kemudahan pembiayaan mikro kepada kira-kira 1,250 wanita yang juga terdiri daripada anggota Koperasi Mitra Dhuafa di Jawa Barat, Jawa Tengah dan Yogyakarta.

21 MEI 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) melancarkan cawangan Lipa di Batangas City untuk menarik lebih ramai pelanggan di kawasan yang terkenal dengan sektor pertanian, perdagangan dan pasaran pengguna yang sedang berkembang.

22 MEI 2012

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Singapura, Pollic Sim dianugerahkan dengan gelaran DFICP – Profesional Industri Kewangan – oleh Institut Perbankan & Kewangan (IBF). Gelaran itu merupakan pensijilan tertinggi bagi pengamal kewangan di Singapura di bawah Rangka Kerja FICS, rangka kerja penarafan dan pengiktirafan nasional bagi industri kewangan.

23 MEI 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) melancarkan promosi "iDrive for an iGadget" untuk pinjaman kenderaan yang disasarkan untuk golongan muda dan mereka yang mempunyai minat yang tinggi terhadap teknologi.

24 MEI 2012

Maybank melaporkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM1.35 bilion bagi tempoh tiga bulan yang berakhir pada 31 Mac 2012, naik 17.9% daripada RM1.14 bilion pada Mac 2011. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan dalam tempoh berkenaan pula naik 20.2% kepada RM1.89 bilion.

8 JUN 2012

Maybank Singapura menjadi satu daripada penaja utama majlis makan malam Persatuan Ekonomi Singapura. Majlis yang diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, turut dihadiri lebih daripada 650 tetamu termasuk pembuat dasar utama, ahli perniagaan dan profesional.



20 JUN 2012

Yayasan Maybank dan Yayasan Kepimpinan Perdana bersama menganjurkan pertandingan menulis rencana berjudul “Membentuk Negara: Hak dan Tanggungjawab Kita sebagai Warganegara”. Pertandingan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Keempat yang juga Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr. Mahathir Mohamad.



21 JUN 2012

Seramai 514 anak-anak kakitangan Maybank menerima Ganjaran Kecemerlangan Anak-Anak Kakitangan Kumpulan, keseluruhannya bernilai RM250,000. Ganjaran tunai antara RM300 dan RM2,000 seorang itu diberikan kepada anak-anak kakitangan yang cemerlang dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM 2011.



25 JUN 2012

Maybank Singapura menjadi pengatur global bagi kemudahan bersindiket bernilai S\$5.1 billion untuk pengendali resort bersepadu, Marina Bay Sands Pte Ltd (MBS), satu daripada dua pengendali resort bersepadu di Singapura. Kemudahan itu bertujuan untuk membiayai semula pinjaman pembangunan resort bersepadu yang dimajukannya dan bagi membiayai keperluan am pembiayaan korporat MBS.



11 JUN 2012

Cawangan Maybank@Clementi, yang terletak di CityVibe, Singapura, memulakan operasinya. Terletak berhampiran stesen MRT Clementi dan pusat sehenti Clementi Central, cawangan ini sangat sesuai untuk mengendalikan perniagaan kecil, perbankan korporat dan runcit untuk peniaga, pelanggan kelas pekerja, pelajar, keluarga dan pembiayaan HDB.

15 JUN 2012

BII menjalin pakatan dengan The Royal Bank of Scotland (RBS) untuk mengoptimumkan perkhidmatan perbankan transaksi seperti pengurusan tunai, pembayaran, kutipan dan pindahan wang. Di bawah perjanjian ini, BII akan mendapat faedah daripada perkhidmatan transaksi RBS seperti Pembayaran Domestik dan Antarabangsa, perkhidmatan pengurusan mudah tunai, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan rantai bekalan. BII juga akan mendapat peluang untuk melakukan jualan silang perkhidmatannya dalam perbankan korporat dan runcit manakala RBS akan mendapat manfaat daripada rangkaian BII yang luas.

16 JUN 2012

BII memeterai perjanjian dengan I-Remit Inc. untuk memperkenalkan perkhidmatan pindahan wang menerusi cawangan-cawangan BII.

17 JUN 2012

BII memperkenalkan kad Platinum BII-JCB Platinum Card, kad kredit platinum pertama JCB di Indonesia

SOROTAN PERISTIWA

26 JUN 2012

Maybank mengukuhkan sokongannya kepada Pusat Pindahan Hepar di Hospital Selayang dengan sumbangan sebanyak RM162,000 menerusi Yayasan Maybank. Sumbangan ini merangkumi RM150,000 yang diperuntukkan oleh Yayasan, manakala baki sebanyak RM12,000 dikumpulkan daripada pelbagai inisiatif menjana dana oleh Kumpulan pada acara Terbuka Golf dan Badminton Malaysia Maybank yang masing-masing berlangsung pada Januari dan April 2012.



29 JUN 2012

Seramai 22 orang pelajar menerima Biasiswa Yayasan Maybank untuk meneruskan pendidikan di satu daripada 36 universiti luar negara melibatkan peruntukan sebanyak RM13.2 juta. Biasiswa itu akan diberikan dari peringkat pra-universiti.

30 JUN 2012

Maybank Kemboja bekerjasama dengan Persatuan Wanita Kedutaan Malaysia di Kemboja untuk menyumbang pam air untuk masyarakat di Kampong Samrong, Taken. Sumbangan ini adalah sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat Maybank Kemboja.



2 JULAI 2012

BII memeterai perjanjian usaha sama dengan Shinkin Central Bank (SCB) dari Jepun untuk menawarkan siri produk dan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan dan rakan kongsi di Indonesia. Di bawah perjanjian ini, pelanggan-pelanggan SCB berupaya menggunakan rangkaian perkhidmatan perbankan transaksi BII di Indonesia.

4 JULAI 2012

Maybank Singapura memenangi anugerah menerusi "Your Choice @ Focus, Singapore PMEB" bagi "Terbitan Kad Kredit Jenama Paling Digemari Melibatkan Bank Asing" menerusi kad Visa Platinum Maybank. Anugerah ini membuka peluang kepada pekerja kolar putih untuk mengundi jenama kegemaran mereka dan memilih jenama yang menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti. Maybank Singapura memenangi anugerah yang sama pada 2011.



10 JULAI 2012

Etiga Takaful Berhad meraih tiga anugerah di Persidangan Takaful Antarabangsa Ke-6 yang berlangsung di London. Etiga Takaful menerima anugerah sebagai Bancatakal Terbaik, Pemasaran Terbaik dan anugerah tersohor, "Syarikat Takaful Terbaik". Ini tahun ketiga Etiga Takaful memenangi anugerah Bancatakal Terbaik dan tahun kedua sebagai "Syarikat Takaful Terbaik" dan untuk "Pemasaran Terbaik".

10 JULAI 2012

BII memeterai usahasama dengan Seto Shinkin Bank (SSB) dari Jepun untuk digunakan oleh pelanggan-pelanggan SSB di Indonesia. Perkhidmatan yang boleh digunakan antara lain termasuk khidmat akaun, pinjaman matawang tempatan, pembiayaan perdagangan, tukaran matawang asing dan produk-produk perbendaharaan.

11-14 JULAI 2012

Cabaran Golf BII Maybank Asian Development Tour (ADT) menawarkan hadiah tunai AS\$50,000, berlangsung di Jakarta sebagai sebahagian daripada inisiatif Kumpulan Maybank untuk membantu dalam pembangunan golf di rantau ini.

17 JULAI 2012

Etiqa Takaful meraih satu lagi pengiktirafan apabila diumumkan sebagai Institusi Takaful Terbaik di Anugerah Kewangan Islam Aset "AAA" di Kuala Lumpur.



18 JULAI 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) memeterai pakatan dengan Phoenix Petroleum untuk menyediakan pembiayaan bagi program pengembangan syarikat itu. Phoenix merupakan syarikat minyak utama di Filipina dan juga satu daripada syarikat yang paling pesat mengembangkan perniagaan runcitnya.



30 JULAI 2012

BII melaporkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak Rp592 bilion untuk tempoh enam bulan yang berakhir pada 30 Jun 2012, meningkat 61% daripada Rp367 bilion pada 30 Jun 2011. Pencapaian ini merupakan PATAMI tertinggi pernah dicatatkan oleh BII sejak 1997. Keuntungan sebelum cukai dan kepentingan minoritinya pula mencecah sebanyak Rp824 bilion atau naik 59% berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.



30 JULAI 2012

Maybank memeterai kerjasama lima tahun sebagai bank runcit rasmi di taman tema interaktif pertama di negara ini, LEGOLAND® Malaysia. Kerjasama ini membolehkan Maybank untuk meraih peluang dalam pasaran pelancongan yang semakin berkembang dan juga membina jenamanya di kalangan pelancong antarabangsa.

1 OGOS 2012

Maybank Philippines Inc. menyertai terbitan nota korporat kadar berjumlah Php4.8 bilion oleh Vistaland. Vistaland merupakan pemaju hartanah terkemuka di Filipina yang turut memiliki operasi di bandar-bandar kecil di seluruh negara berkenaan.



2 OGOS 2012

BII memeterai perjanjian kerjasama dengan PT Bank Nusantara Parahyangan, Tbk (BNP) bagi memperkenalkan perkhidmatan Western Union. Menerusi kerjasama ini, BNP akan menjadi sub ejen BII bagi transaksi Western Union di 60 cawangannya, termasuk untuk pindahan wang oleh buruh-buru di luar negara. BII kini telah menjalin usahasama dengan 140 ejen yang memiliki 680 cawangan di Indonesia.



6 OGOS 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) membuka cawangan ke-53 di Tarlac, sebuah bandar di Luzon Tengah dan utara bandaraya Manila.



8 OGOS 2012

Maybank bekerjasama dengan Limkokwing University of Creative Technology (LUCT) dan MasterCard Worldwide untuk memperkenalkan buat pertama kalinya di Asia Tenggara MasterCard Prepaid University Smart Card untuk kegunaan kakitangan dan pelajar di university berkenaan.

10 OGOS 2012

BII menyumbang kelengkapan elektronik untuk mata dikenali sebagai "Laser Indirect Ophthalmoscope (LIO)" untuk Yayasan Rumah Anyo. Kelengkapan ini bagi mengesan kanser pada mata.

16 OGOS 2012

Maybank mengumumkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti bagi tempoh separuh kedua yang berakhir pada 30 Jun 2012, meningkat sebanyak 21.2% untuk mencatatkan rekod baru RM2.78 bilion yang dicapai menerusi pertumbuhan hasil sebanyak 18%. Keuntungan sebelum cukai pula naik 18.7% kepada RM3.92 bilion.

22 OGOS 2012

Maybank Singapura melancarkan perbankan mudah alih menggunakan aplikasi iPhone dan iPad. Menerusinya pengguna berupaya untuk mengendalikan transaksi perbankan internet biasa seperti pertanyaan baki, pindahan wang dan pembayaran bil.

23 OGOS 2012

Kakitangan Maybank dari Maybank (Cambodia) Plc. menganjurkan acara sukarela untuk meraih dana bagi menyokong Hospital Kantha Bopha yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan percuma kepada 85% kanak-kanak di Kemboja.

23 OGOS 2012

Maybank Singapura dianugerahkan sebagai penyedia "Laman Sesawang Terbaik – Singapura" pada Anugerah "Asian Banking & Finance" 2012. Anugerah itu memberi pengiktirafan terhadap tumpuan yang diberikan Maybank kepada pengguna dari segi memudahkan perayauan internet, mengurangkan masa muat turun, menyediakan maklumat terkini, laman sesawang yang inovatif yang mudah dimasuki serta cekap.



24 OGOS 2012

Maybank Singapura dinobatkan sebagai penerima Anugerah Majikan Tahunan (Emas) oleh majalah Asian Banking & Finance (ABF). Kategori anugerah itu baru diperkenalkan tahun ini dan Maybank Singapura merupakan satu-satunya penerima anugerah Emas.

24 OGOS 2012

Maybank Singapura memperkenalkan Swap Keuntungan Kadar Islam pertama disokong oleh pinjaman Islam bersindiket yang diperkenalkan sebagai penyelesaian pelindung nilai berlandaskan Syariah.

1 SEPTEMBER 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) memeterai perjanjian dengan Philippine Veterans Affairs Office (PVAO) untuk menyokong Direct Remittance Pension Servicing System (DRPSS). DRPSS bermatlamat untuk meningkatkan manfaat wang pencen di kalangan orang lama di Filipina dan ia menjadi antara acara utama pada sambutan ke-40 penubuhan PVAO.



3 SEPTEMBER 2012

Cawangan Maybank@Clementi Singapura dirasmikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Maybank, Mohamed Rafique Merican. Cawangan itu terletak berhampiran stesen MRT Clementi yang bakal menjadi pusat bandar Clementi.

3 SEPTEMBER 2012

Maybank buat pertama kalinya menganjurkan Hari Pelabur di Singapura pada 3 September 2012 yang dihadiri penganalisis dan pengurus dana dari Singapura dan Malaysia.

6 SEPTEMBER 2012

Maybank melancarkan dua pelan persaraan baru untuk meraih peluang dalam segmen pasaran yang sedang berkembang dengan sasaran untuk menarik kira-kira RM250 juta dalam bentuk premium dalam tahun pertama. Pelan itu terdiri daripada Pelan Persaraan Pintar, pelan endowmen biasa dengan jaminan bayaran tunai setiap tahun. Sementara itu, pelan Persaraan Usia Emas pula merupakan pelan premium tunggal berkaitan pelaburan yang memberi jaminan pulangan 110% pelaburan asal dan juga perlindungan insurans hayat.

6 SEPTEMBER 2012

BII melancarkan Sistem Membuka Akaun Tanpa Kertas untuk mengurangkan masa perkhidmatan. Pengenalan ini menjadikan BII bank Indonesia yang pertama menawarkan kemudahan seumpamanya.

7 SEPTEMBER 2012

BII memperkenalkan kadar pinjaman terapung KPR BII, produk pinjaman perumahan yang membolehkan pelanggan menikmati kadar pinjaman apungan terendah pada paras kadar BI + 3.5%

14 SEPTEMBER 2012

Maybank berjaya meletakkan harga bagi Nota Subordinat Modal Peraturan S Tahap 2 bernilai AS\$800 juta Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai mata wang sebanyak AS\$5.0 bilion. Program ini merupakan terbitan modal Peraturan S mata wang Dolar Amerika Tahap 2 terbesar pernah diterbitkan oleh sebuah bank Asia (di luar Jepun) dan turut menandakan terbitan bon mata wang dolar Amerika terbesar pernah diterbitkan oleh sebuah institusi kewangan di Malaysia.

19 SEPTEMBER 2012

BII memeterai perjanjian dengan Ogaki Kyoritsu Bank (OKB) dari Jepun untuk menjadi bank transaksi bagi pelanggan OKB di Indonesia. Di bawah kerjasama ini, BII menyediakan maklumat pasaran, perkhidmatan perbankan, pembiayaan perdagangan, tukaran asing dan lain-lain produk berkaitan perbendaharaan kepada pelanggan.



22 SEPTEMBER 2012

Dipercayai sebagai inisiatif tanggungjawab korporat (CR) terbesar yang pernah dikendalikan oleh sebuah firma tempatan di peringkat global dan secara serentak dalam satu hari, Hari CR Global Maybank dianjurkan buat kali ketiga berturut-turut dengan skala yang lebih besar dan dengan program-program yang lebih mampan. Acara itu menyaksikan lebih daripada 21,000 kakitangan Maybank – dari Malaysia dan juga di seluruh operasi global – bersatu hati untuk mengukuhkan komitmen kepada masyarakat dan memajukan komuniti. Kakitangan menyertai pelbagai inisiatif yang dianjurkan dalam bidang pemuliharaan persekitaran, pendidikan, pembangunan komuniti dan kesihatan serta kebajikan.

22 SEPTEMBER 2012

Di Indonesia, BII menyerahkan kemudahan pembersihan air di tujuh buah kampung. Kemudahan ini membolehkan penyediaan air bersih kepada lebih 1,300 penduduk Merapi yang tinggal di Magelang, Jawa Tengah.



22 SEPTEMBER 2012

Maybank Islamic memeterai perjanjian dengan Pusat Pediatrik, Institut Jantung Negara di Kuala Lumpur dan berjanji menghulurkan sumbangan sebanyak RM1.5 juta untuk pusat berkenaan. IJN akan bekerjasama dengan Maybank Islamic untuk tempoh lima tahun akan datang bagi mengendalikan pelbagai aktiviti dan melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan penjagaan kesihatan.



22 SEPTEMBER 2012

Di Singapura, lebih 1,500 kakitangan Maybank meraih dana berjumlah S\$150,000 untuk acara Olimpik Istimewa Singapura, bagi memberi peluang kepada individu bermasalah dari segi minda untuk menonjolkan keupayaan mereka menerusi pertandingan. Majlis Sukan Singapura juga menjana jumlah yang sama.



29 SEPTEMBER 2012

Dalam pengiktirafan terhadap Maybank Singapura bagi sokongan terbaik dan sumbangan terhadap keluarga yang memerlukan di Pusat Singapura, Maybank meraih Anugerah Kecemerlangan menerusi Anugerah Penghargaan Korporat Pusat Singapura Sentral 2012. Anugerah ini kali kedua diperoleh oleh Maybank Singapura yang diberikan oleh Majlis Pembangunan Komuniti Singapura Sentral.

2 OKTOBER 2012

Maybank Singapura memperkenalkan Maybank World Mastercard untuk meraih perkongsian pasaran yang lebih besar dalam segmen pelanggan mewah.

8 OKTOBER 2012

Maybank mengumumkan kejayaan penyelesaian skim persendirian yang berjaya meraih dana sebanyak RM3.66 bilion (AS\$1.2 bilion) pada kadar diskaun yang kecil berbanding harga pasaran. Tawaran persendirian ini disenaraikan sebagai terbesar dalam sejarah korporat Malaysia dan telah mendapat sambutan baik daripada pelabur-pelabur institusi tempatan dan asing.

11 OKTOBER 2012

Maybank mengumumkan ia akan terus bekerjasama dengan Perikatan Pemuliharaan Harimau Malaysia (MYCAT) untuk memberi pendedahan kepada awam dan menyokong usaha-usaha pemuliharaan harimau.



11 OKTOBER 2012

Selepas melancarkan perniagaan pedagang kad kredit di Filipina, Maybank Philippines memperkenalkan Kad Kredit Maybank dengan rakan kongsi Visa dan Mastercard di negara berkenaan.

12 OKTOBER 2012

Maybank Singapura mendapat 'Anugerah Kecemerlangan Keseimbangan Antara Kerja dan Kehidupan' 2012 buat kali keempat. Anugerah ini dianjurkan setiap dua tahun sekali. Anugerah ini mengenalpasti majikan yang menunjukkan komitmen terbaik dalam memberi maklum balas terhadap keperluan di antara keseimbangan pekerjaan dan kehidupan serta melaksanakan strategi terbaik di tempat kerja.



13 OKTOBER 2012

Etika Insurance & Takaful menerima lima anugerah pada Anugerah Industri Pusat Pengurusan Perhubungan & Panggilan (CCAM) yang berlangsung di Kuala Lumpur. Anugerah yang dimenangi merupakan anugerah Perak bagi Pusat Panggilan Masuk Terbaik dan Video Terbaik bagi Pusat Panggilan; dan anugerah gangsa bagi Pusat Pemprosesan Panggilan Terbaik, Pusat Panggilan Inovasi Teknologi Terbaik dan Pengurus Pusat Panggilan Terbaik.

15 OKTOBER 2012

Maybank secara rasminya membuka cawangan di Beijing China yang juga cawangan ketiga di China selepas Hong Kong dan Shanghai.



15 OKTOBER 2012

MPI menganjurkan taklimat pelaburan di Labuan kepada pelanggan-pelanggan utamanya. Taklimat ini dikendalikan oleh delegasi daripada Maybank International Labuan Ltd. dan pegawai-pegawai dari pejabat-pejabat perdagangan dan kerajaan Labuan.



16 OKTOBER 2012

Etika Takaful Berhad sekali lagi dinobatkan sebagai "Syarikat Takaful Terbaik" pada Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2012 yang berlangsung di Kuala Lumpur. Penganugerahan ini merupakan kali kelima berturut-turut di terima oleh Etika Takaful yang bertujuan untuk mengiktiraf inisiatif dan sumbangan individu serta institusi dalam membangunkan industri kewangan Islam.



24 OKTOBER 2012

Maybank menganjurkan pameran lukisan berjudul "Nurkulan Jiwaku" di Menara Maybank. Hasil kerjasama unik antara Yayasan Maybank, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Majlis Rehabilitasi Negara, pameran yang berlangsung selama tiga hari itu mempamerkan karya seni golongan kurang upaya. Sebanyak 19 lukisan telah terjual dan berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM20,000 untuk dimanfaatkan golongan berkenaan.

29 OKTOBER 2012

BII melaporkan rekod keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak Rp922 bilion bagi tempoh sembilan bulan yang berakhir pada 30 September 2012, naik 66%. Keuntungan sebelum cukai Bank ini turut meningkat dengan ketara sebanyak 62%, mencatatkan paras tertinggi baru sebanyak Rp1.3 trilion berbanding Rp790 bilion dalam tahun sebelumnya.

29 OKTOBER 2012

Maybank melancarkan dana premium tunggal bagi pelan insurans modal berjaminan berkaitan pelaburan, AUSpicious10, yang disasarkan meraih RM300 juta menjelang Disember 2012. AUSpicious10 menawarkan pelanggan peluang untuk melaburkan wang mereka dalam dana-dana pelaburan terpilih yang menumpukan kepada Australia, hanya dalam satu pelan.

2 NOVEMBER 2012

BII menyelesaikan terbitan bon peringkat kedua tawaran awam bernilai IDR 3 trilion. Tawaran peringkat pertama dibuat pada Disember 2011. Bon ini diterbitkan dalam dua siri iaitu Siri A untuk tempoh tiga tahun dan Siri B selama lima tahun. Terbitan bon itu bermatlamat untuk mengukuhkan struktur modal BII dan kedua-duanya telah disenaraikan di Bursa Efek Indonesia pada 1 November 2012.



5 NOVEMBER 2012

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak merasmikan pembukaan cawangan Maybank Lao di Vientiane. Pembukaan cawangan ini menandakan lengkapnya kehadiran Maybank di 10 buah negara ASEAN.

5 NOVEMBER 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) membuka cawangan ke-54, Cawangan Ibu Pejabat di kompleks baru Pusat Korporat Maybank di Taguig. Cawangan baru ini menerapkan teknologi terkini seperti Kiosk Internet dan iPad untuk digunakan pelanggan, ruang kanak-kanak bermain serta ruang santai minum kopi dan teh.



7 NOVEMBER 2012

BII melancarkan sumbangan biasiswa BII-Maybank yang menawarkan biasiswa penuh bernilai Rp10 bilion kepada pelajar-pelajar pintar dari keluarga kurang bernasib baik di 33 wilayah di Indonesia.

9 NOVEMBER 2012

Maybank mengumumkan keuntungan sebelum cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM4.29 bilion untuk tempoh sembilan bulan yang berakhir pada 30 September 2012, meningkat 18.2% daripada RM3.63 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama hingga September 2011. Keuntungan sebelum cukai pula meningkat 15.6% kepada RM5.95 bilion.

14 NOVEMBER 2012

Kira-kira 30 kakitangan bahagian Keselamatan Maybank menerima sijil yang mengesahkan mereka sebagai Pegawai Polis Bantuan selepas menamatkan sesi latihan lasak di Akademi Latihan Polis di Kuala Lumpur. Kakitangan berkenaan merupakan kumpulan pelatih pertama kakitangan bahagian keselamatan yang menjalani latihan. Mereka terdiri daripada enam orang Penyelia Sekuriti dan 24 Pengawal Keselamatan.



19 NOVEMBER 2012

Maybank merupakan bank pertama di Singapura yang memperkenalkan Maybank Smart TV App, mengguna pakai kapasiti penuh televisyen pintar Samsung Smart TV untuk mewujudkan perkhidmatan dalam talian inovasi baru dan hubungan saluran untuk pelanggan dan juga bukan pelanggan. Perkhidmatan ini bermatlamat untuk meningkatkan tahap perkhidmatan Bank dan menambah daya tarikan dan potensi jualan rentas.

21 NOVEMBER 2012

Maybank melancarkan platform Pengurusan Tunai Serantau di Singapura, yang disalurkan menerusi platform Maybank2E untuk meneroka pasaran pengurusan tunai yang sedang berkembang di Asia. Platform ini membolehkan Maybank untuk memenuhi keperluan transaksi serantau oleh pelanggan perbankan global di kesemua 10 buah negara Asean dan juga di China dan Hong Kong.



23 NOVEMBER 2012

Kumpulan Maybank telah berjaya menjayakan pinjaman bersindiket serantau dan kemudahan pinjaman berjumlah AS\$1.15 bilion di Manila untuk Genting Hong Kong Limited dan syarikat sekutunya, Travellers International Hotel Group Inc. yang merupakan pemaaju projek Resorts World di Manila. Program ini merupakan kemudahan kewangan terbesar yang diuruskan oleh Kumpulan Maybank di Filipina.



24 NOVEMBER 2012

Maybank menganjurkan Anugerah Fotografi Maybank yang berjaya menarik lebih daripada 19,000 permohonan di seluruh negara menerusi permohonan yang dibuka dari 3 September hingga 31 Oktober 2012. Ia merupakan kali pertama sebuah bank di Malaysia menganjurkan acara pertandingan fotografi sebesar ini di Malaysia. Gambar-gambar yang terpilih di kalangan peserta akhir dipamerkan di Acara Akhir Anugerah Fotografi Maybank yang berlangsung di Pusat Beli Belah One Utama, Petaling Jaya.



26-30 NOVEMBER 2012

Edisi ketiga kejuaraan Etiqa ASEAN Cup dianjurkan di Royal Selangor Golf Club. Dikendalikan oleh Persatuan Golf Malaysia dan ditaja oleh Etiqa, inisiatif ini bermatlamat untuk meningkatkan dan membangunkan bakat-bakat baru dalam sukan golf.

28 NOVEMBER 2012

Maybank melancarkan "Maybank One Solution", tawaran produk yang digabungkan dan ditawarkan menerusi konsep perbankan kios.



12 DISEMBER 2012

BII memeterai perjanjian dengan Sintesa Group untuk menyediakan kemudahan pembiayaan berjumlah AS\$100 juta.

18 DISEMBER 2012

BII memberi sokongan terhadap pelancaran "BII Sukma Inspirasi", majalah dalam talian yang disasarkan kepada usahawan wanita.

18 DISEMBER 2012

Maybank Philippines Inc. (MPI) menyumbang sebanyak Php500,000 kepada ABS-CBN Sagip Kapamilya sebagai bantuan kepada mangsa Taufan Bopha, taufan tropika terkuat yang melanda Mindanao, sebuah pulau di selatan Filipina.

28 DISEMBER 2012

Maybank menawarkan moratorium enam bulan untuk ansuran bulanan bagi hutang dan juga memansuhkan caj-caj tertentu mengikut kes kepada pelanggan Perbankan Perniagaan, Perbankan PKS dan Perbankan Pengguna di Terengganu, Kelantan, Pahang dan lain-lain kawasan yang terjejas akibat banjir. Moratorium ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013.

28 DISEMBER 2012

Maybank mengembangkan rangkaianannya ke Kemboja dengan membuka cawangan ke-12 di negara berkenaan yang bertempat di Zon Ekonomi Khas Phnom Penh (PPSEZ).

ANUGERAH & pengiktirafan



ANUGERAH KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN KEWANGAN RUNCIT 2013

- Inisiatif Pengurusan Risiko Pengguna Terbaik

ANUGERAH JANJI NIAGA DAN PENYELESAIAN TAHUNAN ALPHA SOUTH EAST ASIA 2012

- Janji Niaga Modal Saiz Sederhana Terbaik Tahunan di Asia Tenggara (tawaran awam permulaan (IPO) Gas Malaysia bernilai AS\$241.5 juta)
- Janji Niaga REIT Terbaik Tahunan di Asia Tenggara; Janji Niaga Paling Inovatif Tahunan di Asia Tenggara (AS\$275.3 juta (RM837.5 juta) REIT IGB)
- Janji Niaga projek Pembiayaan Terbaik Tahunan di Asia Tenggara (AS\$780 juta (RM2.4 bilion) Kertas Komersial & IMTN Islam Danalnfra Nasional)
- Janji Niaga Pembiayaan Islam Terbaik Tahunan di Asia Tenggara (AS\$11.1 bilion (RM23.35 bilion) Program IMTN + RM11b Sukuk Berjaminan PLUS)

ANUGERAH JANJI NIAGA DAN PENYELESAIAN TAHUNAN ALPHA SOUTH EAST ASIA 2012 (KIM ENG & MAYBANK INVESTMENT)

- IPO Penyenaraian Berganda Terbaik Tahunan di Asia Tenggara;
- Janji Niaga Ekuiti Terbaik Tahunan di Asia Tenggara (RM6.7 bilion (S\$2.7 bilion) tawaran ekuiti IHH)

ANUGERAH IFR ASIA 2012

- Janji Niaga Pasaran Modal Malaysia Terbaik (RM\$6.3 bilion IPO IHH Healthcare, Malaysia dan Singapura)

ANUGERAH JENAMA GRADUAN 2012

- Majikan Pilihan Utama di Malaysia

ANUGERAH MAJIKAN PILIHAN UTAMA

- Kategori Perkhidmatan Perbankan & Kewangan

ANUGERAH RADAR GLOBAL 2012

- Pingat Emas bagi Reputasi Keseluruhan

ANUGERAH ALPHA SOUTHEAST ASIA

- Bank PKS Terbaik

ANUGERAH ACARA PEMASARAN

- Anugerah Emas Bagi Tajaan Menyaksikan Perlawanan di Old Trafford menerusi Pengaktifan Maybankard Manchester United
- Hadiah Gangsa bagi Penggunaan Pemasaran Runcit Terbaik untuk Mengaktifkan Akaun Gadai Ganji Mudah Alih

ANUGERAH KEPIMPINAN ICT TAHUNAN 2012 (PIKOM)

- Anugerah Tahunan Pertubuhan ICT Malaysia
- Anugerah CIO Tahunan 2012

ANUGERAH PENCAPAIAN SGAM ICT TAHUNAN 2012 (PIKOM)

- Pencapaian Dalam Kejelasan Projek : Melaraskan Strategi & Menyeragamkan Maklumat Projek

ANUGERAH NACRA 2012

- Anugerah Platinum Kecemerlangan Keseluruhan
- Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Pembiayaan
- Anugerah Platinum bagi Rekaan Terbaik Laporan Tahunan
- Anugerah Emas bagi Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik
- Anugerah Perak bagi Laporan Tahunan Bahasa Malaysia Terbaik

ANUGERAH JENAMA PALING BERNILAI DI MALAYSIA 2012

- Jenama Paling Bernilai di Malaysia

ANUGERAH ASIA THE ASSET TRIPLE A 2012

- Pembiayaan Islam Terbaik bagi Bank di Malaysia
- Bank Runcit Islam Terbaik di Malaysia

ANUGERAH MAJIKAN TERBAIK - EMAS 2012 (SINGAPURA)

- Anugerah Majikan Tahunan

ANUGERAH KECEMERLANGAN KESEIMBANGAN PEKERJAAN DAN KEHIDUPAN 2012 (SINGAPURA)

- Kecemerlangan Pekerjaan - Kehidupan

ANUGERAH PENGHARGAAN KORPORAT CENTRAL SINGAPORE 2012

- Anugerah Kecemerlangan

ANUGERAH KEWANGAN ISLAM THE ASSET TRIPLE A 2012

- Ekuiti Islam Terbaik - IPO Bumi Armada
- Sukuk Korporat Terbaik - Sukuk Projek Lebuhraya Usahasama
- Janji Niaga Penstrukturan Islam Terbaik - Pengurusan Aset Air Berhad

ANUGERAH BANK TERBAIK ASIAMONEY 2012

- Institusi Hutang Domestik Terbaik Malaysia

ANUGERAH PEMBIAYAAN ISLAM THE ASSET TRIPLE A 2012

- Bank Pembiayaan Perdagangan Islam Terbaik di Malaysia
- Bank Peruncitan Islam Terbaik di Malaysia
- Janji Niaga Islam Terbaik / Sukuk Berdaulat Terbaik - Sukuk Global Wakala
- Janji Niaga Islam Terbaik di Malaysia - Sukuk Global Wakala

ANUGERAH TAHUNAN JANJI NIAGA FINANCIAL TIMES - THE BANKER 2012

- Ekuiti / IPO / Berkaitan Ekuiti
- Pembiayaan Perdagangan

ANUGERAH INSTITUSI KEWANGAN ISLAM TERBAIK 2012

- Bank Sukuk Terbaik
- Janji Niaga Kewangan Islam Terbaik Tahunan

ANUGERAH INSTITUSI PEMBIAYAAN HUTANG TERBAIK 2012

- Institusi Pembiayaan Hutang Terbaik

ANUGERAH INOVASI TINJAUAN KEWANGAN (FIIA) DI BAWAH KATEGORI PEMASARAN SOSIAL

- Inovasi dalam Pemasaran Sosial

ANUGERAH NEF-AWANI ICT 2011

- Perbankan Dalam Talian Popular di bawah Anugerah Pilihan Awam

ANUGERAH PUTRA BRAND 2012

- Jenama Tertinggi di Malaysia dalam Kategori kewangan (Emas) Anugerah Inovasi Malaysia 2012
- Aplikasi Pembayaran Mudah Alih M2U

ANUGERAH KOMUNITI PEOPLE'S ASSOCIATION COMMUNITY SPIRIT 2012

- Anugerah Kecemerlangan (Maybank Singapura)

2012 PACIFIC RIM BANKERS PROGRAM (PRBP) ANUGERAH KEPIMPINAN YANG DIMENANGI OLEH MAYBANK SINGAPURA

ANUGERAH INOVASI TINJAUAN KEWANGAN

- Pemenang bagi kategori Pemberi Pinjaman
- Anugerah Kecemerlangan Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia MSWG

ANUGERAH PERBANKAN PERIBADI EUROMONEY

- Perkhidmatan Perbankan Peribadi Terbaik Keseluruhan
- No.1 dalam Pengurusan Perhubungan
- No.1 dalam Maklumat Sulit dan Sekuriti
- No.1 dalam Jenis-jenis Produk Pelaburan
- No.1 bagi Kategori Pelanggan Mewah (aset yang diuruskan antara AS\$500,000 - AS\$1 juta)
- No.1 bagi Pelanggan Kaya Kategori I (AS\$1 juta - AS\$10 juta),
- No.1 bagi Pelanggan Kaya Kategori II (AS\$10 juta - AS\$30 juta),
- No.1 bagi Pelanggan Kaya Kategori III (Lebih banyak daripada AS\$30 juta).

ANUGERAH CSR PERDANA MENTERI 2012

- Kategori Budaya dan Peninggalan

ANUGERAH ASIAMONEY 2012

- Syarikat Yang Diuruskan Terbaik di Malaysia - Permodalan Pasaran

RINGKASAN KEWANGAN

KUMPULAN DALAM LIMA TAHUN

	Kumpulan				
	<----- TK 30 Jun ----->			TK 31 Dis	TK 31 Dis
	2009	2010	2011	2011 ¹	2012
KEPUTUSAN OPERASI (RM' juta)²					
Hasil operasi	17,586	18,560	21,040	12,892	27,532
Keuntungan operasi	3,064	5,249	6,135	3,497	7,742
Keuntungan sebelum cukai	1,674	5,370	6,270	3,571	7,895
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	692	3,818	4,450	2,587	5,745
PENYATA UTAMA MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN (RM'juta)²					
Jumlah aset	310,739	336,700	411,254	451,595	494,866
Portfolio pelaburan kewangan ³	70,132	68,885	76,871	84,669	92,820
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	186,252	205,894	255,018	276,253	311,825
Jumlah liabiliti	284,971	308,035	377,522	415,584	450,912
Deposit daripada pelanggan	212,599	236,910	282,797	314,692	347,156
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	221,587	232,273	292,109	369,792	379,695
Modal berbayar	7,078	7,078	7,478	7,639	8,440
Ekuiti pemegang saham	24,899	27,877	32,395	34,456	42,229
MAKLUMAT SAHAM²					
Sesaham (sen)					
Pendapatan asas ⁴	12.0	53.9	61.4	34.5	72.7
Pendapatan dicairkan ⁴	12.0	53.9	61.4	34.5	72.7
Dividen kasar	8.0	55.0	60.0	36.0	65.0
Aset bersih (sen)	351.8	393.9	433.2	451.1	500.3
Harga saham pada 31 Dis/30 Jun (RM)	5.90	7.56	8.94	8.58	9.20
Permodalan pasaran (RM' juta)	41,758	53,510	66,855	65,546	76,551
NISBAH KEWANGAN (%)²					
Nisbah keuntungan/penguasaan pasaran					
Margin faedah bersih atas aset pendapatan faedah purata	2.8	2.9	2.6	2.5 ⁸	2.4
Faedah bersih atas aset wajaran risiko purata	3.4	3.5	3.6	4.0 ⁸	3.9
Pulangan bersih dana pemegang saham purata	3.1	14.5	14.5	15.2 ⁸	16.0
Pulangan bersih aset purata	0.2	1.2	1.2	1.2 ⁸	1.2
Pulangan bersih aset berwajaran risiko purata	0.3	1.6	1.8	2.0 ⁸	2.1
Nisbah kos kepada pendapatan ⁵	52.2	46.5	49.2	49.7	48.6
Penguasaan pasaran domestik dalam:					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	17.8	17.6	18.1	17.9	18.2
Deposit daripada pelanggan - Akaun Simpanan	26.6	27.7	27.9	27.6	27.7
Deposit daripada pelanggan - Akaun Semasa	21.3	20.5	20.7	19.5	20.2
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)²					
(Selepas ditolak cadangan dividen akhir)					
Nisbah modal teras ⁶	10.8	10.1-11.0	11.2-11.8	11.0-11.7	12.8-13.5
Nisbah modal berwajaran risiko ⁶	14.8	13.7-14.6	14.7-15.4	15.7-16.4	16.6-17.4
NISBAH KUALITI ASET²					
Nisbah pinjaman rosot nilai bersih/pinjaman tidak berbayar bersih (%)	1.6	1.2	2.3	1.9	1.1
Liputan kerugian pinjaman (%)	112.9	124.5	82.3	86.9	105.6
Pinjaman bersih kepada nisbah deposit (%)	87.4	86.8	90.2	87.8	89.8
Deposit kepada dana pemegang saham (gandaan)	8.5	8.5	8.7	9.1	8.2
PENILAIAN ATAS SAHAM²					
Hasil dividen kasar (%)	1.4	7.3	6.7	4.2	7.1
Nisbah pembayaran dividen (%)	61.4	76.5	74.9	79.9	74.7
Harga kepada pendapatan berganda (gandaan) ⁷	49.1	14.0	14.6	24.9	12.7
Harga kepada penyata berganda (gandaan)	1.7	1.9	2.1	1.9	1.8


- Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun ke 31 Disember.
- Angka perbandingan buat pertama kalinya disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.
- Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.
- Diselarkan bagi terbitan hak yang selesai pada 30 April 2009 dan terbitan bonus 1:4 yang selesai pada 20 Februari 2008 dan Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank yang berkaitan kepada Unit Saham Terhad pada 31 Disember 2011.

- Nisbah kos kepada pendapatan dikira menggunakan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Jumlah kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan overhead tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara bagi PT Bank International Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Ltd.
- Nisbah kecukupan modal bagi bulan Disember 2012, Disember 2011, Jun 2011 dan Jun 2010 mempamerkan dua kemungkinan besar, iaitu
 - Apabila bahagian boleh pilih penuh tidak dilabur semula; dan
 - Apabila bahagian boleh pilih penuh dilabur semula dalam saham biasa baru selaras dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen.
- Gandaan harga kepada hasil (gandaan); (2009) 12.8 kali (sebelum rosot nilai muhibah/syarikat bersekutu).
- Secara tahunan.

Bank	
TK 31 Dis 2011 ¹	TK 31 Dis 2012
8,175	17,346
2,670	5,498
2,670	5,498
2,065	4,306
324,000	342,557
55,956	60,643
194,174	214,852
294,365	305,661
222,895	237,402
336,480	338,799
7,639	8,440
29,634	36,895
27.5	54.5
27.5	54.5
36.0	65.0
387.9	437.1
—	—
—	—
2.2 ⁸	2.1
3.3 ⁸	3.1
14.3 ⁸	13.8
1.3 ⁸	1.3
2.2 ⁸	2.2
41.7	43.3
17.9	18.2
27.6	27.7
19.5	20.2
14.7-15.7	16.3-17.3
14.7-15.7	16.3-17.3
2.1	1.1
83.3	106.8
87.1	90.5
7.5	6.4
—	—
—	—
—	—


Keuntungan sebelum cukai

RM7.89 bilion




keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti bank


RM5.74 bilion



Jumlah Aset
RM494.9 bilion




Jumlah Liabiliti
RM450.9 bilion




Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

RM311.8 bilion




Deposit daripada pelanggan

RM347.2 bilion




Ekuiti pemegang saham

RM42.2 bilion



Modal berbayar


RM8.4 bilion



TK - Tahun Kewangan FP - Tempoh Kewangan

RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN


Aset



Pada 31 Disember 2012


- Tunai dan dana jangka pendek
- Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan
- Portfolio pelaburan kewangan
- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan
- Aset-aset lain
- Deposit berkanun dengan bank-bank pusat

Aset



Pada 31 Disember 2011


Liabiliti & Ekuiti Pemegang Saham



Pada 31 Disember 2012

- Deposit daripada pelanggan
- Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan
- Liabiliti-liabiliti lain
- Tanggungan subordinat dan sekuriti modal
- Modal Saham
- Rizab
- Kepentingan tidak dikawal

Liabiliti & Ekuiti Pemegang Saham



Pada 31 Disember 2011

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN DALAM SUKU TAHUN

	TKB 31 Disember 2012				
RM' juta	S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	6,658	6,876	6,971	7,027	27,532
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	2,556	2,673	2,727	2,721	10,677
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	87	170	91	304	652
Keuntungan operasi	1,860	1,978	1,989	1,915	7,742
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,895	2,026	2,025	1,949	7,895
Keuntungan bersih boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,347	1,437	1,501	1,460	5,745
Pendapatan sesaham (sen)	17.63	18.64	19.11	17.29	72.67
Dividen sesaham (sen)	—	32.00	—	33.00	65.00

	TKB 31 Disember 2011 ¹		
RM' juta	S1	S2	6B
Hasil operasi	6,155	6,737	12,892
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	2,390	2,644	5,034
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	177	250	427
Keuntungan operasi	1,804	1,693	3,497
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,840	1,731	3,571
Keuntungan bersih boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,328	1,259	2,587
Pendapatan sesaham (sen)	17.76	16.72	34.48
Dividen sesaham (sen)	—	36.00	36.00

- 1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

FAEDAH UTAMA BERKAITAN ASET DAN LIABILITI

TKB 31 Dis 2012			
	Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta
<u>Faedah aset pendapatan</u>			
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	311,825	6.38	15,131
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	51,968	1.79	792
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	29,157	3.89	103
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	60,792	3.38	1,695
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	2,871	3.56	327
<u>Faedah berkaitan liabiliti</u>			
Deposit daripada pelanggan	347,156	1.78	5,957
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	33,887	2.03	861
Pinjaman	10,714	3.29	389
Tanggungan subordinat	13,510	4.46	562
Sekuriti modal	6,150	6.54	401
TKB* 31 Dis 2011 ¹			
	Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta
<u>Faedah aset pendapatan</u>			
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	276,253	6.46	7,017
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	56,550	2.19	385
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	18,394	3.21	67
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	63,585	3.66	851
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	2,690	3.67	232
<u>Faedah berkaitan liabiliti</u>			
Deposit daripada pelanggan	314,692	1.92	2,725
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	36,761	1.90	393
Pinjaman	7,185	4.00	153
Tanggungan subordinat	14,161	4.27	236
Sekuriti modal	6,114	6.54	201

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan Berakhir.

PENYATA NILAI TAMBAH

NILAI TAMBAH	TKB* 31 Dis 2011 ¹ RM'000	TKB 31 Dis 2012 RM'000
Pendapatan faedah bersih	4,026,278	8,480,717
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	1,008,037	2,196,259
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	426,519	652,445
Pendapatan operasi lain	2,374,180	5,273,749
Perbelanjaan operasi tidak termasuk kos kakitangan, susut nilai dan pelunasan aset	(1,662,651)	(3,198,880)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih	(329,080)	(642,711)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	(67,237)	(60,216)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	74,234	152,476
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	5,850,280	12,853,839

PENGAGIHAN NILAI TAMBAH	TKB* 31 Dis 2011 ¹ RM'000	TKB 31 Dis 2012 RM'000
Kepada kakitangan:		
Kos kakitangan	2,096,715	4,589,373
Kepada kerajaan:		
Percukaian	888,993	1,977,306
Kepada penyedia modal:		
Dividen dibayar kepada pemegang saham	1,794,772	3,944,958
Kepentingan tidak dikawal	95,047	172,597
Untuk dilabur semula di dalam Kumpulan:		
Susut nilai dan pelunasan	182,473	369,867
Keuntungan terkumpul	792,280	1,799,738
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	5,850,280	12,853,839

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan Berakhir.

MAKLUMAT SEGMENT

ANALISIS MENGIKUT KEDUDUKAN GEOGRAFI

	TKB* 31 Dis 2011 ¹		TKB 31 Dis 2012	
PENDAPATAN BERSIH	RM'000	Komposisi	RM'000	Komposisi
1 Malaysia	5,048,289	64%	10,663,215	64%
2 Singapura	1,254,328	16%	2,463,826	15%
3 Indonesia	1,161,984	15%	2,562,083	15%
4 Lokasi-lokasi lain	370,413	5%	914,046	6%
	7,835,014	100%	16,603,170	100%

	TKB* 31 Dis 2011 ¹		TKB 31 Dis 2012	
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	RM'000	Komposisi	RM'000	Komposisi
1 Malaysia	2,632,796	74%	5,510,254	70%
2 Singapura	569,336	16%	1,138,759	14%
3 Indonesia	166,318	5%	553,985	7%
4 Lokasi-lokasi lain	202,642	5%	691,601	9%
	3,571,092	100%	7,894,599	100%

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan Berakhir.

ANALISIS MENGIKUT AKTIVITI

	TKB* 31 Dis 2011 ¹	TKB 31 Dis 2012
PENDAPATAN BERSIH	RM'000	RM'000
1 Perkhidmatan Kewangan Komuniti	3,386,321	6,870,524
2 Perbankan Global	2,146,607	5,291,516
3 Perbankan Antarabangsa	2,438,392	5,172,399
4 Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset	602,358	1,197,020
5 Ibu pejabat dan lain-lain	(738,664)	(1,928,289)
	7,835,014	16,603,170

	TKB* 31 Dis 2011 ¹	TBK 31 Dis 2012
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	RM'000	RM'000
1 Perkhidmatan Kewangan Komuniti	1,688,834	3,024,238
2 Perbankan Global	1,250,300	3,808,135
3 Perbankan Antarabangsa	977,262	2,292,913
4 Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset	393,360	697,602
5 Ibu pejabat dan lain-lain	(738,664)	(1,928,289)
	3,571,092	7,894,599

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Keputusan itu buat pertama kalinya telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia ("MFRS") dan perubahan dasar perakaunan.

* Tempoh Kewangan Berakhir.



A close-up photograph of industrial machinery. A black metal chain runs vertically on the right side. In the bottom left corner, a large, yellow, toothed gear is visible. The background is blurred, showing more mechanical parts and a warm, golden light.

Menyediakan kepakaran industri untuk memperkasakan perniagaan anda

Sebagai satu daripada bank terbesar di Asia Tenggara dengan sejarah yang panjang dalam perbankan perniagaan dan korporat, kami memiliki asas dan pengalaman untuk memenuhi keperluan kompleks pelanggan-pelanggan kami.

TINJAUAN KEWANGAN KUMPULAN



“Prestasi kewangan pada tahun 2012 mencerminkan komitmen kami untuk mewujudkan nilai pemegang saham. Kami mencapai rekod PATAMI hasil daripada pertumbuhan pinjaman yang kukuh di rantau ini, pengurusan kos yang berkesan dan pada masa yang sama terus meningkatkan kualiti aset. Hasilnya, kami dapat memberikan 16.0% ke atas Pulangan Ekuiti Pemegang Saham. Pada tahun kewangan ini, Bank juga menyediakan RM3.66 bilion untuk mengukuhkan asas modal bagi pertumbuhan selanjutnya. Penempatan ekuiti ini adalah urusan niaga yang terbesar seumpamanya dalam korporat Malaysia.”

MOHAMED RAFIQUE MERICAN

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

SOROTAN TAHUN KEWANGAN 2012

- Kumpulan Maybank mencapai PATAMI pada paras rekod sebanyak RM5.74 bilion serta mencipta nilai pemegang saham yang unggul dengan ROE sebanyak 16.0% melepasi KPI utama kami sebanyak 15.6%.
- Ini adalah tahun ketiga pertumbuhan pendapatan dua angka dicatatkan, yang mana didorong oleh pertumbuhan pendapatan lebih tinggi, kecekapan operasi dan peningkatan dalam kualiti aset.
- Peningkatan dalam Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) Kumpulan dan PATAMI diketuai oleh peningkatan keseluruhan 12.0% dalam hasil kewangan, berbanding tahun sebelumnya, dengan operasi domestik berkembang 10.5% dan antarabangsa semakin meningkat 15.5%.
- Operasi Antarabangsa kini menyumbang 30.2% kepada PBT Kumpulan, meningkat daripada 23.8% pada tahun 2011, dengan Keuntungan Sebelum Cukai Singapura kini melepasi paras RM1.0 bilion, dan Keuntungan Sebelum Cukai Indonesia meningkat 60% dalam perbandingan tahun-ke-tahun untuk mencapai RM554 juta.
- Maybank Islamic mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.19 bilion, meningkat 24.9% dan jumlah pembiayaan kasar naik 18.3% kepada RM62 bilion, mewakili 30.6% daripada jumlah pembiayaan domestik Maybank.
- Penyata Kewangan Kumpulan terus kukuh dengan jumlah aset sebanyak RM495 bilion, dan RWCR sebanyak 17.2% (dengan andaian kadar pelaburan semula sebanyak 85%).
- Kualiti aset terus bertambah baik dengan nisbah Pinjaman Rosot Nilai Bersih sebanyak 1.09% dan liputan kerugian pinjaman sebanyak 105.6%.
- Kami mencadangkan dividen bersih akhir sebanyak 28.5 sen sesaham, kesemuanya berjumlah RM2.4 bilion. Ini menjadikan jumlah dividen bersih tahun kewangan 2012 kepada RM4.29 bilion mewakili nisbah pembayaran dividen bersih sebanyak 74.7%.

Keuntungan Selepas Cukai dan
Kepentingan Minoriti

RM5.74 bilion

CY2011: RM4.88 bilion

Nisbah Kos atas Pendapatan

48.6%

CY2011: 49.9%

Nisbah Modal Berwajaran Risiko

17.24%

(andaian kadar pelaburan semula 85%)

CY2011: 16.29%

Sumbangan PBT Antarabangsa

30.2%

CY2011: 23.8%

Pulangan atas Ekuiti

16.0%

CY2011: 15.7%


Pertumbuhan Pinjaman Kasar

12.2%

CY2011: 23.7%

RINGKASAN KEPUTUSAN TAHUN KEWANGAN 2012

PATAMI (RM bilion) & EPS (sen)



(RM'mil)	TK2012	CY2011	T-ke-T
Pendapatan faedah bersih	8,480.7	7,624.4	11.2%
Pendapatan berasaskan dana bersih (Perbankan Islam)	1,699.4	1,560.9	8.9%
Pendapatan berasaskan dana bersih	10,180.1	9,185.3	10.8%
Pendapatan bukan faedah	5,273.7	4,499.7	17.2%
Pendapatan berasaskan yuran (Perbankan Islam)	496.9	278.0	78.8%
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans	652.4	856.0	-23.8%
Pendapatan berasaskan yuran bersih	6,423.0	5,633.7	14.0%
Pendapatan bersih	16,603.1	14,819.0	12.0%
Perbelanjaan overhead	(8,158.1)	(7,457.9)	9.4%
Peruntukan	(702.9)	(626.0)	12.3%
Keuntungan operasi	7,742.1	6,735.1	15.0%
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	7,894.6	6,875.2	14.8%
Keuntungan selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)	5,744.7	4,884.0	17.6%
EPS - Asas (sen)	72.7	65.1	11.7%

- Kumpulan terus mencatat prestasi kewangan kukuh dalam tahun kewangan 2012, dengan PBT dan PATAMI, masing-masing meningkat 14.8% dan 17.6% manakala pendapatan sesaham meningkat 11.7%. Pertumbuhan keuntungan disumbangkan oleh pendapatan bersih lebih tinggi yang meningkat sebanyak 12.0%, manakala pertumbuhan perbelanjaan overhead dikekang pada 9.4%, mencerminkan kecekapan operasi yang lebih baik di seluruh Kumpulan.
- Pertumbuhan pendapatan bersih disokong oleh pertumbuhan 10.8% dalam pendapatan berasaskan dana bersih (yang terdiri daripada pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan dana bersih daripada perbankan Islam) akibat daripada pinjaman yang kukuh dan pertumbuhan deposit dalam pasaran tempatan kami, khususnya Indonesia, di mana pertumbuhan pinjaman berada pada 20.8%. Pendapatan berasaskan yuran bersih meningkat lebih tinggi pada 14.0% terhasil daripada caj atau bayaran perkhidmatan yang lebih tinggi dan yuran, yuran broker, pendapatan komisen, keuntungan daripada pelaburan dan pendapatan yuran lebih tinggi daripada operasi perbankan Islam.
- Perbelanjaan overhead meningkat 9.4% sejajar dengan pengembangan perniagaan. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kos kakitangan yang lebih tinggi sebanyak 14.9% dan perbelanjaan pemasaran yang naik 13.3% disebabkan oleh pertumbuhan perniagaan yang lebih kukuh. Oleh kerana perbelanjaan meningkat pada kadar yang lebih perlahan daripada pertumbuhan pendapatan, Kumpulan dapat memulihkan nisbah kos kepada pendapatan daripada 49.9% pada tahun sebelumnya kepada 48.6%.

* Tahun kalendar (CY) 2011 berdasarkan angka yang belum diaudit

TINJAUAN KEWANGAN KUMPULAN

- Jumlah peruntukan meningkat sebanyak 12.3% disebabkan terutamanya oleh peruntukan kerugian pinjaman lebih tinggi untuk beberapa pinjaman rosot nilai yang baru tetapi dikurangkan dengan dimasukkan kira semula peruntukan rosot nilai dalam segmen korporat. Liputan kerugian pinjaman Kumpulan juga meningkat dengan ketara kepada 105.6% daripada 86.9% pada tahun kalendar 2011.
- Kualiti aset terus bertambah baik dengan nisbah pinjaman rosot nilai bersih sebanyak 1.09% daripada 1.86% pada tahun sebelumnya.
- Pendapatan sesaham meningkat 11.7% kepada 72.7 sen berbanding 65.1 sen pada tahun kalendar 2011.
- Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 18 sen sesaham ditolak cukai 25% dan 15 sen dividen peringkat satu terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen dividen peringkat satu dan bahagian boleh pilih daripada 29 sen (24.5 sen bersih setiap saham), di mana bahagian boleh pilih terdiri daripada 11 sen dividen peringkat satu dan 18 sen dividen yang dikenakan cukai (bersih 13.5 sen).
- Jumlah dividen kasar bagi tahun kewangan ialah 65 sen sesaham. Sila rujuk kepada Saham Maybank dalam laporan tahunan ini untuk maklumat lanjut mengenai dividen.

KAJIAN PERNIAGAAN

Hasil mengikut segmen perniagaan

RM juta	TK2012	CY2011	Perubahan T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	6,871	6,626	3.7%
Perbankan Korporat	2,301	1,492	54.3%
Pasaran Global	1,711	1,546	10.7%
Perbankan Pelaburan	1,279	888	44.0%
Perbankan Antarabangsa	5,172	4,477	15.5%
Insurans & Takaful	1,197	1,232	-2.9%

PBT Mengikut Segmen Perniagaan

RM juta	TK2012	CY2011	Perubahan T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	3,024	3,247	-6.9%
Perbankan Korporat	1,989	1,241	60.3%
Pasaran Global	1,474	1,264	16.6%
Perbankan Pelaburan	345	126	173.8%
Perbankan Antarabangsa	2,293	1,649	39.3%
Insurans & Takaful	698	790	-11.6%


- Dalam TK2012, kebanyakan segmen perniagaan Kumpulan mencatatkan pertumbuhan positif dalam hasil dan PBT. Pertumbuhan tertinggi datangnya daripada segmen Perbankan Global (GB), yang mencatatkan peningkatan 35% dalam hasil atau hasil dan peningkatan 45% dalam PBT. Ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam unit-unit berikut:
 - Perbankan Pelaburan, yang kini merupakan bank pelaburan utama di rantau ini berikutan penggabungan dengan Kim Eng Holdings, melaporkan peningkatan sebanyak 173.1% dalam PBT. Ini disokong oleh peningkatan 44% dalam pendapatan berikutan penyertaan dalam IPO utama, dan hutang dan urus niaga pasaran modal ekuiti.
 - Korporat Perbankan PBT meningkat dengan ketara sebanyak 60.3% kepada RM1.99 bilion hasil daripada pertumbuhan yang kukuh dalam Pinjaman Berjangka (25.4%) manakala bahagian itu mengekalkan kedudukan yang sihat dalam pasaran pembiayaan perdagangan.
 - Pasaran Global mencatatkan pertumbuhan sebanyak 16.5% dalam PBT di sebalik peningkatan 10.7% dalam hasil berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh perluasan keupayaan pasaran global di seluruh rantau ini.
- PBT operasi antarabangsa menyaksikan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 39.1% hasil daripada perluasan perniagaan kami di Asia Tenggara. PBT Maybank Singapura melepasi paras RM1 bilion manakala Maybank BII memberi sumbangan ketara kepada keuntungan sebelum cukai sebanyak RM526 juta.
- Sektor CFS Kumpulan mencatatkan PBT lebih rendah daripada tahun sebelumnya, yang terjejas oleh pengelasan semula akaun perbankan PKS dan perniagaan untuk Perbankan Global pada tahun 2011. Tanpa pemindahan akaun-akaun ini untuk Perbankan Global, CFS boleh mencatatkan hasil yang lebih tinggi pada tahun 2012.

* Tahun kalendar (CY) 2011 berdasarkan angka yang belum diaudit

- Insurans, Takaful & Pengurusan Aset mencatatkan pertumbuhan yang normal dalam hasil dan PBT, masing-masing sebanyak 13.6% dan 14.2% pada tahun kewangan 2012. Insurans bersih dan pendapatan takaful pada tahun 2011 termasuk 18 bulan pemindahan lebihan aktuari kerana terdapat dua tempoh akhir tahun kewangan sejajar dengan peralihan Kumpulan daripada kewangan akhir tahun bulan Jun kepada penghujung tahun kewangan Disember. Terdapat juga pelarasan berlaku sekali pada bulan Disember 2011 disebabkan oleh perubahan dalam asas penilaian liabiliti aktuari.

Komposisi hasil kewangan Kumpulan dan PBT mengikut segmen perniagaan

Hasil mengikut segmen perniagaan





PBT mengikut segmen perniagaan



- Hasil kewangan Kumpulan terdiri daripada 37.1% daripada Perkhidmatan Kewangan Komuniti, 28.6% daripada Perbankan Global (terdiri daripada Perbankan Korporat, Pasaran Global dan Perbankan Pelaburan), 27.9% daripada operasi antarabangsa dan 6.5% daripada Insurans, Takaful & Pengurusan Aset.
- PBT Kumpulan yang terdiri daripada 30.8% daripada Perkhidmatan Kewangan Komuniti, 38.8% Perbankan Global (terdiri daripada Perbankan Korporat, Pasaran Global dan Perbankan Pelaburan), dan 7.1% Insurans, Takaful & Pengurusan Aset.


Hasil kewangan Kumpulan dan PBT mengikut geografi



* Tahun kalendar (CY) 2011 berdasarkan angka yang belum diaudit

TINJAUAN KEWANGAN KUMPULAN

Keuntungan sebelum cukai



- Operasi domestik menyumbang 64% daripada hasil Kumpulan dan 70% daripada keuntungan sebelum cukai dalam tahun kewangan 2012. Operasi luar negara yang merupakan bahagian selebihnya, meningkatkan sumbangan hasil dan keuntungan sebelum cukai masing-masing kepada 36% dan 30% berbanding masing-masing sebanyak 30% dan 24%.

PENYATA KEWANGAN TERUS KUKUH

- Jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak RM43.3 bilion atau 9.6% kepada RM494.9 bilion daripada RM451.6 bilion pada 31 Disember 2011. Pertumbuhan kukuh jumlah aset disumbangkan oleh pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, sekuriti bank dan deposit dengan institusi kewangan, yang meningkat tinggi.
- Jumlah pinjaman bersih berkembang RM35.6 bilion atau 12.9% dalam perbandingan tahun-ke-tahun kepada RM311.8 bilion daripada RM276.2 bilion berikutan pertumbuhan yang kukuh di Indonesia, Singapura dan pasaran antarabangsa yang lain, serta pembiayaan Islam dan konvensional Malaysia yang meningkat melebihi kadar pertumbuhan industri.
- Deposit daripada pelanggan bertambah sebanyak RM32.5 bilion atau 10.3% kepada RM347.2 bilion daripada RM314.7 bilion pada tahun yang sama sebelumnya terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan 14.0% di pasaran antarabangsa, mengatasi apa yang dicatatkan di Malaysia yang berada pada paras 8.5%.
- Hasil daripada pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan deposit pelanggan, nisbah pinjaman kepada deposit Kumpulan meningkat daripada 87.8% setakat bulan Disember 2011 hingga 89.8%.
- Dana pemegang saham sebelum kepentingan tidak dikawal atau bukan kawalan mencatatkan pertumbuhan sebanyak RM7.8 bilion atau 22.7% dalam perbandingan tahun-ke-tahun kepada RM42.2 bilion daripada RM34.4 bilion. Peningkatan dana pemegang saham adalah berkaitan penerbitan saham biasa baru oleh Bank pada tahun kewangan 2012 selaras dengan yang berikut:
 - Terbitan saham biasa menurut ESS Maybank
 - Terbitan saham biasa menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) Maybank
 - Terbitan saham biasa menurut Dana Pemindahan ESOS
 - Terbitan saham biasa menurut Penempatan Persendirian

* Tahun kalendar (CY) 2011 berdasarkan angka yang belum diaudit

Pertumbuhan pinjaman yang kukuh dalam kebanyakan segmen perniagaan dan pasaran tempatan utama

	TK2012	CY2011	T-ke-T
Malaysia^ (RM bilion)	199.8	178.6	11.8%
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	135.4	120.7	12.2%
Perbankan Global	64.4	57.8	11.5%
Singapura (\$\$bilion)	27.3	24.7	10.5%
Pengguna	9.6	9.9	-2.6%
Perdagangan	17.7	14.8	19.2%
Indonesia (Rp trilion)	81.1	67.2	20.8%
Pengguna	28.9	20.6	40.4%
Bukan pengguna	52.2	46.6	12.1%
Pasaran lain	20.6	18.4	12.2%
Pinjaman Kasar Kumpulan ^ (RM bilion)	317.3	282.8	12.2%

^ Termasuk pinjaman Islam dijual kepada Cagamas dan tidak termasuk pelupusan kepentingan

- Pinjaman kasar Kumpulan meningkat sebanyak RM34.5 bilion atau 12.2% kepada RM317.3 bilion pada bulan Disember 2012 berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM282.8 bilion setakat bulan Disember 2011. Pinjaman daripada operasi antarabangsa meningkat pada kadar lebih cepat sebanyak 12.9%, berbanding pinjaman domestik sebanyak 11.8%, menunjukkan prospek pertumbuhan di rantau ini. Dalam segmen antarabangsa, Indonesia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 20.8% dalam pinjaman, manakala operasi Kumpulan di Singapura digalakkan oleh meningkatnya pinjaman sebanyak 10.5%. Pinjaman antarabangsa mewakili 37% daripada jumlah pinjaman kasar Kumpulan pada akhir tahun 2012.

Pinjaman Domestik

Pertumbuhan pinjaman dalam RM bilion	TK2012	CY2011	T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	135.4	120.7	12.2%
Pengguna	108.3	94.9	14.1%
Jumlah gadai janji	48.5	42.1	15.2%
Pembiayaan Auto	31.2	27.7	12.9%
Kad kredit	5.4	5.3	1.0%
Saham amanah	21.9	18.5	18.1%
Pinjaman Runcit Lain	1.3	1.3	3.9%
Perbankan Perniagaan + SME	27.1	25.8	5.0%
SME	4.9	4.4	10.3%
Perbankan Perniagaan	22.2	21.4	3.9%
Perbankan Global (Korporat)	64.5	57.8	11.5%
Jumlah Domestik	199.8	178.6	11.8%

- Di Malaysia, pinjaman berkembang pada kadar 11.8%, mendahului industri yang mencatatkan 10.4% pada tahun kewangan 2012 berikutan sumbangan pinjaman yang tinggi oleh CFS dan GB.
- Pinjaman gadai janji, yang membentuk 44.8% daripada jumlah pinjaman konsumen domestik, berkembang 15.2% pada TK2012 meskipun garis panduan pembiayaan yang lebih ketat diperkenalkan pada tahun 2012. Penguasaan pasaran pinjaman gadai janji kami terus meningkat kepada 13.4% pada bulan Disember 2012 daripada 13.2% pada tahun sebelumnya.
- Pembiayaan automobil berkembang baik pada 12.9% dan terus menerajui pasaran dengan penguasaan pasaran sebanyak 20.2% berbanding 19.2% pada tahun sebelumnya.
- Perbankan perniagaan dan pinjaman segmen SME berkembang 5.0%, dan dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan operasi di cawangan-cawangan yang bertujuan memberikan khidmat lebih berkesan kepada segmen ini pada masa hadapan.

* Tahun kalendar (CY) 2011 berdasarkan angka yang belum diaudit

TINJAUAN KEWANGAN KUMPULAN


Pertumbuhan Deposit

	TK2012	CY2011	YoY
Malaysia (RM bilion)	227.3	209.5	8.5%
Simpanan Deposit	35.5	32.9	8.0%
Akaun Semasa	56.9	47.5	19.6%
Simpanan Tetap	114.6	103.2	11.1%
Lain-lain	20.3	25.9	-27.5%
Singapura (\$\$ bilion)	29.9	26.5	12.7%
Simpanan Deposit	3.3	2.9	11.4%
Akaun Semasa	2.9	2.8	3.8%
Deposit Tetap	23.1	20.2	14.3%
Lain-lain	0.6	0.6	5.6%
Indonesia (Rp trilion)	86.1	70.4	22.3%
Simpanan Deposit	18.8	17.6	6.7%
Akaun Semasa	14.7	12.4	18.6%
Deposit Tetap	52.6	40.4	30.2%
Deposit Kasar Kumpulan (RM bilion)	347.2	314.7	10.3%

- Deposit pelanggan Kumpulan meningkat sebanyak 10.3% kepada RM347.2 bilion pada akhir tahun 2012. Deposit bagi operasi domestik mencatatkan pertumbuhan yang baik sebanyak 8.5% manakala operasi di Singapura dan Indonesia, masing-masing mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi, masing-masing sebanyak 12.7% dan 22.3%.
- Di Malaysia, pertumbuhan kukuh dicatatkan oleh akaun semasa dengan peningkatan sebanyak 19.6% dalam tahun kewangan, manakala di Singapura, pencapaian yang serupa diraih melalui deposit tabungan dan deposit tetap. Di Indonesia yang menyaksikan Kumpulan terus mengukuhkan jaringan perkhidmatannya, deposit perasalan semakin baik disokong oleh akaun semasa dan deposit tetap, masing-masing meningkat 18.6% dan 30.2%.
- Nisbah pinjaman berbanding deposit bagi Kumpulan meningkat kepada 89.8% pada bulan Disember 2012 daripada 87.8% pada tahun kewangan sebelum ini, tetapi masih kekal dalam ambang Kumpulan sebanyak 90%.
- Kumpulan terus memberi keutamaan kepada mengembangkan kos dananya yang rendah melalui pelbagai strategi yang menyaksikan nisbah Akaun Semasa Akaun Simpanan (CASA) kami mengukuh kepada 35.1% pada bulan Disember 2012 berbanding dengan 33.6% pada bulan Disember 2011.


Mencapai pertumbuhan yang menguntungkan dan bertanggungjawab

- Margin faedah bersih (NIM) yang diraih Kumpulan jatuh kepada 2.41% daripada 2.53% pada tahun 2011. Bagaimanapun NIM stabil pada suku ke-3 dan ke-4 dalam tahun 2012. Faktor-faktor yang menyumbang kepada mampatan NIM adalah pembalikan pelupusan faedah, perubahan pelunasan yuran terpilih dan margin disebabkan oleh persaingan daripada penetapan harga pinjaman lebih rendah dan kos deposit lebih tinggi.
- Sejak bulan September 2010, kualiti aset terus bertambah baik walaupun kriteria lebih ketat diguna pakai bagi pinjaman rosot nilai dengan pelaksanaan FRS 139.
- Pinjaman rosot nilai bersih terus jatuh kepada 1.09% setakat bulan Disember 2012 berbanding 1.86% pada bulan Disember 2011. Caj di luar kadar faedah kredit bersih Kumpulan adalah 23 mata asas bagi tempoh tahun penuh.
- Liputan kerugian pinjaman meningkat kepada 105.6% daripada 86.9% pada tahun lalu.




* Tahun kalendar (CY) 2011 berdasarkan angka yang belum diaudit

Kualiti aset terus bertambah baik memandangkan nisbah pinjaman rosot nilai kasar jatuh di bawah 2.0%




---●--- Nisbah pinjaman rosot nilai bersih ---●--- Nisbah pinjaman rosot nilai kasar

Malaysia




---●--- Nisbah pinjaman rosot nilai bersih

Singapura



---●--- Nisbah pinjaman rosot nilai kasar


BII



Kecukupan modal kekal kukuh

- Nisbah modal Kumpulan terdiri daripada nisbah modal teras (CCR) dan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR), masing-masing kekal kukuh pada 13.43% dan 17.24% (berdasarkan kadar pelaburan semula sebanyak 85%).
- Kumpulan berusaha untuk mengekalkan tahap modal yang mencukupi dan gabungan optimum komponen modal yang berbeza untuk menyokong risiko asas perniagaan Kumpulan dan juga untuk mengoptimalkan pertumbuhan dan mampu menampung permintaan modal ketika berlakunya kejutan dalam pasaran dan keadaan tertekan.

TINJAUAN KEWANGAN KUMPULAN



Nota:

[^] Nisbah Modal Teras dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) dikira berasaskan keperluan Basel II di bawah BNM.

* Nisbah Ekuiti Bersama Tahap I dikira berdasarkan aturan transisi mengikut garis panduan BNM yang diterbitkan pada 28 November 2012.

Usaha pengumpulan dana

Kumpulan melaksanakan usaha meningkatkan modal dalam tahun kewangan 2012:

- Penebusan modal : RM1.5 bilion hutang sub 10NC5
: RM0.9 bilion (AS\$ 300 juta) sukuk 10NC5
- Modal prabayar : RM3.1 bilion pinjaman berjangka sub
- Modal penajaan (ekuiti) : RM3.66 bilion (melalui penempatan swasta)
- Modal penajaan (sub hutang) : RM4.8 bilion (RM2.1 bilion termasuk 12NC7, AS\$800 juta 10NC5 dan IDR1 trilion matang pada tahun 2019 dijana oleh BII)

Nisbah utama

	TK2012	CY2011
Margin Faedah Bersih (mata asas)	2.41	2.53
Pulangan ke atas Ekuiti (%)	16.0	15.7
Nisbah Yuran atas Pendapatan (%)	38.7	38.0
Kos atas Pendapatan # (%)	48.6	49.9
Nisbah Pinjaman berbanding Deposit (%)	89.8	87.8
Kualiti Aset		
Nisbah Pinjaman Rosot Nilai Kasar/Nisbah NPL %	1.78	2.84
Nisbah Pinjaman Rosot Nilai Bersih/Nisbah NPL (%)	1.09	1.86
Liputan Kerugian Pinjaman (%)	105.6	86.9
Caj di luar kadar faedah (mata asas)	23	20
Kecukupan Modal (Kumpulan) ^		
Nisbah Modal Teras (%)	13.43	11.57
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (%)	17.24	16.29

Nota:


Jumlah kos tidak termasuk pelunasan tidak nyata BII dan Kim Eng

[^] Diselaraskan bagi pembayaran dividen dan pelaburan semula di bawah Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP)

* Tahun kalendar (CY) 2011 berdasarkan angka yang belum diaudit

Ganjaran kepada pemegang saham secara konsisten dengan nisbah pembayaran dividen yang tinggi

- Dividen akhir sebanyak 18 sen sesaham ditolak cukai 25% dan 15 sen dividen peringkat satu telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah untuk diagihkan kepada pemegang saham yang layak. Dividen kasar yang dicadangkan terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen dividen peringkat satu bagi setiap saham biasa dibayar tunai dan bahagian boleh pilih sebanyak 29 sen (24.5 sen bersih sesaham) bagi setiap saham biasa, di mana bahagian boleh pilih terdiri daripada 11 sen dividen peringkat satu dan 18 sen dividen yang dikenakan cukai (bersih 13.5 sen).
- Jika diluluskan, jumlah dividen kasar bagi tahun kewangan 2012 adalah sebanyak 65 sen sesaham bersamaan dengan nisbah pembayaran 74.7%, kekal jauh lebih tinggi berbanding jumlah yang menjadi dasar pembayaran iaitu 40-60%.



Nota:

* Kadar Pelaburan Semula bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen.

** Diselaraskan terbitan bonus 1:4 dalam bulan Februari 2008 dan Terbitan Hak 9:20 pada harga RM2.74 pada bulan Mac 2009.

Dividen bersih adalah 28.5 sen yang mana 15 sen adalah dividen peringkat satu.

Kesimpulan

- Kumpulan mencatatkan prestasi kewangan yang mantap pada tahun 2012 bersandarkan kepada strategi serantau dan kekukuhan berterusan dalam pasaran Malaysia, kedua-dua di dalam pembiayaan isi rumah dan bukan isi rumah.
- Pengambilalihan Kim Eng telah meningkatkan penawaran GB kami dan ini merupakan sumber utama pendapatan berasaskan yuran bagi Kumpulan pada tahun 2012. Dalam pada kami terus mencatat kemajuan pada tahun 2013, kami juga melihat pengukuhan ini berterusan ketika kami terus membawa segmen perniagaan BG ke peringkat serantau.
- Lembaranimbangan yang kukuh, bersama-sama amalan pengurusan risiko yang baik memastikan kualiti aset dan asas-asas operasi lain terus kekal berdaya tahan. Berdasarkan kekuatan strategi pengurusan modal proaktif, kami berada dalam kedudukan untuk mematuhi keperluan kecukupan modal Basel III pada tahun 2013.
- Maybank akan terus memberi tumpuan kepada meningkatkan keuntungan dan kebertanggungjawaban di Malaysia dan antarabangsa serta akan terus mengamalkan pendekatan pengurusan kos yang berdisiplin untuk memastikan kecekapan seluruh Kumpulan.

TINJAUAN EKONOMI & INDUSTRI PERBANKAN

PADA TAHUN 2012, PERTUMBUHAN KDNK BENAR DUNIA MENYUSUT UNTUK TAHUN KEDUA BERTURUT-TURUT KEPADA 3.3% DARIPADA 3.9% PADA TAHUN 2011, TERJEJAS TERUTAMANYA OLEH KEMELESETAN YANG BERLAKU DI ZON EURO DAN PERTUMBUHAN PERLAHAN DI CHINA. DI SEBALIK SENARIO INI, PASARAN UTAMA DI MANA KUMPULAN BERTAPAK IAITU MALAYSIA, SINGAPURA DAN INDONESIA MENCATATKAN PRESTASI YANG MEMBANGGAKAN.

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia berjaya dikekalkan (2012: 5.6%; 2011: 5.1%) berikutan permintaan domestik yang berdaya tahan mengimbangi kelemahan yang ada dalam permintaan luar. Perbelanjaan kerajaan, perniagaan dan pengguna kesemuanya disokong oleh dasar monetari yang akomodatif, rangsangan fiskal yang tepat, serta pelaksanaan projek infrastruktur dan pelaburan di bawah Koridor Pembangunan Wilayah (contohnya: Iskandar Malaysia) dan Program Transformasi Ekonomi (contohnya: Projek Mass Rapid Transit dan projek minyak dan gas).

Malaysia: KDNK Mengikut Permintaan dan Sektor

	Pertumbuhan (% perubahan)	
	2011	2012
KDNK benar	5.1	5.6
Mengikut Permintaan		
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	7.1	7.7
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	16.1	5.0
Pembentukan Modal Tetap Kasar	6.5	19.9
Eksport Barangan & Perkhidmatan	4.2	0.1
Import Barangan & Perkhidmatan	6.2	4.5
Mengikut Sektor		
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	5.9	0.8
Perlombongan & Kuari	(5.7)	1.4
Perkilangan	4.7	4.8
Pembinaan	4.6	18.5
Perkhidmatan	7.0	6.4

Sumber: Jabatan Perangkaan

Dalam perkembangan yang berbeza, ekonomi Singapura pula mengalami kejatuhan (2012: 1.3%; 2011: 5.2%) setelah terjejas dengan pertumbuhan dunia yang perlahan. Hampir satu pertiga daripada ekonomi negara itu bergantung kepada permintaan luar bersih dan keadaan yang berlaku telah menjejaskan sektor ekonomi utama seperti perkilangan dan perkhidmatan dan juga perbelanjaan pengguna.

Singapura: KDNK Mengikut Permintaan dan Sektor

	Pertumbuhan (% perubahan)	
	2011	2012
KDNK benar	5.2	1.3
Mengikut Permintaan		
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	4.6	2.2
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	0.5	(3.6)
Pembentukan Modal Tetap Kasar	6.3	6.6
Eksport Barangan & Perkhidmatan	3.5	0.3
Import Barangan & Perkhidmatan	3.6	3.2
Mengikut Sektor		
Perkilangan	7.8	0.1
Pembinaan	6.3	8.2
Perkhidmatan	4.6	1.2

Sumber: Jabatan Perangkaan

Sementara itu, pertumbuhan ekonomi Indonesia yang pesat meneruskan peningkatannya dengan kadar KDNK benar di atas paras 6% selama tiga tahun berturut-turut (2012: 6.2%; 2011: 6.5%). Ini berikutan permintaan domestik yang kukuh terutamanya dalam perbelanjaan pengguna dan pelaburan – yang mengimbangi kejatuhan yang mendadak dalam pertumbuhan eksport.

Indonesia: KDNK mengikut Permintaan dan Sektor

	Pertumbuhan (% perubahan)	
	2011	2012
KDNK benar	6.5	6.2
Mengikut Permintaan		
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	4.7	5.3
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	3.2	1.2
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.8	9.8
Eksport Barangan & Perkhidmatan	13.6	2.0
Import Barangan & Perkhidmatan	13.3	6.6
Mengikut Sektor		
Pertanian, Ternakan, Perhutanan dan Perikanan	3.4	4.0
Perlombongan & Kuari	1.4	1.5
Perkilangan	6.1	5.7
Elektrik, Gas dan Bekalan Air	4.8	6.4
Pembinaan	6.6	7.5
Perkhidmatan	8.5	7.7

Sumber: CEIC

TINJAUAN 2013

Pada tahun 2013, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka stabil pada kadar 3.4% disokong oleh pemulihan yang mapan di Amerika Syarikat, peralihan yang berlaku secara beransur-ansur daripada krisis zon Euro – yang seharusnya meningkatkan ekonomi – dan peningkatan jumlah perdagangan dunia. Kesemua ini memberikan perkembangan yang positif kepada ekonomi Asia. China dijangka menyaksikan peluasan ekonomi yang lebih mapan berikutan kepimpinan baru memberikan tumpuan kepada pembaharuan ekonomi dan beralih daripada pertumbuhan pelaburan dan kredit, kepada pertumbuhan yang dijana oleh penggunaan dan pendapatan.

KDNK benar Global

% Perubahan	2010 Benar	2011 Benar	2012A	2013A
			Konsensus/Maybank	
Dunia	5.1	3.9	3.3	3.4
Ekonomi Negara-negara maju	3.0	1.6	1.3	1.4
AS	2.4	1.8	2.2	2.5
Zon Euro	2.0	1.4	(0.5)	0.0
Jepun	4.5	(0.6)	2.0	1.0
UK	1.8	0.9	0.0	0.9
BRIC	8.1	6.1	4.5	5.1
Brazil	7.5	2.7	1.4	3.7
Russia	4.3	4.3	3.5	3.5
India	10.1	7.9	5.5	6.3
China	10.4	9.3	7.8	7.0
Asia	8.5	4.0	1.5	3.2
Korea Selatan	6.3	3.6	2.0	3.1
Taiwan	10.7	4.0	1.2	3.3
Hong Kong	7.1	5.0	1.5	3.4
Singapura	14.8	5.2	1.3	3.0
ASEAN-5	7.0	4.5	6.0	5.6
Indonesia	6.2	6.5	6.2	6.7
Thailand	7.8	0.1	6.4	4.3
Malaysia	7.2	5.1	5.6	5.3
Vietnam	6.8	5.9	5.0	5.5
Filipina	7.6	3.9	6.6	6.4
Asia kecuali Jepun	9.5	8.0	6.2	6.7
Jumlah Perdagangan Dunia	12.6	5.9	3.8	5.5

Sumber: IMF, Konsensus, Maybank (diunjurkan untuk AS zon Euro, China, India, Singapura, ASEAN-5)

Malaysia

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak 5.3% pada tahun 2013 (2012: 5.6%) memandangkan permintaan domestik kekal menyokong momentum pertumbuhan dengan pelaksanaan rangsangan fiskal bersasaran untuk tempoh setahun lagi bersama-sama dengan adanya kemajuan pelaksanaan infrastruktur utama dan projek pelaburan. Permintaan luar bersih, bagaimanapun kekal perlahan – tetapi tidak seburuk pada tahun 2012 – memandangkan pertumbuhan import sekali lagi mengatasi pertumbuhan eksport.

Singapura

Keluaran Dalam Negara Kasar benar Singapura dijangka meningkat kepada 3% pada tahun 2013 (2012: 1.3%) berikutan persekitaran luar yang bertambah baik memberikan faedah kepada sektor berkaitan perdagangan dalam ekonominya. Selain daripada itu, peraturan yang ketat ke atas pekerja asing bersama-sama kebarangkalian berterusannya dasar menaikkan nilai dolar Singapura, dijangka akan menggalakkan pelaburan perniagaan dan meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Bajet 2013 dijangka akan turut meliputi langkah-langkah menggalakkan permintaan domestik dan memudah cara penstrukturan ekonomi. Ini akan menangani sektor hartanah/hartanah bertanah yang lemah.

Indonesia

Momentum pertumbuhan Indonesia dijangka berterusan dengan ekonominya berkembang sebanyak 6.7% (2012: 6.2%). Permintaan domestik dijangka kekal menjadi penggerak utama, dengan disokong oleh perbelanjaan pengguna dengan meningkatnya gaji minimum. Selain itu, pertumbuhan pelaburan seharusnya mapan dengan meningkatnya pelaburan langsung asing untuk mendapat faedah daripada potensi Indonesia sebagai negara ekonomi baru muncul utama yang akan datang selain keperluan meningkatkan kapasitinya untuk menangani masalah infrastruktur dan juga menambah baik serta memodenkan keupayaan sedia ada.

KAJIAN SEKTOR PERBANKAN 2012

Pada tahun 2012, pinjaman sistem perbankan berkembang pada kadar tahunan sebanyak 10.4%, berbanding 13.6% pada tahun 2011 dalam perbandingan tahun-ke-tahun. Pemberian pinjaman isi rumah meningkat sebanyak 11.4% dalam perbandingan tahunan manakala pertumbuhan pinjaman bukan isi rumah yang mula meningkat pada setengah pertama tahun 2012 dan melonjak tinggi sebanyak 14.4% dalam perbandingan tahun-ke-tahun pada bulan Julai 2012, menyusut kepada hanya 9.2% dalam perbandingan tahunan pada bulan Disember 2012. Pinjaman isi rumah mewakili 55.6% daripada jumlah pinjaman dalam industri bagi tempoh sehingga akhir tahun 2012.


Pertumbuhan pinjaman perniagaan menjadi perlahan dalam separuh kedua tahun 2012 disebabkan terutamanya oleh faktor halangan luar yang menyumbang kepada KDNK lebih perlahan di seluruh rantau. Meskipun begitu, dengan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) mula dilaksanakan, kebanyakan keperluan pembiayaan daripada projek infrastruktur yang besar diperolehi melalui pasaran modal hutang dengan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat tinggi 74% dalam perbandingan tahunan kepada paras rekod RM121 bilion pada tahun 2012.

Pertumbuhan pinjaman isi rumah pada tahun 2012 telah diterajui oleh permintaan pinjaman bukan kediaman yang berkembang pada kadar yang pesat sebanyak 19.5% dalam perbandingan tahun-ke-tahun dan pinjaman harta kediaman, yang stabil pada paras 12.9% dalam perbandingan tahunan. Pertumbuhan pembiayaan kenderaan stabil sebanyak 7.6%, tetapi kejatuhan yang lebih ketara disaksikan dalam segmen kad kredit dan pembiayaan peribadi, sebagai reaksi kepada garis panduan pinjaman bertanggungjawab Bank Negara.

Jumlah deposit berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 8.4% pada asas tahunan bagi tempoh sehingga akhir tahun 2012 tetapi terdapat kecairan mencukupi, dengan nisbah pinjaman berbanding deposit dalam industri sebanyak 82.1%. Deposit Akaun Semasa dan Deposit Simpanan (CASA) meningkat pada kadar lebih pesat sebanyak 10.3% dalam perbandingan tahun-ke-tahun dan mewakili 25.8% daripada jumlah deposit setakat pada akhir tahun 2012 berbanding 25.3% pada akhir tahun 2011. Komposisi deposit bertambah baik dengan deposit runcit terus meningkat untuk mewakili jumlah deposit yang lebih tinggi sebanyak 36.2% berbanding 35.3% pada akhir tahun 2011.

Dasaran sistem perbankan kekal kukuh memandangkan nisbah pinjaman tidak berbayar kasar dalam industri mencapai tahap paling rendah sebanyak 2.0% manakala perlindungan kerugian pinjaman berada di paras selesa 100.9%. Paras permodalan adalah baik dengan modal teras dan nisbah modal berwajaran risiko masing-masing sebanyak 13.4% dan 15.2% pada akhir tahun 2012.

Malaysia: Pertumbuhan Pinjaman Kasar Industri



KAJIAN SEKTOR PERBANKAN 2013

Memandangkan latar belakang pertumbuhan ekonomi yang stabil tahun ini, kami meramalkan pertumbuhan pinjaman berada pada paras 10-11% dengan permintaan pinjaman isi rumah yang lebih sederhana tetapi berdaya tahan. Permintaan pinjaman perniagaan, sementara itu, perlu mengumpul momentum memandangkan ekonomi dunia berkembang pada kadar yang lebih cepat. Pada akhir bulan September 2012, hanya RM21 bilion daripada RM212 bilion nilai projek ETP dilaksanakan dan kami menjangka pelaksanaan selanjutnya dalam 2013 akan mengekalkan momentum pertumbuhan pinjaman dan juga permintaan PDS.


Usaha mengekalkan margin menjadi satu cabaran pada tahun 2013 akibat penggantian gadaian dengan pinjaman yang lebih baru, mengurangkan hasil manakala persaingan untuk mendapatkan dana kekal sengit. Secara keseluruhannya kami bagaimanapun menjangka kurang berlakunya kemampatan margin pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya memandangkan kadar pemberian pinjaman dilihat telah stabil. Margin kadar faedah berpotensi untuk mendapat sokongan dengan kemungkinan kenaikan dalam kadar dasar menjelang akhir tahun, sekiranya tekanan inflasi berterusan.

Kos kredit mencapai paras rendah yang luar biasa pada tahun 2012 di sebalik usaha-usaha pemulihan kukuh dan peningkatan dalam kualiti aset. Kami lihat kos sedemikian cenderung ke atas pada tahun 2013 tetapi kadar faedah mungkin sederhana akibat persekitaran mutu aset stabil.

Dengan pematuhan keperluan modal Basel III, pengekalan modal telah menjadi satu istilah popular, dan lebih banyak bank bertukar kepada pelan-pelan pelaburan semula dividen atau mengurangkan dasar pembayaran dividen mereka sebagai cara untuk mengukuhkan nisbah modal. Usaha-usaha meningkatkan modal pada masa depan tidak boleh ditolak memandangkan bank-bank terus berazam untuk meluaskan lagi asas modal mereka.


Kegiatan M&A berkemungkinan menjadi tema berterusan pada tahun 2013 memandangkan sejumlah urus niaga yang telah diumumkan pada tahun 2012 masih menunggu penyelesaiannya. Pengembangan ke peringkat serantau kekal sebagai aspirasi utama tetapi ini perlu diimbangkan dengan keperluan modal Basel III.

Malaysia: Kualiti Aset Industri



TINJAUAN PERNIAGAAN: ULASAN

STRUKTUR MAYBANK



Operasi perniagaan kumpulan telah disusun kepada tiga tunjang perniagaan direntasi tunjang Perbankan Islam dan Operasi Antarabangsa. Ini disokong oleh Perkhidmatan Transformasi Perusahaan, Pejabat Kumpulan Kewangan, Pengurusan Kredit & Risiko Kumpulan, Strategi & Transformasi Kumpulan, Modal Insan Kumpulan dan lain-lain fungsi sokongan.

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) merupakan cabang perbankan runcit Bank yang memenuhi keperluan pelanggan individu, PKS Runcit (RSME) dan Perbankan Perniagaan (BB). Misi kami adalah menjadi Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No. 1 yang ulung menjelang tahun 2015.

Layanan kepada pelanggan dibuat secara holistik di bawah konsep Kedai Sehenti dengan mengambil faedah daripada model perkongsian pengagihan. Usaha itu membolehkan kami berkhidmat memenuhi keperluan komuniti menerusi kewujudan lebih 400 cawangan dan 4,700 Terminal Layan Diri (SST) seluruh Malaysia.



“Bagi Tahun Kewangan (TK) 2012, CFS sekali lagi berkembang selari dengan misi terasnya untuk berkhidmat kepada komuniti. Dengan memahami keperluan pelanggan dan sokongan semua sektor, kami mampu memberikan sumbangan yang sebenar kepada pembangunan komuniti. Perkembangan ini, termasuk komitmen untuk meneruskan pertumbuhan, telah menyaksikan kami dapat mengekalkan momentum bertahun-tahun lamanya.”


DATUK LIM HONG TAT



Timbalan Presiden dan Ketua, Perkhidmatan Kewangan Komuniti

SOROTAN

- Dalam TK2012, keuntungan sebelum cukai mencecah RM3,024 juta dengan hasil sebanyak RM6,871 juta.
- Pertumbuhan pinjaman dan deposit CFS, masing-masing pada 12.2% dan 12.1% dengan kedua-duanya mengatasi pertumbuhan industri.
- Penguasaan pasaran pinjaman isi rumah/pengguna telah bertambah baik kepada 17.0% daripada 16.4% manakala deposit pengguna meningkat kepada 18.3%.
- Kualiti aset kredit terus meningkat dengan nisbah Pinjaman Rosot Nilai Kasar (GIL) dikurangkan kepada 2.4% dengan segmen pengguna menurun daripada 1.2% kepada 0.7%.


SOROTAN





RM bilion	CY2011	TK2012	Pertumbuhan
Pembiayaan Kasar CFS	120.7	135.4	12.2%
- Gadai Janji	42.1	48.5	15.2%
- Kenderaan	27.7	31.2	12.9%
- Pinjaman Peruncitan	19.8	23.2	17.2%
- Kad & Pinjaman Tidak Berjamin	5.3	5.4	1.0%
- PKS & Perbankan Perniagaan	25.8	27.1	5.0%
Yang mana:			
PKS	4.5	4.9	10.3%
BB	21.4	22.2	3.9%
Deposit CFS	138.0	154.7	12.1%
- Konsumer	87.3	98.4	12.7%
- PKS & Perbankan Perniagaan	50.7	56.3	11.1%
Nisbah Pinjaman Rosot Nilai Kasar CFS	3.5%	2.4%	-1.1%
- Konsumer	1.2%	0.7%	-0.5%
- PKS & Perbankan Perniagaan	11.7%	9.4%	-2.3%
Yang mana:			
PKS	10.6%	5.7%	-4.9%
BB	11.9%	10.2%	-1.7%

Nisbah Pinjaman Rosot Nilai Kasar CFS



angka Dis '10 merujuk kepada nisbah NPL

CY: Tahun Kalendar

PENCAPAIAN UTAMA DALAM TK2012

- Kami telah melaksanakan strategi operasi yang menumpukan kepada pelanggan dan ini mengakibatkan segmen Perbankan Berpendapatan Tinggi (HNW) dan Perbankan Mewah (HAB) mencapai pertumbuhan pelanggan dan jumlah aset kewangan (TFA) masing-masing sebanyak 11.9% dan 19.2%.
- Kami melaksanakan model perniagaan baru RSME, satu perubahan transformasi yang membolehkan kami memesatkan pertumbuhan dan memenuhi keperluan para pelanggan PKS kami dengan keberkesanan kos yang lebih baik.
- Kami memulakan pelaksanaan 29 Kios MaybankOne - sebuah konsep baru perbankan tanpa cawangan
- Kami mengubahsuai dan memusatkan peranan peruncitan kredit melalui Pusat Pemprosesan Berpusat - Pemproses Perasalan (CPC-OP) untuk menambah baik kecekapan dan tempoh jumlah proses kelulusan.
- Kami melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi perkhidmatan untuk meningkatkan lagi piawai atau standard perkhidmatan kami. Kajian skor penglibatan pelanggan dan purata tempoh menunggu di cawangan-cawangan semakin bertambah baik.
- Di peringkat serantau, perniagaan kad, pembayaran dan pengurusan kekayaan terus memperlihatkan kemajuan yang baik ke arah model perniagaan yang lebih bersepadu.

PRESTASI KESELURUHAN

2012 adalah tahun mencabar bagi CFS. Untuk menangani tahap hutang isi rumah, Bank Negara Malaysia (BNM) melaksanakan garis panduan pembiayaan yang bertanggungjawab di samping nisbah nilai berbanding pinjaman (LTV) sebanyak 70% untuk pembelian hartanah ketiga dan peraturan lebih ketat ke atas kad kredit. Langkah ini menyumbang kepada pertumbuhan pinjaman yang perlahan dalam industri secara keseluruhannya dan khususnya di dalam segmen konsumer. Dalam mendepani cabaran ini, CFS kekal berdaya tahan, merekodkan keuntungan sebelum cukai RM3.0 bilion dengan hasil berjumlah RM6.9 bilion, dan terus menjadi penyumbang terbesar kepada hasil Kumpulan.

Berdasarkan kepada persekitaran mencabar yang turut menyaksikan persaingan sengit dalam harga, CFS masih mampu mencapai tahap kenaikan 12% dalam pinjaman dan deposit, satu kenaikan dalam penguasaan pasaran meliputi pelbagai produk serta pemulihan dalam kualiti aset. Perniagaan runcit berkembang didorong khususnya oleh gadai janji (+15.2%), pinjaman kenderaan (+12.9%) dan perbankan runcit (+17.2%) manakala deposit konsumer naik sebanyak 12.7%.

Sementara itu, nisbah GIL bertambah baik menurun kepada 2.4% pada bulan Disember 2012. Segmen konsumer khususnya, menyaksikan penurunan daripada nisbah NPL tinggi sebanyak 6.6% pada tahun 2007 kepada hanya 0.7% pada tahun 2012 mengikut nisbah GIL. Ini disebabkan oleh usaha mengukuhkan rangka kerja kualiti aset kredit kami dan melaksanakan pencegahan proaktif dan aktiviti pemulihan, untuk jaminan kualiti pinjaman asal, melaksanakan pendekatan berasaskan risiko dengan menggunakan peralatan risiko dan mengukuhkan keupayaan mengenai fungsi kesilapan dalam pengurusan risiko.

PEMBIAYAAN GADAI JANJI

- Pembiayaan gadai janji berkembang 15.2% kepada RM48.5 bilion dan mengukuh kepada kedudukan No. 2 di pasaran.
- Penguasaan pasaran menokok ke 13.4% berbanding 13.2% tahun lalu.
- Pinjaman rumah kedai meningkat 31.6% bagi lebihan tertunggak sebanyak RM7.5 bilion.
- Nisbah GIL menurun kepada 1.1%.

Pembiayaan gadai janji telah merekodkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak dua angka bagi tahun ketiga berikutan tumpuan berterusan terhadap usaha mengimbangi semula portfolio kami ke arah memacu pertumbuhan pinjaman. Kami telah melaksanakan strategi pemasaran berasaskan kepada segmen pelanggan. Dalam usaha untuk mendapatkan margin yang lebih tinggi, kami telah meningkatkan jualan produk bersilang, menerima pakai penetapan harga berasaskan risiko dan juga mengimbangi portfolio kami dengan menyasarkan hartanah dan segmen yang sesuai untuk dibiayai. Kami juga terus mengadakan program pengekalan secara proaktif untuk mengurangkan keciciran dan memacu pembiayaan semula.

Dalam tahun kewangan, kami memperluaskan pembiayaan gadai janji ke luar negara iaitu Melbourne dan Singapura untuk memenuhi keperluan pelanggan Pendapatan Tinggi (HNW) dan Perbankan Peribadi. Tumpuan kami yang baru kepada pemilihan pinjaman sekunder telah meningkatkan lagi kualiti aset kami.

Dalam tempoh yang sama, kami juga berjaya merayakasa semula proses kelulusan gadai janji dengan melancarkan projek CPC-OP, iaitu hab berpusat yang memulihkan keberkesanan kredit runcit dan masa pemprosesan dengan memperkemarkan pemprosesan dan taja jamin gadai janji. Hasilnya, masa untuk mendapat kelulusan pinjaman biasa, kini adalah kurang daripada tiga hari.

PEMBIAYAAN KENDERAAN

- Pinjaman meningkat 12.9% kepada RM31.2 bilion.
- Penguasaan pasaran sewa beli meningkat daripada 19.4% kepada 20.5%.
- Nisbah GIL jatuh kepada 0.4%, paras terendah dalam industri.
- Kami kekal Nombor 1 bagi Pembiayaan Kenderaan Islam, dan pembiaya tunggal bagi stok ruang pameran lantai (floor stocking) kenderaan dan pendiskauan secara blok berdasarkan Prinsip Islam.



+12.9%

PEMBIAYAAN KENDERAAN

PINJAMAN MENINGKAT KE RM31.2 BILION.

Kami kekal sebagai Pembiaya Kenderaan Islam No. 1 dan penyedia tunggal stok ruang pameran dan blok diskaun Islam.

Perniagaan sewa beli (HP) kami kini sudah mengatasi pertumbuhan industri untuk tempoh lima tahun berturut-turut yang menyumbang kepada pertumbuhan di dalam pasaran. Untuk mencapainya, kami memberikan pembiayaan secara berhati-hati. Kami juga mengimbangi semula portfolio HP, dan kini menawarkan produk bersepadu secara pukal kepada pengguna akhir berdasarkan segmen pelanggan yang meluas dan juga gaya hidup untuk menambah baik margin portfolio secara keseluruhannya.

Keupayaan kami untuk berkembang dan mengatasi persaingan telah didorong oleh kempen pemasaran dan promosi yang menarik dan juga program pengurusan pengedar yang komprehensif telah mengukuhkan hubungan kami dengan pengedar utama.

Dalam tahun kewangan, kami memperkenalkan produk baru, Pinjaman Kereta Pertama Ku untuk generasi muda – pelajar, graduan dan profesional muda serta pelan pembiayaan semula dikenali sebagai Car4Cash selain kerjasama dengan pelanggan-pelanggan PKS dan juga perbankan perniagaan.

PERNIAGAAN KAD

- No. 1 bagi kad pelanggan dengan 1.5 juta pemegang kad dan penguasaan pasaran sebanyak 18.4%.
- No. 1 dalam pengebilan, berkembang sebanyak 15.5% dalam perbandingan tahun-ke-tahun kepada RM27.3 bilion, dengan penguasaan pasaran sebanyak 26.1%.
- No. 1 dalam jualan saudagar, meningkat 16.0% dalam perbandingan tahun-ke-tahun kepada RM32.4 bilion, dengan penguasaan pasaran sebanyak 32.8%.
- Nisbah GIL kami berkurangan kepada 1.1%.

Meskipun pertumbuhan kad kredit lembap disebabkan oleh peraturan ketat oleh BNM, Maybank terus mengatasi pertumbuhan industri daripada segi bilangan pemegang kad, pengebilan dan juga jualan perdagangan melalui saudagarnya.

Dalam tahun kewangan, kami melancarkan serangkaian produk inovatif seperti Kad Visa Debit Maybankard Manchester United, Kad Debit Prabayar Maybank, Kad Pintar Prabayar Universiti Maybank Mastercard dan Kad Visa Infinite Ikhwan. Kami juga meningkatkan nilai tambah dalam kad Petronas kami.

Pada masa sama, kami terus menggalakkan kegiatan berbelanja melalui pelbagai kempen pemasaran dan juga menumpukan kepada pelanggan-pelanggan baru untuk menjana pengebilan tambahan.

Di peringkat serantau, kami telah menubuhkan pasukan Pusat Kecemerlangan untuk menjalin kerjasama dan memanfaatkan amalan terbaik perniagaan dan teknologi. Pusat Kecemerlangan memacu inisiatif melangkaui sempadan dan memudahkan cara pelaksanaan program pemasaran serantau yang melibatkan keutamaan merentasi sempadan terutamanya dalam segmen pelancongan dan santai. Selain itu, pasukan juga melihat kepada proses dan peningkatan dasar untuk meraih penjimatan kos pada peringkat serantau.



1.5 juta

PEMEGANG KAD

Kami adalah No. 1 dalam jumlah pelanggan kad dengan 1.5 juta pemegang kad dan menguasai 18.4% pasaran.

PEMBIAYAAN RUNCIT

- Portfolio pembiayaan runcit kami meningkat 17.2% kepada RM23.2 bilion.
- Pembiayaan pinjaman Unit Amanah melonjak 18.1% kepada RM21.9 bilion, menyumbang 99% kepada keseluruhan pertumbuhan pembiayaan runcit.
- Pada tahun 2012, kami adalah Pembiaya Unit Amanah No. 1 di Malaysia dengan penguasaan pasaran sebanyak 60.2% peratus.

Pelbagai kempen dijalankan sepanjang tahun kewangan untuk mempromosikan pembiayaan pinjaman unit amanah dan juga mengambil faedah daripada Kios MaybankOne kami dengan mempromosikan produk ASB Flexi.

Kami berjaya melancarkan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA1M) selari dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan pelaburan isi rumah. Kami juga melancarkan pakej pinjaman khas untuk membiayai sebahagian yuran/perbelanjaan pendidikan pelajar di universiti terpilih, sebagai antara komitmen Bank untuk menginsankan perkhidmatan kewangan.

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

PEMBIAYAAN DAN DEPOSIT

- Kami mencapai pertumbuhan deposit dua angka diterajui oleh peningkatan deposit konsumen sebanyak 12.7% manakala RSME dan BB pula berkembang sebanyak 11.1%.
- Penguasaan pasaran deposit konsumen Akaun Semasa & Simpanan (CASA) kekal 23.6% dengan pertumbuhan sebanyak 13.1% dalam tahun kewangan.
- Kami mengatasi pertumbuhan industri dalam semua portfolio deposit konsumen yang utama.

Deposit CFS merekodkan pertumbuhan dua angka dengan deposit kos rendah CASA meningkatkan penguasaan pasarnya dalam tahun kewangan. Kami bersikap selektif dalam pertumbuhan deposit kos tinggi dengan menjadi lebih berdisiplin dalam memilih pelanggan berasaskan penetapan harga.

Pertumbuhan deposit dipacu oleh usaha berterusan dalam mempertingkatkan proses dan strategi untuk sampai kepada pelanggan biasa dan segmen pelanggan HNW. Dalam tahun kewangan, kami melancarkan dua akaun deposit baru: Akaun Simpanan Peribadi iaitu Personal Saver dan Akaun Perbankan Persendirian serta satu siri kempen yang mempunyai tema dan taktik yang menyaksikan penerimaan yang tinggi dalam ketiga-tiga segmen iaitu konsumen, PKS dan BB. Kami juga meningkatkan inisiatif pemilikan dalam pembayaran gaji (Payroll), menumpukan kepada segmen PKS dan BB.

SEGMENT PERBANKAN BERPENDAPATAN TINGGI DAN MEWAH (HAB)

- Kami mencatatkan pertumbuhan pelanggan HNW sebanyak 17.7% dan segmen Perbankan Mewah sebanyak 10.8%.
- Jumlah Aset Kewangan (TFA) meningkat 22.7% dan 15.6% masing-masing bagi segmen HNW dan Perbankan Mewah.
- Keseluruhan Aset di bawah Pengurusan (AUM) mencapai pertumbuhan tahunan sebanyak 50.1% kepada RM8.0 bilion.
- Nisbah jualan silang kami terus meningkat sejajar dengan pertambahan asas pelanggan.

Selari dengan model mengutamakan pelanggan dan segmen, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi untuk memperoleh dan membawa pelanggan ke segmen yang lebih tinggi. Pendekatan berasaskan segmen membolehkan kami memahami lebih baik kehendak setiap segmen yang berbeza, membolehkan perkhidmatan lebih baik diberikan kepada pelanggan.

Pada tahun ini, kami menambah bilangan Pusat Perbankan Peribadi & Ruang Menunggu daripada 44 kepada 56 buah untuk memenuhi pertumbuhan pantas dalam jumlah pelanggan. Kami akan terus melabur untuk menambah keupayaan sebagai sebahagian daripada langkah berterusan untuk mendalami dan mengembangkan produk dan perkhidmatan kami serta meningkatkan kebolehan pegawai-pegawai sebagai penasihat yang dipercayai pelanggan.

Tahun kewangan menyaksikan perniagaan pelaburan kami memperkenalkan 13 dana baru. Kami juga melancarkan kempen untuk meningkatkan jumlah pelaburan seperti Amanah Hartanah Bumiputera, dana yang eksklusif kepada Maybank.

INTERNET DAN PERBANKAN MUDAH ALIH

- Pada tahun 2012, kami kekal sebagai peneraju penyedia perbankan Internet dengan penguasaan pasaran sebanyak 48% dan mempunyai lebih 2.15 juta pengguna aktif, di sebalik persaingan sengit daripada penyedia Internet sedia ada dan pendatang baru.
- Kami adalah bank pertama memperkenalkan perkhidmatan perbankan mudah alih komprehensif dengan menguasai sebanyak 80% pasaran.
- Purata transaksi bulanan mencecah lapan juta dengan nilai melebihi RM6.6 bilion.

Kami terus menerajui perbankan maya dengan menguasai separuh daripada pasaran perbankan dalam talian. Pada tahun 2012, pengguna M2U meningkat dengan ketara sebanyak 17.0% kepada 2.15 juta pengguna aktif. Sementara itu, pelanggan perniagaan M2U naik 33.7% dengan pengenalan perkhidmatan untuk menyokong pelanggan BB dan PKS.

Tahun kewangan juga menyaksikan jumlah pengguna perbankan mudah alih meningkat sebanyak 135.2% melalui pengenalan aplikasi Maybank2u untuk iPad serta telefon iPhone, Android dan Windows.

Kami juga melancarkan pelbagai produk inovatif. Produk terbaru M2U ialah pengurusan kewangan peribadi yang membolehkan pelanggan memantau jumlah perbelanjaan dan menguruskan simpanan dan pelaburan menerusi portal sehenti.

PEMBAYARAN

- Kami merekodkan pendapatan berasaskan yuran sebanyak RM342.6 juta.
- Perkhidmatan Maybank Money Express (MME) diperluaskan ke 13 buah negara dengan sebanyak 8,243 titik sentuh.

Pada tahun 2012, kami terus mendominasi perniagaan pembayaran di Malaysia dan pada masa sama, melakukan peluasan di peringkat serantau dalam bidang perkhidmatan pembayaran, kiriman wang dan nota tukaran asing. Kami juga memperluaskan MME ke empat buah negara iaitu Oman, Bangladesh, Papua New Guinea dan Myanmar.

Pelbagai inisiatif dan kempen telah dilaksanakan dengan menumpukan kepada inovasi produk dan promosi secara taktikal untuk menjana pertumbuhan baru. Dengan kerjasama DiGi, kami telah melancarkan DigiSend Money, iaitu perkhidmatan melalui kaunter yang membolehkan rakyat Malaysia dan pelancong luar untuk menghantar wang tunai ke luar negara.

Kami juga menjadi bank pertama di Malaysia untuk menawarkan Akaun Pelaburan Perak yang menerima sambutan baik daripada para pelanggan, kerana memberikan peluang tambahan untuk mempelbagaikan portfolio. Sementara itu, Akaun Pelaburan Emas kini boleh diurus niaga menerusi M2U, bagi memudahkan lagi pelanggan untuk melabur dalam komoditi emas.

BANKASURANS

- Kami mengukuhkan kedudukan No. 1 dalam Banca Life, dengan menguasai 28.4% pasaran.
- Premium baru (AFYP) berkembang 29.0% kepada lebih RM1 bilion.

Pada tahun 2012, melalui kerjasama dengan Etiqa, kami telah melancarkan Program Transformasi untuk mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju dalam Bankasurans. Dalam usaha memenuhi keperluan golongan HNW dan segmen perbankan mewah, kami melancarkan dengan jayanya dua produk persaraan iaitu Smart (Pintar) dan Golden Retirement (Persaraan Emas), dan juga pelan inovatif berkaitan pelaburan Premium Tunggal - Dragon9 dan AUSpicious10. Produk ini memenuhi keperluan pengguna dan mencatat kadar penerimaan yang tinggi.

PERNIAGAAN PERBANKAN

- Jumlah pinjaman BB sebanyak RM22.2 bilion.
- Kami terus menjadi peneraju pasaran dalam perniagaan pinjaman perusahaan/enterpris dengan penguasaan pasaran sebanyak 19.0%.
- Nisbah GIL terus dikurangkan kepada 10.2%.
- Kami berjaya melaksanakan strategi 'Memasuki Pasaran' dengan memberi tumpuan kepada sektor pertumbuhan dan berpotensi tinggi.

Dalam tahun kewangan, kami memperkenalkan Pembiayaan Pembekal dan Pengedar untuk memacu pertumbuhan perniagaan dan terus mengadakan kerjasama dengan unit-unit perniagaan lain di dalam Bank untuk menjual produk secara bersilang dalam segmen BB. Kami juga melanjutkan model "Hunter-Farmer" di seluruh negara. Lanjutan itu bertujuan menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan-pelanggan menerusi sistem penyampaian yang cekap dan juga sebagai menyokong momentum pemilikan aset kami.

Sementara itu, kami menyasarkan segmen pasaran yang tepat dan meningkatkan tumpuan kepada industri sambil mengelak bidang-bidang yang berisiko tinggi dan mempertingkatkan keupayaan mengenal pasti penyelewengan. Langkah ini akan membawa kepada penerimaan pinjaman yang lebih berkualiti dan hasilnya, kami menjangkakan nisbah GIL akan terus berkurangan pada masa depan.

PKS RUNCIT

- Inisiatif Transformasi RSME dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara.
- Jumlah pinjaman meningkat sebanyak 10.3% kepada RM4.9 bilion.
- Nisbah GIL menurun kepada 5.7%.

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

Dalam usaha untuk memacu perniagaan RSME dan membentuk model perniagaan yang lebih mesra pelanggan dan keberkesanan kos, kami telah memperkenalkan Model Operasi Sasaran RSME (TOM) ke lapan buah rantau pada tahun 2012.

TOM meliputi perubahan kepada model perniagaan RSME yang mengukuhkan pasukan jualan dan menerapkannya ke dalam cawangan utama untuk memanfaatkan rangkaian pengedaran kami yang luas dan mempercepatkan pertumbuhan. Ia juga memusatkan fungsi sokongan, menggalakkan pemprosesan secara terus dan meringkaskan struktur produk. Kami juga memperkenalkan kad skor RSME yang baru dan alat penilaian risiko berkaitan untuk mengukuhkan penilaian kredit.

Pada masa depan, kami akan terus memberikan tumpuan kepada pemerolehan aset, mengimbangi portfolio terjamin dan tidak berjamin untuk meningkatkan margin.

PENGURUSAN SALURAN

- Kami mempunyai bilangan cawangan pengedaran yang sukar ditandingi melebihi 400 cawangan dan 4,700 SST dengan masing-masing menguasai pasaran sebanyak 19% dan 24%.
- Kami meningkatkan pengalaman pelanggan dan kepuasan mereka dengan mengubahsuai lebih 100 cawangan dan membuka lapan buah cawangan baru dalam tahun kajian.
- Kami meluaskan jangkauan kepada pengguna biasa menerusi 29 kios MaybankOne seluruh negara.
- Kami membentuk kerjasama strategik dengan POS Malaysia membabitkan 350 cawangannya seluruh negara.

Pada tahun 2012, kami meneruskan program transformasi cawangan dengan mengubahsuai setiap daripadanya untuk menampilkan dekorasi berkonsepkan "Hip and Cool". Dengan menambah baik perkhidmatan pelanggan, transformasi itu telah meningkatkan pelanggan dan menjadikan kami lebih menarik kepada pelanggan. Sementara itu, kerjasama strategik dengan POS Malaysia membolehkan kami mencapai asas lebih besar di peringkat komuniti luar bandar tanpa perlu mengeluarkan kos untuk membuka pejabat baru.

Dalam tahun kajian, kami melancarkan kaedah baru untuk memenuhi kehendak khalayak pengguna yang ramai dalam segmen pelanggan melalui inisiatif perbankan tanpa cawangan dikenali MaybankOne. Kios MaybankOne terletak berdekatan komuniti dan memberikan kemudahan perbankan tujuh hari seminggu. Kiosk juga menawarkan PersonalSaver, iaitu produk 7-dalam-1 yang disasarkan kepada pelanggan di bandar dan luar bandar.



Di bawah Program Transformasi Perkhidmatan, kami terus memperkenalkan inisiatif untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan di semua peringkat. Kami melancarkan inisiatif untuk mengurangkan purata masa menunggu (AWT) pada setiap cawangan dengan menguruskan barisan pelanggan mengikut waktu puncak dan bukan puncak, melengkapkan barisan hadapan cawangan dengan pengetahuan lengkap mengenai produk untuk melayani pelanggan lebih baik selain meningkatkan penyelesaian ketika pertemuan pertama (FCR). Ketika ini, lebih daripada 90% cawangan kami sudah mengatasi tahap standard yang diperlukan ketika melayani pelanggan.

ANUGERAH

2013

- Anugerah Bank Malaysia Visa - Maybank muncul sebagai pemenang dalam tujuh kategori:
 - Bank Terbaik Tahunan
 - Penerbit Kad Kredit Visa Terbesar (Kategori Penerbit)
 - Jumlah Pembayaran atau Pengebilan Terbesar (Kategori Penerbit)
 - Jumlah Pembayaran Terbesar - Maybank Petronas (Kredit Visa Penjenamaan Bersama)
 - Jumlah Bayaran atau Pengebilan Terbesar - Maybank Manchester United (Visa Debit Penjenamaan Bersama)
 - Jumlah Pembayaran Terbesar (kad kredit Islam)
 - Pemerolehan Terbesar (Kategori Pemerolehan)
- Kajian Pengurusan Kekayaan dan Perbankan Peribadi Euromoney 2013 - Maybank muncul sebagai pemenang dalam lapan kategori:
 - Perkhidmatan Bank Peribadi Terbaik Keseluruhan
 - Pengurusan Perhubungan
 - Keselamatan dan Kerahsiaan
 - Rangkaian Produk Pelaburan
 - Perkhidmatan Khusus Nilai Bersih - 'Super Affluent' (AS\$500,000 - AS\$1 juta)
 - Perkhidmatan Khusus Nilai Bersih - 'High Net Worth 1' (AS\$1 juta - AS\$10 juta)
 - Perkhidmatan Khusus Nilai Bersih - 'High Net Worth II' (AS\$10 juta - AS\$30 juta)
 - Perkhidmatan Khusus Nilai Bersih - 'Ultra High Net Worth' (Lebih dari AS\$30 juta)

2012

- Reader's Digest Tahun 2012
 - Anugerah Emas bagi Pengeluar Kad
 - Anugerah Emas bagi Bank
- Anugerah Kad Visa 2012 - Maybankard Manchester United
 - Emas - Anugerah Promosi Pemasaran Malaysia 2012 (Pelancaran Produk Terbaik)
 - Emas - Anugerah Promosi Pemasaran Malaysia 2012 (Pemasaran Tajaan Bergabung Terbaik)
 - Perak - Anugerah Promosi Pemasaran ASIA 2012 (Pemasaran Tajaan Bergabung Terbaik)
 - Emas - Anugerah Pemasaran Penganjaran ASIA 2012 (Aktivasi Penajaan Terbaik)

- Pemenang bagi Anugerah Rakan GNS
 - Program Pemerolehan Terbaik (M2C)
 - Kempen Pemasaran Digital Terbaik (Pelancaran M2C)
- Anugerah Mastercard Hall of Fame
 - Pemenang bagi Kempen Pemilikan Terbaik (Maybank Malaysia)
 - Finalis Kempen Aktivasi Terbaik (Maybank Malaysia)
- Anugerah InOvasi Malaysia 2012: Aplikasi Pembayaran Mudah Alih M2U
- Maybank2u.com: Anugerah Inovasi Kewangan (FIIA) "Inovasi dalam Pemasaran Sosial"
- Anugerah ICT NEF Awani 2011: Maybank2u.com - Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Pilihan di bawah 'Pilihan Ramai'
- Anugerah Perbankan & Pembayaran Asia (BPA) Trailblazer 2012: Kecemerlangan Proses Dengan Mengutamakan Pelanggan
- Anugerah Perbankan & Pembayaran Asia (BPA) Trailblazer 2012: Kecemerlangan Produk Dalam Inovasi Pembayaran
- SMI Association of Malaysia : Sahabat Negara SME
- Anugerah Reputasi SME Bank Radar Global 2012: Anugerah Pingat Emas

TINJAUAN

Pada tahun 2012, CFS kekal berdaya tahan dalam pasaran yang mencabar dengan pertumbuhan kebanyakan portfolio pinjaman runcit melepasi purata industri disokong oleh amalan pembiayaan yang cermat dan berhati-hati.

Pada tahun 2013, kami akan kekal agresif tetapi menggunakan pendekatan yang terkawal untuk mencapai sasaran pertumbuhan. Margin terus menerima tekanan di tengah-tengah meningkatnya persaingan. Untuk menambah baik margin, kami akan menumpukan kepada strategi mengimbangi semula portfolio, menerima pakai Penetapan Harga Berasaskan Risiko dan meningkatkan jualan silang. Kami optimistik dengan tinjauan pada tahun 2013, berdasarkan kepada kekuatan jualan dan tumpuan berterusan ke arah meningkatkan produktiviti yang diberikan oleh kakitangan jualan, kakitangan barisan hadapan dan sokongan.

Keutamaan lain pada tahun ini termasuk pengurusan kos, peningkatan perkhidmatan pengguna dan pelaksanaan inisiatif transformasi yang disasarkan untuk meningkatkan kemapanan dalam jangka panjang. Pada masa sama, kami akan memperluaskan lagi inisiatif yang merentasi sempadan serantau ke arah mencapai sinergi lebih besar sebagai bank serantau.

PERBANKAN GLOBAL

(Sebelum Ini Dikenali Sebagai Perbankan Pemborongan Global)

Pada 2012, penampilan kami di rantau ini semakin menonjol apabila menerima banyak anugerah di dalam dan luar negara yang mengiktiraf keupayaan perniagaan kami. Liputan Pelanggan terus menyediakan titik hubung untuk membolehkan para pelanggan kami mengalami perkhidmatan yang konsisten di seluruh rantau ini. Dengan pembukaan cawangan kami di Laos pada bulan November 2012, kami kini menjadi bank serantau pertama mempunyai kehadiran di kesemua 10 negara anggota ASEAN. Kami percaya kehadiran yang kukuh ini membolehkan kami menyokong para pelanggan serantau ketika mereka memperluaskan operasi perniagaan di seluruh Asia Tenggara.

Pada 2012, kami juga mengalu-alukan penyertaan Maybank Asset Management yang menumpukan kepada pertumbuhan aset dan perniagaan pengurusan dana di rantau ini. GB kini memilih keupayaan produk penuh yang memberikan fleksibiliti untuk menyediakan penyelesaian holistik kepada pelanggan-pelanggan korporat di peringkat serantau.




“Dalam tempoh singkat selama dua setengah tahun, perniagaan perbankan global kami mencapai kejayaan besar di dalam negara dan rantau ini. Maklum balas positif daripada pelanggan tentang bagaimana kami membantu mereka adalah bukti keberkesanan model liputan serantau kami yang menggunakan kepakaran tempatan, diperlengkap dengan pengalaman sektor dan industri, sekali gus membawa pelanggan kami ke peringkat lebih tinggi. Ini adalah Perbankan Global”

DATUK ABDUL FARID ALIAS


Timbalan Presiden dan Ketua Perbankan Global

SOROTAN

- Pada tahun 2012, GB mencatatkan hasil sebanyak RM5.3 bilion.
- PBT meningkat 44.7% dalam perbandingan tahun-ke-tahun kepada RM3.8 bilion.
- Pinjaman berkembang 11.5% dalam perbandingan tahun-ke-tahun
- Kualiti aset bertambah baik dengan ketara dengan pinjaman rosot nilai bersih pada paras 0.52% daripada 2.00% dalam tahun sebelumnya.



Jumlah Pembiayaan GB
RM64.5 bilion



TINJAUAN

- Pada tahun 2012, kami telah mengaktifkan pasukan Liputan Pelanggan kami bagi rantau, dengan memanfaatkan kepakaran tempatan bersama-sama jangkauan serantau dan diperlengkapkan oleh pengalaman sektor/industri untuk memberikan penyelesaian mengikut keperluan pelanggan serantau kami.
- Kejayaan integrasi Perbankan Pelaburan dengan Kim Eng telah mewujudkan satu entiti jenama baharu, iaitu Maybank Kim Eng untuk meneroka peluang yang semakin meningkat di rantau ini sambil turut mengukuhkan penampilannya sebagai sebuah bank pelaburan dan firma pembrokeran yang terkemuka di rantau ini.
- Untuk mengurus secara lebih baik risiko global Bank dan menyokong pertumbuhan portfolionya menyeberangi sempadan, Pasaran Global menggunakan Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global (GTRMS) di negara-negara utama dan kesemua Pusat Perbendaharaan seperti Singapura, Filipina, Hong Kong, London dan New York.
- Perbankan Korporat meningkatkan proses perasalan pinjaman kredit dari hujung-ke-hujung dan memesatkan keupayaan pemasaran untuk menambah baik penggunaan masa sekali gus meningkatkan tahap perkhidmatan.
- Perbankan transaksi telah memperkenalkan platform pengurusan tunai serantau berasaskan laman web yang diintegrasikan dengan platform Perkhidmatan Sekuriti yang berasaskan laman web dan platform Pembiayaan Dagangan Serantau untuk memberikan sokongan lebih baik kepada peluasan perniagaan pelanggan kami di seluruh rantau ini.

- Pengurusan Aset secara pantas telah menjadi pusat sehati serantau dengan mempunyai kehadiran di Malaysia, Singapura dan Thailand, untuk memenuhi keperluan dalam dana konvensional dan Islam dan juga pelabur-pelabur ekuiti persendirian.

PENCAPAIAN KEWANGAN

- GB telah mencatatkan pertumbuhan hasil sebanyak 34.8% kepada RM5.3 bilion pada tahun 2012 berbanding RM3.9 bilion pada tahun 2011 disebabkan terutamanya oleh pendapatan faedah yang tinggi ("NII") sebanyak RM2.6 bilion berbanding RM2.1 bilion dalam tahun sebelumnya. Kami terus mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam pinjaman meskipun terdapat tekanan margin yang berterusan.
- Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) GB mencapai RM3.8 bilion bagi tahun 2012, 44.7% lebih tinggi berbanding pada tahun sebelumnya (2011: RM2.6 bilion).
- Jumlah pinjaman GB berjumlah RM64.5 bilion setakat 31 Disember 2012, meningkat 11.5% berbanding pada tahun 2011. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh tunggakan pinjaman berjangka yang tinggi sebanyak RM34.8 bilion berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM27.6 bilion.


KAMI BERADA DI LANDASAN YANG BETUL DALAM PERJALANAN TRANSFORMASI KAMI UNTUK MENJADI BANK BORONG TERKEMUKA DI ASEAN. USAHA INI BERMULA DENGAN KEJAYAAN PELAKSANAAN MODEL OPERASI PERBANKAN GLOBAL DENGAN LIPUTAN PELANGGAN MENJADI KEUTAMAAN KAMI DALAM HUBUNGAN DENGAN PELANGGAN.



- Kami mencatat pertumbuhan pinjaman sebanyak 11.5% dalam perbandingan tahun-ke-tahun dan pembiayaan dagangan pula menyaksikan penguasaan pasaran sebanyak 25.3% setakat bulan November 2012.
- Akaun semasa dan deposit tetap kami, masing-masing berkembang sebanyak 29.4% dan 10.5%.
- Kualiti aset bertambah baik dalam perbandingan tahun-ke-tahun, mencerminkan amalan risiko yang baik dan pemulihan hutang yang bertambah baik.

PENCAPAIAN BUKAN KEWANGAN

- GB telah memenangi 53 anugerah utama pada tahun 2012 daripada syarikat-syarikat penerbitan terkenal seperti Euromoney, Asiamoney, FinanceAsia, Alpha SEA dan The Asset Triple A.
- Daripada jumlah itu, 15 anugerah diraih di peringkat serantau termasuk Broker Runcit Terbaik di Filipina, Thailand dan Vietnam, Urus Niaga Terbaik Tahunan di Asia Tenggara, Penyelesaian Pembiayaan Dagangan Islam Terbaik Tahunan di Asia Tenggara, Urus Niaga REIT Terbaik Tahunan di Asia Tenggara, Urus Niaga Pembiayaan Projek Terbaik Tahunan di Asia Tenggara dan Penyelesaian Kustodi atau Penjagaan Terbaik Tahunan di Asia Tenggara.



+34.8%

MELAPORKAN PERTUMBUHAN HASIL SEBANYAK RM5.3 BILION PADA TAHUN 2012 BERBANDING RM3.9 BILION PADA TAHUN 2011.

TERAS STRATEGIK & INISIATIF

Perjalanan transformasi kami menjadi bank borong terkemuka di Asia Tenggara bermula dengan kejayaan dalam melaksanakan model operasi GB di Ibu Pejabat dengan Liputan Pelanggan di tengah-tengah perhubungan pelanggan kami.

Asas telah pun diletakkan apabila kami melancarkan Maybank Kim Eng dan melaksanakan struktur tadbir urus pejabat hadapan serantau GB merentasi semua negara yang mempunyai pakar-pakar serantau untuk menyokong perniagaan tempatan dalam mengukuhkan penawaran kami.

Pada tahun 2012, tumpuan utama adalah mengukuhkan keupayaan serantau kami dengan menyelaraskan seterusnya jenis perniagaan dan melaksanakan platform perniagaan serantau dan model operasi.

Pencapaian-pencapaian utama dan peristiwa utama:

- Kumpulan Pengurusan Aset Maybank telah ditubuhkan untuk menumpukan pada perniagaan pengurusan aset serantau.
- Menyatukan beberapa jenis perniagaan dalam Perbankan Transaksi untuk membentuk Pembiayaan Perdagangan & Rangkaian Pembekalan dan juga Perkhidmatan Sekuriti menawarkan Perkhidmatan Kustodi atau Penjagaan & Perkhidmatan Pemegang Amanah di bawah satu jenama.

- Menggunakan Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global merentasi sembilan negara untuk menguruskan dengan lebih baik risiko urus niaga sejagat kami.
- Melancarkan platform di peringkat hadapan dan akhir bagi pembiayaan dagangan serantau berasaskan laman web di semua negara.
- Melancarkan Perkhidmatan Pengurusan Tunai Serantau berasaskan laman web di Malaysia dan Singapura.

LIPUTAN PELANGGAN

Dengan mengadakan kerjasama dengan rakan produk GB dan sektor perniagaan yang berbeza di seluruh Kumpulan Maybank, Liputan Pelanggan menawarkan kepada pelanggan-pelanggan satu rangkaian penuh produk dan penyelesaian yang dibuat mengikut keperluan pelanggan.

Melalui latar belakang yang pelbagai dalam perbankan pelaburan, perbankan korporat dan pasaran modal, pasukan Liputan Pelanggan membina hubungan jangka panjang berdasarkan penglibatan secara tetap dengan pelanggan-pelanggan kami dan kefahaman menyeluruh tentang keperluan mereka. Pengurusan secara peribadi juga diperkuatkan oleh titik hubungan neutral tunggal yang membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang konsisten di seluruh rantau.

Langkah itu membawa kepada pertumbuhan yang sangat besar dalam urus niaga merentasi sempadan pada tahun 2012 dan peluasan asas pelanggan yang seterusnya.

PERBANKAN PELABURAN (MAYBANK KIM ENG)

Perniagaan perbankan pelaburan Kumpulan Maybank dikenali sebagai Maybank Kim Eng terdiri daripada Maybank Investment Bank Bhd. dan Maybank Kim Eng Holdings Ltd. di rantau ini.



“Walaupun kami masih lagi berada di fasa akhir program integrasi selepas penggabungan, yang dijangka selesai pada pertengahan tahun 2013, kami telahpun mencapai kejayaan yang hebat sebagai sebuah organisasi yang bersatu. Dengan memainkan peranan utama dalam dua daripada lima IPO yang utama di dunia hanyalah satu daripada banyak contoh kejayaan yang kami telah capai.”

TENGGU DATO' ZAFRUL

Ketua Eksekutif Kumpulan – Maybank Kim Eng

Kami menyediakan serangkaian luas perkhidmatan kepada asas pelanggan yang besar dan pelbagai termasuk syarikat korporat, institusi-institusi kewangan, kerajaan serta juga pelabur institusi dan runcit. Unit perniagaan utama kami adalah:

- Perbankan Pelaburan dan Khidmat Nasihat, yang memudahkan cara perlaksanaan urus niaga tanpa batas, dan menyediakan khidmat nasihat berhubung penggabungan, pengambil alihan, penstrukturan, penyusunan semula, ekuiti, terbitan dan penajaan dana berkaitan ekuiti serta penyelesaian berstruktur. Ia juga menyediakan nasihat kewangan dan nasihat dasar serta strategi dengan tumpuan terhadap sektor tenaga, infrastruktur dan utiliti.
- Pasaran Hutang, yang menyediakan khidmat nasihat, pengaturan dan pengagihan instrumen pasaran hutang.
- Pasaran Modal Ekuiti, yang menyediakan perkhidmatan seperti jualan dan pengagihan ekuiti, produk berkaitan ekuiti dan derivatif ekuiti serta menaja jamin Tawaran Awam Permulaan (IPO).
- Ekuiti/Pembrokeran, disokong oleh Penyelidikan, yang memudahkan cara urus niaga sekuriti tempatan dan asing melalui rangkaian wakil niaga dan remisier serta juga melalui platform urus niaga dalam talian kami yang canggih.
- Penyelesaian Ekuiti dan Komoditi, yang mencipta dan menawarkan produk pelaburan di pasaran dan melalui kaunter.
- Pembrokeran Masa Hadapan, yang menawarkan perkhidmatan penjualan, pelaksanaan dan penjelasan.

Berikutan pemerolehan Kim Eng pada bulan Julai 2011, Maybank Kim Eng telah menetapkan matlamat yang sama merentasi semua jenis perniagaannya, untuk menjadi Peneraju Perkhidmatan Kewangan Serantau menjelang tahun 2015. Dalam mencapai wawasan ini dan merealisasikan sepenuhnya potensi penggabungan, satu program dikenali sebagai Program Penyatuan Selepas Penggabungan (PMI) bertempoh selama dua tahun telah dilancarkan. Biarpun kami baru melepasi tahun pertama beroperasi sebagai sebuah entiti yang disatukan di bawah Maybank Kim Eng, kami telahpun mencapai sejumlah kejayaan yang boleh untuk dilaporkan.

Pada tahun 2012, Maybank Kim Eng mencatatkan pertumbuhan hasil sebanyak 44% dalam perbandingan tahun-ke-tahun, daripada RM888 juta pada tahun 2011 kepada RM1,279 juta. Keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2012 adalah RM345 juta, kenaikan sebanyak 173% berbanding tahun sebelumnya. Penyumbang utama peningkatan tersebut adalah Perbankan Pelaburan dan Khidmat Nasihat dengan aliran urus niaga yang kukuh. Prestasi kami adalah cemerlang berbanding pesaing industri, dan kami meraih tempat pertama dan kedua, masing-masing dalam Jadual Liga Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A) Malaysia Bloomberg dan Ekuiti dan Penawaran Hak. Daripada segi perniagaan M&A serantau, kami berada di kedudukan ketiga, keempat dan kesembilan, masing-masing, di Thailand, Filipina dan Singapura, iaitu satu pencapaian yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Di rantau ini, kami telah diiktiraf sebagai pemain utama dalam perniagaan ekuiti, dengan menduduki tempat keenam teratas dari segi penguasaan pasaran di Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina dan Vietnam. Di Thailand, kami mengungguli tempat pertama selama sebelas tahun. Melalui sumber-sumber serta saluran pengedaran serantau yang dimiliki melalui pemerolehan Kim Eng, kami juga berupaya memainkan peranan utama dalam dua daripada lima IPO terbesar global pada 2012, iaitu IPO Felda Global Ventures Holdings bernilai RM10.4 bilion dan IPO dwi penyenaraian IHH Healthcare bernilai RM6.3 bilion.

Kesemua ini adalah petunjuk yang jelas bahawa kami berada di landasan betul untuk membangunkan perniagaan perbankan pelaburan serta ekuiti yang berjaya di rantau ini.

Sebahagian daripada janji niaga utama tahun kewangan, di dalam negara dan juga di peringkat global:

- IPO Felda Global Ventures Holdings yang berjaya meraih dana berjumlah RM10.4 bilion, di mana kami merupakan Penasihat Prinsipal Bersama, Penyelaras Global Bersama, Penerima Tempahan Bersama, Pengurus Penaja Jamin Bersama dan Penaja Jamin Bersama.
- IPO IHH Healthcare yang berjaya mengumpulkan RM6.3 bilion, di mana kami merupakan Penerima Tempahan Bersama bagi Tawaran Awam Malaysia dan Penaja Jamin Singapura bagi Tawaran Singapura.
- Penempatan Maybank merupakan penempatan utama terbesar dalam sejarah korporat Malaysia, berjumlah lebih RM3 bilion dengan diskaun terendah.
- Terbitan Sukuk Subordinat berjumlah RM500.0 juta oleh National Bank of Abu Dhabi di bawah Program MTN Konvensional dan Islamik berjumlah RM3.0 bilion, yang mana kami adalah Pengatur Utama Bersama dan Pengurus Utama Bersama (bagi urus niaga ini, kami merupakan penerbit asing pertama yang menerbitkan Sukuk Subordinat dalam RM dan Struktur Tahap 2 "bullet" yang pertama dalam matawang RM).
- Terbitan Sukuk berjumlah RM30.6 bilion oleh PLUS di bawah gabungan Program Sukuk dan Program Sukuk Jaminan Kerajaan dengan had yang disatukan sebanyak RM34.35 bilion dalam nilai nominal (urus niaga ini merupakan terbitan sukuk terbesar di dunia).
- Pembiayaan holistik berbilang MATAWANG, produk dan kedudukan berjumlah RM6.5 bilion oleh Tanjung Bin Energy Issuer Berhad (urus niaga ini menyaksikan penyertaan yang pertama bagi pembiaya antarabangsa dalam pembiayaan projek tenaga di Malaysia).

Perbankan Pelaburan dan Khidmat Nasihat (IB&A)

Bahagian IB&A telah memudahkan cara pelaksanaan dan perasalan urus niaga pasaran modal termasuk mendapatkan kesemua kelulusan pihak berkuasa yang diperlukan. Berasaskan pemahaman yang mendalam terhadap kedua-dua keperluan pelanggan dan persekitaran korporat, kami menawarkan penyelesaian menyeluruh dan inovatif.

Tahun 2012 merupakan tempoh keberhasilan bagi M&A dan IPO utama di Malaysia. Kami merupakan penasihat bagi dua IPO terbesar di rantau ini iaitu, Felda Global Ventures Holdings Berhad dan Astro Malaysia Holdings Berhad, yang menyumbang kepada lonjakan pertumbuhan hasil kami dalam tahun 2012. Seperti mana yang digambarkan di bawah, kedudukan kami dalam jadual liga bertambah baik apabila menjadi bank M&A Nombor 1 di Malaysia pada tahun 2012 dan memenangi banyak anugerah berprestij, termasuk Bank M&A Terbaik di Malaysia 2012 yang diterima daripada majalah The Asset Triple A.

Jadual Liga M&A Malaysia (1 Jan 2012 -31 Dis 2012)

Kedudukan	Penasihat	Penguasaan Pasaran (%)	Jumlah (RM juta)
1	Maybank IB	36.5	46,628.9
2	CIMB Investment	30.7	39,231.5
3	Goldman Sachs & Co	26.9	34,470.2
4	Morgan Stanley	20.2	25,856.8
5	Bank of America Merrill Lynch	13.9	17,819.7

Sumber: Bloomberg pada 31 Disember 2012

Pada tahun 2012, kami juga berkembang menjadi peserta serantau dalam bidang M&A dan kegiatan mengumpulkan dana. Janji niaga merentas sempadan serantau yang ketara termasuk pemerolehan 65% kepentingan ekuiti dalam Esso Malaysia Berhad oleh Petron Oil & Gas International serta penubuhan Business Trust milik Berjaya Sports Toto di Singapura. Walaupun janji niaga Malaysia mewakili sebahagian besar hasil kami pada tahun 2012, kami menjangkakan platform serantau yang baru akan menjana bilangan janji niaga yang meningkat di masa hadapan.

BinaFikir Sdn Bhd, unit Khidmat Nasihat Strategik Maybank Kim Eng, menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat kewangan serta juga khidmat nasihat terhadap perkara-perkara dasar dan strategi, menumpukan kepada sektor Tenaga, Infrastruktur dan Utiliti (EIU). Sebagai contoh, BinaFikir memberikan khidmat nasihat kewangan projek bagi pembangunan dan pembiayaan Penjana Kuasa Bebas (IPP).

Tahun 2012 merupakan satu tempoh masa yang baik untuk BinaFikir apabila unit tersebut berjaya membuat pengkhususan sebagai penasihat pilihan di sektor-sektor operasinya. BinaFikir mengunjurkan peningkatan selanjutnya di dalam projek-projek yang diterajui sektor swasta, Perkongsian Awam Swasta (PPP) dan juga kerja-kerja khidmat nasihat berkaitan swasta di bawah PPP pada tahun 2013, meneruskan arah aliran yang ditunjukkan dalam tahun 2012.

Antara janji niaga yang selesai atau masih diusahakan pada tahun kewangan tersebut, sorotannya termasuk:

- Khidmat nasihat kewangan kepada pembida yang memenangi pengambilalihan, pembiayaan dan pentauliahan jana kuasa bebas menggunakan gas 225MW yang terletak di Kulim, Kedah. Projek itu berada di bawah tanggungan sejak tahun 2004, menyaksikan pengaturan dan terbitan sukuk dengan nilai nominal RM650 juta di bawah Kemudahan Sukuk Mudharabah Berjamin (janji niaga yang meraih anugerah Janji Niaga Penstrukturan Semula Tahunan di bawah Anugerah Islamic Finance News 2012).
- Khidmat nasihat kewangan projek yang sedang berlangsung, kepada penaja pembangunan dan pembiayaan Hab Pendidikan Pagoh PPP (iaitu kemudahan kampus bagi Politeknik Pagoh, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia) ditadbir oleh berbilang perjanjian konsesi yang berjaya dilaksanakan pada bulan November 2012.
- Perkhidmatan nasihat kewangan dan penilaian bagi cadangan pengambilalihan sebuah penjana tenaga bebas di Malaysia.
- Khidmat nasihat kewangan projek yang sedang dilaksanakan oleh para penaja pembangunan dan pembiayaan projek penjagaan kesihatan berkonsepkan PPP untuk klinik kerajaan di seluruh Malaysia.

Melangkah ke hadapan, kami menjangkakan momentum pada tahun 2013 berkekalan meskipun ramai penganalisis meramal janji niaga berkurangan di Malaysia selepas pilihan raya umum. Tahun berkenaan akan menjadi tempoh yang mencabar kerana krisis hutang masih lagi menghantui Eropah dan AS. Kami, bagaimanapun, akan memanfaatkan kekuatan yang ada di peringkat domestik dan serantau untuk mendepani sebarang kelembapan ekonomi yang berlaku di Malaysia.

Pasaran Hutang

Pasaran Hutang adalah terdiri daripada Pasaran-Pasaran Modal Hutang (DCM), Sindiket Pendapatan Tetap (SFI), Kredit Korporat & Agensi (CCA) dan Pinjaman & Pentadbiran (LPAD). Secara bersama, unit-unit produk ini bekerja dengan lancar sebagai rantaian nilai untuk menawarkan penyelesaian pembiayaan hutang yang lengkap kepada pelanggan kami, daripada khidmat nasihat dan penyediaan dokumen, sehingga penstrukturan dan pelaksanaan, penjualan dan pengagihan serta agensi serta sokongan selepas jualan.

Kami menyediakan satu spektrum penuh produk-produk hutang termasuk bon, sukuk, pinjaman bersindiket dan penyelesaian hibrid, dalam matawang Ringgit dan sebilangan matawang asing. Kepakaran kami dalam industri diperlihatkan melalui kepelbagaian urusan niaga kami, di mana kami membiayai semua segmen utama industri termasuk infrastruktur, utiliti, perkhidmatan kewangan dan sektor-sektor lain yang merupakan penyumbang penting kepada ekonomi negara.

Dengan berpaksikan kepada pelanggan, kami didorong ke arah memberikan penyelesaian khusus untuk memenuhi keperluan pembiayaan unik pelanggan kami. Keadaan ini membolehkan kami menawarkan penyelesaian inovatif dan merentasi sempadan untuk membentuk lanskap pasaran hutang Malaysia. Ini terbukti pada tahun 2012, apabila kami meneruskan tradisi dan legasi kami mengeluarkan bon mercu tanda dan urusan niaga sukuk untuk pelanggan-pelanggan seperti National Bank of Abu Dhabi, Kuala Lumpur Kepong Berhad, Johor Corporation, DanaInfra Nasional Berhad and Projek Lebuhraya Usahasama Berhad. Kami juga membangunkan penyelesaian sukuk hibrid untuk Malaysian Airline System Berhad, kemudahan hutang berbilang matawang, produk dan kedudukan yang bersifat holistik untuk Tanjung Bin Energy Issuer Berhad dan urusan niaga pinjaman bersindiket 1MDB Energy Sdn. Bhd., SapuraKencana Petroleum Berhad, dan Petron Oil & Gas International Sdn. Bhd.

Dalam urus niaga melibatkan Dolar AS, kami berjaya menerbitkan bon untuk Export Import Bank of Malaysia Berhad dan Malayan Banking Berhad, manakala bagi IDR, kami menyelesaikan terbitan bon untuk PT Bank Internasional Indonesia, PT Astra Sedaya Finance, PT Indofood Sukses Makmur dan PT BFI Finance Indonesia.

Dengan menerima pakai strategi “Mendahulukan Perbankan Islam” Maybank, kami mengekalkan status sebagai pengeluar sukuk terunggul dalam usaha menyokong Malaysia sebagai hab Islam di dunia. Kami berupaya memanfaatkan kepakaran Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Syariah dan rangkaian Perbankan Islam Kumpulan Maybank, yang amat penting untuk kejayaan melancarkan penyelesaian Sukuk.

Menurut Jadual Liga Pengurus Peneraju RAM (Konvensional & Islamik), kami muncul sebagai peneraju mengikut nilai terbitan pada tahun 2012, satu peningkatan lebih baik berbanding tahun sebelumnya yang menyaksikan kami berada di tempat kedua.

Pada tahun 2012, kami meraih pelbagai anugerah termasuk:

- Pengeluar Bon Malaysia Terbaik Tahunan, Asiamoney
- Pengeluar Bon Terbaik Tahunan, Alpha Southeast Asia
- Bank Sukuk dan Penasihat Kewangan Projek Terbaik di Asia, Anugerah Terbaik Islam di Dunia oleh Global Finance
- Janji Niaga Islam Terbaik Tahunan/Sukuk Berdaulat Terbaik, Anugerah Asset Triple A untuk Sijil Sukuk Global bagi Wakala Global Sukuk Berhad
- Janji Niaga Kewangan Islam Tahunan, Anugerah Institusi Kewangan Islam Terbaik Global Finance untuk Sijil Sukuk Global bagi Wakala Global Sukuk Berhad
- Sukuk Korporat Terbaik, Anugerah The Asset Triple A Awards bagi Sukuk Projek Lebuh raya Usahasama

Pasaran Modal Ekuiti

Pasukan Kumpulan Pasaran Modal Ekuiti (ECM) menyediakan penyelesaian dan melaksanakan urus niaga ekuiti dan berkaitan ekuiti seperti IPO, Tawaran Hak, Penempatan dan Tawaran Sekuriti Boleh-Ubah. Dengan memiliki platform pengagihan serantau dan antarabangsa yang kukuh, kami berupaya menggembeleng permintaan daripada para pelabur institusi global dan berjaya mengendalikan urus niaga penting ke pasaran. Kumpulan ECM serantau memulakan, menyertai, mengurus dan menyelaras janji niaga ECM ke seluruh rantau, bekerjasama dengan kumpulan janji niaga di negara masing-masing.

Kami percaya kepada keperluan menjalin hubungan khidmat nasihat yang rapat dengan pengurus dana, kerajaan, syarikat korporat dan swasta, terutamanya dalam persekitaran pasaran yang dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Ini memberikan kami pandangan tentang pasaran yang berharga, antaranya mengenai strategi pembiayaan yang meluas, perilaku pelabur dan prestasi peserta utama pasaran. Ini akan membantu memastikan bahawa janji niaga ECM kami adalah bersindiket, dipasarkan dan disalurkan kepada rangkaian pelabur yang luas bagi membolehkan penentuan harga urus niaga yang optimum.

Dalam tahun kewangan, kumpulan ECM telah berjaya memuktamadkan sejumlah urus niaga yang penting di Malaysia. Pelbagai anugerah yang dimenangi adalah bukti kepada prestasi kami, rekod sejarah serta kepakaran kami membantu syarikat terdiri daripada pelbagai saiz syarikat memasuki pasaran dengan jayanya. Sebahagian urus niaga berkenaan yang diselesaikan pada tahun kewangan termasuk:

- IPO Felda Global Ventures, IPO kedua terbesar di dunia pada tarikh penetapan harga, dalam bulan Jun 2012
- IPO IHH Healthcare, IPO ketiga terbesar di dunia mengikut tarikh penetapan harga dan dwi penyenaaran yang pertama di Bursa Malaysia dan SGX, pada bulan Julai 2012
- REIT IGB, iaitu REIT runcit terbesar Malaysia berdasarkan permodalan pasaran pada bulan September 2012
- IPO Astro Malaysia, IPO ketiga terbesar di rantau Asia Tenggara pada tahun 2012 setakat tarikh penetapan harga pada bulan Oktober 2012
- Penempatan Maybank, penempatan utama terbesar dalam sejarah korporat Malaysia dengan diskaun terendah bagi penempatan berjumlah RM3 bilion ke atas

Nilai janji niaga yang disempurnakan di Malaysia telah meningkat tiga kali ganda sepanjang tahun lalu daripada RM1.975 bilion pada tahun 2011 kepada RM6.177 bilion pada tahun 2012, mewakili penguasaan pasaran sebanyak 19.7%. Pada tahun 2012, kami berada di kedudukan kedua dalam Pasaran Penaja Jamin Bloomberg bagi Ekuiti & Tawaran Hak Malaysia.

Di peringkat serantau, kami menyempurnakan dua janji niaga yang menjadi mercu tanda di Filipina pada tahun 2012:

- Penempatan San Miguel Pure Foods, salah satu daripada penempatan terbesar di Filipina
- IPO D&L Industries Inc, IPO kedua terbesar di Filipina

Disebalik ketidaktentuan berterusan dan jangkaan kemerupaan dalam pasaran global, pasaran modal ekuiti Asia Tenggara dijangka kekal kukuh pada tahun 2013, digalakkan oleh pertumbuhan berterusan ekonomi rantau ini. Kami akan memanfaatkan francais serantau kami yang berjaya memenangi anugerah iaitu Maybank Kim Eng dalam mengukuhkan kedudukan di pelbagai pasaran ekuiti domestik di rantau ini dengan harapan untuk membina hubungan jangka panjang bagi mencapai wawasan menjadi Peneraju Perkhidmatan Kewangan Serantau menjelang tahun 2015.

Janji Niaga Runcit

Kami adalah syarikat pembrokeran saham dengan perkhidmatan lengkap yang menawarkan kegiatan urus niaga, pembiayaan dan penyelidikan kepada pelabur runcit melalui rangkaian pengagihan yang luas meliputi seluruh Asia. Dengan pengambilalihan Kim Eng, kami kini mengembangkan kehadiran di rantau ini dengan beroperasi di Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Vietnam dan Hong Kong. Di setiap negara ini, kami mempunyai pasukan projek yang menumpukan terhadap inisiatif strategik untuk mengembang dan memanfaatkan keupayaan serantau, daripada produk dan perkhidmatan ke penjenamaan dan pemasaran.

Kami menyediakan serangkaian luas produk termasuk urus niaga berbantuan peniaga, dagangan dalam talian dan dagangan bergerak bagi pasaran tempatan dan antarabangsa. Kami menyokong pelanggan kami dengan kemudahan pembiayaan margin saham dan mempertingkatkan pengalaman mengurus niaga dengan laporan penyelidikan merangkumi liputan industri dan sektor yang meluas, di dalam dan luar negara. Sebahagian daripada industri tersebut termasuk pembinaan, minyak dan gas, perladangan, telekomunikasi, teknologi, media dan utiliti.

Tahun 2012 merupakan tempoh yang berjaya dengan banyak pencapaian cemerlang. Sesetengah inisiatif termasuk melabel semula platform dalam talian serantau Kim Eng dengan jayanya bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Thailand dan Hong Kong. Di Vietnam, satu aplikasi dagangan bergerak juga dilancarkan.

Dengan menjadikan Singapura sebagai hab perniagaan, kami kini berupaya menawarkan catalog produk yang diperluaskan kepada pelanggan serantau kami, termasuk Kontrak Perbezaan (CFDs), Leveraj FX (LFX) dan Pendapatan Tetap (FI). Lebih banyak produk berada dalam perancangan memandangkan kami menasaskan untuk memperkenalkan pelbagai instrumen pelaburan untuk disesuaikan dengan keperluan bermacam-macam segmen pelanggan.

Bagi melengkapkan integrasi platform, kami telah berusaha menubuhkan sebuah pasukan jualan serantau untuk memberikan kepada pelanggan kami perkhidmatan bersifat peribadi tahap tertinggi di seluruh pasaran serta produk, dan menyampaikan perkhidmatan pelanggan yang unggul di sebalik persekitaran yang sangat berdaya saing.

Selari dengan misi Kumpulan Maybank untuk “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan”, kami menumpukan kepada interaksi pelanggan yang berterusan dan idea-idea perdagangan untuk membina perhubungan jangka panjang. Kami melabur untuk pelanggan kami dengan mengadakan bengkel interaktif bagi melengkapkan mereka dengan asas perdagangan. Kami mengadakan persidangan Invest ASEAN di Malaysia untuk terus mendidik pelanggan kami mengenai pasaran serantau.

Kami juga mengambil manfaat daripada pasukan Pendidikan Kim Eng dengan mengadakan bengkel dan seminar pendidikan untuk pelanggan di seluruh rantau ini. Begitu juga, pasukan jualan kami sentiasa didedahkan dengan bengkel latihan terkini untuk sentiasa menambah baik pengetahuan pelaburan mereka serta mengikuti perkembangan pasaran serantau untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik terhadap pelanggan kami. Inisiatif ini juga memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan serantau apabila kami berusaha menerap pelanggan kami dengan pengetahuan pelaburan supaya mereka boleh mengurus pelbagai portfolio dengan lebih baik merentasi pasaran dan produk.

Kami bangga dengan kejayaan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan dan kami teruja dengan apa yang berada dalam perancangan. Kami mengakhiri tahun kewangan dengan penguasaan pasaran dan kedudukan lebih baik. Kami berazam untuk menempatkan kehadiran jenama kami ke seluruh rantau. Anugerah-anugerah terbaru kami adalah bukti terhadap usaha-usaha dan komitmen kami kepada pelanggan yang dihargai.

- Broker Runcit Terbaik, Malaysia – Alpha Southeast Asia 2012
- Broker Runcit Terbaik, Thailand – Finance Asia 2012
- Broker Runcit Terbaik, Thailand – Alpha Southeast Asia 2012
- Broker Runcit Terbaik, Vietnam – Alpha Southeast Asia 2012
- Broker Runcit Terbaik, Filipina – Alpha Southeast Asia 2012
- Aplikasi Mudah Alih Terbaik, Singapura – Investment Trends Survey 2012
- Broker Terbaik, Malaysia – The Asset Triple A Country Awards 2012
- Broker Terbaik, Thailand – The Asset Triple A Country Awards 2012

Pada tahun 2013, matlamat kami adalah terus mengembangkan perniagaan kami di rantau ini untuk mencapai aspirasi kami menjadi Broker No. 1 ASEAN.

Janji niaga Institusi

Pasukan ekuiti institusi menyediakan perkhidmatan pembrokeran ekuiti dan pelaksanaan kepada pelanggan institusi seperti dana pencen, dana insurans hayat dan dana amanah.

Kami terlibat dalam penempatan IPO, penempatan swasta dan dagangan secara blok melalui kaunter, dan menyediakan akses korporat kepada pelanggan melalui persidangan, hari-hari korporat serta pameran bergerak bukan janji niaga.

Kami mencapai beberapa kejayaan penting pada tahun 2012. Senarai inisiatif jualan dan pemasaran berkualiti tinggi termasuk seminar, hari korporat, lawatan syarikat, lawatan tapak dan pembentangan sewaktu makan tengahari. Di Malaysia, buat tahun ketiga, kami memainkan peranan penting dalam menganjurkan acara yang sangat berjaya, Invest Malaysia, bersama-sama dengan Bursa Malaysia untuk mempromosi pasaran modal Malaysia. Kami telah terlibat dalam sejumlah inisiatif integrasi seperti membina semangat dan pelancaran skim insentif berasaskan pasukan dan serantau. Tumpuannya adalah menggalakkan komunikasi pasukan dan memupuk kedua-dua pelanggan institusi serantau dan global.

Di Malaysia, kedudukan kami secara rasminya bertambah baik berdasarkan anugerah-anugerah yang diterima daripada Alpha SEA dan The Asset Triple A, masing-masing sebagai Bank Ekuiti Terbaik dan Broker Terbaik serta Wakil Jualan Terbaik oleh Asiamoney. Penguasaan kami di dalam pasaran institusi domestik bertambah sebanyak 19%, sekali gus meningkatkan penguasaan keseluruhan pasaran ekuiti domestik kepada 7.06%, untuk muncul sebagai Bank Broker ketiga Terbaik berbanding di tempat kelima pada tahun 2011.

Di peringkat serantau, kami dilihat sebagai 'broker momentum'. Usaha kami untuk membina sebuah pasukan jualan dan janji niaga institusi yang kukuh berserta penambahbaikan dalam produk penyelidikan kami, telah mula membuahkan hasil dan pelanggan kami mengiktirafnya. Sementara itu, terdapat juga banyak akaun institusi baru yang dibuka secara global, hasil kerjasama di antara pejabat-pejabat kami di Singapura, AS, UK dan Hong Kong. Satu lagi kemajuan adalah inisiatif broker berseghmen di kalangan pelanggan.

Pasukan ekuiti institusi terus berusaha mengukuhkan tapaknya di pasaran serantau, berusaha ke arah wawasan menjadi Peneraju Perkhidmatan Kewangan Serantau menjelang tahun 2015.

Penyelesaian Ekuiti dan Komoditi

Kami bertindak sebagai pemangkin kepada inovasi produk dan platform untuk Maybank mengkhususkan produk dan penyelesaian untuk pelanggan runcit, korporat dan institusi kami. Perniagaan Bahagian Penyelesaian Ekuiti dan Komoditi (ECSD) kami boleh dibahagikan kepada dua pasaran utama: produk didagangkan di pasaran dan pasaran tidak rasmi di mana teknik penyesuaian kewangan digunakan untuk menghasilkan instrumen pelaburan.

ECSD juga bertanggungjawab untuk menjana teknik unik mengurangkan risiko bagi mengurus pendedahan pelanggan kami kepada kedua-dua risiko harga komoditi dan ekuiti, selain membolehkan pelanggan kami untuk menguruskan modal dan operasi mereka dalam cara yang cekap.

Kami juga merupakan antara penerbit waran panggilan utama di pasaran. Pada tahun 2012, kami menerbitkan sejumlah 83 waran panggilan. Sesetengah daripada waran panggilan utama pada tahun lepas termasuk ASTRO-CB, FGV-CC dan IHH-CM. Pasukan kami juga telah memulakan laman sesawang waran, www.maybankwarrants.com, untuk kemudahan para pelabur.

Kami juga telah melancarkan Nota Pelaburan Berkaitan Ekuiti (ELIN) bagi pelanggan mewah. Program ELIN menyediakan kepada pelanggan-pelanggan saluran lain untuk memperuntukan wang mereka dalam kelas aset ekuiti, sebagai tambahan kepada pelaburan dalam pasaran ekuiti tunai biasa.

Bagi komoditi, kami menyediakan perkhidmatan lindung nilai komoditi terhadap pelbagai sandaran termasuk minyak sawit mentah, minyak mentah brent, minyak mentah WTI dan emas.

Di peringkat serantau, ECSD Thailand juga menerbitkan waran panggilan. Di dalam sebuah negara yang mempunyai 12 penerbit waran panggilan, ECSD Thailand berada di kedudukan keempat. Pada tahun 2012, mereka telah menerbitkan 73 waran panggilan dan waran belian. Tiga waran teratas daripada segi jumlah dagangan ialah IVL42CD (Indorama Ventures PCL), STA42PA (Sri Trang Agro-Industry PCL) dan BANP42CD (Banpu PCL).

Penyelidikan

Maybank Kim Eng Research adalah firma penyelidikan pelaburan bebas terkemuka, menumpukan kepada pembentangan bahan penyelidikan bertepatan waktu terdiri daripada pandangan ekonomi makro hinggalah analisis mendalam setiap peluang pelaburan dan idea unik kepada pelanggan institusi dan runcit. Selain daripada mengendalikan penyelidikan mengikut sektor dan syarikat, pasukan penyelidikan kami juga menganjur persidangan dan bengkel dengan tema tertentu serta mengadakan lawatan kerja bagi membolehkan para pelabur mendapat kefahaman menyeluruh mengenai profil perniagaan syarikat-syarikat senaraian awam.

Penyelidikan tersebut disusun kepada empat kategori luas: ekuiti, pendapatan tetap, ekonomi dan politik.

Pembrokeran Hadapan

Kami melancarkan produk-produk pembrokeran hadapan kami pada akhir tahun 2012, menawarkan kontrak hadapan Minyak Sawit Mentah, kontrak hadapan KLCI dengan semua kontrak yang disenaraikan di Bursa Malaysia Derivatives Berhad. Dengan kehadiran di Malaysia, Singapura dan Hong Kong, kami menawarkan perkhidmatan jualan, pelaksanaan dan penjelasan kepada para pelanggan institusi, korporat dan runcit. Portal urus niaga dagangan yang dikenali sebagai Futures2u, menawarkan kemudahan urus niaga dalam talian yang membolehkan pelanggan kami mengakses pasaran dari mana juga mereka berada. Pada tahun 2013, kami merancang untuk melancarkan produk hadapan asing sebagai memberikan akses ke pasaran-pasaran utama di seluruh dunia.

54.3%

PADA TAHUN 2012, HASIL PERBANKAN KORPORAT MELONJAK SEBANYAK 54.3% KEPADA REKOD PENCAPAIAN SEBANYAK RM2.3 BILION. PRESTASI DIPERTINGKATKAN OLEH PERTUMBUHAN KUKUH PINJAMAN BERJANGKA (+25.4%).

PERBANKAN KORPORAT (CB)

Bahagian Perbankan Korporat menilai dan menaja jamin cadangan kredit untuk menyokong keperluan perniagaan pelanggan. Kami menstruktur pinjaman berkualiti tinggi dengan menggabungkan produk yang berkaitan dengan produk rakan-rakan yang lain, termasuk Perbankan Transaksi, Pasaran Global, Perbankan Pelaburan dan Maybank Islamic Berhad.

Kami juga mengendalikan pemberian pinjaman khas seperti pembiayaan projek merentasi sempadan, pensindiketan dan pinjaman penyambung.


Pelanggan kami terdiri daripada kerajaan (termasuk syarikat berkaitan kerajaan), syarikat korporat Malaysia dan syarikat multinasional.

Pada tahun 2012, hasil Perbankan Korporat melonjak sebanyak 54.3% untuk mencapai rekod RM2.3 bilion. Prestasi digalakkan oleh pertumbuhan kukuh di dalam Pinjaman Berjangka (+25.4%).

Kualiti aset dan produktiviti bertambah baik pada tahun tersebut dan kami juga memulakan peningkatan proses kredit yang secara ketara mempercepatkan reaksi kami terhadap keperluan pelanggan – sekali gus meningkatkan pertumbuhan pinjaman dengan penerimaan yang lebih tinggi terhadap cadangan produk dan penyelesaian kami.


Dengan kualiti aset yang bertambah baik, kami berupaya meningkatkan pinjaman sebanyak 11.5%. Kami juga mengekalkan paras deposit dengan Akaun Semasa dan Deposit Tetap, masing-masing meningkat sebanyak 29.4% dan 10.5%.

Pembiayaan & Deposit Korporat
RM' bilion



CY: Tahun Kalendar

Hasil Perbankan Korporat
RM' bilion



PERBANKAN TRANSAKSI (TB)

Perbankan Transaksi dibina di atas empat asas perniagaan: Pengurusan Tunai, Perdagangan & Pembiayaan Rantaian Bekalan, Institusi Kewangan dan Perkhidmatan Sekuriti. Perkhidmatan Sekuriti dibentuk pada bulan November 2012 dengan menggabungkan Perkhidmatan Kustodi Maybank dan Maybank Trustees Berhad – satu langkah yang mempertingkatkan keupayaan kami di dalam pasaran serantau utama kami.

Pada tahun 2012, kami menyaksikan peningkatan yang besar dalam penguasaan pasaran Pengurusan Tunai dari segi jumlah dan nilai urus niaga, masing-masing meningkat daripada 42.9% dan 33.6% dalam tahun 2011 kepada 48.5% dan 39.4% dalam tahun 2012. Pembiayaan Perdagangan juga mengekalkan kedudukannya yang baik dengan menguasai pasaran sebanyak 26.5% pada bulan Disember 2012.

Sementara itu, kami mengembangkan perniagaan Perbankan Transaksi serantau ke Singapura, Indonesia, Filipina dan China. Kami juga menambah baik model perniagaan Perdagangan & Pembiayaan Rantaian Bekalan dan Perkhidmatan Sekuriti, menjadikan kami sebaris dengan rakan-rakan serantau lain.

Di bidang teknologi, untuk mempertingkatkan pengurusan mudah tunai dan pelaksanaan urus niaga pelanggan, kami telah melancarkan tiga saluran elektronik serantau: Pengurusan Tunai Serantau – Maybank2E, Perdagangan & Pembiayaan Rantaian Bekalan – TradeConnex, dan Perkhidmatan Sekuriti – eCustody.



Pelancaran Perkhidmatan Pengurusan Tunai Serantau di Singapura (Nov 2012)

PASARAN GLOBAL (GB)

Pasaran Global memenuhi keperluan perbendaharaan pelanggan kami. Produk dan perkhidmatan kami termasuk Tukaran Asing, Pasaran Wang, Pasaran Pendapatan Tetap, Derivatif dan produk berstruktur. Kami memainkan peranan utama untuk membolehkan Maybank menerajui kehadirannya di peringkat serantau sambil memastikan strategi dagangan yang menyeluruh dan berintegrasi di semua pusat perbendaharaan Kumpulan seluruh dunia.

Operasi Pasaran Global Malaysia menyaksikan hasil dan PBT bertambah baik, masing-masing sebanyak 10.7% dan 16.5%, kepada RM1.7 bilion dan RM1.5 bilion setiap satu walaupun persekitaran ekonomi yang suram.

Di peringkat serantau, Pasaran Global mencatatkan hasil dan Keuntungan sebelum Cukai, masing-masing sebanyak RM2.5 bilion dan RM2.1 bilion. Portfolio sekuriti meningkat 9.63% kepada RM92.8 bilion dengan sebanyak 31.3% diraih daripada sekuriti asing bagi tempoh sehingga bulan Disember 2012.

Dalam tahun kewangan, kami menempatkan Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global yang melibatkan operasi bahagian hadapan dan pertengahan pejabat di Singapura, Jakarta, Labuan, Manila, Hong Kong, Shanghai, London dan New York. Kami juga kini mempunyai model operasi serantau yang ditakrifkan dengan jelas serta satu platform yang membolehkan kami memantau risiko yang diambil pada setiap masa, konsisten dengan penyata kehendak risiko yang kami sediakan sendiri.



MAYBANK ASSET MANAGEMENT (MAYBANK AM)

Maybank AM merupakan cabang pengurusan dana Kumpulan Maybank, yang kini pantas menjadi pengurus aset bersepadu atau berintegrasi, menawarkan akses penyelesaian pelbagai pelaburan dan keupayaan pelaburan serantau kepada para pelabur.


Penyatuan perniagaan pengurusan aset Kumpulan telah mengukuhkan kehadirannya di pasaran utama Asia Tenggara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina. Dalam melangkah ke hadapan, Maybank AM mempunyai potensi untuk melakukan pengambilalihan penting di rantau ASEAN.

Matlamat Maybank AM adalah menawarkan cadangan unik di mana wujudnya kepakaran pasukan kami yang sedia untuk berkhidmat. Satu platform serantau yang sama menyepadukan pasukan yang beroperasi daripada negara masing-masing bagi menyelidik dan mendalami keupayaan pasaran.

Pada tahun itu, Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) Maybank AM Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang menakjubkan sebanyak 74.5%, daripada RM4.7 bilion pada awal tahun kepada RM8.3 bilion pada 31 Disember 2012. Pertumbuhan angka berganda yang tinggi merupakan hasil daripada usaha pemasaran yang berterusan dan keupayaan pelaburan serantau yang dipertingkatkan melalui pertukaran pengetahuan pelaburan di seluruh syarikat kumpulan Maybank AM.

Hasil Pasaran Global
RM'bilion

PBT Perbankan Global
RM'bilion



CY: Tahun Kalendar

2012 ANUGERAH DOMESTIK DAN SERANTAU

ANUGERAH ALPHA SOUTHEAST ASIA

- Penyelesaian Kustodi Terbaik Tahunan
- Janji Niaga IPO Terbaik Tahunan di Asia Tenggara & Janji Niaga Terbaik Tahunan di Asia Tenggara bagi Pemegang Saham Minoriti (Felda Global Ventures Holdings IPO)
- Penyenaraian Berkembar IPO Asia Tenggara Terbaik Tahunan (IHH Healthcare Bhd IPO)
- Janji Niaga Ekuiti Terbaik Asia Tenggara Tahunan (IHH Healthcare Bhd IPO)
- Janji Niaga Modal Sederhana Asia Tenggara Tahunan (Gas Malaysia Bhd IPO)
- Janji Niaga REIT Terbaik Asia Tenggara Tahunan (IGB REIT)
- Janji Niaga Paling Inovatif Asia Tenggara Tahunan (IGB REIT)
- Janji Niaga Pembiayaan Projek Terbaik Asia Tenggara Tahunan (IMTN & Kertas Komersial Islam Danainfra Nasional)
- Janji Niaga Pembiayaan Islam Terbaik Asia Tenggara Tahunan (Program IMTN+Jaminan Sukuk PLUS)
- Bank Pengeluar Bon Terbaik, Malaysia
- Bank Ekuiti Terbaik, Malaysia
- Broker Runcit Terbaik, Malaysia
- Broker Institusi Terbaik, Singapura
- Broker Runcit Terbaik, Filipina
- Broker Runcit Terbaik, Thailand
- Broker Runcit Terbaik, Vietnam

ANUGERAH THE ASSET TRIPLE A

- Janji Niaga Terbaik (Penerima Tempahan Bersama Bahagian MITI bagi IPO IHH Healthcare)
- Janji Niaga Islam Tahunan/ Sukuk Berdaulat Terbaik (Wakala Global Sukuk Bhd)
- Janji Niaga Islam Terbaik, Malaysia (Wakala Global Sukuk Bhd)
- Ekuiti Islam Terbaik (Bumi Armada IPO)

- Sukuk Korporat Terbaik (Projek Lebuhraya Usahasama Sukuk)
- Janji Niaga Penstrukturan Semula Islam Terbaik (Pengurusan Aset Air Bhd)
- Bank M & A Terbaik, Malaysia
- Broker Terbaik, Malaysia
- Broker Terbaik, Thailand

MAJALAH GLOBAL FINANCE

- Anugerah Janji Niaga Kewangan Islam Terbaik Tahunan (Wakala Global Sukuk Bhd)

ANUGERAH IFR ASIA

- Urus Niaga Pasaran Modal Malaysia Terbaik (IPO IHH Healthcare Bhd Malaysia dan Singapura)

ANUGERAH ASIAMONEY

- Pembrokeran Paling Maju Dalam Masa 12 Bulan Lalu, Malaysia
- Jurujual Terbaik di Malaysia

ANUGERAH ISLAMIC FINANCE NEWS

- Janji Niaga Terbaik Malaysia Tahunan (Program PLUS IMTN dan Program Jaminan Sukuk)
- Janji Niaga Paling Inovatif Tahunan (Sukuk Junior Kekal Malaysian Airline System Bhd.)
- Janji Niaga Pembiayaan Projek Tahunan (Kemudahan Dagangan Bersindiket Boustead Naval Shipyard)
- Janji Niaga IPO Tahunan (Felda Global Ventures)
- Janji Niaga Penstrukturan Semula IPO Tahunan (N.U.R Power Sukuk)

ANUGERAH KEWANGAN ISLAM KLIFF 2012

- Bank Pelaburan Islam Paling Unggul

ANUGERAH FINANCEASIA

- Broker Terbaik, Filipina

TINJAUAN

Nilai tawaran cadangan unik kami memanfaatkan kehadiran di negara-negara ASEAN bagi mengukuhkan kedudukan selaku peneraju di rantau ini. Ini akan membolehkan kami untuk menguasai perniagaan melangkaui sempadan ASEAN sambil memberikan liputan kepada korporat ASEAN yang mempunyai aspirasi serantau. Dengan pasukan liputan pelanggan serantau bergerak secara saling berkait dan bekerjasama dengan pakar produk serantau, kami komited sepenuhnya untuk menyokong perniagaan melangkaui sempadan pelanggan-pelanggan serantau kami.

Selain itu, tumpuan utama kami bagi tahun 2013 adalah pertumbuhan serantau dan mengukuhkan kedudukan kami di rantau berkenaan dengan sasaran untuk meraih sekurang-kurangnya 50% hasil GB dari luar Malaysia. Untuk mencapainya, kami akan terus melabur dalam tenaga kerja kami dan teknologi bagi mewujudkan sebuah model operasi serantau serta platform yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik dalam usaha memenuhi kehendak pelanggan kami.

Bagi tempoh 12 bulan akan datang, kami akan mengukuhkan keupayaan kami bagi mencapai aspirasi tahun 2015. Kami akan memuktamadkan integrasi dengan Kim Eng dan menyelesaikan pelaksanaan organisasi serantau bagi perniagaan Kim Eng Maybank.

Platform elektronik serantau bagi Pembiayaan Dagangan, Pengurusan Tunai dan Perkhidmatan Kustodi akan dilancarkan dalam pasaran utama tempatan dan juga di China. Lain-lain keutamaan termasuklah berkembang secara strategik dalam pasaran pertumbuhan, dengan menumpukan kepada meningkatkan penguasaan pasaran kami dalam pinjaman korporat dan deposit serantau.

JANJI NIAGA UTAMA SERANTAU BAGI TAHUN KEWANGAN 2012

Indonesia  PT Astra Sedaya Finance IDR 5 triliun Program Bon Penerima Tempahan Bersama & Pengatur Utama Bermandat Bersama Februari 2012	Indonesia  PT Indofood Sukses Makmur Tbk IDR 2 triliun Program Bon Penaja Jamin Utama Bersama Mei 2012	Indonesia  PT BFI Finance Indonesia Tbk IDR 575 billion Program Bon Penaja Jamin Utama Bersama Jun 2012	Indonesia  PT Rukun Raharja Tbk IDR 230 billion Terbitan Hak II Penasihat Kewangan Jun 2012	Singapura  Pre1 Investment Pte Ltd SGD 246 juta Pinjaman Berjangka Pengatur Utama Bermandat April 2012	Singapura  MS Commercial Pte Ltd/Ophir - Rochor SGD 5 billion Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Bermandat April 2012
Singapura  Marina Bay Sands Pte Ltd SGD 5.1 billion Pinjaman Berjangka Bersindiket/Kemudahan Pusingan Kredit Penyelaras Global & Pengatur Utama Bermandat Jun 2012	Singapura  Hao Yuan Investment Pte Ltd SGD 261.34 juta Pinjaman Berjangka Kelab Pengatur Utama Bermandat Ogos 2012	Singapura  EL Development (Sengkang) Pte Ltd SGD 348.2 juta Pinjaman Berjangka Kelab Pengatur Utama Bermandat September 2012	Singapura  YTL Powerseraya SGD 535 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket/Kemudahan Pusingan Kredit Pengatur & Penerima Tempahan September 2012	Singapura  OUB Centre Ltd SGD 165 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket/Pinjaman Kredit Berputar Pengatur Utama Bermandat & Penerima Tempahan Oktober 2012	Singapura  Thai Beverage PLC SGD 500 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket Bank Penyelaras, Pengatur Utama Bermandat & Penerima Tempahan Disember 2012

JANJI NIAGA UTAMA SERANTAU BAGI TAHUN KEWANGAN 2012

Filipina  South Luzon Tollway Corporation PHP 22.5 bilion Pinjaman Berjangka Bersindiket 10-tahun Pengatur Utama Bermandat Mac & April 2012	Filipina  Petron Oil & Gas International Sdn Bhd (sebahagian daripada San Miguel Group) RM 1.77 bilion Pengambilalihan 65% kepentingan ekuiti dalam Esso Malaysia Berhad dan 100% kepentingan ekuiti dalam Exxonmobil Borneo Sdn Bhd dan Exxonmobil Malaysia Sdn Bhd dari ExxonMobil International Holdings Inc Penasihat Mac 2012	Filipina  Petron Oil & Gas International Sdn Bhd (sebahagian daripada San Miguel Group) RM 339.26 juta Tawaran pengambilalihan tanpa syarat bermandatori oleh Maybank IB, bagi pihak POGI, untuk memiliki kesemua baki saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu dalam EMB yang tidak dimiliki oleh POGI bagi harga tawaran tunai sebanyak RM3.59 bagi setiap Saham Tawaran. Penasihat Mac 2012	Filipina  Petron Oil & Gas International Sdn Bhd (sebahagian daripada San Miguel Group) RM 720 juta Pinjaman Penyambung Pengatur Utama Mandat & Penerima Tempahan Bersama April 2012	Filipina  Exxon Mobile Borneo (sebahagian daripada San Miguel Group) RM 1.8 bilion Modal Kerja Pengatur Utama Bermandat Bersama & Penerima Tempahan Mei 2012	Filipina  Petron Corporation (sebahagian daripada San Miguel Group) AS\$ 480 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket 5-tahun Pengatur Utama Bermandat November 2012
Filipina  Travellers International (Resorts World Manila) AS\$ 250 juta Pinjaman Berjangka Dua Hala 7-tahun Pembiaya November 2012	Hong Kong  Genting Hong Kong Limited AS\$ 600 juta Pinjaman Berjangka dan Kemudahan Pusingan Kredit Penyelaras Bersama, Pengatur Utama Mandat Bersama dan Penaja Jamin Bersama September 2012	Hong Kong  Genting Hong Kong Limited AS\$ 300 juta Pinjaman Berjangka dan Kemudahan Pusingan Kredit Pengatur Utama Bermandat Bersama Oktober 2012	Malaysia  Maxis Berhad RM 2.45 bilion Program Nota Berjangka Sederhana Pengurus Utama Bersama Februari 2012	Malaysia  Tanjung Bin Energy RM 6.6 bilion Pembiayaan Projek Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Pengatur Utama Bermandat & Pembiaya Mac 2012	Malaysia  Malaysia Airports Holdings Bhd RM 616 juta Penempatan Persendirian Penasihat Prinsipal & Ejen Penempatan Bersama Mac 2012

JANJI NIAGA UTAMA SERANTAU BAGI TAHUN KEWANGAN 2012

Malaysia  Sapura Kencana RM 2.05 bilion Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Bermandat Bersama Mei 2012	Malaysia  Sapura Kencana RM 11.2 bilion Pengabungan & Penyenaraian Penasihat Prinsipal Utama Mei 2012	Malaysia  Johor Corporation RM 3 bilion Program Nota Berjangka Sederhana Islam Pengatur Utama Bersama, Penerima Tempahan Bersama, Pengurus Utama Bersama & Penasihat Syariah Jun 2012	Malaysia  Felda Global Ventures Holding Bhd RM 10.4 bilion IPO Penasihat Prinsipal Bersama, Penyelaras Global Bersama, Penerima Tempahan Bersama, Pengurusan Penaja Jamin Bersama & Penaja Jamin Bersama Jun 2012	Malaysia  Malaysian Airlines System Bhd RM 2.5 bilion Program Sukuk Junior Kekal Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama Tunggal & Pengurus Utama Tunggal Jun 2012	Malaysia  Export Import Bank of Malaysia Berhad AS\$ 1.5 bilion Program Nota Berjangka Sederhana Berbilang Matawang Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Penerima Tempahan Bersama & Ejen Penyenaraian Jun 2012
Malaysia  DRB-Hicom RM 3.02 bilion Pengabungan & Pengambilalihan Penasihat Prinsipal Bersama & Pengatur Utama Jun 2012	Malaysia  Genting Capital Berhad RM 2 bilion Program Nota Berjangka Sederhana Pengatur Utama Bersama, Penerima Tempahan Bersama & Pengurus Utama Bersama Jun 2012	Malaysia  Gas Malaysia Berhad RM 734.5 juta IPO Penasihat Prinsipal, Penerima Tempahan Tunggal & Pengurusan Penaja Jamin Bersama Jun 2012	Malaysia  DanaInfra Nasional Berhad RM 8 bilion Sukuk Pengatur Utama Bersama & Pengurus Utama Bersama Julai 2012	Malaysia  Hong Leong Bank Berhad RM 1.05 bilion Nota Subordinat Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama & Pengurus Utama Bersama Julai 2012	Malaysia  SME Bank RM 3 bilion Sukuk Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama & Penerima Tempahan bersama Julai 2012

JANJI NIAGA UTAMA SERANTAU BAGI TAHUN KEWANGAN 2012


Malaysia  Kerajaan Malaysia RM 2.6 billion Sukuk Penerima Tempahan Bersama & Pengurus Utama Bersama Julai 2012	Malaysia  IHH Healthcare Berhad RM 6.3 billion IPO Penerima Tempahan Bersama bagi Bahagian MITI, Penaja Jamin Bersama Tawaran Awam Malaysia & Penaja Jamin Singapura Penawaran Singapura Julai 2012	Malaysia  Celcom Transmission (M) Sdn Bhd RM 5 billion Sukuk Pengurus Utama Bersama Ogos 2012	Malaysia  Tanjung Bin Power Sdn Bhd RM 4.5 billion Program Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Prinsipal Utama, Pengatur Utama & Pengurus Utama Bersama Ogos 2012	Malaysia  Malakoff Corporation Bhd RM 1.8 billion Pembiayaan Semula Sukuk Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama, Pengurus Utama & Agen Beli Balik Bersama September 2012	Malaysia  PTPTN RM 3.5 billion Sukuk Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama & Penasihat Syariah Bersama September 2012
Malaysia  IGB REIT RM 4.25 billion IPO REIT Penerima Tempahan Bersama & Penaja Jamin Bersama September 2012	Malaysia  Kuala Lumpur Kepong Berhad RM 1 billion Program Nota Berjangka Sederhana Islam Berbilang Matawang Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama & Penerima Tempahan Bersama September 2012	Malaysia  Astro Malaysia Holdings Berhad RM 15.6 billion IPO Penasihat Prinsipal Bersama, Penyelaras Global Bersama, Penerima Tempahan Bersama & Pengurusan Penaja Jaminan Bersama Oktober 2012	Malaysia  Putrajaya Holdings Sdn Bhd RM 3 billion Sukuk Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama Oktober 2012	Malaysia  Malayan Banking Berhad RM 3.7 billion Penempatan Persendirian Penasihat Prinsipal & Ejen Penempatan Bersama Oktober 2012	Malaysia  Imtiaz Sukuk Berhad RM 1 billion Program Nota Berjangka Sederhana Islam Berbilang Matawang Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama & Penerima Tempahan Bersama & Penasihat Syariah Bersama November 2012

OPERASI ANTARABANGSA

Di luar Malaysia, perniagaan perbankan komersial kami beroperasi di 16 negara, 10 di ASEAN dan selebihnya di pasaran-pasaran strategik termasuk Wilayah Besar China, Timur Tengah, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Walaupun perniagaan antarabangsa kami bermula dengan perbankan pemborongan, kami kini memiliki perbankan runcit yang berkembang maju di pasaran utama di Singapura dan Indonesia, dan juga di pasaran pertumbuhan seperti di Filipina dan Kemboja.

TINJAUAN

- PBT meningkat dengan menggalakkan sebanyak 39.1% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 berbanding tahun sebelumnya.
- Sumbangan keuntungan luar negara meningkat kepada 30.2% (naik sebanyak 45.4% berbanding tahun sebelumnya) daripada keuntungan Kumpulan, akibat pengembangan operasi antarabangsa yang berterusan.
- Pinjaman dan deposit masing-masing berkembang 12.1% dan 13.6% berbanding Disember 2011.
- Cawangan kami di Beijing dan Laos memulakan operasi perniagaan.
- Operasi Kemboja kami diperbadankan secara tempatan (kini dikenali sebagai Maybank Cambodia Plc.) dan Pejabat Perwakilan kami di Myanmar diaktifkan semula.
- Kami menambah dua cawangan baru di Filipina dan Kemboja dan juga 53 cawangan di Indonesia.



TINJAUAN

Prestasi Kewangan

Hasil daripada operasi perbankan antarabangsa Kumpulan berkembang 15.5% kepada RM5.2 bilion, bersandarkan kepada peningkatan 16.5% dalam pendapatan bersih berasaskan dana dan juga kenaikan 13.7% dalam pendapatan berasaskan yuran. Pinjaman kasar keseluruhan bagi operasi antarabangsa Kumpulan berkembang 12.1% sejak Disember 2011, dan kini merangkumi 36.1% daripada jumlah pinjaman kasar Kumpulan. Hasil daripada sektor ini terdiri daripada 31.2% hasil Kumpulan manakala PBT pula merangkumi 29.0%.

PENCAPAIAN

Kami mencatatkan sejarah dari segi pengembangan operasi tahun ini apabila kami berjaya melengkapkan operasi di semua 10 buah negara ASEAN. Syarikat subsidiari kami PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII) kini memiliki 404 cawangan untuk berkhidmat kepada pelanggan di Indonesia, dan kami juga memiliki 54 cawangan di Filipina. Cawangan ke-12 kami di Kemboja dibuka pada 2012, selain daripada pembukaan cawangan pertama di Laos. Kami melancarkan cawangan Beijing dan mengaktifkan semula pejabat perwakilan di Myanmar tahun lalu, dan perkhidmatan perbankan internet di Kemboja dan Papua New Guinea mengukuhkan pendedahan jenama kami selain menambah baik penampilan kami di kalangan pelanggan-pelanggan di negara-negara berkenaan.

Pada 2012, kami melaksanakan pelbagai platform teknologi di seluruh operasi antarabangsa kami. Sistem Pengurusan Tunai serantau di Singapura menyelaraskan keupayaan di seluruh Unit Luar Negara kami. Kami melancarkan platform Pembiayaan Perdagangan berasaskan laman sesawang di Singapura, Indonesia, Hong Kong dan Shanghai, dan kami merancang untuk mengembangkannya ke Filipina dan Brunei tahun hadapan. Sementara itu, Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global kami yang baru di New York, London, Shanghai, Filipina, Hong Kong dan Labuan meningkatkan tadbir urus risiko kami.

TINJAUAN

Kami jangkakan ekonomi global terus berkembang sebanyak 3.4% pada 2013 walaupun pertumbuhan ini kemungkinan besar tidak seimbang berbanding tahun lalu. Ekonomi China seharusnya memasuki fasa baru dengan pertumbuhan sederhana akibat keseimbangan ekonomi domestik dan pembaharuan yang dilaksanakan. Ekonomi negara-negara ASEAN dijangka akan naik pada kadar purata 5.5% selepas meraih manfaat daripada kestabilan pasaran global, peningkatan perdagangan dunia, dasar makro ekonomi yang disediakan untuk penyelesaian kewangan, dan rangsangan fiskal untuk menyokong permintaan domestik. Pengaruh utama terhadap tinjauan 2013 terdiri daripada dasar dan perkembangan politik di negara-negara ekonomi utama, iaitu polisi fiskal Amerika, pengurusan krisis zon Euro dan dasar-dasar kerajaan China terhadap transisi ekonomi selepas perubahan kepimpinannya.

Dengan kehadiran kami di semua negara ASEAN yang diwujudkan tahun ini, kami kini akan memberikan tumpuan untuk mengembangkan jejak langkah kami dan penampilan jenama kami. Kami akan turut mengembangkan capaian dalam Wilayah Besar China dan Asia Selatan dengan menawarkan perbankan runcit dan pemborongan sambil meraih manfaat daripada kekukuhan jenama Maybank.

PENAMPILAN ANTARABANGSA

SELAIN CAWANGAN DAN SYARIKAT SUBSIDIARI, KAMI MEMILIKI KEPENTINGAN EKUITI SEBANYAK 20% DALAM MCB BANK LTD. (MCB) DI PAKISTAN, DAN 20% DALAM AN BINH JOINT STOCK COMMERCIAL BANK (ABB) DI VIETNAM.



BILA KAMI BERMULA

1960 : SINGAPURA

1960 : BRUNEI

1962 : UNITED KINGDOM

1962 : HONG KONG

1984 : AMERIKA SYARIKAT

1993 : CHINA

1993 : KEMBOJA

1993 : UZBEKISTAN

1994 : PAPUA NEW GUINEA

KEDUDUKAN KAMI SEKARANG

Bank Kelayakan Penuh dengan 22 buah cawangan perbankan komersial penuh

Cawangan di Bandar Seri Begawan, Seria & Gadong

Cawangan di London

Cawangan di Hong Kong


Cawangan di New York

Cawangan di Shanghai dan Beijing

12 cawangan di Phnom Penh, Siem Reap, Sihanoukville, Battambang & Kg Cham

Uzbek Leasing International (35% kepentingan)

Cawangan di Port Moresby dan Lae



1995 : INDONESIA

2 syarikat subsidiari

- 415 cawangan PT Bank International Indonesia Tbk
- Sebuah cawangan PT Bank Maybank Syariah Indonesia

1996 : VIETNAM

- Cawangan di Hanoi & Ho Chi Minh
- An Binh Bank (20% kepentingan diambilalih pada 2008)

1997 : FILIPINA

Diperbadankan dalam negara sebagai Maybank Philippines Inc. dengan 55 cawangan

2003 : BAHRAIN

Cawangan di Manama

2008 : PAKISTAN

MCB Bank Ltd (20% kepentingan)

2012 : MYANMAR

Pejabat perwakilan di Yangon (diaktifkan semula)

2012 : LAOS

Cawangan di Vientiane

MAYBANK SINGAPURA

Sebagai Bank Kelayakan Penuh (QFB) dengan aset bersih kira-kira SGD36.6 bilion dan lebih 1,400 kakitangan, Maybank Singapura telah membangunkan penampilan yang ketara dalam pasaran perbankan runcit dan pemborongan.

Rangkaian kami termasuk 27 lokasi perkhidmatan di Singapura dan kami juga merupakan sebahagian daripada atm5 – rangkaian ATM perkongsian di Singapura yang disertai 6 QFB, dengan capaian di lebih 130 pusat sentuhan dan 170 buah ATM.



“2012 merupakan tahun yang mencabar dan operasi Singapura terjejas akibat pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Republik ini. Keseluruhannya, menerusi disiplin kos dan inovasi yang berterusan untuk meningkatkan pemprosesan serta kecekapan yang dipertingkatkan, kami berjaya mencapai rekod keuntungan bersih sebanyak RM1 bilion.”

POLLIE SIM
CEO, Maybank Singapura

PRESTASI KEWANGAN

Maybank Singapura menyumbang hampir 46% kepada keuntungan sebelum cukai operasi antarabangsa Maybank.

PBT bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012 meningkat 8.8% berbanding tahun sebelumnya untuk mencapai sebanyak SGD430.5 juta. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan pendapatan yuran daripada bidang teras seperti pengurusan kekayaan, kad kredit dan aktivi-aktiviti lain berkaitan kredit. Pinjaman berkembang sebanyak 10.6% kepada SGD27.2 bilion berbanding asas pinjaman pada akhir Disember 2011. Kualiti aset masih terkawal, dengan nisbah pinjaman rosot nilai bersih sebanyak 0.31% pada 31 Disember 2012.

PENCAPAIAN

Pada 2012, untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan keseluruhan, kami melabur dalam infrastruktur utama dan keupayaan strategik bagi segmen-segmen Pengurusan Kekayaan, Pengurusan Tunai, Perbendaharaan dan perniagaan Pembiayaan Perdagangan.

Kami turut menggunakan pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan asas pelanggan. Peningkatan fungsi e-Saluran membolehkan kami untuk menarik lebih ramai pelanggan yang arif menggunakan internet. Pada masa sama kami mengambil kesempatan daripada rangkaian merentas sempadan dan sumber untuk mengurus, memantau dan memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan yang memiliki portfolio antarabangsa.

Dari segi perspektif geografi yang lebih luas, kami melancarkan Sistem Pengurusan Tunai Serantau pertama di Singapura, yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat ke pasaran-pasaran lain, sekali gus membolehkan pihak Bank untuk memenuhi keperluan transaksi perbankan pelanggan serantau yang semakin meningkat.

Inisiatif kecemerlangan perkhidmatan pelanggan dan tanggungjawab korporat terus menjadi sebahagian daripada usaha berterusan untuk menginsankan perkhidmatan kami. Usaha-usaha komuniti ini telah diiktiraf dan kami menerima dua anugerah tanggungjawab korporat. Peningkatan laman sesawang kami untuk menambah baik pengalaman pelanggan pula telah membolehkan kami mendapat pengiktirafan menerusi anugerah Laman Sesawang Terbaik. Buat kali keempat berturut-turut Bank turut diiktiraf dari segi keseimbangan antara kerja dan kehidupan apabila kami mendapat anugerah Keseimbangan Kerja-Kehidupan.

TINJAUAN, CABARAN DAN STRATEGI

Ekonomi Singapura dijangka akan berkembang sebanyak 1-3% pada 2013, dan jumlah ini di bawah potensi kadar pertumbuhan jangka panjang 3-5%. Kemelesetan ekonomi yang semakin mendalam di zon Euro dijangka akan memberi kesan kepada industri eksport seperti elektronik, pembuatan serta transport dan penyimpanan. Dari segi positif, pertumbuhan berterusan dalam sektor berorientasikan domestik seperti pembinaan dan penjagaan kesihatan akan membantu dalam pertumbuhan ekonomi Singapura.

Jumlah pemberian pinjaman oleh bank juga berkemungkinan akan menjadi sederhana akibat suasana ekonomi yang perlahan. Permintaan bagi pinjaman perumahan pula dijangka akan berkurangan kerana Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah tambahan bagi mengekang pembelian untuk pelaburan. Pertumbuhan pinjaman berkaitan perdagangan pula dijangka kekal lemah berikutan persekitaran ekonomi luaran yang tidak menentu.

Sementara itu, kadar antara bank Singapura tiga bulan dijangka kekal berada di bawah tekanan. Persaingan dalam industri perbankan Singapura akan terus meningkat pada 2013, khususnya dengan tambahan dua QFB lagi baru-baru ini iaitu Bank of China dan Industrial Commercial Bank of China.

Pasaran buruh yang ketat memberikan cabaran terhadap tenaga kerja. Majikan di Singapura mendapati semakin sukar untuk menarik bakat akibat dasar imigresen diperketatkan untuk mengurangkan infrastruktur sosial di negara ini. Majikan perlu memperkenalkan satu rangka kerja pengambilan kakitangan di seluruh sektor yang berbeza fungsinya dan juga menyelaraskan struktur pampasan bagi disesuaikan dengan persekitaran baru.

Di sebalik lanskap perniagaan yang mencabar, kami akan berusaha untuk meningkatkan portfolio perniagaan dalam tahun kewangan yang akan datang dengan membina keupayaan baru serantau melalui peningkatan produktiviti kakitangan serta memperkukuhkan penguasaan kami dalam segmen PKS dan kredit kad.

Selain itu, kami akan terus melabur dalam teknologi baru seperti perbankan mudah alih dan pembayaran tanpa sentuhan untuk menambah bilangan produk yang ditawarkan sekali gus meluaskan asas pelanggan.

Kami turut membina rangka kerja perbankan berintegrasi (liputan pelanggan) yang mensasarkan kepada keupayaan khusus Kumpulan yang pelbagai, termasuk tukaran asing (FX), Perbankan Islam dan Kewangan Korporat bagi membantu pelanggan perniagaan kami mencapai pertumbuhan yang dihasratkan di rantau ini.

INDONESIA

Bank Internasional Indonesia (BII) beroperasi di 30 daripada 34 wilayah di Indonesia keseluruhannya, disokong oleh 415 buah cawangan termasuk 6 buah cawangan Syariah dan 2 cawangan luar negara; 12 daripada cawangan domestik kami kini menunggu kelulusan daripada Bank Indonesia (BI). Cawangan luar negara kami berada di Mauritius dan Mumbai, India yang kini sedang dalam proses diaktifkan semula. Syarikat subsidiari kami, PT Wahana Ottomitra Multiartha Tbk (WOM) dan PT BII Finance (BII Finance) keseluruhannya memiliki 255 buah cawangan.

BII mengendalikan 1,252 ATM dan 65 buah Mesin Deposit Tunai (CDM) di seluruh negara dan merupakan satu daripada beberapa bank yang berhubungan dengan semua rangkaian perbankan di Indonesia iaitu ATM PRIMA, ATM BERSAMA, ALTO dan CIRRUS serta rangkaian MEPS di Malaysia dan ATM Maybank di Malaysia dan Singapura.

Kami menawarkan perkhidmatan kewangan penuh bagi pelanggan individu dan bukan individu menerusi perbankan runcit, PKS dan pemborongan, manakala syarikat subsidiari kami WOM dan BII Finance masing-masing menyediakan pembiayaan motosikal dan kereta.



“Dalam TK2012, kami mencapai kejayaan terbesar pernah dicapai apabila jumlah aset melepasi paras Rp100 trilion dan PATAMI melebihi Rp1 trilion. Keputusan memberangsangkan ini mencerminkan penambahbaikan prestasi keseluruhan yang berterusan di sepanjang tahun. Matlamat kami untuk mengembangkan penguasaan pasaran dan meningkatkan kedudukan kami sebagai peserta utama di pasaran, selari dengan wawasan kami untuk menjadi bank perhubungan utama di Indonesia.”

DATO KHAIRUSSALEH RAMLI
Pengarah Presiden, BII

PT BANK INTERNASIONAL INDONESIA TBK

Prestasi Kewangan

PATAMI bersih BII pada 2012 melonjak 81% kepada rekod baru sebanyak Rp1.2 trilion bersandarkan kepada pertumbuhan mantap di seluruh perniagaan terasnya termasuk peningkatan deposit yang besar, penambahbaikan kualiti aset dan peningkatan operasi yang berterusan.

Bank turut merekodkan pertumbuhan pembiayaan yang kukuh sebanyak 20% dengan jumlah pembiayaan meningkat daripada Rp67.2 trilion kepada Rp80.9 trilion berbanding tahun sebelumnya. Jumlah deposit pelanggan meningkat 22% kepada Rp85.9 trilion, berbanding Rp70.3 trilion pada tahun sebelumnya.

Nisbah pembiayaan kepada deposit tergabung (LDR) bertambah baik daripada 95.1% pada Disember 2011 kepada 93% pada Disember 2012. Pendapatan faedah bersih naik 33% daripada Rp4.0 trilion pada TK2011 kepada Rp5.3 trilion pada TK2012. Walaupun persaingan sengit di seluruh industri perbankan, margin faedah bersih (NIM) BII berkembang kepada 5.73% daripada 5.22% tahun lalu. Ini disebabkan oleh disiplin kos dana yang lebih baik

Strategi dan Objektif

Penyata strategi BII adalah untuk menjadi “Bank perhubungan utama di Indonesia yang benar-benar berada bersama komuniti, memberikan perkhidmatan dengan penyediaan produk dan penyelesaian yang bersesuaian untuk mereka, dan memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi”. Kami telah melaksanakan program transformasi yang dikenali sebagai IMPACT. Menerusi program ini kami telah mewujudkan 28 inisiatif strategik bagi semua perniagaan dan unit sokongan untuk dilaksanakan sepanjang tempoh tiga tahun. Inisiatif ini termasuk di bawah tiga pilar iaitu: Terus mengembangkan keuntungan, membina keupayaan dan menangani faktor asas, dan membangunkan bakat. Kami komited untuk meningkatkan peranan kami dalam menyokong aspirasi komuniti. Matlamat kami adalah untuk memastikan komuniti mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan yang memberikan manfaat sebenar dan berkekalan.

Sepanjang tahun yang dikaji, kami melancarkan satu siri inisiatif serantau yang amat meyakinkan dengan Maybank dan Perbankan Pemborongan Global (GWB) yang kini menawarkan perancangan akaun kepada pelanggan-pelanggan korporat kami di Indonesia. Kami turut melaksanakan pengurusan risiko amalan terbaik Maybank, menggunakan sistem perbendaharaan dan memulakan tugas merentas sempadan di kalangan kakitangan.

Pencapaian

Pada 2012, kami membuat pelaburan yang besar untuk mengembangkan pelbagai rangkaian perkhidmatan untuk berada lebih dekat dengan komuniti dan menambah baik perkhidmatan pelanggan. Kami menambah dua lagi pejabat kawasan di Puri Kencana, Jakarta dan Palembang, Sumatera, membuka 64 cawangan baru yang mana 12 daripada pejabat domestik ini masih menunggu kelulusan, dan kami menambah 165 ATM di seluruh Indonesia. Kami turut melancarkan sistem pembukaan akaun tanpa kertas yang pertama kali diperkenalkan di negara ini. Disamping itu, dan menerusi usaha sama dengan Maybank, kami memperkenalkan rangkaian perniagaan dan produk pengurusan kekayaan baru. Model rangkaian bekalan kami telah diiktiraf sebagai model yang akan digunapakai di seluruh Kumpulan.

Pada Oktober 2012, kami berjaya melancarkan terbitan bon yang terdiri daripada Rp2 trilion dalam bentuk bon dan Rp1 trilion dalam bentuk sub hutang untuk menyediakan pembiayaan jangka panjang, mengukuhkan asas modal dan menyokong pertumbuhan perniagaan masa hadapan kami.

BII meraih beberapa anugerah sepanjang tahun termasuk:

- Bank Terbaik dari segi Kualiti Perkhidmatan 2011 daripada Institut Pengajian Pengurusan Perkhidmatan (ISMS)
- Tadbir Urus Korporat Terbaik Sektor Kewangan 2012 pada Persidangan dan Anugerah Institut Pengarah-Pengarah Korporat Indonesia Ke-4

- Bank Terbaik Mengendalikan Tuntutan ATM daripada rangkaian ATM PRIMA
- Produk Kesetiaan Perbankan Terbaik Indonesia (IBLA) bagi produk kad kredit yang diperoleh daripada MarkPlus Insight dan Infobank
- Kadar Pemprosesan Langsung (STP) Terbaik dalam Kelasnya yang diperoleh daripada Bank of New York, Mellon, JP Morgan dan Citibank
- Anugerah Kecemerlangan Pusat Khidmat Panggilan 2012 daripada Pusat Penjagaan Kepuasan dan Kesetiaan Pelanggan (CCSL)
- Tempat Ketiga bagi Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Bank 2012 daripada Penyelidikan Pemasaran Indonesia dan Infobank
- ‘Apresiasi Simbol Kebangkitan Bangsa’ bagi produk simpanan Women One daripada akhbar harian Seputar Indonesia
- Kedua Terbaik dari segi Sumber Manusia, Pematuhan, Tanggungjawab Sosial Korporat dan Pemasaran bagi Bank dengan kategori aset Rp25-Rp100 trilion pada Anugerah Perbankan Indonesia 2012 oleh Perbanas Institute dan Business Review

Tinjauan

BII mengendalikan ekonomi pasaran terbesar ASEAN dengan pertumbuhan KDNK tahunan lebih daripada 6% dan nilai KDNK lebih daripada AS\$1 trilion. Pasaran ini didorong terutamanya oleh pelabur asing dan domestik serta penggunaan yang meningkat. Dengan peningkatan kekayaan, 50 juta rakyat di negara ini dijangka akan membentuk bilangan penduduk kelas menengah baru. Penembusan Pinjaman berbanding KDNK berjumlah kira-kira 30%, dan ini mencerminkan potensi besar bagi industri perbankan. Menjelang 2030, Indonesia disasarkan menjadi ekonomi ketujuh terbesar di dunia.

Walaupun krisis hutang zon Euro dan penurunan Ekonomi di Amerika Syarikat, China, India dan pasaran sedang muncul yang lain, ekonomi Indonesia masih dipengaruhi pertumbuhan kukuh. Pada 2012, inflasi masih ditahap sederhana pada kadar 4.30%, hanya tinggi sedikit berbanding 3.56% pada 2011. Memandangkan ekonomi global yang perlahan dan untuk menyokong pertumbuhan domestik, bank pusat menurunkan kadar faedah penanda aras sebanyak 25 mata asas daripada 6.00% pada 2011 kepada 5.75% pada 2012. Defisit perdagangan dan akaun semasa yang lebih tinggi telah menjejaskan Rupiah walaupun pelaburan asing yang kukuh telah meringankan kesannya.

Keseluruhannya, dengan tinjauan ekonomi domestik yang kekal positif ketika tahap industri perkhidmatan kewangan mencapai kemajuan, BII dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan. Bersama-sama Maybank, pada 2013 kami akan bekerja keras untuk merealisasikan aspirasi serantau Kumpulan.

MAYBANK FILIPINA

Ulasan

Maybank Philippines Inc (MPI) merupakan bank komersial penuh yang menawarkan barisan produk dan perkhidmatan runcit serta institusi. Ia memiliki 55 cawangan di seluruh negara, dengan 28 buah cawangan terletak di Metro Manila serta 27 lagi di bandar-bandar utama seperti di Luzon, Visayas dan Mindanao. Baru-baru ini kami telah memindahkan Ibu Pejabat ke Bonifacio Global City (BGC) di Taguig, dalam usaha untuk mengukuhkan jenama korporat dan meningkatkan nilai kami. BGC merupakan premis perniagaan dan kawasan kediaman baru di Filipina.

Prestasi Kewangan

- PBT meningkat kepada PHP831.4 juta daripada PHP331.1 juta, kenaikan yang memberangsangkan sebanyak 151.1%. Pendapatan bukan faedah mengembang sebanyak 59.4% dan pendapatan faedah bersih sebanyak 16.4%, sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti yang pesat dalam pembiayaan perdagangan, gadai janji dan kad kredit.
- Pertumbuhan kami dalam perniagaan pembiayaan perdagangan mendapat manfaat daripada pelancaran produk baru yang dilancarkan menerusi platform pembiayaan perdagangan serantau (TradeConnex), dan peningkatan jualan serta kempen pemasaran. Bagi TK2012, jumlah perniagaan perbankan transaksi meningkat sebanyak 89.0%.
- Kami turut mencapai kenaikan yang ketara dalam portfolio perniagaan pinjaman, yang naik 33.2% kepada PHP31.6 bilion berbanding tahun lalu sebanyak PHP23.7 bilion, termasuk kedua-dua pinjaman pengguna dan perniagaan. Deposit pelanggan melonjak kepada PHP33.7 bilion, dengan pertumbuhan sebanyak 35.6% berbanding tahun lalu.

Pencapaian



Kami membuka dua buah cawangan pada 2012, satu di Tarlac dan satu lagi di BGC, yang kini bertindak sebagai Cawangan Pejabat Utama.

Kami memperkenalkan kad kredit Maybank Visa dan MasterCard di Filipina pada Oktober dan kami bekerjasama dengan Maybank ATR Kim Eng untuk menjejaki peluang dalam sektor deposit, perkhidmatan pengurusan tunai (CMS), pinjaman, perbankan pelaburan dan pengurusan aset.

Keupayaan Pendapatan Tetap kami meraih pengiktirafan pada 2012. Asiamoney menempatkan kami di kedudukan No. 2 bagi Kadar Faedah Terbaik Keseluruhan. Dalam kategori sampingan, kami disenaraikan sebagai No. 1 bagi Kadar Faedah Terbaik, Produk dan Jualan serta No. 3 bagi Penyelidikan Kadar Faedah Terbaik.

Tinjauan

Pertumbuhan KDNK di Filipina dijangkakan naik sebanyak 5.5% pada 2013, turun sedikit berbanding 6.3% yang dicapai pada 2012. Pertumbuhan kredit kemungkinan besar mencapai 11% ke 13%, kurang sedikit daripada pertumbuhan pesat 14% yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Ini merupakan hasil daripada usaha-usaha pihak bank untuk bersedia dengan keperluan modal yang lebih tinggi serta menguruskan pendedahan kepada sektor hartanah berikutan peraturan yang telah disemak semula.



MAYBANK WILAYAH BESAR CHINA


Tinjauan

Maybank Wilayah Besar China telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2010. Cawangan di Hong Kong dan Shanghai serta pejabat perwakilan di Beijing beroperasi secara bersepadu dengan kerjasama melangkaui sempadan peringkat tinggi.


Tahun 2012 menyaksikan peluasan Kumpulan di ibu kota China dengan pembukaan sebuah cawangan baru di Beijing (selain dua cawangan sedia ada) dalam menyediakan penyelesaian perbankan borong kepada pelanggan korporat dan komersial yang mempunyai operasi perniagaan di China. Kami telah menempatkan semula cawangan kami di Hong Kong ke Menara Citic pada bulan Disember 2012.

Prestasi Kewangan

- Keuntungan sebelum cukai (PBT) Maybank Wilayah Besar China meningkat lebih 186.6% kepada AS\$78.6 juta dalam TK2012. Hong Kong dan Shanghai, masing-masing menyumbang 80.3% dan 19.7%.
- Pendapatan faedah bersih juga naik sebanyak 33.3% kepada AS\$55.3 juta, disumbangkan terutamanya oleh faedah pinjaman berjangka korporat.
- Dengan penyertaan cawangan Beijing, pasukan Wilayah Besar China telah mengukuhkan buku pinjaman kepada AS\$2.8 bilion, kenaikan sebanyak 15.8% daripada tahun sebelumnya



Sumbangan ke Wilayah Besar China



Pencapaian

Tumpuan kami pada tahun lalu dalam membangunkan prasarana, keupayaan dan asas pelanggan di Wilayah Besar China terbukti berhasil. Sebagai tambahan kepada penyediaan penyelesaian perdagangan merentas sempadan menggunakan Renminbi di Shanghai. Mulai bulan Jun 2012, kami menjadi penyedia pertama akaun Ringgit Malaysia (RM) kepada pelanggan korporat di luar Malaysia. Kami menggunakan TradeConnex, platform kewangan perdagangan serantau berasaskan laman web dengan saluran keupayaan pemprosesan secara terus. Hasilnya, pendapatan pembiayaan perdagangan melonjak sebanyak 59% pada tahun 2012.

Kami juga melancarkan China National Advanced Payment (CNAPs), sistem pembayaran Renminbi yang digunakan seluruh China. Ini membolehkan cawangan Shanghai menerima deposit Renminbi.

Tinjauan

Meramalkan pertumbuhan KDNK sebanyak 7% hingga 8% pada tahun 2013, persekitaran operasi bank-bank di China akan kekal stabil. Pertumbuhan keseluruhan kredit dijangka berada di sekitar 15% pada tahun 2013. Projek rangsangan kerajaan dan perubahan daripada pertumbuhan digerakkan oleh pelaburan kepada penggunaan akan mempengaruhi prestasi ekonomi.

Kami akan terus menumpukan perhatian kepada mengembangkan asas pelanggan kami dengan mengambil faedah daripada pelanggan teras kami di seluruh rantau ASEAN-China dan mengukuhkan perkhidmatan produk rentas sempadan. Kami juga berhasrat untuk memperluaskan operasi di Wilayah Besar China untuk memenuhi misi kami menjadi bank borong sejagat luar pesisir utama dengan keupayaan di China yang kukuh.

MAYBANK INDOCHINA

Ulasan

Maybank Indochina merangkumi operasi di Vietnam dan Kemboja dan pada 2012, cawangan pertama dibuka di Laos. Kami membuka cawangan pertama di Kemboja pada 1993 untuk menyediakan perkhidmatan kepada syarikat Malaysia dan Singapura. Sejak itu kami mengembangkan operasinya untuk memenuhi keperluan perniagaan rakyat Kemboja. Maybank Vietnam pula memulakan operasi pada 1995 dengan cawangan di Hanoi diikuti dengan pejabat perwakilan di Bandaraya Ho Chi Minh yang kemudiannya menjadi cawangan perbankan penuh.

Prestasi Kewangan

- Maybank Kemboja mencapai pertumbuhan hasil yang mantap sebanyak 41.4% kepada AS\$17.8 juta. Ini didorong oleh pendapatan faedah bersih yang tinggi, meningkat sebanyak 45.6% kepada AS\$15.3 juta serta menerusi pertumbuhan pendapatan bukan dana yang naik 21.2% kepada AS\$2.6 juta sebahagiannya menerusi perniagaan pindahan wang.
- Maybank Vietnam mencatatkan kenaikan PBT yang menggalakkan kepada AS\$9.2 juta, hampir lima kali lebih tinggi berbanding keputusan yang sama tahun lalu. Pendapatan faedah bersih meningkat 34.2% kepada AS\$6.4 juta walaupun pertumbuhan pembiayaan tahunan terus disekat oleh The State Bank of Vietnam.


Pencapaian

Tahun 2012 menyaksikan catatan terbaik pengembangan Maybank di rantau Indochina. Kami membuka cawangan pertama di Vientiane, ibu kota Laos, sekali gus melengkapkan kehadiran kami di kesemua 10 negara ASEAN. Pada April, kami menyaksikan penubuhan perbadanan operasi Maybank di Kemboja yang meningkatkan peluang untuk membesarkan operasi di pasaran berkenaan.

Kami membuka cawangan ke 12 di Phnom Penh khususnya di Zon Ekonomi Khas (PPSEZ) pada Disember. Kami telah berjaya menggandakan rangkaian cawangan Kemboja berbanding empat tahun lalu dan kini kami berada dalam senarai ketujuh dari segi saiz aset. Kami juga memperkenalkan perbankan internet dalam operasi Kemboja dalam meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan kesedaran jenama serta memperhalusi pemprosesan pembiayaan perdagangan.

Tinjauan

Pertumbuhan KDNK benar Kemboja dijangka naik sebanyak 7.0% pada 2013. Perdagangan seharusnya bangkit memberi tindak balas kepada persekitaran ekonomi yang semakin baik dan usaha-usaha kerajaan untuk memperluaskan ekonomi. Vietnam, bagaimanapun, kemungkinan akan berdepan dengan cabaran dalam pasaran luaran dan kredit domestik. Rantau IndoChina menyediakan peluang yang besar kepada kami untuk menggunakan kesempatan daripada kekuatan kami sebagai bank serantau bagi memberi kemudahan kepada aliran perdagangan dan pelaburan. Kami akan terus memberi tumpuan kepada pengembangan, peningkatan keupayaan produk dan perkhidmatan dan pada masa sama meneroka sinergi dengan An Binh Bank dan Maybank Kim Eng di Vietnam.



LAIN-LAIN UNIT LUAR NEGARA

Ulasan

Maybank telah memantapkan kedudukan di rantau-rantau lain yang telah dikenal pasti sebagai pasaran-pasaran yang menawarkan peluang. Operasi ini termasuk dua cawangan di Papua New Guinea (PNG), tiga cawangan di Brunei, pusat perbendaharaan di London dan New York, pejabat perwakilan di Myanmar, sebuah cawangan di Bahrain dan cabang perbankan Islam di Jakarta serta sebuah syarikat subsidiari di Labuan.

Prestasi Kewangan

- Dalam tahun kewangan yang dikaji, pasaran-pasaran yang menawarkan peluang ini telah menyumbang PBT sebanyak RM229.1 juta, berkembang lebih daripada 121.1% berbanding tahun sebelumnya.
- Pendapatan faedah bersih dan pendapatan bukan berasaskan dana, sementara itu masing-masing berkembang sebanyak 29.0% dan 20.0% kepada RM281.7 juta dan RM108.5 juta, didorong oleh pinjaman perbendaharaan dan korporat daripada unit-unit luar negara kami.
- Selari dengan keuntungan yang bertambah baik, kedudukan pembiayaan pasaran-pasaran yang menawarkan peluang ini meningkat kepada RM8.7 bilion iaitu 9.1% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Pencapaian


Kami terus menyelaraskan sistem dan proses sejajar dengan inisiatif Ibu Pejabat sekali gus menambahkan hasil dan mengurangkan kos pembiayaan. Pada 2012, perbankan internet diperkenalkan di PNG dan Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan pula diwujudkan di London dan New York.

Dengan kerjasama bank-bank swasta di Myanmar, kami memperkenalkan perkhidmatan Maybank Money Express dan memantapkan perhubungan perbankan yang secara tidak langsung menandakan langkah awal kami dalam sektor perbankan di negara ini. Kami turut menaja beberapa seminar dan forum di Myanmar.

Tinjauan

Tinjauan ekonomi jangka panjang dan sederhana di pasaran-pasaran yang menawarkan peluang ini dijangka menggalakkan. Pada 2013, kami berhasrat untuk meningkatkan kesedaran terhadap jenama dan mengembangkan perkhidmatan kami menerusi inisiatif-inisiatif seperti pengenalan rangkaian ATM di PNG dan penubuhan cawangan luar pesisir di Labuan. Pengenalan ini akan meletakkan kami di kedudukan yang baik untuk meraih peluang daripada pertumbuhan Labuan sebagai peneraju bagi pusat kewangan luar pesisir serantau.

Hasil dan PBT (dalam RM)



SYARIKAT-SYARIKAT SEKUTU


MCB Bank

MCB Bank merupakan bank terbesar di Pakistan dari segi permodalan pasaran dan tahun lalu PBT bank ini meningkat 3.7% kepada PKR32.5 bilion. Walaupun situasi ekonomi negara berkenaan yang mencabar dan margin faedah bersih yang menurun, syarikat sekutu kami mencatatkan pertumbuhan pinjaman bersih sebanyak 5.4%, manakala deposit berkembang 11.0% kepada PKR536.2 bilion.

An Binh Bank (ABB)

Bagi TK2012, syarikat sekutu Vietnam, ABB mampu merekodkan kenaikan PBT sebanyak 24.1% kepada VND497.1 bilion, di sebalik persekitaran ekonomi tempatan yang mencabar. Pertumbuhan pendapatan bukan faedah dan peruntukan kerugian pinjaman yang rendah menjadi penyumbang utama bagi kejayaan ini.

Kadar pinjaman yang rendah merangsang pinjaman kasar, meningkat sebanyak 15.6% berbanding tahun lalu. Deposit pelanggan naik sebanyak 31.2%, sebahagian besarnya didorong oleh dana yang diterima daripada sektor runcit. Kerjasama berterusan Maybank dengan ABB telah meningkatkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh kedua-dua bank serta menyokong status kedua-dua sebagai peserta serantau dalam industri berkaitan.



INSURANS & TAKAFUL

Etika Insurance dan Takaful yang menjadi satu daripada tunjang utama “Rumah Baru Maybank” berhasrat untuk menjadi peneraju di Malaysia yang tiada tandingan dan untuk muncul sebagai peserta serantau dalam sektor insurans dan takaful. Etika berazam untuk berkembang dan menjadi tunjang yang kukuh bagi Kumpulan Maybank dengan menyumbangkan hasil yang besar dan keuntungan yang tinggi.



“Etika adalah tentang insan. Keprihatin terhadap insan amat penting bagi memastikan kemampanan perniagaan kami. Kami memecahkan sempadan dan berazam untuk mengubah persekitaran industri untuk menjadikan kehidupan lebih mudah serta kaya bagi setiap orang. Kami memberikan perkhidmatan terbaik untuk pelanggan-pelanggan mengikut cara Etika.”

HANS DE CUYPER

Ketua, Insurans & Takaful

Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Ageas Holdings Berhad

ULASAN

- Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, Premium Bertulis Kasar Etika (GWP) melepasi paras RM5 bilion
- Etika mencatatkan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai 11% kepada RM660.5 juta
- Sehingga 31 Disember 2011, jumlah aset berkembang 9.4% kepada RM27.5 bilion daripada RM25.1 bilion
- Premium kasar dan sumbangan terkumpul mencatat peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun lalu
- Etika kini berada di kedudukan No. 1 dari segi jumlah keseluruhan Perniagaan Baru Insurans Hayat/Takaful Keluarga tergabung dan juga Insurans Am/Takaful Am
- Etika memiliki kekuatan agensi terbesar dengan lebih 22,000 ejen (Hayat/Keluarga dan Am)
- Perniagaan Bankasurans kini No. 1 dengan penguasaan pasaran sebanyak 32.6% dari segi Perniagaan Baru konvensional (Statistik LIAM bagi 12 bulan yang berakhir pada 30 September 2012.).

SEMAKAN

Etiqa menawarkan jenama yang unik dan jenama tersendiri untuk setiap jenis dan kelas insurans hayat dan am serta pelan takaful keluarga dan am menerusi rangkaian pengedaran pelbagai saluran. Barisan produk hayat dan keluarganya termasuk endowmen, insurans berjangka, kemalangan peribadi, pendidikan, insurans perubatan berkaitan pelaburan, manakala insurans konvensional dan takafulnya pula terdiri daripada insurans kebakaran, kenderaan bermotor, penerbangan, marin dan polisi kejuruteraan.

Dengan memberi tumpuan kepada kemudahan pelanggan, Etiqa memiliki agensi yang kuat terdiri daripada lebih 22,000 ejan dan 33 cawangan di seluruh Malaysia, termasuk rangkaian pengedaran Bankasurans dan Bankatakaful di 401 cawangan Maybank dan bank pihak ketiga. Untuk manfaat pengguna internet, MotorTakaful dan Maybank2U menawarkan jualan langsung menerusi internet. Selain itu, produk-produk Etiqa yang disalurkan menerusi koperasi, syarikat broker dan institusi telah mendekatkannya dengan pelanggan dan meningkatkan capaiannya ke pasaran di negara ini.


Etiqa bekerjasama erat dengan rakan kongsi dan pelanggan untuk menginsankan industri insurans dan takaful selari dengan aspirasi Maybank untuk menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia. Keazaman Etiqa ini bersandarkan kepada kekukuhan, kepakaran dan asasnyanya yang kuat sebagai institusi kewangan utama di negara ini dan didorong oleh profesionalisme, pemahaman terhadap pelanggan, keberanian dan integriti kakitangannya.

Etiqa Insurance Berhad (EIB), cabang insurans am konvensional Etiqa, merupakan satu-satunya syarikat insurans di Malaysia yang mencapai penarafan 'A' Insurer Financial Strength (IFS) oleh Fitch Ratings. Penarafan ini mencerminkan profil perniagaan EIB yang kukuh dalam pasaran insurans am, keupayaan pengedaran yang luas, prestasi operasi yang konsisten, kualiti dan pendekatan pelaburan yang berhemah. Penarafan ini turut mengenalpasti kedudukan modal EIB yang mantap atas asas penyesuaian risiko dan rizabnya yang kukuh.

Etiqa telah melaksanakan pelan tiga tahun bermula 2012 untuk menjadi Peneraju Tiada Tandingan di Malaysia dan peserta serantau sedang muncul dalam sektor insurans dan takaful. Dalam tempoh setahun, pencapaian terbesar telah ditunjukkan sekaligus menjadi ia permulaan yang kukuh untuk Etiqa meneruskan perjalanan bagi mencapai hasratnya.

PRESTASI KEWANGAN


Keseluruhan premium kasar dan sumbangan meningkat 15% berbanding tahun sebelumnya (berbanding kiraan 12-bulan yang disebut semula), seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan mantap bagi kedua-dua perniagaan Insurans Hayat/Takaful Keluarga dan Insurans Am/Takaful.




INSURANS & TAKAFUL

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, Etiqa mencatatkan pertumbuhan 11% dalam pendapatan sebelum cukai (PBT) berbanding tahun sebelumnya yang meningkat kepada RM660.5 juta hasil daripada pemulihan dalam lebih pindahan daripada Dana Insurans Hayat/Takaful Keluarga, prestasi pelaburan yang menggalakkan daripada semua dana dan pendapatan yuran wakalah yang tinggi. Jumlah aset meningkat 9.4% kepada RM27.5 bilion daripada RM25.1 bilion dalam tahun sebelumnya.

Keuntungan Sebelum Cukai




Jumlah Aset




Dalam tempoh yang sama, perniagaan insurans Hayat/Keluarga berkembang 18% setahun berbanding tahun sebelumnya, didorong khususnya oleh Premium Tunggal berkaitan pelaburan daripada saluran Bankasurans Maybank dan perniagaan kredit daripada saluran Bankasurans Pihak Ketiga. Bagi Insurans Am/Takaful, pertumbuhan diraih dalam semua kelas perniagaan khususnya kenderaan, hasil daripada peningkatan perniagaan Am sebanyak 10% daripada tahun sebelumnya.

Sumbangan perniagaan daripada pelbagai segmen dinyatakan di bawah ini:

Perniagaan Hayat/Keluarga



Konvensional/Perniagaan Takaful




Nota bagi *:

Dis 2011 berasaskan kepada angka 12 bulan.

- **Ultra Medic Rider** pula adalah pelan biaya hospital dan pembedahan tahunan yang boleh diperbaharui dan menyediakan perlindungan perubatan sehingga RM1,500,000. Ia menawarkan lima pelan berbeza. Ciri-ciri istimewa pelan ini terdiri daripada Ujian Kesihatan Nasihat Kedua, Rawatan Perubatan Pilihan, Insuran Tanpa Bonus Tuntutan dan Tanpa Co-Takaful/Co-Insurans. Produk ini ditawarkan untuk kedua-dua pelan hayat dan takaful keluarga.
- **Aspire** merupakan pelan penyertaan endowment yang matang pada usia pelanggan 21 tahun. Ia merupakan pelan pendidikan anak-anak yang menyediakan pembayaran tunai berjaminan sebanyak 30%, 30% dan 40% daripada pembayaran Nilai Insurans pada akhir tempoh tiga tahun hingga matang bagi polisi ini. Ia juga menyediakan manfaat jaminan matang sebanyak 50% daripada asas Nilai Insurans. Pelan ini menawarkan Anugerah Kecemerlangan Akademik sebagai satu insentif ganjaran pencapaian akademik bagi peperiksaan utama di Malaysia.

Perniagaan Am



Keseluruhannya, takaful meneruskan momentum positif, meningkat 19% berbanding tahun sebelumnya. Sumbangan kasar melepasi paras RM2.6 bilion yang juga 49% daripada jumlah premium kasar/sumbangan Etiqa.

Perniagaan Takaful Am kami terus mengatasi pertumbuhan pasaran dengan penguasaan pasaran sebanyak 49.4%, manakala penguasaan perniagaan baru Takaful Keluarga turun sedikit kepada 35.6% (Perangkaan Insurance Services Malaysia Berhad bagi tempoh 12 bulan berakhir pada 30 September 2012).

INOVASI PRODUK

Etiqa menunaikan janji untuk membekalkan produk yang boleh diedarkan oleh rakan-rakan niaganya dalam bentuk simpanan persaraan, perancangan pendidikan dan perlindungan kekayaan.

Tahun 2012 menyaksikan Etiqa melancarkan barisan produk baru termasuk:

- **Persaraan Emas** merupakan pelan dana tertutup premium tunggal berkaitan pelaburan yang menawarkan jaminan 10 tahun pembayaran tunai premium tunggal minimum sebanyak 11% setahun. Pembayaran tunai ini dibayar daripada tahun keenam hingga ke 15 polisi berkenaan. Produk ini turut menyediakan potensi pulangan berasaskan Portfolio Indeks Aktif. Bayaran tambahan, jika ada, akan dibayar bersama pembayaran tunai tahunan dan pada tarikh matang polisi tersebut.
- **Dragon9** adalah dana tertutup premium tunggal untuk tempoh tiga tahun sembilan bulan yang berkaitan pelaburan dan menawarkan jaminan modal dibayar pada tempoh matang polisi berkenaan. Ia menawarkan pembayaran tunai premium tunggal berjaminan sebanyak 5.75% pada akhir tahun bulan 18 polisi tersebut.



TRANSFORMASI AGENSI

Pelan Transformasi Agensi yang juga dalam tahun pertama pengenalannya, telah menyaksikan pembentukan asas yang tepat untuk membina budaya yang kukuh bagi pertumbuhan perniagaan yang mampan. Kekuatan Agensi Insurans Hayat dan Keluarga ini telah ditanamkan dengan budaya prestasi yang lebih hebat dengan kelengkapan yang sewajarnya bagi meningkatkan kecekalan dan pungutan. Ini dimantapkan lagi dengan pelan baru pampasan agensi yang akan dilaksanakan pada 2013 yang bermatlamat untuk menyediakan ganjaran kepada pencapaian terbaik.

PEKERJA

Setiap organisasi yang hebat mengiktiraf kakitangan dan bakat mereka. Etiqa menggalakkan budaya inovasi dengan memperkenalkan beberapa platform untuk menyemai inovasi, sebagai contoh sesi “Young Executive Townhall and Staff Time Out” yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kanan Etiqa. Sesi pertemuan ini mengeneipikan batasan pangkat dan mewujudkan perhubungan yang lebih erat di kalangan kakitangan Etiqa.

BERPEGANG PADA JANJI

Dalam industri yang di kawal selia dengan ketat, Etiqa berjaya meringkaskan pemprosesan untuk tujuan penyelesaian pelanggan. Berikut adalah beberapa perkara utama yang diperkenalkan oleh Etiqa sepanjang tahun yang dikaji:

- 1) Mengelakkan kerenah bagi pemprosesan tuntutan di bawah RM2,000 bagi pelan Perlindungan Kediaman dan Kemalangan Peribadi
- 2) Kesenyaan bagi pemeriksaan perubatan di mana-mana juga bagi pelan Hayat atau Keluarga
- 3) Keupayaan untuk menyemak tuntutan dalam talian bila-bila masa bagi pelan Kenderaan bermotor dan Kebakaran runcit
- 4) Kemas kini menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) mengenai status tuntutan

PENGLIBATAN ANTARABANGSA

Etiqa telah menubuhkan operasi di Singapura, Brunei dan Pakistan. Selain itu, untuk menyokong aspirasi Maybank untuk menjadi peneraju serantau, pengembangan antarabangsa akan menyediakan Etiqa dengan peluang yang menarik untuk terlibat di negara-negara berpertumbuhan tinggi menerusi operasi Maybank di luar negara dan kepakaran Etiqa dalam takaful dan bankasurans.

Etiqua Insurance Berhad (EIB) Singapura

Cawangan Etiqua di Singapura mula mencatat keuntungan pada TK2012 dengan mencatat PBT sebanyak SGD6 juta, berbanding kerugian sebelum cukai SGD9 juta yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Perkembangan ini disumbangkan oleh kenaikan dalam lebih pendapatan dan pendapatan pelaburan. Ia turut mencatat kenaikan sedikit dari segi hasil iaitu sebanyak SGD38 juta. Menerusi proses penanggung yang ketat dan berdisiplin, sumbangan premium kenderaan bermotor dikurangkan daripada 33% kepada 30%. Juga terdapat peningkatan perniagaan dalam segmen Pelbagai (daripada 44% ke 45%) dan segmen Kebakaran (daripada 19% kepada 21%) manakala segmen Marin, Penerbangan dan Transit kekal pada 4%. Keseluruhannya, saluran pengedaran bercampur dengan Bankasurans sebagai penyumbang utama dengan jualan sebanyak 26%. Untuk masa hadapan, cawangan berhasrat untuk meneroka segmen pasaran baru dengan meningkatkan tawaran produk bagi memperluaskan asas pasaran dan pada masa yang sama dapat mengekalkan keuntungan.

Etiqua Insurance Berhad (EIB) Brunei

Cawangan Etiqua di Brunei mencatatkan prestasi yang menggalakkan dengan pertumbuhan GWP sebanyak 12% berbanding tahun sebelumnya. Perniagaan insurans am Etiqua Brunei dikuasai oleh saluran Agensi sebagai sumber penyumbang pendapatan utama (92%), dengan sebahagian besar penekanan diberikan kepada korporat dan risiko projek. Cawangan ini berazam mengukuhkan portfolionya dan membina kekuatannya dalam perniagaan bukan kenderaan bermotor di samping memanfaatkan kenaikan ekonomi di negara ini.

Pak-Kuwait Takaful Company Limited (PKTCL) Pakistan

Menerusi 32.5% pegangan saham dalam PKTCL, Etiqua Overseas Investment Private Limited (EOIPL) merupakan pelabur tunggal terbesar dalam syarikat takaful pertama di Pakistan. Walaupun banyak cabaran yang dihadapi pada 2012, syarikat berkembang 21% dari segi premium bertulis kasar berbanding tahun lalu.

KECEMERLANGAN OPERASI

Selari dengan aspirasi untuk mewujudkan tenaga kerja yang bebas bergerak, Etiqua memperkenalkan Pemprosesan Terus Dalam Talian (Straight-Through-Processing – STP) dengan menggunakan platform Penyelesaian Portal Perusahaan (EPS) bagi ejen perniagaan Hayat/Keluarga.

Ini merupakan projek pelbagai fasa yang menyusun semula proses permohonan ejen yang sedia ada ke dalam permohonan dalam talian dengan menggunakan teknologi sepenuhnya. Ia turut mengintegrasikan kegunaan peralatan seperti komputer riba dan peralatan biometrik untuk melengkapkan proses yang disediakan.

MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Sebagai sebahagian daripada janji jenama Etiqua, kami telah melaksanakan strategi untuk menginsankan semua interaksi pelanggan. Kami mendapati perlu memberi gambaran awal yang baik pada pertemuan pertama dengan pelanggan. Untuk ini kami mengambil langkah yang penting untuk menamatkan maklum balas suara automatik. Pelanggan-pelanggan kami amat gembira dengan layanan mesra dan selesa menerusi pendekatan baru ini.

Sepanjang tahun yang dikaji, Etiqua Oneline mengendalikan lebih daripada satu juta panggilan daripada pemegang polisi dan rakan perniagaan. Kami mencatatkan kadar penyelesaian secara hubungan langsung yang tinggi sebanyak 95.5% dan meningkatkan tahap kecekapan kumpulan dari segi kemahiran teknikal dan tingkah laku.

Kami menerima pengiktirafan daripada industri dalam bentuk anugerah daripada Persatuan Pengurusan Perhubungan Pelanggan & Pusat Hubungan Malaysia.

SOROTAN:

- *Tempat kedua bagi Pusat Panggilan Dalaman Terbaik (kurang daripada 100 kerusi) 2012 daripada Persatuan Pusat Hubungan*
- *Tempat kedua bagi Anugerah Video Korporat Terbaik daripada Persatuan Pusat Hubungan.*
- *Tempat ketiga bagi Teknologi Inovasi Terbaik daripada Anugerah Persatuan Pusat Hubungan.*
- *Tempat ketiga bagi Anugerah Proses Kecemerlangan Terbaik daripada Persatuan Pusat Hubungan*

ANUGERAH

Sepanjang tahun lalu Etiqa meraih anugerah-anugerah yang berikut:

1. Syarikat Takaful Terbaik, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF), 2012
2. Takaful Keluarga Terbaik (Operator Perniagaan Kumpulan), Persatuan Takaful Malaysia, 2012
3. Syarikat Takaful Terbaik (Asia), Sidang Kemuncak Takaful Antarabangsa, London, 2012
4. Bankatakalul Terbaik (Asia), Sidang Kemuncak Antarabangsa, London, 2012
5. Pemasaran Terbaik (Asia), Sidang Kemuncak Antarabangsa, London, 2012
6. Institusi Takaful Terbaik, Anugerah Kewangan Islam Asset Triple-A 2012
7. Syarikat Takaful Terbaik, Anugerah Global Islamic Finance 2012
8. Perkhidmatan Service to Care Insurans Malaysia Terbaik, Anugerah Malaysia Service to Care, 2012
9. Pusat Hubungan Dalaman Terbaik (kurang daripada 100 kerusi) – Perak, Anugerah Industri Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan Pusat Hubungan (CCAM) 2012
10. Pusat Hubungan Kecemerlangan Proses Terbaik (terbuka) – Gangsa, Anugerah Industri Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan Pusat Hubungan (CCAM) 2012
11. Pusat Perhubungan Inovasi Teknologi Terbaik (terbuka) – Gangsa, Anugerah Industri Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan Pusat Hubungan (CCAM) 2012
12. Video Terbaik bagi Pusat Hubungan (terbuka) – Silver, Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan Pusat Hubungan (CCAM) 2012
13. Pengurusan Pusat Hubungan Terbaik (kurang daripada 100 kerusi) – Gangsa dimenangi oleh Noordalina Daut, Anugerah Industri Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan Pusat Hubungan (CCAM) 2012.



Hans De Cuyper, CEO Maybank Ageas Holdings Berhad menerima anugerah Syarikat Takaful Terbaik daripada Lord Mohamed Sheikh, Pengerusi Macmillan Sheikh ketika Sidang Kemuncak Takaful Antarabangsa 2012 di London.



Hans De Cuyper, CEO Maybank Ageas Holdings Berhad menerima anugerah Syarikat Takaful Terbaik di Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF) 2012.

ZAKAT KORPORAT/TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Tanggungjawab Zakat Korporat

Program Tanggungjawab Zakat Korporat atau CZR oleh Etiqa dikendalikan sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk menyediakan sumbangan zakat kepada institusi berkaitan agama dan juga kepada golongan kurang berkemampuan di seluruh Malaysia. Dalam tahun kajian, antara sumbangan Etiqa termasuk:

- i) RM280,000 - membina rumah kedai dan pejabat untuk Pondok Darussalam, Kuala Ibai, Terengganu.
- ii) RM340,000 - membina bilik darjah baru untuk Madrasah Al-Aminiah, Permatang Nibong, Pulau Pinang.
- iii) Persatuan Kebajikan Islam Peribadi Mulia menerima van baru bernilai RM150,000 daripada Etiqa Takaful.

Tanggungjawab Sosial Korporat

- i) **Rumah Orang Asli**
Pada Disember 2012, lebih daripada 50 anggota Kumpulan Kepimpinan Kanan Etiqa memberi sokongan di Kampung Orang Asli untuk membantu memberikan pengalaman hidup lebih baik kepada mereka. Program ini bagi meningkatkan pengalaman keinsanan yang sedang disemarakkan oleh Etiqa.
- ii) **Etiqa Nurtures: Pengalaman bidang Seni dan Kreativiti**
Lebih daripada 30 anak-anak sekolah berusia dari 9-12 menyertai program melawat Muzium Tekstil di Kuala Lumpur yang baru dibuka semula selepas diberi sentuhan baru.

TINJAUAN PASARAN

Sektor insurans dan takaful di Malaysia mungkin mendapati kestabilan pendapatannya menghadapi cabaran akibat inisiatif pihak berkuasa serta ketidaktentuan pasaran modal. Sektor ini bagaimanapun terus bersandarkan kepada sokongan pertumbuhan pasaran yang stabil dan pengurusan modal yang menggalakkan. Hasrat pihak pengawal selia untuk menghapuskan sekatan terhadap kos pengambilalihan dan struktur harga tarif kebakaran pihak penginsurans mampu menjejaskan kestabilan margin operasi penginsurans. Cadangan pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi juga berupaya mengubah amalan perniagaan pihak penginsurans yang mampu menyebabkan kos pematuhan yang tinggi.

Segmen takaful dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan tinggi dua digit kira-kira 20% sehingga 2014. Penanggung semakin mengiktiraf takaful sebagai industri berpertumbuhan tinggi yang menguntungkan.

Kadar penembusan kira-kira 13% bagi takaful keluarga (diukur menerusi bilangan polisi hayat berbanding jumlah penduduk) merupakan petunjuk bagi potensi terpendam bagi takaful berbanding dengan insurans hayat konvensional sebanyak 55%.

Daripada anggaran ini, industri takaful masih berada di peringkat awal kemajuannya dan pertumbuhannya dijangka akan mengatasi pertumbuhan insurans konvensional disokong oleh faktor-faktor berikut:

- i) peningkatan kesedaran, dengan potensi bagi pemelbagaian takaful daripada hanya menjadi segmen tersendiri yang memenuhi keperluan komuniti Islam.
- ii) peningkatan perubahan pengawal selia untuk menyokong infrastruktur takaful
- iii) penyelesaian bersama dan boleh diselesaikan melibatkan isu-isu yang terpaksa dihadapi oleh jawatankuasa Syariah dan pemimpin-pemimpin industri.
- iv) penyertaan lebih kukuh dan mudah tunai sukuk serta instrumen pematuhan Syariah untuk menyokong pendapatan pelaburan
- v) Mengukuhkan keupayaan takaful dan takaful semula

Pengumuman oleh Bank Negara Malaysia bahawa ia akan memperkenalkan rangka kerja modal berasaskan risiko bagi sektor takaful pada 2014 akan menyelaras keperluan modal pengendali-pengendali takaful setanding dengan penanggung konvensional. Ini juga bermakna permodalannya akan lebih tepat mencerminkan pendedahan risiko pengendali-pengendali takaful.

Permodalan penginsurans konvensional akan kekal kukuh apabila nisbah modal tergabung dalam industri pada 2012 masih jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum yang ditetapkan sebanyak 130%. Penarafan negatif yang diberikan terhadap sektor insurans hayat dan bukan hayat termasuk ketidaktentuan pasaran ekuiti yang keterlaluan dan pergerakan kadar faedah. Defisit insurans kenderaan bermotor pihak ketiga, kecederaan badan dan kematian juga boleh menjejaskan tinjauan sektor insurans bukan hayat. Bagaimanapun, penarafan ini boleh disemak semula kepada positif jika pihak penanggung boleh meningkatkan margin penanggung keseluruhan secara konsisten selepas liberalisasi wajib harga insurans kenderaan bermotor.

PERBANKAN ISLAM

Usahasama yang kuat di seluruh “Struktur Baru Rumah Maybank” membolehkan Maybank Islamic Berhad (“Maybank Islamic”) kekal pada kedudukan teratas di ASEAN dengan produk dan perkhidmatan komprehensif serta berbeza kepada pelanggan-pelanggan kami.



“Kami menggunakan sistem pengesanan pasaran yang jelas dan kerjasama yang kuat antara Maybank Islamic dan Kumpulan di samping memastikan kakitangan, khususnya di barisan hadapan, dilengkapi dengan ilmu berkaitan perbankan Islam untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami.”

MUZAFFAR HISHAM

Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Islamic Berhad
Ketua, Perbankan Islam Kumpulan

SOROTAN

- Maybank Islamic mengekalkan kedudukan teratasnya dengan PBT sebanyak RM1.19 bilion (naik 25%), dan jumlah pembiayaan berkembang sebanyak 18.3% kepada RM62.0 bilion (mewakili 30.6% daripada pembiayaan domestik Kumpulan Maybank).
- Perniagaan perbankan Islam Kumpulan Maybank terus memberi sumbangan positif kepada Kumpulan mencatat peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 19.4% kepada RM2.20 bilion dalam tempoh yang dirujuk, berbanding RM1.84 bilion pada Disember 2011.
- Maybank Islamic kekal menguasai pasaran terbesar bagi industri perbankan Islam Malaysia dari segi pembiayaan dan deposit.

PRESTASI



CY = Tahun Kalendar

Di Malaysia, Maybank Islamic menyaksikan pertumbuhan pembiayaan yang mampan sebanyak 18.3% sepanjang tempoh yang dikaji dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM62.0 bilion. Portfolio pembiayaan CFS naik sebanyak 20% manakala pembiayaan GWB berkembang 14% berbanding tahun sebelumnya. Deposit daripada pelanggan meningkat kepada RM71.0 bilion manakala portfolio CFS dan GWB masing-masing bertambah 34% dan 11%.

Kualiti aset di Maybank Islamic kekal kukuh dengan pembiayaan rosot nilai bersih sebanyak 0.70% semakin pulih daripada 1.03% pada Disember 2011, manakala pembiayaan yang diselaras dengan nisbah deposit juga melonjak kepada 82.0% daripada 83.7% pada tahun sebelumnya.

Bersama CFS dan GWB, kami telah berjaya mengekalkan keseluruhan penguasaan pasaran dari segi aset, pembiayaan dan deposit yang disokong oleh strategi perhubungan berkesan bersama barisan jualan dan pelaksanaan strategi "Mendahulukan Islam" (Islamic First).

Kami terus berusaha untuk mewujudkan penyelesaian patuh Syariah yang berinovasi bagi memanfaatkan pelanggan-pelanggan kami. Tahun ini, kami meluaskan liputan Akaun-*i* Premier Mudharabah kepada segmen PKS, Perbankan Perniagaan dan Korporat. Kami melancarkan pembiayaan gadai janji kadar boleh ubah baru di bawah konsep Komoditi Murabahah.

Kami menambah tawaran kad kredit Ikhwan dengan menawarkan Ikhwan Visa Infinite dan kami turut memperkenalkan M2U Savers-*i*, akaun simpanan dalam talian untuk memastikan keselesaan pelanggan membuka, memasuki dan menutup akaun dari mana-mana lokasi di seluruh dunia.

Pada 2012 dan menerusi kerjasama dengan CFS, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk mendekatkan diri dengan pelanggan, termasuk menganjurkan acara di seluruh negara untuk bersama dengan komuniti di setiap negeri dan kawasan. Dengan sistem mengesan prestasi yang jelas dan kerjasama kukuh antara Maybank Islamic dengan Kumpulan, kakitangan kami dilengkapi dengan ilmu dan tanggungjawab terhadap perbankan Islam untuk memberi perkhidmatan terbaik serta menyumbang kepada pertumbuhan produk dan perkhidmatan perbankan Islam.

Di peringkat serantau, pasaran tumpuan utama pada 2012 adalah Indonesia dan Singapura. Di Indonesia, kami mengembangkan produk dan penyelesaian perbankan sejagat Islam kami menerusi unit Usaha Syariah di Bank Internasional Indonesia dan Maybank Syariah Indonesia. Untuk mencapai pertumbuhan di Indonesia, kami turut meningkatkan komitmen di seluruh barisan perniagaan dan cawangan dan memberi tumpuan untuk pengembangan pesat yang disasarkan dalam tahun yang berikutnya.

Di Singapura, unit perbankan perkhidmatan Maybank Singapura terus menjadi peneraju bagi perkhidmatan perbankan runcit Islam. Tahun ini, kami telah memperluaskan penyelesaian perbendaharaan dan kami telah berjaya mendapatkan janji niaga Swap Kadar Keuntungan Islam kali pertama dengan sebuah konglomerat utama berpangkalan di Singapura.

Perkembangan ini selari dengan matlamat utama kami untuk menyediakan perkhidmatan lengkap pembiayaan kewangan di pasaran Singapura.

ANUGERAH 2012

(i) Anugerah Majalah Global Finance 2012

- Institusi Kewangan Islam Terbaik Dunia (Asia)
- Institusi Kewangan Islam Terbaik Dunia (Malaysia)

(ii) Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2012

- Bank Pelaburan Islam Terbaik

(iii) Anugerah Institusi Kewangan Islam Dunia Terbaik Global Finance 2012

- Bank Sukuk Terbaik
- Penasihat Pembiayaan Terbaik Projek Kewangan (Asia) 2012

(iv) Anugerah Institusi Kewangan Islam Terbaik Global Finance 2012

- Janji Niaga Kewangan Islam Terbaik - Wakala Global Sukuk Berhad AS\$2.0 Bilion Sijil Sukuk Global

(v) Anugerah Asia The Asset Triple A 2012

- Pembiayaan Perdagangan Islam Terbaik Malaysia
- Bank Peruncitan Islam Terbaik Malaysia

(vi) Anugerah The Asset Triple A 2012 - Kewangan Islam

- Janji Niaga Islam Terbaik Tahunan/Sukuk Berdaulat Terbaik 2012 - Wakala Global Sukuk Berhad AS\$2.0 Bilion Sukuk Global Sijil
- Janji Niaga Islam Terbaik Malaysia 2012 - Wakala Global Sukuk Berhad AS\$2.0 Bilion Sijil Sukuk Global
- Sukuk Korporat Terbaik 2012 - Sukuk Projek Lebuhraya Usahasama RM30.6 Bilion
- Janji Niaga Penstrukturan Semula Islam Terbaik - Pengurusan Aset Air Berhad RM5.8 Bilion

(vii) Anugerah Negara The Asset Triple A 2012

- Ekuiti Islam Terbaik - Bumi Armada RM2.66 Bilion

TINJAUAN

Dalam tahun kewangan yang akan datang kami memberi tumpuan untuk meneruskan pertumbuhan dengan lebih berdaya saing. Kami jangkakan pertumbuhan perniagaan perbankan Islam Kumpulan Maybank akan didorong oleh perniagaan domestik dan juga pasaran serantau utama, iaitu Indonesia dan Singapura. Selari dengan aspirasi Bank Negara Malaysia yang digariskan dalam Hala Tuju Sektor Kewangan 2011-2020 khususnya dalam segmen "Mengantarabangsakan Pembiayaan Islam", kami akan meningkatkan inisiatif kami bagi mengukuhkan penglibatan kami di peringkat global dengan menubuhkan jalinan Pembiayaan Islam di seluruh negara ASEAN untuk meraih manfaat dalam ikhtiar ini. Untuk itu, kami akan sentiasa berhubung dan bekerjasama erat dengan pengawal selia dan peserta industri di seluruh rantau. Pematuhan Syariah dan kecemerlangan serta pelaksanaan pengurusan risiko terbaik seperti yang ditetapkan oleh Kumpulan akan terus menjadi keutamaan kami dalam usaha kami menjadi Peneraju Kewangan Islam Global menjelang 2015.

JAWATANKUASA SYARIAH

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani Hj Zakaria

(Pengurus)

Mufti Kerajaan Negeri Perak

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani memperoleh PhD pada tahun 2001 dari Universiti Malaya. Beliau merupakan ahli Majlis Mesyuarat, Majlis Islam dan Istiadat Melayu Kerajaan Negeri Perak dan Pengurus Jawatankuasa Syariah Negeri. Beliau juga menduduki kerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam. Beliau juga berkhidmat dengan Takaful Nasional Berhad sejak 1993 sebagai salah seorang ahli Majlis Penasihat Syariahnya. Pada masa yang sama, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad dan Amanah Raya Berhad.

Dr. Ahcene Lahsasna

(Ahli)

Penasihat Kajian Graduan Jabatan Kajian Syariah dan Perundangan, INCEIF

Dr. Ahcene Lahsasna adalah seorang pensyarah di Jabatan Syariah dan Perundangan, INCEIF dan dilantik sebagai penasihat Pelajar Graduan yang baru sejak 1 Oktober 2008. Beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic/Kumpulan Maybank pada Jun 2009. Dr. Ahcene Lahsasna memiliki Sarjana dan PhD dalam bidang undang-undang Islam & Jurisprudens Islam (Fiqh dan Usul Fiqh) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sebelum menyertai INCEIF, beliau berkhidmat dengan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai pensyarah Syariah dan undang-undang.

Dr. Mohammad Deen Mohd Napih

(Ahli)

Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr. Mohammad Deen Mohd Napih merupakan Penolong Profesor Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim di UIAM. Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dari Glasgow Caledonian University, Scotland. Sebelum dilantik sebagai seorang ahli Jawatankuasa Syariah Maybank pada 2007, beliau adalah penasihat Syariah EON Bank Berhad sejak 1997 hingga 2003. Beliau kini juga seorang Penilai Akademik Majlis Akreditasi Negara sejak 2001.

Dr. Ismail bin Mohd @ Abu Hassan

(Ahli)

Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr. Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan merupakan Penolong Profesor di Jabatan Undang-undang Islam UIAM. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda dengan mendapat Kepujian Kelas Pertama dalam bidang Syariah dari Universiti Malaya pada 1989 dan memperoleh Ijazah Undang-undang dari SOAS, University of London pada 1992. Beliau meneruskan pengajian PhD di Manchester University, England dan mendapat ijazah kedoktoran pada 1997. Beliau menjadi pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam selama lebih 10 tahun sejak 1989. Sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank pada 2007, beliau menduduki Jawatankuasa Syariah Takaful Nasional Berhad dan CIMB Group.

Encik Sarip Adul

(Ahli)

Pensyarah, Pusat Penggalakan Pengetahuan & Pembelajaran Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Encik Sarip adalah pensyarah di Universiti Malaysia Sabah dengan memiliki kepakaran dalam bidang Syariah dan mempunyai pengkhususan dalam Muamalat Islam dan Kewangan Islam. Sebelum itu beliau adalah Pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia selama 7 tahun. Beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Kumpulan Maybank berkuat kuasa pada Mei 2011. Beliau memperoleh ijazah pertamanya dalam bidang Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir, dan Sarjana dalam bidang Fiqh dan Usul Al Fiqh dari Universiti Jordan. Beliau kemudiannya menyambung pengajian PhD di bidang Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan merupakan seorang penasihat program pelajar siswazah. Beliau kini merupakan salah seorang ahli Majlis Fatwa Negeri Sabah.

MODAL INSAN KUMPULAN

Metodologi dan amalan Modal Insan Kumpulan (GHC) Maybank adalah sejajar dengan yang terbaik di dunia. Keduanya direka bentuk untuk memenuhi kehendak orang ramai terhadap perniagaan kami, mencapai wawasan kami dan menjangkau matlamat korporat kami.



“Inisiatif yang telah kami laksanakan dalam program transformasi, termasuk dasar untuk warga kerja kami, telah berjaya diterapkan dan diperakui – dibuktikan dengan catatan prestasi pertumbuhan satu lagi tahun kewangan – meningkatkan produktiviti, penglibatan kakitangan yang lebih besar dan pengiktirafan sebagai Majikan pilihan No. 1 tahun ini untuk dua tahun berturut-turut. Selain itu, mengikut penilaian luar, Maybank diiktiraf sebagai mempunyai Amalan Terbaik dalam empat daripada enam aspek Audit Pembangunan Kepimpinan manakala dua lagi sebagai Amalan Baik. Nisbah

prestasi produktiviti kakitangan kami menuju ke arah yang dikehendaki apabila kami mengoptimumkan tenaga kerja dengan menambah nilai kerja dan memperlengkapkan kakitangan kami secara berkesan dengan keupayaan dan kecekapan yang betul. Perlaksanaan rangkaian bersepadu Pengurusan Bakat dalam talian mempercepatkan inisiatif keserantau kami bagi menyelaraskan pengurusan dan pembangunan modal insan di seluruh Kumpulan Maybank untuk mencapai wawasan kami.”

NORA ABD MANAF

Ketua, Modal Insan Kumpulan

SOROTAN

- Pendapatan bersih bagi setiap kakitangan bertambah kepada RM351,512 pada tahun 2012 daripada RM325,111 tahun sebelumnya, sementara Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagi setiap kakitangan meningkat daripada RM150,511 kepada RM167,142 tahun lepas.
- Kami dapat melihat dengan jelas bakat dalaman kami untuk memenuhi keperluan perniagaan dan pengembangan Kumpulan. Kelompok pengganti kami terdiri daripada 68% bakat berpotensi tinggi dan kadar realisasi penggantian adalah 40%. Kelompok pengganti kami terus bertambah dan 70% daripada kekosongan kerja telah diisi dengan jayanya dengan bakat dalaman.

- Dalam membina keupayaan serantau, kami menugaskan 54 bakat, 20 antaranya berpotensi tinggi, untuk tugas jangka pendek dan panjang di peringkat antarabangsa. Kami juga berjaya melancarkan dan menarik lebih 1,000 bakat terbaik Universiti dari 6 negara Asia yang bertanding di dalam Pertandingan Kes Perniagaan Antarabangsa kami buat julung kalinya. Seramai 30 peserta akhir telah dipilih daripada pusingan peringkat negara untuk menyertai Pertandingan Akhir di Kuala Lumpur, dan telah terpilih untuk Program Perantis Global Maybank.
- Dasar Ganjaran Penuh yang diperkuatkan oleh pembentukan rasmi dan pelaksanaan Cadangan Nilai Kakitangan 'GO Ahead' memperkukuhkan Maybank sebagai sebuah tempat kerja yang hebat dan Bank untuk mereka yang berbakat. Pada tahun 2011, warga Maybank ditaraf sebagai mencapai penambahbaikan 100% daripada 20% pada tahun 2008 kepada 40% (tidak termasuk BII) bagi amalan bayar-ikut-prestasi, iaitu mendahului Norma-norma Syarikat-syarikat Perkhidmatan Kewangan Global Towers Watson sebanyak 5%. Selanjutnya pada tahun 2012, warga Maybank mencatatkan penambahbaikan 5% berbanding tahun 2011, daripada segi pengiktirafan oleh penyelia bagi kerja yang dijalankan dengan baik di dalam Kaji Selidik Penglibatan Kakitangan Tahunan dan skor ini adalah setanding dengan Norma-norma Syarikat-syarikat Perkhidmatan Kewangan Global Towers Watson.

TINJAUAN

Metodologi dan amalan Modal Insan Kumpulan (GHC) Maybank adalah sejajar dengan yang terbaik di dunia. Keduanya direka untuk memenuhi kehendak orang ramai terhadap perniagaan kami, mencapai wawasan kami dan menjangkaui matlamat korporat kami.

Infrastruktur kami dibina atas asas yang kukuh dan bersepadu yang merangkumi prinsip-prinsip, dasar pekerja dan produk yang mendorong tingkah laku yang betul untuk mewujudkan budaya prestasi tinggi berdasarkan nilai-nilai korporat kami. Hormat dan maruah adalah prinsip asas di mana asas kami dikukuhkan pada tahun 2009, dan prinsip-prinsip ini kekal dalam misi menginsankan perkhidmatan kami hari ini.

Kami menghayati kepelbagaian dan menggalakan keterangkuman, mewujudkan satu tempat kerja yang menawarkan lebih daripada sekadar jawatan. Kami memupuk warga kerja kami untuk mengisi potensi mereka dan mencapai kedua-dua matlamat persendirian dan korporat.

Program Sumber Manusia kami mengukuhkan persekitaran tempat kerja kami dan membolehkan kami menarik dan mengekalkan bakat-bakat yang ada.

MENAMBAH BAIK PRODUKTIVITI DAN PENGLIBATAN

Kami terus mencatatkan pertambahan produktiviti dan meningkatkan pengeluaran daripada nilai kerja tinggi yang diwujudkan, menggunakan sumber kami secara berkesan, mencipta perkhidmatan dan penawaran produk yang berbeza, menyediakan alatan kerja yang lebih baik dan menerapkan tabiat penjimatan kos. Pendekatan kami yang berdisiplin untuk meningkatkan produktiviti kakitangan telah membuahkan hasil. Pendapatan bersih bagi setiap kakitangan bertambah kepada RM351,512 pada tahun 2012 berbanding RM325,111 pada tahun lepas, sementara PBT bagi setiap kakitangan meningkat daripada RM150,511 kepada RM167,142 pada tahun lepas.

Berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun, penglibatan kakitangan kekal tinggi. Kaji Selidik Penglibatan Kakitangan tahun 2012 kami mencatatkan tahap penglibatan kakitangan sebanyak 85%, meningkat daripada 83% (termasuk BII) pada tahun 2011 dan setanding dengan Norma-norma Syarikat-syarikat Berprestasi Tinggi Global Towers Watson. Ia mencatatkan penyertaan tinggi kakitangan dengan 82% daripada 29,234 kakitangan Kumpulan Maybank terlibat dalam kaji selidik tersebut termasuk Maybank Kim Eng, BII, BII Finance & WOM Finance.

Kadar pengekelan utama kami juga telah meningkat dari 52% pada tahun 2010, kepada 80% pada tahun 2011 dan 82% pada tahun 2012. Kadar penerimaan tawaran pekerjaan adalah melebihi 92%. Skor yang bertambah baik ini, menjadi bukti bahawa kakitangan kami menyokong proses transformasi warga kerja kami dan mempamerkan keberkesanan strategi pembangunan kakitangan kami.

MEMBINA BUDAYA YANG SAMA

Misi kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan merentasi Asia, memacu cara kami menyampaikan perkhidmatan dan mewujudkan satu persekitaran di mana kakitangan kami boleh berkhidmat dengan cemerlang. Ia juga memperkukuhkan nilai teras “TIGER” kami: Kerja Berpasukan, Integriti, Pertumbuhan, Kecemerlangan & Kecekapan, dan membina Perhubungan. Nilai-nilai inilah yang menyelaraskan operasi kami, tahap perkhidmatan dan kepimpinan kami dan diterapkan secara dalaman di seluruh Kumpulan sebagai sebahagian daripada inisiatif Perniagaan Seperti Biasa.

Indeks Nilai Teras kami meningkat dari 75% pada tahun 2011 kepada 79% pada tahun 2012 (Norma-norma Perkhidmatan Kewangan Global Towers Watson pula adalah 72%). Ini mempamerkan tahap darjah penghayatan nilai-nilai teras kami oleh kakitangan.

Kempen-kempen mampan untuk memacu penerapan nilai teras secara dalaman berterusan dengan BII secara agresif melaksanakan transformasi budayanya sejajar dengan program “IMPACT” (Perlaksanaan Menerusi Gerak Pantas dan Kerja Berpasukan) yang dilancarkan pada bulan Julai serta juga program bersepadu dalam Maybank Kim Eng.

Satu Inisiatif Sokongan Jenama telah dilancarkan bagi menjelaskan jenama Maybank melangkaui identiti visualnya sambil memberi panduan kepada kakitangan bagaimana untuk terus menterjemahkan misi menginsankan perkhidmatan ini sebagai pemacu dan penapis dalam segala apa yang kita lakukan. Program Kualiti Perkhidmatan e-555 dilancarkan tahun lepas sebagai alat bagi warga Maybank mengiktiraf amalan baik dan sumbangan masing-masing. Dengan lebih daripada 6,000 penyertaan, program tersebut menggabungkan nilai-nilai pengiktirafan dan memupuk budaya kecemerlangan.



Majikan pilihan utama.

MENINGKATKAN CADANGAN NILAIAN MAJIKAN KAMI

Sebagai pelengkap kepada pelancaran jenama korporat kami yang diberi nafas baru pada tahun 2010, Maybank telah mewujudkan satu Cadangan Nilai Majikan (EVP) pada tahun 2012 yang menyokong misi penginsanan kami dan mewujudkan satu jenama majikan yang berbeza bagi menarik dan mengekalkan bakat. EVP “GO Ahead” kami adalah sebuah mantera dan luahan hasrat: Maybank bukan sekadar menunaikan janji malah melangkaui jangkaan. Empat usul dinamiknyanya iaitu, “GO Ahead” Cipta, “GO Ahead” Tumbuh, “GO Ahead” Terajui dan GO Ahead Terbang, menjadi inspirasi para kakitangan untuk merebut peluang-peluang yang ada.

Usaha kami membina persekitaran kerja yang membolehkan warga kerja kami maju dan menemui tujuan mereka, telah diiktiraf secara meluas. Kami mengekalkan kedudukan kepimpinan kami sebagai Majikan pilihan No. 1 dalam Graduan Aspire di negara ini yang mana pemilihan adalah dibuat berdasarkan undian pelajar dan graduan – selama dua tahun berturut-turut. Berikutan itu juga, kami telah diiktiraf sebagai pemenang dalam kategori Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan bagi 100 Majikan Graduan Terkemuka di Malaysia pada tahun 2011 dan 2012 secara berturut-turut. Kedudukan keseluruhan kami dalam semua kategori telah bertambah baik, iaitu melonjak ke tempat ketiga pada tahun 2012 dari tempat kelima pada tahun 2011 dan ke-17 pada tahun 2010. Pejabat-pejabat serantau kami juga mempamerkan Maybank sebagai majikan pilihan. Maybank Singapura pula telah menerima Anugerah Majikan Terbaik Tahun Ini - Anugerah Emas dan Anugerah Kecemerlangan di dalam Anugerah Kecemerlangan Keseimbangan Kehidupan-Pekerjaan.

KEDUDUKAN KESELURUHAN 100 MAJIKAN GRADUAN TERKEMUKA MALAYSIA: 2010-2012

Kedudukan 2010	Kedudukan 2011	Kedudukan 2012
1 Ernst & Young	1 PWC	1 PWC
2 PWC	2 Ernst & Young	2 Ernst & Young
3 KPMG	3 KPMG	3 Maybank
4 Deloitte	4 Deloitte	4 KPMG
5 IBM Malaysia	5 Maybank	5 Air Asia
6 Shell Malaysia	6 CIMB Group	5 Apple
7 Sime Darby	7 Bank Negara Malaysia	7 CIMB Group
8 CIMB Group	8 ASTRO	8 PETRONAS
		9 Deloitte
9 Bank Negara Malaysia	9 Air Asia*	10 Public Bank
10 Air Asia	9 Genting Malaysia*	11 Malaysia Airlines
11 ASTRO	9 Public Bank*	12 Bank Negara Malaysia*
12 Berjaya Corporation*	12 Shell Malaysia	12 Genting Malaysia*
13 Exxon Mobil*	13 Berjaya Corporation	14 Shell Malaysia
14 Sony (M) Sdn Bhd	14 Citibank	15 IOI Group
15 BDO*	15 Exxon Mobil	16 Sunway Group
16 MAS*	16 HSBC Bank Malaysia*	17 HSBC Bank Malaysia
17 Maybank	16 IGB Corporation*	18 Accenture*
18 Public Bank Berhad	16 Malaysia Airlines*	18 Citibank*
19 Maxis*	19 Intel Malaysia*	20 Samsung Malaysia*
19 Media Prima Bhd*	19 Star Publications*	20 Sime Darby*

* Kedudukan Terikat
Sumber: 100 Majikan Graduan Terkemuka Malaysia'.
www.malaysias100.com

MENINGKATKAN KEBERKESANAN, FUNGSI DAN INISIATIF

Kami secara berterusan mengembangkan fungsi HR kami ke peringkat serantau, mempertingkatkan proses laporan, merangka dasar, pemprosesan dan sistem. Kami menyelaraskan fungsi HR di kesemua pasaran utama seberang laut kami, seterusnya menyeragamkan amalan kerja terbaik di seluruh Kumpulan.

Dalam tahun kewangan, GHC telah mengkaji semula struktur-struktur, kerja-kerja dan pemprosesan bagi menyokong strategi perniagaan dan rancangan pengembangan. Sektor-sektor yang terlibat adalah Perbankan Global, Operasi Antarabangsa, Kumpulan Pengurusan Aset baru dan sebuah anak syarikat yang baru, Maybank Shared Services. Penyusunan semula tersebut akan mewujudkan tumpuan yang lebih baik, akauntabiliti dan keberkesanan dalam mencapai wawasan Kumpulan.

Kami terus memanfaatkan alatan kerja penyelesaian teknologi maklumat (IT) bagi menyeragamkan pengurusan modal insan dan amalan pembangunan. Kami melaksanakan rangkaian pengurusan bakat (TM) bersepadu dan melancarkan Pengurusan Prestasi dalam talian dan modul TM bagi Singapura dan Malaysia. Sistem ini menyediakan sumber tunggal bagi maklumat kakitangan bila-bila masa diperlukan dan menawarkan lingkungan luas keupayaan fungsi dan membuat-keputusan, memberi ruang kepada kakitangan untuk menumpukan pada kualiti perancangan berbanding proses pentadbiran. Modul IT juga meningkatkan kejelasan dan ketelusan, membolehkan kakitangan untuk menyelaraskan dengan lebih baik akan matlamat kerja mereka sendiri dengan matlamat kerja penyelia, pasukan dan Maybank keseluruhannya. Bagi unit seberang laut yang lain, pelaksanaan dalam talian akan dilancarkan pada tahun 2013.

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN PRESTASI

Pada tahun 2012, kami berusaha memperkukuhkan lagi Sistem Pengurusan Prestasi berdasarkan maklum balas dari kakitangan kami. Kami mempertingkatkan Sistem Pengurusan Prestasi dan Kad Skor Berimbang (BSC) bagi memperkasakan kakitangan kami untuk mencapai matlamat kerja masing-masing serta memahami sumbangan mereka kepada Kumpulan di samping mengekalkan penyelarasan dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kumpulan.

GANJARAN PENCAPAIAN

Struktur ganjaran kami telah memberikan kelebihan daya saing di pasaran. Ia menggabungkan kedua-dua unsur tetap dan boleh-ubah, serta juga komponen jangka pendek dan panjang seperti gaji asas, faedah, bonus/insentif boleh-ubah jangka-pendek dan sebuah Skim Saham Pekerja jangka panjang. Pakej ini juga merangkumi unsur-unsur bukan kewangan seperti peluang pembangunan. Untuk menyemai satu budaya bayaran-ikut-prestasi, maka prestasi tinggi diberikan ganjaran yang patut.

Setiap tahun, kami mengurniakan anugerah kepada mereka yang berprestasi tinggi serta pengurus, eksekutif dan bukan-eksekutif terbaik, juara nilai teras, sukarelawan korporat dan tanggungjawab sosial terkemuka dan lain-lain. Kami meraikan pencapaian tersebut di jamuan makan malam Sektor-sektor, acara-acara berkaitan dan karnival sukan tahunan, kesemuanya membawa kepada kemuncak pada acara tahunan Malam Anugerah Kumpulan Maybank.

Pada tahun 2012, kami telah membuat tawaran kedua Skim Saham Pekerja berdasarkan prestasi individu, dan mengagihkan pembayaran khas ex-gratia iaitu RM1,000 kepada warga Maybank yang layak di Malaysia sebagai tambahan kepada bonus kontrak mereka. Kami juga mengiktiraf 2,029 kakitangan dalam Kategori Anugerah Lama Berkhidmat untuk 10, 20, 30, dan 40 Tahun.

Kami juga telah mensejajarkan pelbagai rancangan insentif Maybank Kim Eng mengikut negara khusus kepada pelan serantau. Ini akan memastikan persaingan dalam kalangan rakan-rakan Maybank Kim Eng, sekali gus meletakkan kami setaraf dengan perbankan pelaburan global.

Kami terus menyediakan bantuan pembiayaan kepada kakitangan yang layak iaitu mereka yang mempunyai anak masih bersekolah atau di kolej. Di bawah program Kembali ke Sekolah kami, lebih RM470,000 telah diagihkan kepada lebih 1,100 warga Maybank yang mempunyai anak-anak masih bersekolah termasuk mereka yang memasuki sekolah berasrama dan institusi-institusi pengajian tinggi. Di bawah Anugerah Kecemerlangan Akademik Anak-anak Kakitangan Kumpulan Maybank, kami menghadiahkan RM257,900 kepada 518 anak kakitangan yang mencapai kecemerlangan akademik di dalam peperiksaan awam.

Apabila melibatkan diri dalam rundingan bersama Maybank dan Kesatuan mencapai jalan tengah yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Pada tahun 2012, tiga perjanjian kolektif telah dicapai dengan tiga kesatuan: Persatuan Pegawai Kelas Satu Maybank, Persatuan Eksekutif Maybank di Malaysia dan Kesatuan Pekerja Maybank Filipina Inc.

MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN

Program-program pembangunan kami melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan, keyakinan dan kemahiran untuk berjaya. Kami amat menggalakkan kakitangan mempelajari kemahiran baru untuk pertumbuhan profesional dan peribadi. Maybank melabur sumber yang banyak dalam mengukuhkan kecekapan kakitangan dalam bidang-bidang yang menyokong rancangan pembangunan Kumpulan.

Pada tahun 2012, Kumpulan telah melabur RM100.0 juta dalam program pembelajaran dan pembangunan, melebihi keperluan statutori. Di Malaysia, 82.4% daripada tenaga kerja mengambil bahagian dalam pembelajaran secara bersemuka, dan 92.4% mengambil kursus dalam talian. Perbelanjaan latihan kakitangan Bank berbanding jumlah gaji kasar bagi tahun 2012 adalah 3.17%. Ini melebihi piawaian minima Bank Negara Malaysia sebanyak 2.5% dan juga melebihi tahap penanda aras sejagat, The American Society of Training and Development sebanyak 2.65%. Pada tahun 2012, 280 kursus e-pembelajaran dengan 15 sukatan pelajaran baru telah ditawarkan dengan 108,558 pendaftaran.

Bahagian Pembelajaran Organisasi Kumpulan (GOL) mengikuti falsafah 70:20:10 (70% pengalaman, 20% berasaskan hubungan, dan 10% pembelajaran formal). Pembelajaran melalui pengalaman melibatkan projek-projek, tugas dan pendedahan antarabangsa. Hubungan berasaskan alatan termasuk penggunaan mentor, program rakan, perbincangan tidak formal, perbincangan umum tidak formal dan perbualan dengan pemimpin. Untuk pembelajaran formal, platform kami termasuk e-pembelajaran melalui MyCampus (pembelajaran dalam talian portal kami), Akademi Maybank yang baru diubahsuai, dan program luaran. Lebih ramai kakitangan menikmati e-pembelajaran kerana ia membolehkan mereka untuk mengikuti kursus-kursus mengikut kadar masa mereka sendiri.

GOL bekerjasama dengan sektor-sektor untuk memudah cara pembelajaran pantas dan membangunkan kecekapan tertentu. Untuk membina kapasiti dalam jualan dan pasukan kredit, pada tahun 2012, 5,584 pekerja menghadiri program latihan yang dikhususkan. GOL dan Kredit & Pengurusan Risiko Kumpulan bergabung tenaga untuk melancarkan dua program e-pembelajaran yang menyeluruh sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menginstitusikan Pengurusan Risiko Operasi (PRO). Lebih 25,000 kakitangan telah menamatkan modul pertama e-pembelajaran tahap PRO. Modul PRO yang lebih tinggi telah dibangunkan khusus untuk pegawai operasi risiko, dan kira-kira 1,000 telah tamat modul ini.

GOL terus mengadakan kerjasama rapat dengan sektor-sektor untuk mempertingkatkan kecemerlangan perkhidmatan dan menggalakkan inovasi di kalangan kakitangan. Pada tahun 2012, GOL bekerjasama dengan Perkhidmatan Kualiti untuk melaksanakan Projek ST*R, satu intervensi pembelajaran berasaskan kecekapan perkhidmatan yang menyeragamkan program latihan khidmat Bank. Kerjasama GOL dengan Strategi dan Transformasi Kumpulan telah membawa kakitangan dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina bersama-sama di bawah Projek Trailblazer, satu program untuk menggalakkan inovasi dan menjana idea untuk pelaksanaan.

Di bawah Skim Bantuan Pendidikan Kakitangan kami yang merangkumi kakitangan kategori perkeranian ke atas, sejumlah RM479,187 telah diberikan pada tahun 2012 kepada kakitangan yang sedang berusaha ke arah Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana, ACCA, CIMA atau lain-lain pensijilan profesional secara separuh masa.



Sesi perbualan waktu sarapan dengan Pengerusi.



Sesi perbualan waktu sarapan dengan PCEO.

PEMBANGUNAN KEPEMIMPINAN

Pemimpin-pemimpin kami terus memainkan peranan penting dalam memacu transformasi. Dalam sesi formal dan tidak formal, mereka berkomunikasi tentang hala tuju Kumpulan dan menetapkan persekitaran dan budaya organisasi yang betul. Pengerusi dan ahli EXCO memimpin siri sesi perbualan, penglibatan perbincangan umum tidak formal, dan Program Wilayah Angkat. Mereka juga mengendalikan Program 'Pemimpin Mengajar Pemimpin', di mana setiap ahli EXCO berkongsi pengetahuan dan pandangan kepimpinan, dua kali setiap bulan, di program Pemimpin Tersohor Maybank (MGL), Kepimpinan Berimpak Tinggi (HIL) dan Kepimpinan Dorongan Prestasi (PDL).

Program kepimpinan utama kami adalah seperti berikut:

Peralihan Pemimpin kepada CEO	Program tiga tahun ini mewujudkan satu kelompok bakat yang boleh memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif/setanding Ketua Pegawai Eksekutif. Ia termasuk modul pembelajaran kelas yang terbaik, penglibatan pasukan teratas, pembangunan pengalaman dan peluang untuk membina rangkaian dengan pemimpin perniagaan dalam program pembangunan di luar negara. Pada masa ini kita mempunyai 73 kakitangan mendaftar dalam program ini. 71% telah ditugaskan semula dengan peranan yang lebih besar atau digerak untuk menerajui fungsi silang dalam tahun lalu.
Siri Guru	Dalam sesi setengah hari untuk pengurus kanan ini, tokoh pengurusan antarabangsa yang terkenal dan pemimpin pemikir berkongsi pandangan mereka mengenai topik-topik yang menjejaskan industri perkhidmatan kewangan. Seramai 2,499 kakitangan Maybank menghadiri sekurang-kurangnya salah satu daripada 11 sesi yang diadakan pada tahun 2012. Penceramah yang terkenal pada tahun lepas termasuk Tan Sri Rafidah Aziz, Pasukan Pengurusan Risiko McKinsey, dan pakar celik mental terkenal, Tony Buzan.
Program Keberkesanan Pasukan Utama	Program 24 bulan untuk menguatkan keberkesanan peribadi dan pasukan ditawarkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina dan pada tahun 2012 melibatkan lebih 230 pemimpin yang terdiri daripada ahli EXCO dan pasukan kepimpinan mereka.
Program Pengurus Cemerlang Maybank dan Pemimpin Cemerlang Maybank	Kurikulum menyeluruh pengurusan dan kepimpinan ini melibatkan program yang dibangunkan secara dalaman dan sumber luaran yang disampaikan oleh Rakan Pembelajaran, iaitu International Centre For Leadership in Finance (Pusat Kepimpinan Antarabangsa dalam Bidang Kewangan). Seramai 2,741 pengurus mendapat manfaat daripada program-program tahun lepas.
Mentor dan kejurulatihan	Jurulatih dalaman yang berdedikasi dan diperakui sah, menyokong program ubah budaya Kumpulan. Pada tahun 2012, empat Jurulatih Kepimpinan Eksekutif sepenuh masa mengendalikan lebih 750 sesi latihan untuk 150 orang pengurus Maybank. Mereka juga melaksanakan 30 Program Penglibatan Pasukan dan Kepimpinan untuk lebih 100 pemimpin. Program mentor kami melibatkan lebih 450 kakitangan sama ada mentor atau kakitangan yang dibimbing. Seramai 85% daripada peserta sama ada telah mengekalkan atau memperbaiki tahap prestasi mereka.

MEMUPUK BAKAT

Rangka Kerja Pengurusan Bakat (TM) bersepadu baru kami dilancarkan pada tahun 2009 telah menjadi satu disiplin dan kini membuahkan hasil. Ia menyediakan pandangan menyeluruh mengenai kemahiran, pencapaian dan aspirasi kerjaya kakitangan, membolehkan prestasi lebih bermakna dan ulasan kerjaya. Ini membantu kami dengan cepat mengenal pasti individu terbaik yang layak untuk jawatan yang dikehendaki.

Modul TM yang dilaksanakan di rantau ini pada tahun 2011, mengkaji bakat berdasarkan bukan sahaja kepada penilaian mereka, tetapi juga pada kesediaan mereka untuk berkembang. Kami mewujudkan forum yang berbeza untuk mengkaji bakat kami melalui platform kajian bakat pelbagai peringkat, iaitu Kajian Bakat Sektor, Kajian Bakat Negara dan Kajian Bakat Kumpulan serta mengenal pasti bakat di seluruh Kumpulan untuk memastikan bahawa kami dapat mengenal pasti kakitangan yang tepat untuk peranan atau pekerjaan yang betul. Pada tahun 2012, pertukaran antara sektor meningkat daripada 9% kepada 16%. Kami menggalakkan kakitangan untuk bekerja di mana-mana, dan kami melihat 54 petugas antarabangsa bergerak dari pangkalan mereka, dengan 16 lagi dalam perancangan untuk tugas merentasi sempadan.

Falsafah kami memupuk bakat dalaman bermakna bahawa kami bertujuan untuk mengisi kebanyakan kekosongan jawatan dengan kakitangan yang sedia ada. Semua kekosongan mulanya diumumkan secara dalaman. Pada tahun 2012, sebanyak 70% daripada kekosongan jawatan pengurusan kanan dan 71% daripada eksekutif telah dipenuhi oleh pemohon dalaman.

Kami menghargai kedudukan kami sebagai majikan pilihan bagi pencari kerja golongan muda. Untuk menarik Generasi Y, kami menekankan komitmen kami untuk membangunkan bakat muda, membenarkan mereka mengawal kerjaya mereka, dan memberi ganjaran yang kompetitif. Kita mengambil hampir 3,000 graduan untuk kerja setiap tahun.

Kami bertemu bakat muda secara bersemuka di pameran kerjaya antarabangsa dan tempatan serta di pameran bergerak, membolehkan kami menawarkan pekerjaan kepada calon-calon yang terbaik di rantau ini. Pada tahun 2012, usaha pengambilan kami menjangkau Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Kemboja dan Hong Kong melalui Cabaran GO Ahead Maybank. Cabaran ini menarik minat lebih 1,000 pemohon, dan 30 peserta akhir bertanding untuk hadiah-hadiah berjumlah AS\$45,000. Cabaran yang unik ini telah dibangunkan secara dalaman oleh Perantis Global Maybank yang sedia ada untuk GMAPs (Program Perantis Global Maybank) masa depan.

Kami juga telah mempertingkatkan program biasiswa kami untuk menyediakan tajaan penuh bagi pengajian asas yang berkaitan dengan universiti-universiti terkemuka tempatan dan luar negara. Pada masa ini, kami mempunyai 30 penerima biasiswa yang belajar di institusi tempatan dan 42 di universiti-universiti di luar negara.

MENGALAKKAN KESUKARELAWANAN KAKITANGAN

Warga Maybank terus memperlihatkan rasa kebanggaan dan mengukuhkan misi menginsankan operasi kami dalam komuniti di mana kami berkhidmat dengan melaksanakan inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR) yang mampan.

Warga Maybank telah menyatakan penghargaan mereka menjadi sebahagian daripada organisasi yang memberikan perhatian terhadap CR. Mereka benar-benar bersemangat untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan di bawah sepanduk Cahaya Kasih (CK). Inisiatif sejagat ini menggalakkan projek jangka panjang melalui Cabaran CK, yang ditaja oleh Yayasan Maybank dengan para pekerja mengemukakan cadangan melibatkan inisiatif yang ketara dan berterusan bagi membantu kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya dan alam sekitar.

Hari Global CR Tahunan Ketiga Maybank pada 22 September 2012, menyaksikan lebih 21,000 warga Maybank di seluruh dunia berganding bahu untuk menjalankan lebih 100 projek perkhidmatan awam di 15 buah negara.

Ramai lagi warga Maybank juga meluangkan masa mereka sebagai duta jenama kami di acara-acara khas seperti Sambutan Hari Merdeka Malaysia, Hari Buruh, Maulidur Rasul, Maal Hijrah dan lain-lain.

MEMUPUK KESEJAHTERAAN

Pasukan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan kami mengendalikan audit secara berkala, bagi memastikan langkah-langkah kesihatan dan keselamatan diadakan untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan kakitangan kami.

Kami menganjurkan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan kesejahteraan fizikal dan emosi serta gaya hidup sihat. Pada tahun 2012, kakitangan menghadiri Program Menunggang Cara Selamat dan Gaya Memandu Efektif, Simulasi Latihan Bencana, Kempen Derma Darah, Latihan Bantuan Kecemasan, Penilaian Ergonomik, Bengkel Keibubapaan Positif, Program Kecergasan dan Penurunan Berat Badan, Karnival Gaya Hidup Sihat, dan ceramah kesihatan bulanan secara tetap.

Maybank juga menggalakkan kakitangan untuk mengambil bahagian dalam sukan seperti pertandingan Antara-Bank – permainan luaran dan dalaman, Liga Bolasepak KL dan Liga Hoki Malaysia. Lebih 300 pelari mewakili Kumpulan Maybank di Marathon BII-Maybank 2012 dan di KL Rat Race.

Aktiviti sukan tahunan kami sendiri, iaitu Karnival Sukan Maybank dan Permainan Dalaman, memupuk perpaduan di seluruh Kumpulan. Karnival Sukan Maybank melibatkan lebih 2,000 warga Maybank dan 18 pasukan dari Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina, semua bertanding dalam 14 permainan luar.

MEMPROMOSIKAN PELUANG SAMA RATA

Maybank menyediakan peluang-peluang pekerjaan sama rata, sama ada bagi pengambilan, kenaikan pangkat, pertukaran atau pembangunan, dengan prinsip-prinsip asas berdasarkan meritokrasi dan keadilan. Tenaga kerja Maybank (tidak termasuk Maybank Kim Eng dan BII Kewangan) merangkumi umur 18-62. Purata umur kumpulan ialah 30-35. Nisbah lelaki kami kepada wanita hampir sama, dengan wanita merupakan 54% daripada jumlah keseluruhan pada bulan Disember 2012.



Karnival Sukan Maybank.



Lebih 21,000 warga Maybank telah mengambil bahagian pada hari CR Global, menunjukkan keprihatinan kepada komuniti.

Bilangan Kakitangan: 47,233

Pengurusan Kanan	2%
Pengurusan Tengah	12%
Eksekutif	48%
Bukan Eksekutif	38%
Purata umur tenaga kerja berusia	34.55 tahun
Purata tempoh bekerja	8 tahun

Setakat bulan Disember 2012, nisbah lelaki berbanding wanita dalam pengurusan kanan dan pertengahan adalah seperti berikut:

Tahap Kerja	Jantina Perwakilan: % Perempuan (tidak termasuk Maybank Kim Eng dan BII Finance)	Jantina Perwakilan: % Perempuan (tidak termasuk Maybank Kim Eng dan BII Finance)
	Dis 2011	Dis 2012
Pengurusan Kanan	29%	31%
Pengurusan Tengah	42%	43%



Berada dekat dengan komuniti.

PERKHIDMATAN TRANSFORMASI PERUSAHAAN

Perkhidmatan Transformasi Perusahaan (ETS) adalah asas dalam Kumpulan, menyediakan yang terbaik dalam perkhidmatan kepada pelanggan dalaman dan menyediakan platform yang berbeza untuk pelanggan luar. Aspirasi kami adalah untuk sentiasa memberikan peningkatan momentum sebagai penggerak Kumpulan untuk mencapai kelebihan daya saing yang mampan melalui Teknologi, Operasi dan Perkhidmatan Cemerlang.



“Tumpuan utama kami adalah menyokong perniagaan dalam mencapai aspirasi pertumbuhan serantau dengan teknologi maju terpadu, masa pemprosesan operasi yang lebih baik dan kecemerlangan perkhidmatan dengan kos yang berkesan.”

GEOFF STECYK

Ketua Perkhidmatan Transformasi Perusahaan

TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT)

Teknologi Maklumat terus menumpukan kepada membina keupayaan serantau yang dapat membantu Kumpulan Maybank untuk mencapai aspirasi serantaunya. Program Transformasi IT Maybank (ITTP) terus mencatatkan momentum apabila kami memasuki tahun ketiga dalam pelan perancangan lima tahun untuk mencapai kelebihan daya saing yang fleksibel, bersepadu, berdaya saing melalui teknologi maklumat bagi membolehkan perniagaan mencapai aspirasi mereka. Platform baru ini melibatkan sistem, proses dan kawalan perubahan yang menyatukan unit perniagaan di seluruh sektor dan di seluruh negara di mana Maybank beroperasi.

Pada tahun kewangan 2012, IT terus menumpukan kepada teknologi yang menyokong kegiatan keserantauannya. Kami melancarkan perbankan Internet (M2U) di Kemboja, Vietnam dan Papua New Guinea. Sistem Perbendaharaan Serantau baru kami adalah satu sistem yang menyeluruh, fleksibel dan peka yang dibina di atas platform pelayan maya dan pangkalan data yang disatukan. Kami memperkenalkan sistem perdagangan mudah alih terdiri daripada Amanah Saham Bumiputera dan iCustody, menggantikan sistem sokongan yang sudah usang.

TradeConnex adalah platform pembiayaan perdagangan serantau Maybank baru yang menyediakan pelaksanaan perkhidmatan yang cepat dan canggih. Ia berasaskan laman sesawang untuk memastikan akses, mobiliti dan kemudahan buat pelanggan. Ia juga memaparkan maklumat terkini

pasaran, e-aplikasi dan perhubungan dengan pasukan pakar pembiayaan perdagangan Bank “di hujung jari pelanggan”. Dalam TK2012, TradeConnex telah dilaksanakan secara berperingkat di Kemboja, Hong Kong, Shanghai, Filipina, Singapura dan Indonesia.

Kami juga merupakan sebahagian daripada Maybank One Solution, yang direka untuk membangunkan inisiatif dan kaedah perbankan yang lebih mudah. Kami telah mencipta satu produk kewangan bersepadu “7-dalam-1” yang digabungkan dengan kelulusan yang cepat dan pengaktifan dalam masa sepuluh minit. Satu terminal pintar 3-dalam-1 menggabungkan pad e-tandatangan, pad PIN dan alat bacaan MyKad yang mengimbas butiran pengenalan pelanggan terus ke dalam sistem.

Program Transformasi IT (ITTP)

ITTP merupakan inisiatif transformasi bermula pada bulan Julai 2010 bagi menyediakan kemajuan teknologi untuk menyokong perniagaan serantau Kumpulan.

Perniagaan dan IT bekerjasama untuk membangunkan kelebihan asas kami: Tiga keupayaan teras memberi Maybank kelebihan untuk mengatasi pesaingnya dan menyediakan pengalaman pelanggan yang unggul:

1. Jualan dan Perkhidmatan Pelbagai Saluran – Produk dan perkhidmatan yang konsisten merentasi semua saluran.
2. Analisis Pelanggan Bersepadu – Kemudahan analisis masa sebenar yang hebat tentang apa yang dikehendaki pelanggan.

- Kebolehan untuk cepat memperkenalkan produk – Pengkhususan pembangunan produk dan pelaksanaan.

Dalam TK2012, ITTP menumpukan kepada pelaksanaan dua inisiatif strategik iaitu Penyelesaian Cawangan Serantau (RBS), yang sebelum ini dikenali sebagai Cawangan Barisan Hadapan dan Sistem Pengurusan Tunai Serantau (RCMS).

RBS menawarkan perkhidmatan pelanggan yang konsisten, kecekapan pemprosesan yang tinggi, mobiliti, dan keseragaman platform juruwang di seluruh rantau ini. Pelanggan akan melalui pengalaman urus niaga tanpa kertas, pengenalan pelanggan yang berkesan, dan tiada halangan mengunjungi mana-mana cawangan – dalam lain perkataan, mengurangkan masa menunggu dan proses di kaunter. RBS berjaya diaktifkan di cawangan terpilih pada TK2012; pelaksanaan di seluruh negara dijadualkan pada suku kedua 2013.

RCMS menawarkan pelanggan korporat dengan keupayaan mengawal mudah tunai, dengan Maybank2E sebagai kemudahan gerbang ke platform urus niaga perbankan tunggal di seluruh ASEAN dan Wilayah Besar China. Platform ini menggabungkan kemudahan penggunaan dengan data masa sebenar menyeluruh. Ia adalah sistem merentas sempadan dengan akses terjamin kepada kedudukan mudah tunai, pengurusan pembayaran dan penerimaan serta pilihan enam bahasa. Kemudahan perbankan mudah alih menawarkan akses kepada maklumat akaun dan kebenaran arahan pembayaran melalui peranti mudah alih. Aplikasi ini tersedia untuk peranti Apple dan Android serta semakin mudah alih. RCMS telah berjaya dilaksanakan di Singapura dan Malaysia. Pelaksanaan Fasa 3 ke Filipina, Indonesia dan Wilayah Besar China sedang berlangsung.

Projek Gudang Data Perusahaan Serantau (REDW) bermula pada November 2012. Sistem yang menawarkan sumber tunggal untuk data Bank, mampu meningkatkan kepantasan dan ketepatan laporan.

Dua platform asas telah dilaksanakan pada 2012, iaitu Infrastruktur Pelayan Kemayaan dan Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (EDMS). Penyatuan infrastruktur dan penambahbaikan rangkaian telah disiapkan untuk memastikan penggunaan sistem dioptimumkan.

Platform EDMS menguruskan dokumen penting Bank dengan berkesan. EDMS membentuk asas bagi organisasi tanpa kertas. Ia menyeragamkan sistem pengurusan kandungan seluruh unit serantau dan unit berfungsi Maybank yang akan memudahkan pemprosesan langsung dan menguatkuasakan peraturan perniagaan dengan konsisten dan menambahbaik pemprosesan. Pelancaran EDMS bermula pada bulan Julai 2012.

Pengiktirafan

Inisiatif IT kami telah menerima dua anugerah pada Anugerah Kepimpinan ICT Tahunan 2012, yang dianjurkan oleh Persatuan Kepimpinan ICT Kebangsaan Malaysia (PIKOM). Encik Tan Kok Meng memenangi Anugerah Ketua Pegawai Maklumat (CIO) 2012, dan analitik kewangan bersepadu kami bertajuk 'Kejelasan, Penyelarasan Strategi dan Penyatuan Maklumat Projek' memperoleh Anugerah Pertubuhan ICT Tahunan.



OPERASI

Bahagian Operasi merupakan unit pemprosesan sokongan pejabat untuk operasi cawangan, sokongan operasi terminal layan diri, sistem pengurusan cagaran, pentadbiran kredit pemindahan aliran dana keluar dan masuk, dan pusat pemprosesan perdagangan.

Bank sentiasa berupaya mengatasi penanda aras industri dalam operasi ATM dan CDM. Sekali lagi, Bank telah mencapai 98.74% kelangsungan masa operasi ATM pada tahun 2012, satu peningkatan daripada 98.6% pada tahun 2011, manakala CDM kami menikmati 96.25% kelangsungan masa operasi berbanding 95.46% tahun sebelumnya. Pasukan ATM kami melancarkan Penukar Mata Wang Dinamik untuk MasterCard, membolehkan pelanggan untuk melihat urus niaga dalam mata wang tempatan mereka apabila menggunakan mesin ATM.


Pada tahun 2012, Transformasi Operasi menumpukan kepada dua bidang: Pentadbiran Kredit dan Pusat Operasi Perdagangan (TOC). Matlamat transformasi Pentadbiran Kredit adalah untuk meningkatkan kecekapan: meringkaskan proses, mengurangkan pertindihan, masa pemprosesan yang lebih baik, kadar pemprosesan terus-telus di setiap pusat, dan kadar kesilapan yang lebih rendah oleh pasukan jualan dan peguamcara.

TOC telah berkembang di rantau ini sejak tahun 2011, menjadi pusat pemprosesan aplikasi perdagangan untuk unit luar negara kami di Filipina, Brunei, Vietnam, Shanghai, dan Kemboja. Dengan memusatkan fungsi pentadbiran di TOC, di mana kakitangan bertauliah mengendalikan semakan dokumen, Pusat Pembiayaan Perdagangan kami boleh memberi tumpuan untuk memacu jualan dan pendapatan bagi Bank.

Sistem Pengurusan Cagaran Kumpulan (GCMS) adalah pusat aplikasi yang menyediakan rangka kerja bagi memenuhi garis panduan Pematuhan Risiko Basel II - keperluan operasi dan pantauan khusus bagi teknik-teknik pengurangan risiko kredit. GCMS adalah satu sistem automatik untuk penilaian semula cagaran khusus yang layak, dan ia menempatkan satu sumber data cagaran untuk laporan pengawalseliaan.

Pada 2012, kami melancarkan Sistem Pemprosesan Penjelasan Wang Masuk, yang menggantikan Sistem Tawanan Dalam Talian yang sedia ada (OLCS) dan Sistem Bayar Imej Positif (IPP) dengan satu aplikasi berasaskan laman sesawang tunggal. Inisiatif baru ini membolehkan kakitangan cawangan menyiapkan proses pengesahan serta merta, sekaligus mengurangkan masa menunggu pelanggan.

PRESTASI KELANGSUNGAN ATM & CDM



Pengiktirafan

Operasi mencapai anugerah dan penghargaan berikut pada tahun 2012:

- Asian Banking & Finance: Bank Teknologi Domestik & Operasi Malaysia 2012
- Bank Negara Malaysia (BNM): Bank pertama di Malaysia yang menerajui rangka kerja kitar semula baru BNM
- J.P Morgan: Anugerah Pengiktirafan Kualiti Kecemerlangan Operasi
- BNY Mellon: Anugerah Kecemerlangan STP Operasi dalam Dolar AS
- Financial Mediation Bureau: Penghargaan terhadap 100% Penyelesaian Kes Pelanggan

KUALITI PERKHIDMATAN

Kualiti Perkhidmatan (SQ) bertujuan untuk memacu bank ke arah menyediakan pengalaman pelanggan kelas tertinggi. Pada tahun 2012, SQ, dengan Jawatankuasa Kualiti Perkhidmatan yang ditubuhkan baru-baru ini, menerajui satu rangkaian inisiatif transformasi, projek dan kempen untuk mendorong perkhidmatan yang konsisten dan menunaikan janji jenama untuk pelanggan kami. Ini bermakna memupuk hati, minda dan tingkah laku.

MENINGKATKAN PENGURUSAN ADUAN

Kajian yang dijalankan sebelum ini telah menunjukkan bahawa pelanggan tidak berpuas hati dengan penyelesaian masalah kami. Untuk meningkatkan keseluruhan penyelesaian masalah, pada bulan Julai 2012 kami telah melancarkan Projek “Libatkan Diri dan Menyusuli Terus” (GIFT). Semua aduan kini diuruskan secara berpusat di Pengurusan Maklum Balas & Resolusi Pelanggan (CFRM) untuk memastikan penyelesaian segera bagi pelanggan. Dengan pelaksanaan Projek GIFT, aduan yang diterima menerusi pelbagai titik sentuh didaftarkan ke dalam sistem berpusat. Ini membolehkan CFRM untuk tidak berhenti memberi tumpuan pada penyelesaian aduan, sambil memastikan bahawa pelanggan diberikan maklumat terkini dari awal hingga akhir.

Sejak bulan Ogos hingga Disember 2012, CFRM menambah baik prestasi Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) hampir 10% walaupun terdapat peningkatan 7% dalam jumlah purata aduan.

Adakah anda mempunyai aduan perkhidmatan yang belum diselesaikan baru-baru ini?

GIFT Beritahukan kami mengenainya!

Hubungi kami di 03-20748075 atau emel kami di at cfrm@maybank.com.my

- **GIFT (Libatkan Diri dan Menyusuli Terus) adalah satu rangkaian untuk pengurusan aduan.**
- **Pengurusan Maklum Balas & Resolusi Pelanggan (CFRM) adalah jabatan berpusat untuk menguruskan aduan pelanggan.**

Meningkatkan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia

Maybank

Satu Kajian Telefon dalaman terhadap Kepuasan Pelanggan untuk mengukur tahap purata kepuasan dalam pengendalian aduan kami menunjukkan aliran positif bagi suku terakhir tahun 2012 dengan peningkatan konsisten 5.33% dalam kepuasan. Ini membuktikan bahawa kami berada pada landasan yang betul, tetapi juga menunjukkan bahawa terdapat banyak lagi yang boleh kami lakukan untuk mempertingkatkan perkhidmatan pelanggan.



Cabaran Harry Potter Peringkat Akhir TK2012

MENINGKATKAN PENGETAHUAN PRODUK KAKITANGAN BARISAN HADAPAN

SQ, dengan kerjasama Kumpulan Pembelajaran Organisasi, Pengurusan Cawangan, Pengagihan Komuniti dan 11 pemilik Produk Teras, telah memulakan inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan produk di kalangan kakitangan barisan hadapan. Dikenali sebagai “Projek Harry Potter” (PHP), bertujuan untuk mendalami pengetahuan operasi dan produk teras di kalangan kakitangan barisan hadapan untuk mempersiapkan mereka menjawab pertanyaan dan menyelesaikan aduan terutamanya di bahagian yang mempunyai kesan besar ke atas tahap kepuasan keseluruhan pelanggan kami.

Untuk meningkatkan pembelajaran dan mengukur keberkesanan, kami menganjurkan penilaian operasi dan produk – termasuk siri pertandingan mini - yang melibatkan 13,797 kakitangan barisan hadapan di seluruh negara. Selain mempromosikan budaya berasaskan pengetahuan, pertandingan membantu membuat pembelajaran lebih menyeronokkan.

MENINGKATKAN HUBUNGAN PELANGGAN LUAR

Pada bulan Julai 2012, SQ bekerjasama dengan Sektor dan Jabatan di Menara Maybank dan Dataran Maybank untuk melancarkan “Kempen 555” (C555) – satu inisiatif untuk meningkatkan penglibatan dengan pelanggan luaran. Bilangan 555 berasal dari visi kami untuk disenaraikan sebagai salah satu daripada lima bank tempatan teratas di Malaysia serta aspirasi bank untuk mencapai skor 55% di dalam Kajian Penglibatan Pelanggan Luaran (ECES).

Kempen ini menggalakkan semangat berpasukan, kepercayaan dan kerjasama dalam melayani pelanggan-pelanggan dalaman dan luaran lebih baik selari dengan kempen “H.E.A.R.T.” (Bersopan, Kecekapan, Penghargaan, Hormat dan Amanah).

Sementara itu, sebagai sebahagian daripada Program Pengiktirafan Kecemerlangan Perkhidmatan, kami telah memperkenalkan e-555 sebagai satu platform dalam talian untuk mengiktiraf kakitangan Maybank yang menunjukkan nilai-nilai teras kami melalui kerja berpasukan dan membina hubungan dengan rakan sekerja. Setakat ini, kami telah menerima lebih 5,900 mesej penghargaan.

Kakitangan Maybank yang telah diiktiraf sebagai model contoh melalui kempen C555, juga telah memenangi tempat di “Wall of Fame”. Senyuman mesra dan bangga mereka akan memberi inspirasi kepada rakan-rakan untuk mencontohi kecemerlangan dan kecekapan mereka.

Indeks Kajian Penglibatan Pelanggan Luar (ECES) - Perbankan Am (GB) 2008-2012

Berdasarkan ECES 2012, pelanggan semakin berpuas hati dengan perkhidmatan Maybank dan bersedia untuk terus bersama dan mengesyorkan kami kepada pihak lain. Kejayaan ini boleh dilihat melalui peningkatan indeks ECES sebanyak 2% kepada 48.3%. Ini juga menunjukkan kami bergerak ke arah yang betul tetapi kami masih perlu berusaha lebih gigih untuk memenuhi skor sasaran kepuasan pelanggan kami sebanyak 55%.


Berbanding dengan pesaing-pesaing kami, kedudukan ECES kami meningkat dengan sangat baik. Kami telah mengurangkan jurang daripada 20% pada bulan Jun 2011 kepada 4.86% pada tahun 2012, menunjukkan bahawa kami lebih hampir mencapai matlamat kami.

ECES Seluruh Bank adalah petunjuk tahap penting kepuasan pelanggan terhadap saluran penyampaian utama kami dan pelanggan secara umumnya berpuas hati dengan saluran penyampaian utama kami seperti Terminal Layan Diri, Cawangan, Perbankan Dalam Talian (laman web M2U) dan Perbankan Perniagaan.

MENINGKATKAN PURATA MASA MENUNGGU DI CAWANGAN

Sejajar dengan pendekatan yang mengutamakan pelanggan kami, kami telah melancarkan inisiatif yang dinamakan “Projek Narnia” pada tahun 2011 untuk meningkatkan ‘Purata Masa Menunggu (AWT) di cawangan kami. Tujuannya adalah untuk sentiasa memastikan bahawa pelanggan tidak perlu menunggu lebih dua minit untuk urus niaga tunggal atau lima minit untuk pelbagai urus niaga. Inisiatif ini telah menyaksikan peningkatan 30% dalam AWT, walaupun baru dilancarkan kira-kira setahun.

KESELURUHAN INDEKS PENGLIBATAN PELANGGAN LUAR KUMPULAN MAYBANK



Mewujudkan perbezaan dalam komuniti yang kami sertai

Dalam mencapai matlamat kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan, kakitangan Maybank giat berusaha untuk membantu membentuk masa hadapan yang lebih cerah bagi komuniti Asia.

Menerusi pelbagai inisiatif sosial dan program sukarelawan kakitangan yang aktif, kami percaya kami mampu mewujudkan hari esok yang mampan untuk setiap insan.



TANGGUNGJAWAB

korporat

Asas komitmen kami terhadap tanggungjawab korporat adalah ikrar kami untuk mendukung taraf etika dan kewarganegaraan tertinggi. Nilai-nilai teras kami diterap di seluruh organisasi dan dicerminkan melalui dasar-dasar dan proses tanggungjawab korporat.

Strategi kemampunan dan pendekatan kami adalah bergantung kepada penglibatan kami secara berterusan dengan pihak-pihak berkepentingan yang seterusnya memacu tanda aras kecemerlangan yang baharu. Selepas bertahun-tahun, komitmen terhadap kemampunan telah membolehkan kami memberikan pulangan hebat kepada pemegang saham, membina kepelbagaian dalam tenaga kerja, kecemerlangan perkhidmatan pelanggan dan menyumbang kepada komuniti.

Elemen penting dalam strategi kemampunan kami adalah penubuhan Yayasan Maybank pada tahun 2010. Falsafah Yayasan Maybank adalah melibatkan diri dengan komuniti dan membantu mereka membangunkan penyelesaian yang lebih mampan kepada isu-isu yang mereka hadapi. Komitmen kami untuk berkhidmat kepada komuniti ditunjukkan melalui pelbagai inisiatif tanggungjawab korporat (CR) kami dan usaha kesukarelawanan, baik kecil atau besar, di seluruh rantau ini. Falsafah ini adalah bukan baharu. Ia seiring dengan sejarah kami, dan menjadi kaedah yang selalu kami lakukan dalam menjalankan perniagaan.

PELAPORAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

INI MERUPAKAN TAHUN KETIGA, KITA MENERBITKAN LAPORAN KEMAMPUNAN SECARA BERINGAN. LAPORAN ITU MEMBOLEHKAN KAMI BERKONGSI MAKLUMAT TENTANG KOMITMEN KEMAMPUNAN DAN KEMAJUAN KAMI DALAM MEMENUHI KOMITMEN TERSEBUT. IA JUGA MEMBANTU KAMI MEMAHAMI JEJAK SOSIAL, ALAM SEKITAR DAN KOMUNITI KAMI. KAMI KEMUDIAN AKAN DAPAT MENGAJI IMPAKNYA DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH MENANGANINYA SERTA MEMACU INOVASI.



Pelajar-pelajar dari Sekolah Dasar Negeri Duri Pulo 1-7, Roxy Jakarta tekun mendengar cerita daripada seorang pekerja BII sambil diperhatikan oleh Dato Khairussaleh Ramli

RM22.7 juta

TELAH DILULUSKAN OLEH YAYASAN MAYBANK
UNTUK PROGRAM CR

LEBIH 178,000 JUMLAH JAM UNTUK KERJA
SUKARELAWAN

PENGLIBATAN LEBIH 21,000 SUKARELAWAN



KOMUNITI

Pendidikan

Tumpuan utama inisiatif komuniti kami adalah bidang pendidikan. Selain membantu menaikkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah luar bandar, kami juga menyediakan biasiswa kepada rakyat Malaysia yang layak dan menawarkan mereka pekerjaan di dalam Kumpulan Maybank selepas tamat pengajian. Di samping itu, Maybank menyediakan bantuan kewangan kepada rumah-rumah dan organisasi-organisasi yang menjaga kebajikan dan melindungi golongan kurang bernasib baik.

Program Biasiswa Yayasan Maybank

Kami percaya bahawa tiada seorang individu pun yang harus dinafikan untuk mendapat pendidikan berkualiti hanya semata-mata disebabkan oleh kekangan kewangan. Setiap individu harus diberi peluang untuk mengetahui sejauh mana potensi diri sendiri. Maybank telah menganugerahkan biasiswa kepada pelajar yang layak sejak tahun 1972. Pemegang biasiswa kami diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan serta institut luar negara yang terpilih.

Pada tahun ini, Yayasan Maybank mengembangkan program biasiswa tempatan dan luar negara untuk turut melibatkan peringkat pra-universiti. Seramai empat puluh satu pelajar mendapat manfaat ini pada tahun 2012.

Kami bukan hanya menyediakan biasiswa penuh, malah kami juga menyediakan lebih banyak program pembelajaran dan pembangunan melalui latihan dalam Maybank dan Program Mentor untuk memupuk bakat profesional dan pembangunan peribadi. Ini mewujudkan pendekatan yang holistik bagi memastikan bahawa individu yang bijak dapat memenuhi potensi mereka.

Menggalakkan Kecemerlangan Pendidikan di Sekolah Luar Bandar (PEERS)

Yayasan Maybank telah menyokong Yayasan PINTAR dengan menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Ara dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Duri sebagai sekolah angkat pada tahun 2007. Kedua-dua sekolah ini terletak di Pulau Pinang. Sejak itu, program sekolah angkat kami telah berkembang, dan sehingga kini, Yayasan Maybank mempunyai 14 sekolah di bawah program sekolah angkat rasmi, PEERS.

*Penerima biasiswa Maybank yang baru
diiktiraf beramah mesra dengan Dato' Sri
Abdul Wahid Omar*

Sebagai salah satu inisiatif pendidikan kita, program PEERS membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar, meningkatkan penglibatan ibu bapa, dan juga persekitaran pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar.

Kami sedar bahawa persekitaran pendidikan adalah penting bukan sahaja untuk perkembangan intelek tetapi juga untuk pembangunan diri. Matlamat kami adalah meningkatkan kebajikan pelajar dan memberi motivasi kepada pelajar supaya melihat aktiviti-aktiviti pendidikan dan ko-kurikulum sebagai cara untuk memperbaiki keadaan diri mereka.

Penglibatan kami tidak terhad kepada penyediaan bantuan kewangan sahaja. Matlamat kami juga adalah menyediakan pelajar-pelajar dengan asas yang terbaik bagi masa depan mereka. Tiga objektif utama kami adalah menyediakan guru dan pelajar dengan kemahiran Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dengan ketara dalam kalangan pelajar luar bandar dan mewujudkan persekitaran ke arah kecemerlangan tetapi berdaya saing yang meraikan pencapaian akademik dengan menyediakan sistem ganjaran untuk kecemerlangan itu.

Dalam masa tiga tahun, kami menjangkakan sekolah angkat kami akan mengalami peningkatan secara keseluruhan dalam kadar kelulusan UPSR, dalam kaedah pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan juga kadar kehadiran pelajar. Objektif utama kami adalah menggalakkan kemampanan melalui pembinaan keupayaan tempatan dalam melatih guru dan mengekalkan pembangunan profesional dengan memperkasakan peserta program dengan sumber-sumber dan peluang ke arah penambahbaikan berterusan dalam bidang kepakaran mereka.



Pelajar-pelajar dan guru-guru dari Johor melawat Legoland Malaysia



Program Celik Kewangan Yayasan Maybank

Kami terus mendokong program celik kewangan yang membantu golongan muda di Malaysia menghadapi cabaran kewangan yang menanti mereka.

Dalam usaha untuk memacu pembangunan ekonomi Malaysia, pertama sekali kita perlu melengkapkan belia dengan sikap lebih bertanggungjawab terhadap kewangan peribadi. Dengan bantuan rakan kongsi projek kami, Money Tree (M) Sdn Bhd, sekolah angkat kami telah diberi pendedahan melalui beberapa bengkel pendidikan kewangan yang diperakui oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bagi tahun 2013, Yayasan Maybank berazam meluaskan sempadan pembelajaran dengan memperkenalkan siri animasi televisyen pendidikan bertajuk CashVille Kidz. Siri ini akan mengajar kanak-kanak sekolah mengenai tabiat perbelanjaan yang baik dan kemahiran dalam pengurusan kewangan.

Program Biasiswa BII Maybank

Dilancarkan pada bulan November 2012, Program Biasiswa BII-Maybank bertujuan memberikan peluang melanjutkan pengajian tinggi kepada pelajar layak daripada keluarga yang kurang bernasib baik dalam 33 wilayah di Indonesia. Pelajar yang terpilih diberi peluang untuk belajar di universiti terpilih terkemuka di Indonesia, Malaysia dan Singapura yang termasuk Universiti Indonesia, Universiti Gadjah Mada, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, National University of Singapore dan Universiti Teknologi Nanyang.

Jumlah dana biasiswa ini dianggarkan Rp 10 bilion meliputi yuran pengajian pelajar, kos sara hidup (penginapan dan pengangkutan), komputer riba, buku, Internet dan insurans kesihatan. BII telah mengurniakan biasiswa kepada individu muda yang layak sejak tahun 2008, di mana lebih 170 pelajar telah mendapat manfaat. Komitmen BII untuk menyokong pembangunan pendidikan generasi muda Indonesia adalah atas kepercayaan bersama bahawa pengajian tinggi adalah kunci kepada pembangunan diri dan memperkasa komuniti.

Memperkasa Komuniti

Program Kepimpinan Masyarakat di Singapura

Di bawah usaha kerjasama Maybank Singapura, Heartware Network dan Kementerian Pendidikan Singapura, program ini meliputi pelajar-pelajar sekolah menengah yang mengalami cabaran akademik di sekolah-sekolah kejiranan.



Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Nik Mohamed Yaacob di pelancaran Pertandingan Esei Kebangsaan bertemakan Membentuk Pemerkasaan Wanita Negara dan Menteri Perlindungan Kanak-kanak, Linda Amalia Sari di pelancaran program BII Berbagi

Matlamat inisiatif ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang cenderung kepada akademik mendapat pencapaian yang lebih baik dalam pelajaran. Apa yang membuatkan ia berbeza daripada program-program pendidikan yang lain ialah penganjur projek berupaya mendapatkan sukarelawan daripada golongan belia yang menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang hebat untuk membantu peserta muda program ini.

Para sukarelawan memperuntukkan kira-kira dua jam seminggu untuk menganjurkan kelas tuisyen percuma untuk pelajar, membantu mereka dengan pelajaran, dan meningkatkan keyakinan diri dan tahap motivasi. Mereka bukan sahaja menyediakan bantuan akademik, malah secara tidak langsung berperanan sebagai mentor kepada kanak-kanak ini dengan memberi sokongan moral dan juga galakan yang amat diperlukan.

Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada kira-kira 100 pelajar yang kurang bernasib baik pada tahun 2012. Bagi tahun 2013, pelajar-pelajar telah mula mendaftar diri dalam program tuisyen.

Dana Keluarga Maybank

Di bawah naungan ini, Maybank Singapura telah memulakan empat program yang memberi manfaat kepada masyarakat Singapura.

Geran Pengangkutan Pergi-ke-Sekolah Maybank bertujuan mengurangkan beban kewangan keluarga berpendapatan rendah. Sekolah-sekolah telah melaporkan sebilangan pelajar terpaksa ponteng sekolah kerana keluarga mereka tidak mampu untuk membayar kos pengangkutan. Enam puluh lima pelajar telah dianugerahkan geran ini pada tahun 2012, yang membolehkan mereka hadir ke sekolah tanpa perlu bimbang lagi tentang kesempitan kewangan dialami keluarga mereka.



Menteri Pembangunan Wanita dan Perlindungan Kanak-kanak, Linda Amalia Sari di perasmian program BII Berbagi

Maybank Singapura mengenalpasti bahawa keluarga berpendapatan rendah biasanya mempunyai simpanan yang sangat sedikit kerana pendapatan mereka terhad dan kurang daya pengurusan kewangan. Melalui Program C.A.S.H. Up, simpanan keluarga-keluarga terpilih akan ditingkatkan secara padanan untuk membantu mempercepatkan rizab kewangan mereka dan menggalakkan mereka untuk mengamalkan tabiat menyimpan wang. Peserta juga dikehendaki menghadiri kursus pengurusan wang selama sembilan bulan untuk membantu meningkatkan kadar celik kewangan mereka.

Skim Perlindungan Pencari Nafkah mensasarkan isu pencari nafkah daripada keluarga kurang bernasib baik yang ketiadaan perlindungan insurans mencukupi, sedangkan mereka lebih berkemungkinan terlibat dalam pekerjaan berisiko tinggi. Inisiatif ini menyediakan insurans kemalangan peribadi percuma sehingga lima tahun bagi penduduk golongan bekerja yang kurang bernasib baik.

Projek "Let's SWITCH! with Maybank" adalah satu lagi Inisiatif CR Maybank Singapura yang memberi tumpuan kepada isu pemuliharaan alam sekitar. Program ini menyediakan lampu mentol jimat tenaga percuma untuk keluarga berpendapatan rendah yang membolehkan mereka mengurangkan penggunaan tenaga dan membantu mengurangkan bil-bil utiliti mereka. Dalam tempoh sembilan bulan, program ini telah meliputi 2,505 isi rumah. Sasaran yang ditetapkan adalah 4,000 buah rumah menjelang akhir tahun 2014.

BII Berbagi: Memperkasakan Wanita melalui Pembiayaan Mikro

Sempena sambutan ulang tahun ke-53, PT Bank Internasional Indonesia TBK (BII) memulakan program BII Berbagi yang bertujuan memperkasakan wanita yang kurang bernasib baik dengan menyediakan perkhidmatan pembiayaan mikro.

Dengan sokongan Yayasan Maybank, BII menawarkan dana pusingan sebanyak Rp1 bilion kepada Yayasan Mitra Dhuafa (Yamida) di mana Yamida, melalui koperasi Mitra Dhuafa (Komida) akan memanjangkan bantuan kewangan kepada 1,250 orang wanita dalam tiga kawasan sasaran: Jonggol (Jawa Barat), Sragen (Jawa Tengah) dan Kulon Progo (Yogyakarta). Para wanita di kawasan ini digalakkan untuk membangunkan perniagaan mikro seperti pengeluaran kraftangan, pertanian dan ubat-ubatan tradisional. KOMIDA juga menyediakan pelajaran mingguan mengenai pemantauan kewangan, simpanan dan pengurusan pinjaman untuk penerima manfaat. Program ini distruktur sehingga setiap penerima dikehendaki untuk menghadiri latihan selama lima hari sebelum layak untuk menerima dana.

Sehingga bulan Disember 2012, BII melalui KOMIDA telah mengagihkan dana kepada 742 wanita. Dalam masa tiga tahun, bilangan penerima manfaat program dijangka mencapai 2,000 wanita.

Kesenian dan Kebudayaan

Teater Muzik kanak-kanak "Bites of Delights"

Diadakan mulai 15-23 November 2012 di Temple of Fine Arts, Brickfields, Kuala Lumpur, persembahan ini disokong oleh UNICEF sebagai tanda sambutan Hari Kanak-Kanak Universal. Menggabungkan penceritaan, tarian, lakonan dan muzik gamelan yang dimainkan oleh kanak-kanak tersebut, teater muzik memberi golongan kanak-kanak bandar peluang untuk melibatkan diri dalam satu bentuk seni yang merupakan sebahagian daripada warisan Malaysia selain mempertingkatkan keyakinan dan kemahiran persembahan mereka.

Yayasan Maybank menyokong program ini kerana jangkauannya yang luas. Selain memupuk bakat lakonan dan muzik dalam individu muda, inisiatif ini juga bertujuan untuk mempopularkan kembali irama gamelan Malaysia dengan memperkenalkan genre gamelan yang berbentuk kontemporari di samping menggalakkan perpaduan negara melalui penghayatan bersama kepelbagaian budaya negara ini.



Barisan pelakon muda mempersembahkan Bopoluchi, bahagian pertama daripada lima bahagian 'Bites of Delights'

Kesukarelawanan Pekerja

Cabaran Cahaya Kasih

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Cahaya Kasih telah menjadi panji Kumpulan Maybank bagi kerja-kerja sukarelawan. Ia adalah satu saluran yang membolehkan pekerja melibatkan diri secara langsung dengan komuniti melalui pejabat-pejabat serantau, sektor dan operasi luar negara di mana Kumpulan mempunyai kehadiran. Pada 2012, kami mengambil keputusan untuk membawa kesukarelawanan pekerja ke tahap yang berbeza dengan mencabar ahli Maybank untuk tampil dengan inisiatif asli dan kreatif yang akan mencipta kelainan yang positif dalam kehidupan komuniti.

Lebih daripada 200 cadangan projek telah diterima. Setiap cadangan kemudiannya diberi geran permulaan untuk memulakan projek mereka. Sebanyak 20 Projek Terbaik telah diberi peruntukan tambahan sebanyak RM20,000.

Pada akhir cabaran tersebut, setiap projek telah diadakan berdasarkan pada pelaksanaan dan impaknya. Inisiatif perlu menunjukkan hasil, kemampunan dan impak sebagai projek jangka panjang, berkekalan sepanjang tahun sebagai penekanan kami terhadap inisiatif yang mampan. Program-program terbaik yang telah dilaksanakan dalam setiap kategori kemudiannya diberi dianugerahkan dana untuk membolehkan lanjutan projek dilakukan.

Pemenang Terbaik Program CR Keseluruhan untuk Cabaran Cahaya Kasih 2012 adalah "Tajaan Maybank kepada kanak-kanak: Meninggalkan Hidup di Timbunan Sampah" oleh Maybank (Kemboja) Plc. Sebagai respon kepada isu kemiskinan yang menjejaskan anggaran 30% daripada penduduk Kemboja, inisiatif tersebut telah menyelamatkan 20 kanak-kanak dari tapak pembuangan sampah di sekitar Phnom Penh yang mana mereka terpaksa menyelongkar himpunan sampah sarap untuk membantu keluarga memenuhi keperluan hidup. Kanak-kanak ini telah dipastikan mendapat pendidikan yang sewajarnya serta dibekalkan dengan keperluan khasiat pemakanan dan penjagaan kesihatan asas, dengan objektif utama untuk menamatkan kitaran belunggu kemiskinan yang menjejaskan begitu ramai penduduk.



Warga kerja Maybank Kim Eng (Thailand) Plc Securities memberikan sumbangan komputer ke sekolah-sekolah di luar bandar



Datuk Lee Chong Wei di Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia Maybank

Sukan

Program sukan mempunyai keupayaan unik untuk membangunkan bakat dan menggalakkan daya saing. Selain mempromosikan gaya hidup sihat dan positif, sukan juga boleh mempromosikan dan mengukuhkan perpaduan negara.

Badminton Terbuka Malaysia Maybank

Di Maybank, kami menganjurkan klinik latihan dan pertandingan untuk pembangunan pemain badminton muda dengan kerjasama Persatuan Badminton Malaysia (BAM). Acara-acara ini memberi peluang kepada pemain kebangsaan untuk berkongsi kepakaran mereka dan memberi inspirasi kepada generasi muda, supaya seterusnya dapat meningkatkan status negara kita dalam arena sukan.

Dalam usaha menggabungkan sukan dan hal penjagaan kesihatan kami, pada tahun 2012, Yayasan Maybank mengadakan kempen mengumpul dana semasa Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia Maybank (MMO). Usaha itu bertujuan mengumpul dana bagi Pusat Pemindahan Hepar Hospital Selayang, satu-satunya pusat di Malaysia yang menyediakan kos perubatan subsidi untuk pesakit yang menjalani pemindahan hepar. Maybank telah menyokong Pusat ini sejak penubuhannya pada tahun 2002.

Yayasan menganjurkan permainan "Pukulan Terpantas", iaitu peserta dicabar untuk menguji kemahiran pukulan badminton mereka untuk memenangi hadiah-hadiah menarik. Apa yang mereka perlukan untuk bermain adalah yuran penyertaan minimum. Melalui inisiatif yang mudah tetapi kreatif ini, kami berjaya mengumpul sejumlah sumbangan yang memuaskan untuk Pusat Pemindahan Hepar, digunakan untuk pembelian kenderaan untuk penghantaran yang selamat dalam proses perolehan organ.

Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank

Semasa Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank (MMO) 2012, Yayasan Maybank menganjurkan pelbagai aktiviti untuk mengumpul dana. Kami komited untuk membantu memupuk dan memperkasakan kemunculan bakat-bakat dalam permainan golf. Pemain golf Malaysia seperti Danny Chia dan Mohd Shaaban Hussin telah ditaja sebagai duta golf Maybank.

Maybank menggalakkan penglibatannya dalam pembangunan golf junior pada tahun 2012 dengan pelancaran Akademi Maybank Junior Golf - Champions (6-12 tahun). Di bawah inisiatif ini, Maybank akan membawa golf ke sekolah-sekolah dan memberi peluang kepada pelajar untuk diuji dan dilatih, menggunakan kaedah latihan terperinci yang menggabungkan latihan asas kemahiran golf dan pembangunan fizikal melalui latihan berorientasikan golf.

Maybank komited untuk membantu membangunkan bakat golf bertaraf dunia di Malaysia melalui penyertaannya dalam program golf lain seperti Junior Golf Maybank - National Camp (12-16 tahun). Penglibatan Maybank dengan Maybank Junior Golf - National Camp bermula pada bulan November 2006 dan kejayaan yang dicapai sejak beberapa tahun kebelakangan ini, membolehkan program tersebut untuk diadakan setiap tahun.

Marathon BII Bali

Marathon BII Maybank Bali adalah marathon bertaraf antarabangsa pertama yang dianjurkan di Indonesia sejak lebih dua dekad. Dianjurkan oleh PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII), perlumbaan marathon penuh ini menarik penyertaan lebih 2,000 peserta, termasuk 186 rakyat Malaysia.

Berlangsung di Bali, marathon itu menyaksikan pelari dari 42 negara menyertai perlumbaan. Pelari amatir dan elit telah disajikan dengan pemandangan indah dan pengalaman budaya yang kaya sambil mereka berlari merentasi kumpulan yang mempersembahkan tarian Bali dan memainkan muzik tradisional.

Di pusat pemeriksaan tertentu, peserta juga diberi peluang untuk membuat sumbangan kewangan untuk menyokong Inisiatif CR BII yang lain, iaitu Yayasan Bumi Sehat (YBS) di Gianyar, Bali. Diasaskan oleh Robin Lim, tumpuan yayasan ini adalah menyediakan perkhidmatan perubatan kepada komuniti tempatan, terutamanya ibu-ibu hamil dan bayi. Jumlah derma yang dikumpul daripada marathon berjumlah Rp 200 juta kemudiannya diserahkan kepada YBS untuk pembinaan sebuah klinik baru.

Selain perkhidmatan penjagaan kesihatan, YBS juga mengusahakan taman organik sendiri, aktiviti kitar semula dan pusat belia yang menawarkan kursus Bahasa Inggeris dan kursus komputer untuk kanak-kanak kurang bernasib baik.

Kesihatan

Pusat Pemindahan Hepar, Hospital Selayang

Ditubuhkan pada tahun 2002, Pusat Pemindahan Hepar di Hospital Selayang menyediakan khidmat pemindahan hepar dengan kos yang berpatutan, sekali gus membolehkan akses kepada penjagaan kesihatan lebih baik bagi mereka yang tidak mampu membayar caj yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta di Malaysia dan di luar negara. Pada tahun 2002, kami memeterai satu kerjasama unik dengan Hospital untuk menyokong penubuhan dan pengendalian pusat pemindahan hati melalui sumbangan sebanyak RM5 juta. Sejak itu, sumbangan-sumbangan seterusnya telah dibuat. Pada tahun 2010, Maybank menyumbangkan RM50,000 kepada Pusat tersebut di bawah Tabung Kebajikan Kumpulan Maybank (TKKM) (ketika itu) bagi pembelian peralatan perubatan.

Sebagai tanda sokongan berterusan, pada tahun 2012, Yayasan Maybank membuat akur janji untuk menyumbang RM150,000 kepada Pusat tersebut semasa MMO Badminton dan Golf, dengan tambahan RM12,000 disumbangkan oleh orang awam. Dana ini akan digunakan untuk pembelian dan penyelenggaraan sebuah kenderaan untuk perolehan organ di Malaysia.

Setakat ini, Pusat ini telah menjalankan 53 pemindahan. Dianggarkan kira-kira enam hingga sepuluh pesakit menjalani

pemindahan hepar di Pusat tersebut setiap tahun. Dengan sokongan Yayasan Maybank, angka ini dijangka meningkat kepada 15 pesakit setahun.

Sejak bertahun-tahun, Maybank telah terlibat secara aktif dalam menyokong pembangunan kesihatan awam, memperlihatkan komitmen kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan. Matlamat kami adalah untuk membantu komuniti mendapat akses kepada perkhidmatan perubatan dan meningkatkan keseluruhan kualiti gaya hidup mereka.



Warga Maybank dari Kumpulan Modal Insan mengajar pelajar dari Harvest Centre tentang cara-cara bercucuk tanam

ALAM SEKITAR

Keadaan menjadi semakin mendesak bagi industri perkhidmatan kewangan memainkan peranan dalam menangani kemelut iklim dan kekurangan sumber serta peralihan kepada ekonomi berkarbon rendah. Kami telah mengkaji impak karbon dengan teliti dan komited untuk mematuhi piawaian dan garis panduan Indeks Bangunan Hijau (GBI) di Menara Maybank.

Komitmen kami mengurangkan pelepasan karbon dapat dilihat melalui penyertaan dalam Projek Pendedahan Karbon (CDP). CDP adalah Piawaian Global bagi pengukuran dan laporan maklumat perubahan iklim. Pemarkahan CDP menunjukkan tahap usaha mengurangkan perubahan iklim oleh sesebuah syarikat dan menyediakan para pelabur dengan analisis mengenai pengurusan karbon sesebuah organisasi, risiko, peluang dan pelepasannya. Pada tahun 2012, Maybank menerima jumlah markah sebanyak 58, satu peningkatan berbanding markah sebanyak 37 pada tahun 2011.



Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin melawat pesakit di Pusat Pemindahan Hepar Hospital Selayang.



Kanak-kanak dari Pusat Komuniti Hilla
mempamerkan periuk solar yang dibuat oleh
mereka

Festival Filem Eko Maybank Kuala Lumpur

Festival Filem Eko Maybank Kuala Lumpur adalah satu-satunya pesta filem hijau di Malaysia. Tahun 2012 adalah tahun pertama Maybank menyokong inisiatif ini, yang diadakan di Teater Eksperimen, Universiti Malaya pada 12-14 Oktober.

Berpaksikan kepada mempromosikan kehidupan yang mampan, aktiviti festival termasuk tayangan filem alam sekitar tempatan dan antarabangsa yang memenangi anugerah, pameran, bengkel untuk orang dewasa dan anak-anak serta beberapa forum yang menarik.

Tahun ini menyaksikan penambahan elemen muzik dalam pesta dengan Green Vibes Stage yang menampilkan persembahan khas oleh artis-artis tempatan Malaysia yang berbakat. Festival ini adalah acara tahunan yang sesuai untuk seisi keluarga.

Kanak-kanak dari rumah kebajikan di bawah Cabaran Cahaya Kasih dijemput untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam bengkel, dan warga Maybank sendiri menawarkan diri untuk mengendalikan gerai Maybank dan menganjurkan lawatan khusus kepada kanak-kanak. Warga Maybank digalakkan membawa anak-anak mereka bersama ke pesta untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan memelihara persekitaran kita.

Memandangkan potensi pesta untuk menjangkau penonton yang lebih luas, kami berharap untuk terus menyokong program yang unik ini.

Pemuliharaan Harimau di Malaysia

Sejak tahun 2010, Maybank telah bekerjasama dengan Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MyCAT) untuk meningkatkan kesedaran awam dan menyokong usaha-usaha pemuliharaan harimau melalui pemberian geran sebanyak RM1 juta. Objektif pembiayaan awal ini adalah untuk menyokong usaha MyCAT mengekal dan meningkatkan kawasan khusus atau koridor untuk kehidupan liar seperti harimau dan haiwan lain. Pada bulan Oktober 2012, Yayasan Maybank memberikan geran tambahan sebanyak RM200,000 kepada MyCAT untuk meneruskan program pendampingan sosial dan kesedaran untuk tahun berikutnya. Program pendampingan ini dilaksanakan terutamanya untuk komuniti yang tinggal berdekatan tiga kawasan utama bagi pemuliharaan harimau: Kompleks Belum-Temengor, Taman Negara dan Kompleks

Endau-Rompin. Kakitangan Maybank juga telah menyertai sukarelawan MyCAT dalam membantu mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah dan orang awam, khususnya di SK Gua Musang dan di pasar malam Gua Musang. Di samping itu, program-program pendampingan masyarakat telah diadakan di pasar malam Pengkalan Hulu dan Gerik, yang dianjurkan oleh TRAFFIC Asia Tenggara. Melalui perbincangan, serta pameran gambar dan poster, ramai orang awam telah mendapat pencerahan mengenai bahaya pemburuan haram yang menjadi salah satu sebab utama penurunan drastik populasi harimau.

TEMPAT KERJA

Kemampanan sangat berkait dengan manusia. Ia menjadi dasar fungsi Modal Insan disejajarkan dengan matlamat tanggungjawab korporat kami, dalam usaha memupuk tempat kerja yang terangkum di semua peringkat. Jika kakitangan kami bersemangat dan sentiasa berhubung rapat di tempat kerja, persekitaran kerja yang positif dapat diwujudkan.

Penglibatan Pekerja

Pekerja akan berkembang maju dalam suasana persekitaran beretika, pelbagai dan yang sihat. Kami mempunyai platform penglibatan pelbagai peringkat untuk memenuhi keperluan pekerja kami yang pelbagai. Saluran komunikasi dan pendampingan mewujudkan tempat kerja yang terangkum, menyediakan ruang untuk maklum balas dan sokongan pekerja. Melalui inisiatif seperti Anugerah Inovatif Presiden, program Trailblazer, dan dialog dengan pucuk pimpinan, kita menggalakkan inovasi dan idea-idea, terutama untuk perubahan berkaitan perkhidmatan.

Kepimpinan dan Bakat

Kami mengambil peranan membangunkan kemahiran dan bakat pekerja secara serius. Para pekerja mahir menjadi himpunan bakat yang berkhidmat kepada organisasi dan menyumbang kepada ekonomi di semua negara yang kami beroperasi. Platform kajian bakat pelbagai peringkat kami telah mempercepatkan pembangunan bakat dan membolehkan berlakunya pergerakan merentasi sempadan dalam kalangan pekerja. Kami juga berusaha untuk memastikan peralihan kepimpinan yang berjaya untuk membangunkan generasi pemimpin yang akan datang.

Pembelajaran dan Pembangunan

Sila lihat Modal Insan Kumpulan, halaman 142, untuk maklumat lanjut.

Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan

Kami mempunyai rangka kerja yang baik untuk kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kakitangan. Majoriti warga Maybank bekerja dalam persekitaran yang berisiko rendah dan tidak terdedah kepada kemudaratan kesihatan dan keselamatan kerjaya. Membantu kakitangan kami memahami dan memulakan gaya hidup yang sihat adalah salah satu keutamaan kami untuk kesejahteraan pekerja. Kami juga menggalakkan keseimbangan dalam kehidupan bekerja. Walaupun kami tidak mempunyai dasar yang bertulis tentang waktu fleksibel, ia adalah dibenarkan mengikut keadaan dalam sesuatu kes.

PASARAN

Menambah baik akses kepada perbankan dan menggalakkan rangkuman kewangan adalah elemen penting dalam pengawasan di pasaran. Matlamat kami adalah menyediakan produk dan perkhidmatan yang wajar, selamat dan berpatutan. Ini adalah penting supaya kami dilihat sebagai mempunyai kebertanggungjawaban, telus dan menjadi kuasa positif dalam pertumbuhan ekonomi di negara-negara yang kami beroperasi.

Kami berterusan memacu keterangkuman kewangan dan bekerja dengan kerajaan-kerajaan untuk mempertingkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan asas dan kredit yang berpatutan. Kami mempunyai perkhidmatan rangkaian kewangan paling meluas di Malaysia, dengan 401 cawangan dan perkhidmatan perbankan mudah alih di kawasan pedalaman. Kami juga adalah satu-satunya bank yang beroperasi di 18 kawasan luar bandar di Malaysia. Sejumlah 16 cawangan mesra orang kurang upaya telah diwujudkan di Malaysia, dan kesemua 55 buah cawangan Maybank Filipina dapat diakses oleh golongan berkerusi roda.

Selain itu, kami mempunyai pelbagai skim pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana, termasuk program bantuan yang mampan bagi mereka yang hidup di bawah paras kemiskinan dan mereka yang disifatkan mempunyai keperluan yang lebih utama.

“Skim Rumah Pertama Saya” Maybank, disokong oleh Cagamas, disasarkan khusus kepada pemilik rumah kali pertama.

Pemberian Pinjaman Yang Bertanggungjawab

Perbankan adalah industri yang mempunyai impak langsung yang rendah, tetapi kami juga boleh terdedah kepada kesan nyata melalui syarikat-syarikat yang kami biayai. Kami mengakui bahawa tindakan kami dan pelanggan-pelanggan kami membawa kepada sejumlah risiko melibatkan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Oleh sebab itu, kami secara berterusan menilai pinjaman yang diberikan kepada sektor-sektor sensitif, dan mengguna pakai proses kesediaan memberikan pinjaman dan kajian yang bersesuaian.

Menyokong Ekonomi Hijau

Kami mengambil bahagian dalam Indeks Kemampanan Dow Jones (DJSI) pada tahun 2012. DJSI adalah indeks global yang pertama dan salah satu yang paling banyak digunakan untuk mengesan prestasi kewangan dalam syarikat-syarikat terkemuka yang didorong kemampanan. Penilaian ini adalah berdasarkan tiga komponen utama: Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial. Pada tahun 2012, 40 syarikat terbesar daripada segi nilai pasaran yang disenaraikan di Bursa Malaysia telah dijemput untuk mengambil bahagian. Ini adalah kali pertama Maybank mengambil bahagian demikian. Maybank menerima markah sebanyak 60 daripada 100 dan merupakan satu-satunya bank di Malaysia yang mengambil bahagian. Selaras dengan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau Kerajaan, kami juga menggalakkan pelaburan dalam teknologi hijau untuk operasi dan proses perniagaan.

Sumber Mampan

Pada tahun 2012, kami telah menubuhkan satu proses pengagihan sumber strategik untuk menggalakkan akses yang lebih baik kepada produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi, dan membenarkan amalan perolehan lebih mampan. Dalam melangkah ke hadapan, kami berhasrat untuk menjalankan penilaian prestasi ke atas vendor-vendor utama kami untuk menilai kemampanan dan maklum balas mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Laporan Kemampanan 2012 atau layari www.maybankfoundation.com



Pelanggan di cawangan Maybank

PERHUBUNGAN PELABUR

AKTIVITI-AKTIVITI PERHUBUNGAN PELABUR KUMPULAN DITERUSKAN DENGAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PENGLIBATAN YANG BERKESAN DENGAN KOMUNITI PELABURAN MELALUI PELBAGAI SALURAN KOMUNIKASI.

Pada tahun 2012, Program Perhubungan Pelabur Kumpulan mempertingkatkan mandatnya dengan mengukuhkan komunikasi dengan komuniti pelaburan dan pasaran kewangan. Secara khusus, objektif komunikasi pelabur kami adalah memberikan pengamatan yang lebih besar pada keupayaan kami dalam perniagaan domestik dan serantau, dan tinjauan prospek pasaran. Salah satu inisiatif yang timbul daripada ini adalah pengenalan Hari Pelabur Maybank yang memberi peluang kepada pelabur untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sektor perniagaan dan mengenali dengan lebih baik ketua-ketua dalam sektor berkenaan. Pada tahun 2012, Kumpulan telah mengadakan tiga kali Hari Pelabur yang melibatkan: Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Perbankan Global dan Maybank Singapura.

SOROTAN

- Mengambil bahagian dalam pameran bergerak, persidangan dan menganjurkan Hari Pelabur untuk meningkatkan penglibatan dengan pelabur
- Mengemaskini Dasar Perhubungan Pelabur Kumpulan untuk pelancaran pada tahun 2013
- Mengekalkan analisis daftar saham untuk lebih memahami para pemegang saham kami
- Menarik analisis liputan yang lebih meluas dengan saranan-saranan positif dan sasaran harga purata lebih tinggi
- Mempertingkatkan bahagian perhubungan pelabur dalam laman sesawang korporat baru Kumpulan

TAKLIMAT PENGANALISIS

Seperti tahun-tahun sebelumnya, keputusan setengah tahun dan tahun penuh Kumpulan telah dibentangkan oleh Pengurusan Kanan dalam taklimat media dan penganalisis, dengan kemudahan panggilan persidangan (conference call) untuk peserta luar negara. Keputusan suku pertama dan ketiga biasanya dikendalikan melalui panggilan persidangan dengan para pelabur. Pengumuman keputusan, pembentangan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan disediakan dalam laman sesawang korporat.

Sebagai tambahan kepada pengumuman keputusan, pihak pengurusan mengendalikan taklimat secara panggilan persidangan dengan para pelabur berikutan pelaksanaan penempatan persendirian saham Kumpulan pada bulan Oktober 2012. Tumpuan panggilan itu untuk menyerlahkan objektif Kumpulan untuk proses tersebut dan manfaat yang dijangkakan daripada penajaan modal tersebut.

Acara Utama	Tarikh
Pengumuman Hasil Kewangan	
Suku Kedua Tempoh Kewangan 2011	23 Februari 12
Suku Pertama TK2012 - 25 Mei 2012	25 Mei 12
Suku Kedua TK2012 16 Ogos 2012	16 Ogos 12
Suku Ketiga TK2012 9 November 2012	9 November 12
Acara-acara Lain	
Mesyuarat Agung Tahunan untuk Tempoh Kewangan	29 Mac 12
Taklimat Maybank mengenai Pelaksanaan Penempatan Persendirian Saham	9 Oktober 12

	2012	2011	2010
Pengumuman Keputusan Kewangan: Taklimat Penganalisis	2	2	2
Pengumuman Keputusan Kewangan: Panggilan Persidangan	4	2	2
Bilangan syarikat yang ditemu (mesyuarat dalaman dan pameran bergerak)	251	238	233
Bilangan penganalisis/pengurus dana yang ditemu (mesyuarat dalaman dan pameran bergerak)	332	325	281
Hari Pelabur ¹	3	—	—
Persidangan pelabur & pameran bergerak tanpa janji niaga	5	6	5

¹ Inisiatif baru untuk tahun 2012

MESYUARAT DALAMAN

Peningkatan minat daripada komuniti pelaburan telah membawa kepada lebih banyak permintaan untuk mengadakan mesyuarat dengan pihak Pengurusan Kanan. Kumpulan bertemu 332 penganalisis dan pengurus dana daripada 251 syarikat, kenaikan 2.2% dan 5.5% masing-masing dari tahun sebelum ini.

PAMERAN BERGERAK, PERSIDANGAN DAN HARI PELABUR

Untuk memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai prestasi, pembangunan dan hala tuju masa depan Kumpulan, kami mengambil bahagian dalam persidangan antarabangsa dan tempatan serta pameran bergerak termasuk acara berprofil tinggi seperti:

- Hari Korporat UBS Malaysia di Hong Kong
- Invest Malaysia Kuala Lumpur 2012
- Persidangan Pelabur Asean UBS di Singapura
- Forum Pelabur CLSA 2012 di Hong Kong

Pada acara-acara ini, Pengurusan Kanan memberikan maklumat terkini kepada peserta mengenai strategi dan prestasi Kumpulan, serta panduan bagi tahun 2012. Maybank juga mengendalikan pameran bergerak tanpa janji niaga di London dan Edinburgh pada bulan November 2012, dan bertemu dengan 27 syarikat pengurusan dana.

Tempat	Acara	Tarikh	Penganjur
Kuala Lumpur	Hari Pelabur: Komuniti Perkhidmatan Kewangan	8 Mac 2012	Maybank IR
Hong Kong	Hari Korporat Malaysia	14-15 Mac 2012	UBS
Kuala Lumpur	Invest Malaysia Kuala Lumpur 2012	29-30 Mei 2012	Maybank Kim Eng
Kuala Lumpur	Hari Pelabur: Perbankan Borong Global	14 Jun 2012	Maybank IR
Singapura	Hari Pelabur: Singapura	3 September 2012	Maybank IR
Singapura	Persidangan Asean UBS	3-4 September 2012	UBS
Hong Kong	Forum Pelabur CLSA 2012	10-12 September 2012	CLSA
London/Edinburgh	Pameran Bergerak Tanpa Janji Niaga Kumpulan Maybank	12-17 November 2012	Maybank Kim Eng

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN/MESYUARAT AGUNG LUARBIASA

Mesyuarat Agung Tahunan ke-52 telah diadakan pada 29 Mac 2012.

LANAN SESAWANG

Laman sesawang korporat Maybank di www.maybank.com telah merekodkan kunjungan dan pertanyaan yang meningkat daripada pengunjung tempatan dan asing. Satu inisiatif penting ialah pembangunan laman sesawang korporat baru, yang dilancarkan pada awal tahun 2013.

ANALISIS PENDAFTAR SAHAM

Kami telah menjalankan empat analisis pendaftar saham pada tahun 2012, di mana kami peroleh pecahan pemegang saham mengikut profil, jumlah pegangan saham, gaya pelaburan dan lokasi geografi. Ini membolehkan pemahaman yang lebih baik mengenai para pemegang saham Kumpulan dan memudahkan perancangan program pelabur.

PENARAFAN KREDIT

Sebagai sebahagian dasar kami menyediakan maklumat bebas kepada para pemegang kepentingan dan orang awam, kami mengekalkan penilaian kredit dengan lima agensi: RAM Ratings, Malaysian Rating Corporation (MARC), Standard & Poor's (S & P), Fitch Ratings dan Moody's Investors Services.

LIPUTAN PENGANALISIS

Pada bulan Disember 2012, Maybank telah diberikan liputan oleh 30 rumah penyelidikan, dengan liputan tambahan oleh Daiwa Capital Markets, Morgan Stanley dan Standard Chartered Bank. Pada tahun ini, liputan yang diterima lebih luas daripada firma penyelidikan ekuiti tempatan dan asing, mencerminkan perhatian besar diberikan kepada Kumpulan.

Bil.	Firma Penyelidikan	Bil.	Firma Penyelidikan
1	Affin Securities	16	HwangDBS Vickers
2	Alliance Research	17	JP Morgan
3	AmResearch Sdn Bhd	18	KAF Seagroatt & Campbell
4	BNP Paribas	19	Kenanga Investment Bank
5	BOA Merrill Lynch	20	Macquarie
6	CIMB	21	MIDF Research
7	Citigroup	22	Morgan Stanley
8	CLSA Asia Pacific	23	Nomura Securities
9	Credit Suisse	24	OSK Research
10	Daiwa Capital Markets	25	RHB Research Institute
11	Deutsche Bank	26	Standard and Poor's
12	ECM Libra Avenue	27	Standard Chartered
13	Goldman Sachs	28	TA Securities
14	Hong Leong Investment Bank	29	UBS Securities
15	HSBC	30	UOB Kay Hian

Saranan Penganalisis

Kami telah menerima 15 saranan Beli saham Maybank berbanding 14 pada tahun lalu dan secara purata harga sasaran Maybank dinaikkan daripada RM8.96 kepada RM9.62, meningkat sebanyak 7.4%.

Menyediakan penyelesaian yang menepati keperluan setiap pelanggan

Kami memperkasakan pelanggan-pelanggan kami dengan penyelesaian kewangan berinovasi yang direka untuk memenuhi keperluan khusus setiap pelanggan kerana kami percaya setiap pelanggan adalah berbeza. Kakitangan kami bekerjasama dengan pakar-pakar produk di seluruh Kumpulan Maybank untuk menawarkan perkhidmatan lengkap kepada pelanggan.





LEMBAGA PENGARAH

dari kiri ke kanan:

*Alistair Maitland, Dato' Seri Ismail Shahudin, Zainal Abidin Jamal, Dato' Johan Ariffin,
Dato' Mohd Salleh Haji Harun, Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor*



dari kiri ke kanan:

Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Tan Sri Datuk Dr. Hadenan A. Jalil, Dato' Dr. Tan Tat Wai, Cheah Teik Seng, Erry Riyana Hardjapamekas, Mohd Nazlan Mohd Ghazali (Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat), Datuk Mohaiyani Shamsudin

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



Dari kiri ke kanan:

- Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor
- Dato' Sri Abdul Wahid Omar
- Dato' Mohd Salleh Hj. Harun

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (Pengerusi)

- (64 tahun – warganegara Malaysia)
- Sarjana Muda Sains, Kejuruteraan Perlombongan, Imperial College of Science & Technology, University of London; Ahli Bersekutu Royal School of Mines, UK

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor dilantik sebagai Pengarah dan Pengerusi Maybank pada 1 Oktober 2009. Beliau merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Maybank sejak bulan Julai 2004 hingga Februari 2009.

Beliau mempunyai karier yang cemerlang dalam industri minyak dan gas selama 31 tahun dengan Royal Dutch Shell Group of Companies dan pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan Serantau dan Pengarah Urusan Shell Exploration and Production B.V. sebelum bersara pada awal 2004. Beliau juga Pengerusi Maxis Communications Berhad dari bulan Januari 2004 hingga November 2007, Etiqa Insurance & Takaful dari bulan Januari 2006 hingga Februari 2009, Lembaga Getah Malaysia dari bulan Februari 2009 hingga Mei 2010, Pengarah Dana Pembangunan Pasaran Modal dari bulan Januari 2004 hingga Januari 2010 dan Pengarah Woodside Petroleum Ltd, syarikat senarai awam di Australian Securities Exchange, daripada Disember 2007 hingga April 2011.

Beliau kini memegang jawatan ahli lembaga dalam syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Investment Bank Berhad dan Pesuruhjaya Presiden PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Beliau juga adalah Pengarah di Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF, Malaysia.

Beliau telah menghadiri kesemua 18 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan merupakan penama kepada Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (Naib Pengerusi)

- (68 tahun – warganegara Malaysia)
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysian; Fellow Institut Bank-Bank Malaysia

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

Dato' Salleh telah dilantik sebagai Pengarah dan Naib Pengerusi Maybank pada 18 November 2009. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Skim Saham Pekerja. Beliau sebelumnya berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Memulakan kariernya sebagai Akauntan Kanan dengan Perbendaharaan antara tahun 1971 hingga 1974, beliau menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1974 sebagai Pengurus Pelaburan Aseambankers Malaysia Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad), sebelum berpindah ke Bank Rakyat untuk tugas singkat pada tahun 1978. Dato' Salleh kemudiannya kembali berkhidmat dengan Kumpulan Maybank dengan memegang pelbagai jawatan kanan yang terakhir sebagai Pengarah Eksekutif Maybank dari 1994 hingga 2000. Menjelang persaraannya dari Kumpulan Maybank pada 2000, beliau dilantik sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, jawatan yang dipegang sehingga tahun 2004. Sejak itu, beliau menyertai ahli Lembaga Pengarah Kumpulan RHB termasuk Pengerusi RHB Insurance Berhad sehingga bulan November 2009.

Beliau kini memegang jawatan pengarah dalam syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk menjadi Pengerusi Maybank Ageas Holdings Berhad, Etiqa Takaful Berhad dan Maybank Philippines Inc. Beliau juga Pengarah Scicom (MSC) Berhad, Asia Capital Reinsurance Malaysia Sdn Bhd dan FIDE Forum.

Beliau telah menghadiri 15 Mesyuarat Lembaga Pengarah daripada 18 mesyuarat yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Dato' Salleh tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif)

- (49 tahun – warganegara Malaysia)
- Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (UK); Ahli Institut Akauntan Malaysia

DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR

Dato' Sri Abdul Wahid Omar telah dilantik sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Maybank pada 1 Mei 2008. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan dan ahli Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Sebelum menyertai Kumpulan Maybank, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telekom Malaysia Berhad sejak 1 Julai 2004 hingga bulan Mei 2008. Beliau juga merupakan bekas Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Group Berhad dan UEM World Berhad serta Naib Pengerusi Eksekutif PLUS Expressways Berhad. Terdahulu, beliau berkhidmat di Telekom Malaysia Berhad sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada tahun 2001. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Khidmat Korporat Kumpulan merangkap Pengarah Bahagian, Pasaran Modal & Sekuriti di Amanah Capital Partners Berhad, Pengerusi Amanah Short Deposits Berhad serta Pengarah Amanah Merchant Bank Berhad dan beberapa syarikat lain dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Tanggungjawab lain yang digalas sebagai Pengarah dalam Kumpulan Maybank termasuk Sebagai Pengarah Maybank Ageas Holdings Berhad, Maybank Investment Bank Berhad dan PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Jawatan dalam syarikat-syarikat lain termasuk sebagai Pengerusi Malaysia Electronic Payment System Sdn Bhd dan sebagai Pengarah Cagamas Holdings Berhad.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar juga merupakan Pengerusi Persatuan Bank-Bank Malaysia, Naib Pengerusi Institut Bank-Bank Malaysia, dan ahli Panel Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP).

Beliau telah menghadiri kesemua 18 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- (67 tahun – warganegara Malaysia)
- *Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Henley Management College, UK; Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan, Asian Institute of Management, Filipina; Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya*

TAN SRI DATUK DR HADENAN A. JALIL

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan sebagai ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Skim Saham Pekerja.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil merupakan Juruaudit Negara dari tahun 2000 hingga 2006. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan selama 36 tahun dalam pelbagai jawatan termasuk Perbendaharaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Kementerian Kerja Raya sebelum pelantikannya sebagai Ketua Audit Negara.

Beliau kini merupakan pengarah di beberapa syarikat Kumpulan Maybank termasuk Pengarah Maybank Islamic Berhad. Beliau juga Pengerusi ICB Islamic Bank Ltd (Bangladesh), Protasco Berhad dan subsidiarinya serta PNB Commercial Sdn Bhd, dan subsidiari-subsidiarinya dan THP Sinar Sdn Bhd. Beliau juga Pengarah Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd dan Universiti Tun Abdul Razak Sdn Bhd serta ahli Jawatankuasa Audit, Johor Corporation.

Beliau telah menghadiri 15 daripada 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

- (62 tahun – warganegara Malaysia)
- *Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya*

DATO' SERI ISMAIL SHAHUDIN

Dato' Seri Ismail Shahudin telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad dari tahun 2004 hingga persaraannya pada bulan Julai 2008. Beliau juga pernah memegang jawatan kanan di Citibank, berkhidmat di Malaysia dan New York, United Asian Bank dan Maybank di mana beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada tahun 1997. Beliau meninggalkan Maybank pada tahun 2002 bagi mengetuai MMC Corporation Berhad.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk Pengerusi Maybank Islamic Berhad dan Pengarah MCB Bank Limited, Pakistan. Beliau juga menjadi pengarah beberapa syarikat senarai awam termasuk Nadayu Properties Berhad (dulunya dikenali sebagai Mutiara Goodyear Development Berhad), SMPC Corporation Berhad, EP Manufacturing Berhad, Opus International Consultants Ltd dan Aseana Properties Limited, syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham London.

Beliau telah menghadiri 16 daripada 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Dato' Seri Ismail Shahudin tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- (66 tahun – warganegara Malaysia)
- PhD Ekonomi, Harvard University, AS;
Sarjana Ekonomi, University Wisconsin (Madison),
AS; Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan
Elektrik & Ekonomi, Institut Teknologi
Massachusetts, AS

DATO' DR TAN TAT WAI

Dato' Dr Tan Tat Wai telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan, dan Jawatankuasa Skim Saham Pekerja.

Beliau memulakan kerjaya dengan Bank Negara Malaysia pada tahun 1978, mengendalikan penyelidikan dalam polisi ekonomi dan kemudiannya sebagai pakar perunding BNM, Bank Dunia dan Universiti PBB selama beberapa tahun. Beliau berkhidmat sebagai setiausaha dan ahli Majlis Perdagangan Tidak Nampak Malaysia yang ditubuhkan bagi merumuskan dasar untuk mengurangkan defisit Malaysia dalam perdagangan perkhidmatan. Beliau merupakan bekas ahli Majlis Perniagaan Malaysia lantikan Kerajaan, ahli Meja Bulat Korporat Malaysia; ahli majlis Industri Pulau Pinang, Majlis Kordinasi Perindustrian (ICC) dan Jawatankuasa Nasional Daya Saing Perniagaan (NCBC) yang ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau telah mewakili Malaysia sebagai ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dan juga Majlis Wawasan Open University.

Dalam Kumpulan Maybank, beliau merupakan Pengarah Maybank Trustees Berhad. Beliau juga Pengarah Urusan Kumpulan Southern Steel Berhad, jawatan yang dipegang sejak bulan Disember 1993. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Shangri-La Hotels (M) Bhd, Titan Chemicals Corp Sdn Bhd dan NSL Ltd sebuah Syarikat tersenarai di Singapura dan Starglow Investments Ltd dan antara beberapa syarikat senarai awam yang lain. Beliau juga merupakan Presiden Lam Wah Ee Hospital, sebuah institusi yang bukan berasaskan keuntungan.

Beliau telah menghadiri kesemua 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Dato' Dr Tan tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



dari kiri ke kanan:

- Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil
- Dato' Dr Tan Tat Wai
- Dato' Seri Ismail Shahudin

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

- (59 tahun - Malaysia)
- LL.B (Honours), University of Singapore

ZAINAL ABIDIN JAMAL

Zainal Abidin Jamal telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 22 Julai 2009. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Semakan Kredit, Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Skim Saham Pekerja.

Beliau merupakan peguam korporat dan komersil dan telah menubuhkan firmanya sendiri iaitu Zainal Abidin & Co, pada tahun 1987, di mana beliau ialah Pengasas dan Rakan Kongsi Utama. Beliau didaftarkan sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1986. Antara tahun 1983 hingga 1986, beliau telah menyandang jawatan sebagai Setiausaha Syarikat Harrisons Malaysian Plantations Berhad. Sebelum itu, beliau juga pernah berkhidmat di Singapura sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Agung Singapura pada tahun 1980 dan pernah menjadi Majistret Kelas Satu di Brunei Darussalam.

Beliau kini merupakan Lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Trustees Berhad dan Pengarah Etiqa Insurance Berhad, Etiqa Takaful Berhad dan Maybank Islamic Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Lam Soon (M) Berhad, Kesas Holdings Berhad, PNB Asset Management (Japan) Co Ltd, PNB International Limited dan PNB-SBI ASEAN Gateway Investment Management Limited.

Beliau telah menghadiri 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Zainal Abidin Jamal tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan merupakan penama Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



dari kiri ke kanan:
• Zainal Abidin Jamal
• Alistair Maitland
• Cheah Teik Seng

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- (71 tahun – warganegara Australia)
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, Victoria University, NZ; Lulusan AMP, Harvard Business School, AS

ALISTER MAITLAND

Alister Maitland telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 26 Ogos 2009. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan Pengurusan Risiko, dan Skim Saham Pekerja Lembaga Pengarah.

Sepanjang 35 tahun kerjaya beliau di Australia, New Zealand dan UK, beliau telah memegang pelbagai jawatan penting dalam ANZ Banking Group Ltd termasuklah sebagai Ketua Pakar Ekonomi dan Pengarah Urusan ANZ New Zealand. Dalam enam tahun terakhir bersama ANZ Group, beliau telah berkhidmat dalam lembaga pengarah utama ANZ Bank sebagai Pengarah Eksekutif Antarabangsa yang bertanggungjawab secara langsung terhadap operasi ANZ Group di 42 negara. Beliau kini menduduki Lembaga Pengarah dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank (PNG) Ltd. Beliau juga merupakan Pengarah bagi Rex Minerals Ltd, syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Australia.

Belia telah menghadiri 17 daripada 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Alister Maitland tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- (59 tahun – warganegara Malaysia)
- Ijazah Sarjana Muda Sains, University of Manchester, UK;
- Fellow, Institut Akauntan Bertauliah di England and Wales

CHEAH TEIK SENG

Cheah Teik Seng telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 26 Ogos 2009. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah.

Sebagai seorang pemegang biasiswa kerajaan persekutuan dan Jabatan Perkhidmatan Awam, beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada awal tahun '80-an. Setelah meninggalkan sektor kerajaan, beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam industri perkhidmatan perbankan dan kewangan di Malaysia serta di London, Hong Kong dan Singapura. Beliau pernah berkhidmat dengan Public Bank, Chase Manhattan Bank, Merrill Lynch, Goldman Sachs, UBS dan dengan BNP Paribas sebagai Pengarah Urusan selama 9 tahun. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ECM Libra Avenue Group pada tahun 2006. Beliau kini merupakan Pengarah dan Rakan Kongsi Aktis Capital Singapore Pte Ltd.

Beliau kini adalah ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Cambodia Ltd, Maybank Kim Eng Holdings Ltd, Maybank Ventures Sdn Bhd, Maybank Ventures Capital Company Sdn Bhd, Maybank Agro Fund Sdn Bhd dan juga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad.

Beliau juga ahli Lembaga Pengarah Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan dalam pelbagai syarikat ekuiti swasta di Hong Kong, China dan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dua dana lindung nilai.

Beliau telah menghadiri kesemua 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Cheah Teik Seng tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- (53 tahun – warganegara Malaysia)
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Indiana University, AS; Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Miami, AS

DATO' JOHAN ARIFFIN

Dato' Johan Ariffin dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 26 Ogos 2009. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau memulakan kerjaya dalam bahagian hartanah di Citibank. Kemudiannya, beliau memegang pelbagai jawatan kanan di beberapa buah syarikat tersenarai awam di samping memulakan perniagaannya sendiri dalam perundingan pengiklanan dan pemasaran serta perniagaan pembangunan hartanah. Beliau kemudiannya mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum menerajui TTDI Development Sdn Bhd hingga bulan Januari 2009.

Belia juga merupakan ahli Lembaga Pengarah di bawah Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank International (L) Limited dan Maybank International Trust (L) Ltd dan juga Pengarah Maybank Ageas Holdings Berhad, Etiqa Insurance Berhad dan Etiqa Takaful Berhad. Beliau juga adalah Pengerusi Mitraland Properties Sdn Bhd dan Pengarah Sime Darby Property Berhad selain Ahli Majlis Kebangsaan bagi Persatuan Pemaju Perumahan Hartanah Malaysia (REHDA).

Beliau telah menghadiri 17 daripada 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Dato' Johan Ariffin tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

- (64 tahun – warganegara Malaysia)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Cornell University, Ithaca, New York, AS; Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Knox College, Galesburg, Illinois, AS

DATUK MOHAIYANI SHAMSUDIN

Datuk Mohaiyani dilantik sebagai pengarah Maybank pada 22 Ogos 2011. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Semakan Kredit.

Beliau pernah berkhidmat dengan Amanah Chase Merchant Bank Berhad dan Seagrott & Campbell Sdn Bhd sebelum mengasaskan syarikat pembrokeran saham sendiri, Mohaiyani Securities Sdn Bhd in 1985 dan memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan. Ketika pembabitan aktifnya dalam industri pembrokeran saham, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kuala Lumpur Stock Exchange (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad) dan Pengerusi Persatuan Syarikat-syarikat Pembrokeran Saham Malaysia. Selain itu, beliau dilantik sebagai ahli beberapa kumpulan kerja barisan tertinggi kebangsaan seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), Majlis Perundingan Ekonomi Negara II (MAPEN II), Majlis Maklumat Teknologi Negara (NITC), Jawatankuasa Kewangan Tahap Tertinggi bagi Tadbir Urus Korporat di Kementerian Kewangan dan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Wanita di Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti.

Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Asset Management Group Berhad (dulunya dikenali sebagai Aseamlease Berhad) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd (dulunya dikenali sebagai Mayban Investment Management Sdn Bhd) dan juga sebagai Pengarah Maybank Investment Bank Berhad dan Maybank Ventures Sdn Bhd. Ketika ini, beliau juga bertindak sebagai pengarah bagi Dana Pembangunan Pasaran Modal dan juga menjadi pemegang amanah bagi Yayasan Institut Jantung Kebangsaan, Yayasan NUR dan Yayasan Kepimpinan Perdana.

Beliau telah menghadiri 17 daripada 18 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.

Datuk Mohaiyani tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



dari kiri ke kanan:

- Dato' Johan Ariffin
- Datuk Mohaiyani Shamsudin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- (63 tahun – warganegara Indonesia)
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi/Perakaunan, Universiti Padjadjaran, Bandung, Indonesia; Kursus Pengurusan Kewangan, Harvard Business School, AS

ERRY RIYANA HARDJAPAMEKAS

Erry Riyana Hardjapamekas dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 25 Jun 2012. Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman bekerja. Kemahiran utama beliau adalah dalam bidang pengurusan am dan kewangan yang mana beliau telah meluangkan masa selama 12 tahun, termasuk 4 tahun sebagai Pengarah Kewangan PT Timah sebelum dilantik sebagai Pengarah Presiden PT Timah Tbk pada Mac 1994, jawatan yang dipegangnya selama 8 tahun. Dalam industri perbankan, beliau merupakan Presiden Komisioner PT Bank BNI Tbk dari Februari 2008 hingga Mei 2009, dan sebelum itu sumbangannya kepada pasaran modal Indonesia telah membawa kepada perlantikannya sebagai anggota Lembaga Komisioner di Jakarta Stock Exchange pada 1996 dan sebagai Presiden Komisioner dari Mac 1998 hingga April 2001. En. Erry juga telah dilantik sebagai Komisioner dan Naib Pengerusi Suruhanjaya Membanteras Korupsi Republik Indonesia pada 2003, jawatan yang dipegangnya hingga 2007. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Nasional Pindahan Perniagaan Ketenteraan republik itu dari 2008 hingga 2009, diikuti dengan perlantikannya sebagai anggota Jawatankuasa Pemilihan Komisioner bagi Suruhanjaya Membanteras Korupsi pada 2010 dan 2011. Selain itu, sejak 2011, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Bebas Reformasi Birokrasi Nasional.

Ketika ini, Erry Riyana merupakan Komisioner Bebas bagi PT ABM Investama Tbk, PT Hero Supermarket Tbk, PT Tirta Investama/Danone Aqua dan juga PT Weda Bay Nickel.

Beliau telah menghadiri semua 10 mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012 sejak beliau dilantik pada 25 Jun 2012.

Erry Riyana tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat

MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI

Mohd Nazlan merupakan Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat Maybank, dan juga Ketua Khidmat Korporat & Perundangan. Beliau merupakan lulusan Sarjana Muda dalam bidang Falsafah Perundangan serta Sarjana Sastera, kedua-duanya dari Universiti Oxford. Beliau juga merupakan Barrister at Law (Lincoln's Inn) dan Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

Beliau telah berkhidmat sebagai Rakan Kongsi dan Ketua Pasaran Modal Ekuiti di Tetuan Zaid Ibrahim & Co, dengan pengkhususan dalam hal-hal berkaitan perundangan korporat, perkhidmatan kewangan dan undang-undang sekuriti terutamanya urus niaga korporat seperti peningkatan modal dan penggabungan & pengambilalihan sebelum menyertai Maybank pada tahun 2005. Sebelum itu, beliau bertugas di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia selama lebih kurang 7 tahun hingga tahun 2000 dan jawatan terakhir beliau adalah Pengurus Besar, Bahagian Penguatkuasaan, dengan tanggungjawab meliputi bahagian penyiasatan, pendakwaan dan aduan. Beliau juga pernah berkhidmat di Pejabat Pengerusi Eksekutif dan Bahagian Terbitan & Pelaburan ketika di Suruhanjaya Sekuriti. Mohd Nazlan memulakan kerjaya beliau pada tahun 1991 di Tetuan Shook Lin & Bok, menguruskan hal-hal korporat, pemindahan hak dan perbankan.



• Mohd Nazlan Mohd Ghazali
• Erry Riyana Hardjapamekas

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN



dari kiri ke kanan

• Dato' Sri Abdul Wahid Omar

• Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican

DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR

– 49 tahun

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Sri Abdul Wahid Omar telah menerajui Kumpulan Maybank sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif sejak Mei 2008.

PENGALAMAN

Dato' Sri Abdul Wahid memiliki pengalaman yang luas dalam pengurusan korporat dan kewangan sejak pembabitan awalnya dengan Bumiputra Merchant Bankers Berhad dari Januari 1988 hingga April 1991, Kumpulan FIMA Berhad dari April 1991 hingga Ogos 1994 dan Kumpulan Amanah Capital dari Ogos 1994 hingga Februari 2001. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan Telekom Malaysia Berhad dari Mac hingga September 2001 sebelum dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UEM (dan diikuti sebagai Naib Pengerusi Eksekutif PLUS Expressways Berhad) dari Oktober 2001 hingga Jun 2004. Dato' Sri Wahid kembali ke Telekom Malaysia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada Julai 2004 dan menerajui Kumpulan itu sehingga dipisahkan dengan TM International Berhad (kini dikenali sebagai Axiata Group Berhad) pada April 2008.

TANGGUNGJAWAB

Dato' Sri Abdul Wahid bertanggungjawab memacu keseluruhan pengurusan dan pertumbuhan Kumpulan.

KELAYAKAN

Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah, United Kingdom dan ahli Institute Akauntan Malaysia.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Dato' Sri Abdul Wahid adalah ahli Lembaga Pengarah Maybank Ageas Holdings Berhad, Maybank Investment Bank Berhad dan PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Beliau adalah juga Pengerusi Persatuan Bank-Bank di Malaysia dan Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS), selain Pengarah Cagamas Holdings Berhad. Selain itu, beliau juga adalah Naib Pengerusi Institut Bank Bank ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan dan Lembaga Tabung Haji.

MOHAMED RAFIQUE MERICAN BIN MOHD WAHIDUDDIN MERICAN

- 47 Tahun

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Mohamed Rafique Merican dilantik Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sejak 1 Jun 2012.

PENGALAMAN

Beliau memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam sektor korporat, termasuk lima tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Malakoff Berhad. Sebelum menyertai TNB pada 2009, beliau berkhidmat di Radicare (M) Sdn Bhd, syarikat konsesi pengurusan kemudahan di hospital-hospital di Lembah Klang, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai Ketua Pegawai Operasi. Beliau juga memegang peranan di dalam bidang pembiayaan korporat dan sebagai penasihat di Kumpulan Amanah Capital dan Bumiputra Merchant Bankers Berhad dalam tahun-tahun awal kerjayanya.

TANGGUNGJAWAB

Rafique bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan, modal dan pinjaman Kumpulan. Beliau memantau Operai Pembiayaan dan Perbendaharaan, Pelaporan Pengurusan dan Perancangan Perniagaan, Strategi Pengurusan Kumpulan, Pembiayaan Korporat & Pengurusan Modal, Pembiayaan Berpusat, Pengurusan Maklumat Enterpris, Pengurusan Pemulihan Korporat, Pemerolehan Strategik, Pusat Pembiayaan Kecemerlangan serta Hartanah, Keselamatan dan Penilaian.

KELAYAKAN

Beliau merupakan Fellow Ahli Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), United Kingdom, dan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia.

JAWATANKUASA KEAHLIAN/PERLANTIKAN

Ahli Majlis Penasihat Akauntan Bertauliah (ACCA) Malaysia.

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN



dari kiri ke kanan

- Datuk Lim Hong Tat
- Datuk Abdul Farid Alias
- Dr. John Lee Hin Hock

DATUK LIM HONG TAT

– 54 Tahun

Timbalan Presiden

Ketua, Perkhidmatan Kewangan Komuniti

Lim Hong Tat merupakan Timbalan Presiden dan Ketua Kewangan Komuniti.

PENGALAMAN

Sebagai penerima biasiswa Maybank, beliau berkhidmat sebaik tamat pengajian pada 1981. Beliau memiliki 30 tahun pengalaman sepanjang kerjayanya meliputi semua aspek perbankan, termasuk menguruskan cawangan, perbankan serantau, kad kredit, operasi perbankan antarabangsa termasuk menduduki jawatan pengurusan kanan di Kumpulan sebagai Pengarah/Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Philippines Inc, Ketua Perbankan Antarabangsa dan Ketua Perbankan Pengguna dalam Kumpulan Maybank.

TANGGUNGJAWAB

Sebagai Ketua Perkhidmatan Kewangan Komuniti, beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan dan prestasi segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Perbankan Perniagaan dan Pengguna serta jualan dan pengedaran. Ini merangkumi perbankan komuniti, inovasi dan perindustrian produk, segmen pengguna, perbankan maya, pengurusan kekayaan dan perkhidmatan pembayaran, jualan dan pengedaran serta strategi perniagaan, perancangan dan pembangunan.

KELAYAKAN

Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian) dari Universiti Malaya. Diploma Pemasaran & Jualan Perkhidmatan Bank, Pusat Pengurusan Antarabangsa.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Beliau merupakan Pengarah Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd.

DATUK ABDUL FARID ALIAS

– 45 Tahun

Timbalan Presiden

Ketua, Perbankan Global

Datuk Abdul Farid Alias dilantik sebagai Timbalan Presiden & Ketua, Perbankan Global (dulunya dikenali sebagai Perbankan Pemborongan Global) Kumpulan Maybank pada 1 Julai 2010.

PENGALAMAN

Datuk Abdul Farid memiliki lebih 20 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan dan pasaran modal ketika berkhidmat di pelbagai bank saudagar dan pelaburan seperti Aseambankers Malaysia Berhad dari 1992 hingga 1994, Schroders dari 1994 hingga 1995, Malaysia International Merchant Bankers Berhad dari 1996 hingga 1997, dan JPMorgan dari 1997 hingga 2005. Beliau menyertai Khazanah Nasional Berhad dari 2005 hingga 2008 sebagai Pengarah Pelaburan. Di Khazanah, beliau menduduki jawatan sebagai Lembaga Pengarah Pesuruhjaya/ Pengarah beberapa syarikat senarai awam.

TANGGUNGJAWAB

Bidang tanggungjawabnya meliputi perbankan korporat, perbankan pelaburan, perbankan transaksi, liputan pelanggan, pengurusan aset dan pasaran global yang merangkumi perniagaan di bawah Perbankan Pelaburan Global. Selain itu, beliau turut bertanggungjawab dalam perniagaan antarabangsa.

KELAYAKAN

Sarjana Muda Sains (Perakaunan), Pennsylvania State University, University Park, Amerika Syarikat. Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Denver University, Amerika Syarikat.

PERLANTIKAN JAWATANKUASA KEANGGOTAAN

Ketika ini beliau menganggotai Lembaga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Philippines Incorporated, Maybank International Labuan Limited, Kim Eng Holdings Ltd., MCB Bank Ltd Pakistan dan Maybank Asset Management Sdn Bhd.

DR. JOHN LEE HIN HOCK

– 47 Tahun

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

Dr. Lee dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko Kumpulan sejak Januari 2011.

PENGALAMAN

Dr. Lee sebelum ini berkhidmat di Amanah Merchant Bank dan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE). Sebelum perlantikannya di Maybank, beliau berkhidmat sebagai perunding dan penasihat perkhidmatan kewangan yang mana beliau menjadi rakan kongsi Penasihat Perniagaan KPMG untuk tempoh 13 tahun, membantu pelbagai institusi kewangan di seluruh pasaran Asia Pasifik. Beliau memiliki pengalaman mendalam dalam industri kewangan dan pengurusan risiko dengan pengkhususan dalam kewangan Islam, strategi perniagaan, pengurusan risiko dan pengurusan prestasi, yang menjadi aset kepada Kumpulan Maybank, terutamanya dalam menanam amalan risiko standard antarabangsa di seluruh Kumpulan Maybank.

TANGGUNGJAWAB

Dr. Lee bertanggungjawab terhadap pengurusan kredit dan risiko di seluruh Kumpulan.

KELAYAKAN

Sarjana Muda Ekonomi, Monash University, Australia. Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi, Monash University, Australia. Fellow Akauntan Amalan Bertauliah Australia (CPA Australia), ahli Persatuan Kewangan Amerika, Persatuan Ekonometrik dan Persatuan Pengajian Kewangan.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Dr. Lee pernah menjadi wakil Malaysia bagi Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko Mudah Tunai dan ahli Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko di Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSB"), badan penetapan piawaian antarabangsa bank-bank pusat dan agensi kewangan bagi memastikan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Penasihat Fakulti Perniagaan Monash University (Cawangan Malaysia) pada 23 November 2011.



dari kiri ke kanan

• Geoff Stecyk

• Nora Abd Manaf

• Tengku Dato' Zafrul Tengku Abd Aziz

NORA ABD MANAF

– 49 Tahun

Naip Presiden Eksekutif Kanan
Ketua Modal Insan Kumpulan

Nora Abd Manaf merupakan Naip Presiden Eksekutif Kanan dan Ketua Modal Insan Kumpulan.

PENGALAMAN

Sebelum menyertai Maybank, beliau berkhidmat di Kumpulan Standard Chartered selama sembilan tahun dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Sumber Manusia di Scope International (subsidiari Standard Chartered Group UK Plc). Sebelum perantaraan berkenaan, beliau merupakan sebahagian daripada tujuh orang anggota kumpulan penggabungan dan pelarasan yang dipinjamkan oleh StanChart kepada PermataBank Indonesia bagi persiapan untuk pelupusan penuh baki saham yang dipegang oleh kerajaan Indonesia dan pencapaian Strategi Perniagaan dalam Kumpulan StanChart. Jawatan yang dipegangnya ketika itu adalah sebagai Naip Presiden Eksekutif, Inisiatif Strategik. Beliau berpengalaman menyediakan organisasi yang berorientasikan kerajaan dengan lebih 15,000 kakitangan untuk bersedia dengan sistem berdasarkan prestasi sepenuhnya dan memenuhi prestasi dan budaya kerjas Standard Chartered Bank. Pengalaman ini diperolehinya dalam persekitaran kerja yang sukar disebabkan oleh penyertaan Kesatuan Sekerja yang tegar dan budaya kerja berdemonstrasi. Lain-lain peranannya dalam Kumpulan Standard Chartered termasuk memajukan ciri kepimpinannya ketika di London dan juga di Hong Kong menerusi integrasi kerja selepas pengambilalihan Chase Retail oleh Standard Chartered Bank.

Sebelum Standard Chartered, beliau berkhidmat dalam pelbagai syarikat multinasional dan pertubuhan tempatan yang besar termasuk telekomunikasi di Maxis dan separa konduktor di Intel.

TANGGUNGJAWAB

Nora menerajui aspek Modal Insan bagi tranformasi Kumpulan Maybank yang penuh berinspirasi selama 4 tahun penglibatannya.

KELAYAKAN

Nora merupakan Akauntan Bertauliah dan didaftarkan di Institut Akauntan Malaysia (MIA). Nora turut memiliki Sijil Luar Kampus Pembangunan Sumber Manusia daripada Cornell University dan merupakan Jurulatih Berdaftar Gallup Strengths Tahap II.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Nora terlibat secara aktif dalam kelompok pekerja sektor kewangan dan perniagaan di negara ini menerusi peranannya termasuk sebagai Pengerusi Persatuan Bank-Bank Perdagangan Malaysia (MCBA), Pengerusi Kumpulan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (HRMDG) di bawah tajaan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan Bank Negara Malaysia (BNM), ahli jawatankuasa Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), dan juga sebagai anggota Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC).

Nora juga telah dimasukkan dalam senarai Profesional Modal Insan HR 50 World Top 50, tahun ini. Setiap tahun, Nora telah menerima banyak undangan untuk berucap dan menjadi wakil forum yang dianjurkan di Malaysia, UK, Jepun, India, Singapura, Indonesia, China dan Hong Kong.

Tahun lalu, Nora telah dijemput menjadi seorang daripada Penceramah Fakulti di Forum Pengurusan Tertinggi ke-28 Mengenai Strategi Korporat Untuk Kemajuan Yang Mapan di Asia Pasifik. Forum ini dianjurkan Oleh Perbadanan Produktiviti Asia (APO) dengan kerjasama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun dan Pusat Produktiviti Jepun. Forum ini dianjurkan di Pusat Persidangan Antarabangsa Kyoto di Kyoto.

GEOFF STECYK

– 43 Tahun

Ketua, Perkhidmatan Transformasi Enterpris

Geoff Stecyk telah berkhidmat dalam jawatannya sebagai Ketua Perkhidmatan Transformasi Enterpris sejak 1 Julai 2010.

PENGALAMAN

Beliau menyertai Maybank pada November 2008 sebagai Ketua Pegawai Transformasi mengetuai Program Pemulihan Prestasi LEAP30. Sebelum menyertai Maybank, beliau merupakan Ketua Negara Bancasurans dengan American International Assurance (AIA) China dari 2006 hingga 2008. Lebih awal dari itu, beliau adalah Naib Presiden Eksekutif Integrasi Perniagaan Southern Bank Berhad dari 2001 hingga 2004. Beliau terlibat dalam transformasi bank tersebut meliputi semua bidang utama peruncitan dan perbankan PKS dengan tumpuan kepada usaha memacu pertumbuhan pendapatan segera untuk membiayai transformasi penstrukturan dalam jangka sederhana.

TANGGUNGJAWAB

Beliau merangka, mengarah dan memacu operasi perusahaan “Struktur Maybank” yang baru dengan mewujudkan asas yang merangkumi Teknologi Maklumat, Operasi dan Kualiti Perkhidmatan yang menyokong transformasi dan matlamat strategi jangka panjang Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab bagi Program Transformasi IT Serantau dan Transformasi Operasi untuk mewujudkan teknologi maklumat serantau dan platform operasi bagi Kumpulan.

KELAYAKAN

Sarjana Muda Perdagangan (Pemasaran/Kewangan), University of Alberta, Kanada.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Geoff merupakan anggota Jawatankuasa Pemacu Institusi Kewangan, Bank Negara Malaysia.

TENGKU DATO' ZAFRUL TENGKU ABD AZIZ

– 39 Tahun

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank Kim Eng dan Pengarah Maybank Kim Eng Holdings Limited
Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Investment Bank Bhd**

Tengku Dato' Zafrul Tengku Abdul Aziz dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Investment Bank pada Jun 2010 dan dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan Maybank Kim Eng pada 2011.

PENGALAMAN

Tengku Dato' Zafrul memiliki pengalaman yang luas dalam bidang perbankan pelaburan dan korporat menerusi jawatan utama sebagai pemimpin dalam beberapa institusi utama selama lebih 14 tahun. Sebagai CEO Maybank Investment Bank, beliau bertanggungjawab memacu perniagaan perbankan pelaburan serantau ke tahap yang lebih tinggi, menerusi penggabungan dengan Kim Eng Holdings Limited.

Beliau merupakan Pengarah Kumpulan K & N Kenanga Holdings Berhad, ahli Lembaga Pengarah Kenanga Investment Bank Berhad, Kenanga Capital Sdn Bhd dan Capital Investment Bank (Labuan) Limited. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Tune Money Sdn Bhd, Ketua Perbankan Pelaburan di Citigroup Malaysia, Pengarah Urusan Kumpulan ECM Avenue Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif Avenue Securities.

TANGGUNGJAWAB

Tengku Dato' Zafrul bertanggungjawab memacu pertumbuhan dan keuntungan serantau Maybank Investment Bank dan juga Maybank Kim Eng.

KELAYAKAN

Sarjana Muda Sains (Kepujian) Ekonomi dan Perakaunan, Bristol University, United Kingdom. Sarjana Kewangan dan Ekonomi, Exeter University, United Kingdom.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Tengku Dato' Zafrul merupakan Presiden Kelab Perniagaan Kuala Lumpur dan anggota jawatankuasa Lembaga Penasihat Fakulti Perniagaan & Perakaunan, Malaysia. Baru-baru ini beliau dilantik sebagai Pengerusi SIFE Malaysia, pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang bermatlamat untuk mempersiapkan pelajar-pelajar universiti menjadi pemimpin masa hadapan. Beliau juga dilantik sebagai anggota Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA).



dari kiri ke kanan
• Muzaffar Hisham
• Hans De Cuyper
• Dato' Khairussaleh Ramli

MUZAFFAR HISHAM

– 40 Tahun

Ketua Perbankan Islam

Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Islamic Berhad

Muzaffar Hisham merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Berhad berkuatkuasa pada 30 Mac 2011 dan Ketua Bahagian Perbankan Islam Kumpulan.

PENGALAMAN

Muzaffar memiliki pengalaman selama 18 tahun dalam perkhidmatan perbankan dan kewangan. Beliau memulakan kerjaya di Asian International Merchant Bankers Berhad di Bahagian Perbankan Korporat. Beliau kemudiannya menyertai Amanah Merchant Bank Berhad dan Amanah Short Deposits Berhad yang mana beliau terbabit secara meluas dalam perniagaan Hutang Korporat dan Pembiayaan dari hutang bersindiket hinggalah memberi nasihat mengenai sekuriti hutang swasta. Beliau turut terlibat dalam pelbagai penstrukturan hutang dan korporat sepanjang krisis kewangan 1997/1998. Sepanjang melaksanakan tugasnya di CIMB Investment Bank dan HSBC Amanah, Muzaffar terlibat dalam perniagaan perbankan pelaburan.

Sebelum menyertai Maybank, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad. Sebelum itu, beliau adalah ahli Lembaga Pengarah CIMB Insurance Brokers Sdn Bhd.

TANGGUNGJAWAB

Beliau bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelesaikan pelbagai strategi bagi keseluruhan perniagaan Perbankan Islam Kumpulan.

KELAYAKAN

Sarjana Muda Sains (Kepujian) Ekonomi dan Perakaunan, University of Bristol, United Kingdom.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Muzaffar adalah Pengerusi, Jawatankuasa Standard, Persatuan Institut Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).

HANS DE CUYPER

- 44 Tahun

Ketua, Insurans & Takaful

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Ageas Holdings Berhad

Hans De Cuyper dilantik sebagai Ketua, Insurans & Takaful dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Ageas Holdings Berhad (MAHB) pada 7 April 2011.

PENGALAMAN

Hans sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Kewangan MAHB. Dengan pengalaman selama 20 tahun dalam industri insurans termasuk 8 tahun pengalaman di Asia, beliau memiliki kemahiran dan pengetahuan serantau yang luas. Sebelum menjawat jawatan di Maybank Ageas Holdings Berhad, beliau ditempatkan di Fortis Insurance International di Hong Kong sebagai Pengarah Urusan Risiko & Kewangan bagi Asia. Beliau turut berkhidmat di ING Group selama lebih daripada sedekad dengan memegang pelbagai jawatan.

TANGGUNGJAWAB

Beliau bertanggungjawab memastikan pertumbuhan Insurans & Takaful serta Pengurusan Aset di dalam "Struktur Maybank" yang baru.

KELAYAKAN

Ijazah Sarjana Matematik, Catholic University Louvain, Belgium. Sarjana Sains Aktuarial, Catholic University Louvain, Belgium. Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Eksekutif dalam Industri Perkhidmatan Kewangan, Vlerick Management School.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah Maybank Ageas Holdings Bhd dan anak-anak syarikatnya yang terdiri daripada Etiqa Insurance Berhad, Etiqa Overseas Investment Pte Ltd, Etiqa Life International (L) Ltd, Sri MLAB Berhad, Peram Ranum Berhad dan Etiqa Takaful Berhad.

DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI

- 45 Tahun

Pengarah Presiden

Bank Internasional Indonesia (BII)

Dato' Khairussaleh Ramli dilantik sebagai Pengarah Presiden, BII pada 16 Januari 2012 oleh pemegang saham dan diluluskan oleh Bank Indonesia pada 11 April 2012.

PENGALAMAN

Dato' Khairussaleh merupakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Kumpulan Maybank dari November 2008 hingga April 2012. Sebelum menyertai Maybank, Dato' Khairussaleh berkhidmat di Telekom Malaysia Berhad (TM) selama dua tahun. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Strategi yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan strategi kumpulan, pembangunan perniagaan dan pembiayaan korporat, serta pengurusan strategik beberapa portfolio anak-anak syarikat. Beliau pernah menduduki kerusi Lembaga Pengarah VADS Berhad dan Measat Global Berhad. Beliau turut pernah menjadi Pengarah Projek bagi gerak kerja pemisahan Kumpulan TM.

Dato' Khairussaleh berkhidmat selama lapan tahun dengan Bursa Malaysia Berhad dari 1998 hingga 2006, memegang pelbagai jawatan sebelum diberi jawatan sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada 2004. Beliau adalah tenaga utama dalam penggabungan bursa dengan pusat penyelesaiannya, Pengarah Projek Bersama bagi pemisahan bursa dan mengetuai tawaran awam permulaan dan penyenaaran Bursa Malaysia. Khairussaleh berkhidmat di Kumpulan Public Bank Group selama tujuh tahun dari 1990 hingga 1997, dan mendapat pengalaman dalam perbankan korporat, pembrokeran saham dan penyelidikan serta pembrokeran kontrak hadapan. Jawatan terakhir beliau sebagai Pengarah Eksekutif PB Futures Sdn Bhd.

Dato' Khairussaleh pernah dinobatkan sebagai Ketua Pegawai Kewangan Malaysia Terbaik selama tiga tahun berturut-turut pada 2010 dan 2011 dalam undian yang dikendalikan oleh Finance Asia pada 2011 dan pada 2012 oleh Alpha Southeast Asia.

TANGGUNGJAWAB

Dato' Khairussaleh bertanggungjawab terhadap keseluruhan prestasi perniagaan dan pertumbuhan BII.

KELAYAKAN

Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Washington University, AS. Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, AS.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Tiada.



dari kiri ke kanan

• Pollie Sim

• Michael Foong Seong Yew

POLLIE SIM

– 51 Tahun

Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Singapura

Pollie Sim dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Singapura pada Julai 2006.

PENGALAMAN

Pollie memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri Perbankan dan kewangan serta pernah memegang banyak jawatan kanan dalam Kumpulan Maybank. Beliau bertanggungjawab menerajui dan membangunkan perniagaan perbankan runcit Maybank di Singapura. Sebelum menyertai Maybank Singapura, Pollie merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Mayban Finance (S) Ltd.

TANGGUNGJAWAB

Pollie bertanggungjawab memacu keseluruhan keuntungan dan pertumbuhan Maybank Singapura.

KELAYAKAN

Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Brunel University of West London, United Kingdom. Diploma Pengajian Pengurusan, Institut Pengurusan Singapura. Pada 2012, Pollie mendapat Anugerah Tertinggi FICP (Pengiktirafan Profesional Industri Kewangan) oleh Institut Perbankan & Kewangan (IBF), Singapura dan turut menerima Anugerah Kepimpinan Tertinggi Program Perbankan Pasifik Rim.

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Pollie berkhidmat sebagai Pengarah bukan eksekutif di beberapa syarikat. Jawatan yang dipegangnya ketika ini termasuk Mayban Nominees (S) Pte Ltd, syarikat subsidiari Maybank, Singapore Unit Trusts Ltd, Bosbury Pte Ltd, Sorak Financial Holdings Pte Ltd, Heartware Network, Maybank Kim Eng Holdings Ltd dan Maybank Kim Eng Securities Pte Ltd. Beliau turut menjadi anggota Jawatankuasa Persatuan Bank-bank di Singapura dan Pengerusi Majlis Pelaburan Unit Amanah Singapura. Pollie turut menganggotai Majlis Eksekutif Pakatan Majikan (EA), sebuah rangkaian perbadanan yang mewujudkan persekitaran kerja yang selesa bagi membantu integrasi keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan serta amalan terbaik sebagai strategi perniagaan untuk menguruskan bakat tenaga kerja dan meningkatkan produktiviti.

MICHAEL FOONG SEONG YEW

- 44 Tahun

Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi

Michael Foong dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi pada 3 Oktober 2011.

PENGALAMAN

Sebelum menyertai Kumpulan Maybank, Michael merupakan Pengarah Urusan Accenture, perunding amalan pengurusan di Malaysia. Beliau meluangkan masa selama 17 tahun menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dalam sektor perkhidmatan kewangan di seluruh Asia, terutamanya bank dan juga syarikat insurans dan bursa-bursa saham. Rekod perkhidmatan beliau termasuk perancangan korporat di seluruh kumpulan, merancang strategi kumpulan dan perniagaan, model operasi, proses penyusunan semula perniagaan, rangka kerja pengurusan prestasi dan strategi ICT. Antara 2004 dan 2011, beliau menumpukan kepada perancangan dan pelaksanaan program transformasi berskala besar berbilang tahun untuk bank di Malaysia dan Singapura.

Michael pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan di Accenture. Beliau bersama-sama menguruskan unit Penerokaan Teknologi Asia-Pasifik milik Accenture dari 2000 hingga 2002, dan diikuti dengan pejabat Pembangunan Korporat Accenture di Asia-Pasifik. Michael telah berkhidmat di seluruh pelusuk Asia Pasifik dan meluangkan masa selama tujuh tahun menerajui pejabat Accenture di Beijing, Shanghai, Hong Kong, Sydney, Singapura, Tokyo dan Jakarta.

TANGGUNGJAWAB

Beliau bertanggungjawab menguruskan program transformasi Kumpulan di seluruh rantau dan membangunkan objektif strategik jangka panjang Kumpulan. Beliau turut memantau operasi Pembangunan Korporat yang meliputi agenda inovasi dan projek khas Kumpulan, serta unit Kaedah dan Sistem yang merangkumi projek penambahbaikan proses perniagaan.

KELAYAKAN

Sarjana Sastera bagi Pengajian Ekonomi dan Pengurusan daripada Cambridge University (1991). Program Pengurusan Perniagaan Lanjutan dari Kellogg Graduate School of Management di Northwestern University, Chicago (1998).

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN/PERLANTIKAN

Tiada.

PENGENALAN

Selari dengan aspirasi serantau Kumpulan, Lembaga Pengarah telah berusaha untuk memastikan standard yang tinggi dalam tadbir urus korporat yang bermatlamat untuk terus meningkatkan nilai pegangan pemegang kepentingan, meningkatkan keyakinan pelabur, mewujudkan kepercayaan pelanggan, membina syarikat yang berdaya saing, dan pada masa yang sama, tidak membelakangkan pemegang kepentingan luar negara dengan mewujudkan dan memantau keperluan terhadap dasar dan proses tadbir urus rentas sempadan.


Model tadbir urus korporat Kumpulan Maybank mengguna keperluan dan garis panduan berikut:-

- (i) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (dirujuk sebagai "Kod" atau MCCG 2012);
- (ii) Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi Bank Institusi Berlesen dan Bank Negara Malaysia ("BNM/GP1") yang disemak semula;
- (iii) Keperluan Penyenaraian ("Keperluan Penyenaraian") Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities");
- (iv) Buku Hijau Peningkatan Kecekapan Pengarah ("Buku Hijau") oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC;
- (v) Panduan Tadbir Urus Korporat ("Panduan CG") oleh Bursa Malaysia; dan
- (vi) Garis panduan tadbir urus korporat Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti ("MSWG").

Maybank turut memantau kemajuan standard tadbir urus korporat yang diamalkan oleh pertubuhan-pertubuhan serta institusi utama dan terkemuka di rantau ini dan di seluruh dunia untuk memastikan pendekatan yang digunakan di Malaysia dan di negara-negara Kumpulan beroperasi adalah selari dengan amalan terbaik antarabangsa yang terkini.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini bertujuan untuk memberi pandangan menyeluruh yang penting kepada pelabur terhadap amalan tadbir urus korporat dalam Kumpulan.

Lembaga Pengarah komited untuk mencapai standard tertinggi dari segi integriti perniagaan, etika dan profesionalisma dalam semua aktiviti Kumpulan. Pendekatan asas yang adalah untuk memastikan kepimpinan eksekutif yang betul, strategi dan kawalan dalaman bagi pengurusan risiko sentiasa menjadi amalkan. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah memastikan ia sentiasa menyemak model tadbir urus bagi memastikan ianya kekal relevan, berkesan dan berupaya memenuhi cabaran masa hadapan.



Lembaga Pengarah memaklumkan para pemegang saham mengenai model tadbir urus korporat dan Kod pada tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2012, sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini.

Secara umumnya, Maybank mematuhi prinsip yang ditetapkan dalam MCCG 2012 dan aplikasi dalam setiap prinsip ini akan dinyatakan dalam setiap bahagian dalam Penyata Tadbir Urus Korporat dan juga Laporan Tahunan ini.

LEMBAGA PENGARAH

Piagam Lembaga Pengarah

Buku Panduan Lembaga Pengarah (Buku Panduan) ini menjadi rujukan utama bagi para pengarah berkenaan peranan, kuasa, tugas-tugas dan fungsi Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah Maybank sentiasa peka tentang keperluan untuk menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham Kumpulan, pelanggan dan pihak-pihak pemegang kepentingan, dalam dan juga di luar negara. Selain mencerminkan amalan terbaik dalam peraturan dan perundangan yang relevan pada ketika ini, buku panduan ini turut menghuraikan proses dan prosedur untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan Lembaga Pengarah Kumpulan serta jawatankuasanya. Ia merupakan satu dokumen yang akan dikemas kini dari masa ke masa untuk mencerminkan perubahan dasar, prosedur dan proses Bank serta peraturan berkenaan yang dipinda, atau akan dikaji sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua tahun, mana-mana yang terdahulu.

Lembaga Pengarah menggalakkan anak-anak syarikat dalam dan luar negara, untuk mengguna buku panduan yang seumpamanya untuk setiap entiti korporat masing-masing.

Antara lainnya, Buku Panduan tersebut mengandungi terma rujukan yang nyata serta had kuasa bagi Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya, dan pelbagai dasar dalaman yang relevan.

Bab-bab yang terdapat dalam Manual tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Piawaian pelaksanaan perniagaan Kumpulan;
- (ii) Tugas dan kewajipan Pengarah;
- (iii) Pelantikan dan peletakan jawatan Pengarah;
- (iv) Struktur Tadbir Urus;
- (v) Prosiding Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa;
- (vi) Manfaat bagi Pengarah;
- (vii) Penyaluran maklumat kepada Lembaga Pengarah;
- (viii) Program latihan dan induksi;
- (ix) Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
- (x) Konflik kepentingan dan urusaniaga pihak berkaitan
- (xi) Dasar-dasar utama lain bagi Bank dan Kumpulan.

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab secara keseluruhan untuk meninjau dan meluluskan strategi keseluruhan perniagaan dan organisasi, dan dasar signifikan Bank. Lembaga Pengarah juga menetapkan nilai teras syarikat dan mengguna pakai piawaian tepat untuk memastikan Bank beroperasi dengan integriti dan selaras dengan peraturan dan perundangan yang bersesuaian.

Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berkaitan hal-hal yang dikhaskan untuk diputuskan yang meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- Mengkaji dan meluluskan rancangan perniagaan strategik bagi Bank dan Kumpulan;
- Mengenal pasti dan menguruskan risiko utama yang mempengaruhi Kumpulan;
- Mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan;
- Mengawasi tatalaku dan prestasi perniagaan Kumpulan;
- Meluluskan pelantikan dan pampasan kakitangan pengurusan kanan;
- Meluluskan dasar baru berkaitan gaji dan faedah kakitangan;
- Meluluskan perubahan struktur organisasi korporat;
- Meluluskan pelantikan Pengarah dan emolumen Pengarah serta faedah selaras dengan undang-undang yang relevan;
- Meluluskan dasar yang berkaitan dengan program penjenamaan korporat, hubungan awam, hubungan pelabur dan komunikasi pemegang saham; dan
- Mengkaji strategi kenaikan pangkat dalam Kumpulan dengan memberi tumpuan yang mampan terhadap aspek persekitaran sosial dan tadbir urus.

Selain daripada peruntukan khusus untuk Lembaga Pengarah dalam Terma Rujukan, tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti perniagaan Maybank diserahkan kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Bank, yang akan melapor kepada Lembaga Pengarah.

Komposisi dan keseimbangan Lembaga Pengarah

Ketika ini Lembaga Pengarah Maybank terdiri daripada 12 orang Pengarah. Sembilan orang Pengarah terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dua adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (mewakili Permodalan Nasional Berhad ("PNB")) dan seorang Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (PCEO).

Bilangan Lembaga Pengarah ini adalah selaras dengan Bab 15.02 Keperluan Penyenaraian kerana lebih daripada separuh adalah Pengarah Bebas.

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan kepelbagaian dan perincian dalam komposisi dan pertimbangannya. Lembaga Pengarah telah mengambil kira Cadangan 2.2 MCCG 2012 berkenaan pembentukan dasar yang menerima dengan rasmi pendekatan ahli lembaga mengenai kepelbagaian dan langkah-langkah sedang diambil untuk menyemak Buku Panduan yang mengambil kira pengumuman oleh kerajaan mengenai kepelbagaian jantina dan bilangan pengarah wanita yang seharusnya dilantik menjelang 2016. Lembaga Pengarah juga telah mempertimbangkan untuk menyemak dasar dalaman untuk mencapai sasaran tersebut. Dengan operasi Kumpulan yang semakin membesar di luar Malaysia, Lembaga Pengarah, bagaimanapun, telah memastikan kepelbagaian menerusi perwakilan bukan warga Malaysia, dan sentiasa memberi tumpuan terhadap pemilihan calon-calon yang layak yang membawa nilai dan kemahiran ke dalam Lembaga Pengarah.

Para pengarah menyediakan ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dalam bidang-bidang utama antaranya seperti perakaunan, perundangan, sekuriti, operasi perniagaan antarabangsa dan pembangunan, kewangan dan risiko pengurusan. Profil ringkas setiap ahli Lembaga Pengarah boleh didapati di halaman 174 hingga 181 Laporan Tahunan ini.

Lembaga Pengarah menegaskan bahawa pemilihan Pengarah dibuat adalah berdasarkan merit mengikut kriteria yang digariskan dalam Dasar Kumpulan mengenai Kriteria Layak dan Sesuai untuk Perlantikan Pengerusi, Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Institusi Berlesen dalam Kumpulan Maybank ("Dasar Kesesuaian dan Kelayakan") sebagaimana yang dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ("NRC").

Kebebasan Pengarah dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Komposisi semasa Lembaga Pengarah, dengan sebahagian besar terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, memastikan dan menyediakan pandangan pengurusan yang kukuh dan bermakna. Komposisi Lembaga Pengarah mencerminkan kepentingan pemegang saham majoriti, yang diwakili secukupnya oleh pelantikan wakil Pengarah, dan diseimbangkan dengan kepentingan pemegang saham minoriti. Pengarah Bukan Eksekutif tidak mengambil bahagian dalam pengurusan harian Kumpulan dan tidak terlibat dalam sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Kumpulan (selain daripada situasi yang dibenarkan oleh peraturan) dalam memastikan bahawa mereka benar-benar mampu melaksanakan penilaian bebas dan bertindak untuk kepentingan terbaik kepada Kumpulan dan pemegang saham. Seterusnya, Lembaga Pengarah berpuas hati dan yakin bahawa tidak ada individu atau kumpulan Pengarah mempunyai kuasa yang membelenggu keputusan yang boleh mewujudkan potensi konflik kepentingan.

Pengarah Bukan Eksekutif Maybank terus proaktif dalam melibatkan diri dengan pengurusan kanan dan pihak lain yang berkaitan seperti juruaudit luaran/dalaman dan unit Pematuhan Bank, dan unit Risiko. Mereka memastikan bahawa pelbagai kebimbangan dan isu relevan kepada pengurusan dan pengawasan perniagaan dan operasi Bank dan Kumpulan ditangani dengan baik. Komitmen Lembaga Pengarah untuk memastikan tadbir urus baik dalam mempertimbangkan isu-isu utama terbukti dengan pengenalan “Waktu Perbincangan Lembaga Pengarah Tanpa Pengurusan” sebagai item kekal dalam agenda mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah (di akhir setiap mesyuarat).

Berlandaskan BNM/GP1 bahawa Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, tidak memiliki kepentingan ekuiti lebih daripada 5% dalam institusi berlesen atau syarikat berkaitan, atau mempunyai hubungan dengan pemegang saham utama institusi berlesen, semua Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Maybank mematuhi peraturan ini.

Selain itu, Lembaga Pengarah memastikan bahawa semua Pengarah Bukan Eksekutif Bebas mempunyai kualiti-kualiti berikut:

- Mampu mencabar andaian, pendapat atau pandangan orang lain dengan persoalan bijak, perdebatan konstruktif dan teliti, dan membuat keputusan tidak berat sebelah untuk kebaikan Bank;

- Sentiasa bersedia untuk mempertahankan pandangan, keyakinan dan pendapat sendiri untuk kepentingan utama Bank; dan
- Memiliki pemahaman baik tentang aktiviti perniagaan Bank untuk memberi maklum balas tepat berhubung isu-isu strategik dan teknikal yang diajukan oleh Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa kesemua sembilan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, iaitu Dato' Mohd Salleh Hj Harun, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil, Dato' Seri Ismail Shahudin, Dato' Dr Tan Tat Wai, Dato' Johan Ariffin, Mr. Cheah Teik Seng, En. Alister Maitland, Datuk Mohaiyani Shamsudin, dan En. Erry Riyana Hardjapamekas, memenuhi keperluan-keperluan tersebut.

Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas

Selari dengan amalan terbaik tadbir urus korporat, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil terus memainkan peranan beliau sebagai Pengarah Kanan Bebas (“SID”) dalam Lembaga Pengarah di mana sebarang isu atau kebimbangan pemegang saham dan pemegang kepentingan boleh diajukan kepada beliau. Beliau bertanggungjawab untuk menangani isu-isu yang telah dikemukakan oleh para pemegang saham. Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan anggota Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Beliau boleh dihubungi di e-mel berikut: adenan.aj@maybank.com.my.

Proses perlantikan Lembaga Pengarah

Terdapat prosedur formal dan telus bagi pelantikan Pengarah baru ke dalam Lembaga Pengarah, tanggungjawab utama yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (“NRC”). Prosedur ini selari dengan Dasar Kesesuaian dan Kelayakan (yang dilaksanakan pada Ogos 2006) dan BNM/GP1. Di bawah prosedur ini, NRC mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon yang sesuai untuk jawatan Pengarah serta perlantikan Pengurusan kanan Bank dan anak syarikat yang berkaitan. NRC turut memastikan calon memenuhi syarat-syarat yang relevan dari segi kemahiran dan kecekapan teras seorang Pengarah dan dianggap sesuai serta layak untuk dilantik sebagai Pengarah selaras dengan Dasar Kesesuaian dan Kelayakan, mengikut Keperluan Penyenaraian dan MCCG 2012 yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT


Dasar Kesesuaian dan Kelayakan menggariskan sifat dan kelayakan calon untuk menentukan kesesuaiannya, antara lain, dalam hal pengurusan dan pengalaman kepimpinannya, yang seharusnya berada di tahap yang paling kanan dalam kumpulan perkhidmatan kewangan tempatan atau antarabangsa, syarikat awam atau firma/badan profesional. Dari segi kemahiran, keahlian dan latar belakang calon, beliau seharusnya mempunyai pelbagai kemahiran, termasuklah kemahiran perniagaan, undang-undang dan kepakaran kewangan, pengetahuan profesional dan pengalaman dalam industri kewangan, serta pengalaman dalam pasaran serantau dan antarabangsa.

Dalam membuat pilihan, Lembaga Pengarah dengan bantuan NRC boleh juga mempertimbangkan aspek-aspek yang berikut:

- (i) Jujur, integriti, reputasi – seseorang itu perlu memiliki kualiti peribadi seperti ikhlas, integriti, tekun, pemikiran terbuka dan adil.
- (ii) Cekap dan berupaya – seseorang itu mestilah memiliki kemahiran yang sewajarnya, keupayaan dan komitmen untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
- (iii) Integriti kewangan – seseorang itu mampu menguruskan hutang atau urusan kewangannya secara berhemah.

Dasar Kesesuaian dan Kelayakan ini juga penting sebagai garis panduan untuk mengenal pasti jurang kemahiran dalam komposisi Lembaga Pengarah. Dasar tersebut menghuraikan keperluan bagi Pengarah Bukan Eksekutif Maybank yang telah mencapai usia 70 dan ke atas, dan mereka yang telah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah selama 12 tahun atau lebih, untuk menyerahkan surat peletakan jawatan mereka setiap tahun kepada NRC enam bulan sebelum AGM, untuk membolehkan cadangan tepat dibuat oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mengambil perhatian pandangan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) yang kini telah diperbadankan di dalam MCCG 2012, bahawa terma perantukan untuk Pengarah Bukan Eksekutif Bebas tidak boleh lebih daripada sembilan tahun. Lembaga Pengarah kemungkinan akan membuat pertimbangan untuk menukar dasarnya.

Proses pencalonan dibuat dengan jelas dan telus seperti ditetapkan dalam dasar Proses Pencalonan bagi perantukan Pengerusi, Pengarah dan CEO sebuah Institusi Berlesen dalam Kumpulan (Dasar Proses Pencalonan). Proses pencalonan ini melibatkan lima tahap seperti berikut:-



Bergantung kepada kelulusan lembaga yang berkenaan dalam Kumpulan Maybank, permohonan perantukan seseorang calon itu akan diserahkan kepada BNM sebagaimana yang diperlukan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan, 1989 ("BAFIA") dan Akta Insurans 1996 dan Akta Takaful 1984, yang mana perlu.

Proses perantukan bagi Pengarah Eksekutif pada dasarnya akan meliputi mengenalpasti calon berpotensi oleh sebuah jawatankuasa khas Lembaga berdasarkan keterangan jangkaan peranan dan kemampuan yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah. Ia kemudian diikuti dengan pengajuan ke NRC untuk dibincangkan dan akhirnya, cadangan muktamad dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia juga untuk kelulusan.

Selaras dengan Dasar Kelayakan dan Kesesuaian bagi Perantukan Tanggungjawab Utama (KRP) dan selaras dengan BNM/GP1, pihak Bank turut melaksanakan penilaian bertempoh bagi kesesuaian para Pengarah untuk terus berada dalam jawatan kepimpinan strategiknya, selepas proses perantikannya. Penilaian Kelayakan dan Kesesuaian bagi KRP melibatkan semakan bebas terhadap pengisytiharan peribadi oleh para Pengarah dan juga sebarang kepentingan perniagaan berkaitan Bank selari dengan sekyen 64 BAFIA dan BNM/GP1 bagi memastikan para Pengarah sesuai untuk terus berkhidmat sebagai pengarah Bank.

Persaraan dan pemilihan semula pengarah

Untuk peluang pertama, selepas perantukan, semua pengarah Bank, termasuk PCEO, adalah tertakluk kepada pemilihan semula oleh para pemegang saham selepas perantukan mereka dan tertakluk kepada pemilihan semula sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun selaras dengan Tataurus dan Tatatadbir Bank. Sokongan Lembaga Pengarah bagi pemilihan semula Pengarah bukanlah secara automatik tetapi bergantung kepada penilaian prestasi yang memuaskan.

Pengarah yang perlu dipilih semula pada AGM akan terlebih dahulu dinilai oleh NRC, yang kemudian mengemukakan cadangannya kepada Lembaga Pengarah untuk dibincang dan diluluskan. Setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, permohonan yang wajar termasuk sebab-sebab pemilihan semula dibuat bagi mendapatkan kelulusan BNM, sekiranya tempoh perantukan BNM untuk Pengarah berkenaan tamat.

Keempat-empat Pengarah yang tiba masa untuk dipilih semula pada AGM akan datang, telah menunjukkan sikap boleh dicontohi dan memenuhi jangkaan Lembaga Pengarah, termasuklah sumbangan mereka pada perbincangan Lembaga Pengarah.

Kecekapan Lembaga Pengarah dan Pengarah Individu

Setiap tahun, NRC menyediakan prosedur formal dan telus bagi penilaian keberkesanan Pengarah secara individu, Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya secara keseluruhan, serta prestasi PCEO, mengikut kemahiran dan pengalaman masing-masing, berdasarkan kepada Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah dan Rakan Kerja.

Penilaian ini terutamanya berdasarkan jawapan ke atas soal selidik yang disediakan di peringkat dalaman oleh Perkhidmatan Korporat dan Perundangan ("CLS") Maybank. Borang penilaian diagihkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah dan meliputi topik, antaranya, tanggungjawab Lembaga Pengarah berhubung perancangan strategik, pengurusan risiko, pengurusan prestasi, laporan kewangan, audit dan proses dalaman, pengurusan sumber manusia, tanggungjawab sosial korporat, komunikasi, tadbir urus korporat serta kepentingan dan nilai pemegang saham. Bidang lain yang dinilai termasuk komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat, keputusan dan pendapat Lembaga Pengarah, maklumat dan sokongan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah serta tatacara mesyuarat.

Keputusan penilaian Lembaga Pengarah dan jawatankuasa dikaji di peringkat Lembaga Pengarah dan program tindakan penambahbaikan dikenalpasti, yang mungkin meliputi keperluan latihan Pengarah secara individu, akan dikaji setiap suku tahun berikutnya. Pengerusi akan berbincang dengan ahli secara individu berhubung penilaian mereka sementara Pengerusi NRC akan berbincang dengan Pengerusi Lembaga Pengarah mengenai keputusan penilaian beliau.

Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan komposisinya dan berpuas hati bahawa ia cekap dan berkesan dalam melaksanakan perbincangan mengikut BNM/GP1. Saiz Lembaga Pengarah buat masa ini membolehkan ia untuk melaksanakan peranannya secara profesional dengan mengambil kira saiz, keluasan dan kerumitan aktiviti perniagaan Kumpulan, di dalam negara mahupun antarabangsa. Perubahan Lembaga Pengarah pada masa hadapan mungkin dibuat untuk meningkatkan kemahiran atau membolehkan perancangan pengganti secara teratur.

Pengerusi sentiasa cuba memastikan bahawa keputusan Lembaga Pengarahnya berdasarkan persetujuan bersama (jika tidak, sekurang-kurangnya berdasarkan kehendak majoriti), dan sebarang kebimbangan atau percanggahan pendapat Pengarah tentang masalah yang dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa serta keputusan mesyuarat, akan ditangani sewajarnya dan dicatatkan dalam minit mesyuarat berkenaan.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO)

Selari dengan amalan terbaik dan pemantauan oleh pihak Pengurusan, peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO) dibahagikan dengan jelas, dan didokumentasi sebagaimana diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Perbezaan ini membolehkan pemahaman yang lebih baik dan pengagihan tanggungjawab bidang kuasa dan kebolehpercayaan. Struktur hierarki yang jelas dengan pendekatan fokus dan had kuasa berkaitan juga memudahkan kecekapan dan mempercepatkan proses membuat keputusan.

Pengerusi

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor ialah Pengerusi Maybank. Sebelum dilantik sebagai pengerusi Maybank pada 1 Oktober 2009, beliau merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Maybank dari Julai 2004 hingga Februari 2009. Beliau tidak pernah memegang jawatan eksekutif di Maybank.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Sebelumnya, beliau telah menjadi Pengerusi bagi dua syarikat senarai awam iaitu Shell Refining Company Berhad dan Maxis Communications Berhad.

Pengerusi menerajui Lembaga Pengarah serta bertanggungjawab untuk memastikan prestasi berkesan Lembaga Pengarah. Pengerusi sentiasa bekerjasama dengan ahli Lembaga Pengarah lain dalam merangka dasar untuk menyelaraskan aktiviti perniagaan yang diterajui oleh pengurusan kanan selaras dengan matlamat dan aspirasi Kumpulan, di samping memantau pelaksanaannya. Pengerusi memastikan pelaksanaan dan prosiding teratur Lembaga Pengarah, di mana perbincangan dan penghujahan yang bermanfaat mengenai sesuatu isu yang dibahaskan adalah digalakkan bagi mencerminkan tahap skeptisisme kebebasan yang tepat.

Pengerusi akan menerajui usaha untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan program perancangan pengganti untuk Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Beliau juga menggalakkan hubungan kerja sihat dengan PCEO dan menyediakan sokongan yang diperlukan dan nasihat yang sesuai. Beliau terus menunjukkan standard tertinggi amalan tadbir urus korporat dan memastikan bahawa amalan-amalan ini diberitahu kepada pemegang kepentingan.

The Presiden & CEO

Dato' Sri Abdul Wahid Omar telah menjadi PCEO dan Pengarah Eksekutif Maybank sejak Mei 2008.

Sebagai PCEO, beliau diberi tanggungjawab tertentu oleh Lembaga Pengarah, khususnya untuk mengawasi operasi harian dalam memastikan kelancaran dan kecekapan Kumpulan. Selain itu, beliau bertanggungjawab untuk menggariskan rancangan jangka sederhana hingga panjang untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, dan melaksanakan dasar-dasar dan keputusan Lembaga Pengarah, serta menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan strategi perniagaan dan korporat, khususnya dengan memastikan ia dilaksanakan untuk menjana hasil yang diinginkan, khasnya pembentukan tindakan pembaikan bagi mengatasi sebarang masalah yang dikenal pasti. Beliau juga bertanggungjawab untuk membangunkan dan menterjemah strategi ke dalam matlamat dan keutamaan, serta menetapkan strategi dasar dan arah operasi perniagaan, pelaburan dan aktiviti lain mengikut pengurusan risiko kawalan yang berkesan.

Sebagai PCEO, beliau memastikan amalan pengurusan kewangan pada tahap tertinggi dari segi integriti dan ketelusan untuk manfaat pemegang saham serta perniagaan dan hal

ehwal Bank dijalankan secara beretika dan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

PCEO turut diberi tanggungjawab untuk memastikan walaupun matlamat utama adalah memaksimumkan pulangan pemegang saham, faktor sosial dan persekitaran tidak diabaikan, dan juga membangun dan mengekalkan program komunikasi dan dialog yang kukuh bersama pemegang saham, pelabur, penganalisis dan juga kakitangan, selain menyediakan kepimpinan yang berkesan bagi Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab memastikan kompetensi pengurusan yang tinggi serta pelaksanaan rancangan penggantian pengurusan yang cekap bagi mempertahankan kelangsungan operasi. PCEO, berdasarkan kedudukannya sebagai ahli Lembaga Pengarah, juga berfungsi sebagai perantara Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat setiap bulan berserta mesyuarat tambahan apabila terdapat masalah mendesak yang diperlu diputuskan antara mesyuarat yang dijadualkan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak 18 kali berunding dan mempertimbangkan pelbagai hal penting yang memerlukan panduan dan kelulusannya.

Semua Pengarah telah memenuhi syarat-syarat bahawa Pengarah harus menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun kewangan sesuai dengan BNM/GP1, dan menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan selaras dengan Keperluan Penyenaraian. Semua Pengarah telah memenuhi syarat-syarat bahawa Pengarah harus menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun kewangan sesuai dengan BNM/GP1, dan menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Amalan semasa adalah memilih anggota Lembaga Pengarah untuk menganggotai Lembaga Pengarah anak syarikat, terutamanya di luar negara. Ia diteruskan untuk mengekalkan kawalan dan memastikan operasi anak syarikat masing-masing selaras dengan strategi dan matlamat Kumpulan. Melangkah ke hadapan, bagi memastikan tadbir urus Kumpulan sentiasa memberi tumpuan kepada strategi dan operasi, selaras dengan aspirasi korporat dan pembesaran operasi serantau, lebih ramai anggota utama Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan akan menyertai Lembaga Pengarah anak syarikat.

Maklumat kehadiran setiap Pengarah sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah			Bilangan Mesyuarat CRC			Bilangan Mesyuarat ACB		
	Diadakan	Hadir	%	Diadakan	Hadir	%	Diadakan	Hadir	%
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor	18	18	100	-	-	-	-	-	-
Dato' Mohd Salleh Hj Harun	18	15	83	-	-	-	-	-	-
Dato' Sri Abdul Wahid Omar	18	18	100	50	39	78	-	-	-
Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil	18	15	83	-	-	-	14	14	100
Dato' Seri Ismail Shahudin	18	16	89	50	33	66	-	-	-
Dato' Dr Tan Tat Wai	18	18	100	-	-	-	-	-	-
Encik Zainal Abidin Jamal	18	18	100	50	38	76	-	-	-
Mr. Alister Maitland	18	17	94	-	-	-	-	-	-
Mr. Cheah Teik Seng	18	18	100	-	-	-	14	14	100
Dato' Johan Ariffin	18	17	94	50	36	72	14	14	100
Dato' Sreesanthan Eliathamby ¹	5	4	80	-	-	-	3	3	100
Datuk Mohaiyani Shamsudin ²	18	17	94	46	37	80	-	-	-
Mr. Erry Riyana Hardjapamekas ³	10	10	100	-	-	-	7	7	100

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat RMC			Bilangan Mesyuarat NRC			Bilangan Mesyuarat ESS		
	Diadakan	Hadir	%	Diadakan	Hadir	%	Diadakan	Hadir	%
Dato' Mohd Salleh Hj Harun	-	-	-	11	11	100	6	6	100
Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil	-	-	-	11	9	82	6	5	83
Dato' Dr Tan Tat Wai	9	9	100	11	11	100	6	6	100
Encik Zainal Abidin Jamal	-	-	-	11	10	91	6	5	83
Mr. Alister Maitland	9	8	89	11	10	91	6	5	83
Mr. Cheah Teik Seng	9	9	100	-	-	-	-	-	-
Dato' Sreesanthan Eliathamby	2	2	100	-	-	-	-	-	-

Nota-nota:-

- * Semua Ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah memenuhi purata maksimum kehadiran mesyuarat yang diperlukan. Bagi CRC, keperluan kehadiran minimumnya adalah sebanyak 60% dalam mana-mana tahun kewangan.
- 1 Bersara daripada Lembaga Pengarah (dan juga RMC dan ACB) berkuatkuasa daripada 29 Mac 2012.
- 2 Dilantik sebagai ahli CRC berkuatkuasa dari 19 Januari 2012.
- 3 Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah, Pengarah dan ACB berkuatkuasa dari 25 Jun 2012.

Ganjaran Pengarah

Ganjaran Pengarah secara amnya ditentukan pada kadar yang berdaya saing untuk menarik dan mengekalkan Pengarah yang berkualiti untuk menyumbang kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dan setara dengan tanggungjawab untuk menguruskan operasi Kumpulan dengan berkesan. Pada 2010, Lembaga telah melantik Tetuan. PricewaterhouseCoopers (PwC), untuk melaksanakan semakan yang bebas dan menyeluruh terhadap rangka kerja ganjaran Bank. Secara kebetulan PwC turut diminta oleh Bank Negara Malaysia – Pendidikan Pengarah-pengarah Institusi Kewangan (BNM-FIDE) untuk menilai rangka kerja bagi memberi ganjaran NED akibat krisis kewangan global. Selepas semakan, rangka kerja ganjaran yang diguna telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 30 Julai 2010 dan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Maybank Ke-50 yang berlangsung pada 29 September 2010.

Inisiatif dalaman, yang digerakkan oleh Perkhidmatan Korporat dan Perundangan Kumpulan turut melaksanakan penilaian yang berterusan terhadap rangka kerja ganjaran yang sedia ada.

Komponen ganjaran Pengarah Eksekutif distrukturkan supaya ia selari dengan ganjaran jangka pendek dan panjang bagi prestasi korporat dan individu. Pakej ganjaran sedemikian rupa bagi Pengarah Eksekutif telah dibuat. Ia boleh berubah bergantung kepada prestasi Kumpulan sepanjang tahun, mengikut Prestasi Petunjuk Utama dan kad skor yang selaras dengan matlamat korporat, dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Bagi Pengarah Bukan Eksekutif ("NED"), tahap ganjaran secara umumnya menunjukkan tahap pengalaman dan tanggungjawab dilaksanakan. Penentuan pakej ganjaran bagi NED termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif, adalah perkara yang ditentukan Lembaga Pengarah secara keseluruhan menurut cadangan relevan yang dibuat oleh NRC, selepas semakan dengan penanda aras bebas bagi jawatan seumpamanya di luar Bank.

Dasar Imbuhan Pengarah buat masa ini adalah seperti berikut:

- (a) Gaji pokok
Gaji pokok Pengarah Eksekutif adalah berdasarkan cadangan dari NRC, selepas semakan dengan penanda aras bebas bagi jawatan seumpamanya di luar Bank.
- (b) Yuran dan mesyuarat Pengarah (berkuatkuasa 1 Julai 2010)
Untuk Lembaga Pengarah, RM300,000 setahun bagi Pengerusi, RM285,000 setahun bagi Naib Timbalan Pengerusi dan RM190,000 setahun bagi setiap NED. Elaun mesyuarat bagi Pengarah berjumlah RM1,500 bagi setiap mesyuarat.

Untuk Jawatankuasa Pengarah, RM45,000 setahun bagi Pengerusi Jawatankuasa Pengarah dan RM30,000 setahun bagi setiap ahli jawatankuasa. Elaun mesyuarat bagi jawatankuasa Pengarah berjumlah RM1,000 bagi setiap mesyuarat.
- (c) Manfaat barangan dan emolumen
Manfaat bagi NED termasuklah perlindungan kesihatan, insurans (Kemalangan Peribadi Kumpulan, Insurans Hayat Kumpulan, Liabiliti Pengarah-Pengarah & Pegawai-Pegawai), manfaat perjalanan dan penggunaan pangsapuri/banglo percutian Maybank.

Pengerusi juga dibayar emolumen lain secara bulanan bersesuaian dengan tanggungjawab yang dipikul, misalnya dalam mewakili Kumpulan dan usaha membina keupayaan organisasi.

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Maybank yang diadakan pada 13 Jun 2011, pemegang saham telah meluluskan Skim Saham Kakitangan ("ESS") yang menyediakan tawaran dan memberikan opsyen kepada kakitangan yang layak. EGM turut meluluskan peruntukan opsyen dan/atau memberikan saham kepada PCEO, untuk melanggan sehingga tahap maksimum 5,000,000 saham Maybank. Jumlah saham yang ditawarkan kepada PCEO, sebagai kakitangan yang layak, di bawah ESS adalah berdasarkan kepada Kumpulan dan juga prestasi yang dicapai pada akhir tahun kewangan, seperti yang ditetapkan dalam Kad "Skor Seimbang" Kumpulan/PCEO.

Para NED tidak layak menyertai ESS ini.

Ringkasan jumlah keseluruhan imbuhan Pengarah, membezakan antara Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, secara agregat dengan kategori komponen bersesuaian bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:-

	Gaji (RM)	Bonus (RM)	Yuran Pengarah (RM)	Lain-lain Emolumen (RM)	Ganjaran barangan (RM)	ESS (RM)	Jumlah (RM)
Pengarah Eksekutif							
Dato' Sri Abdul Wahid Omar	1,632,000	2,380,000		854,800	42,136	1,353,749	6,262,685
JUMLAH	1,632,000	2,380,000		854,800	42,136	1,353,749	6,262,685
Pengarah Bukan Eksekutif							
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor			300,000	577,000	39,640		916,640
Dato' Mohd Salleh Hj Harun			375,000	41,000	33,946		449,946
Tan Sri Dr Hadenan A. Jalil			295,000	52,000	2,671		349,671
Dato' Seri Ismail Shahudin			235,000	57,000	375		292,375
Dato' Dr Tan Tat Wai			295,000	53,000	200		348,200
Encik Zainal Abidin Jamal			280,000	80,000	2,283		362,283
Mr. Alistair Maitland			280,000	48,500			328,500
Mr. Cheah Teik Seng			250,000	50,000	2,871		302,871
Dato' Johan Ariffin			250,000	75,500	2,769		328,269
Dato' Sreesanthan Eliathamby			62,500	11,000			73,500
Datuk Mohaiyani Shamsudin			220,000	62,500	200		282,700
Mr. Erry Riyana Hardjapamekas			113,667	22,000	50		135,717
JUMLAH			2,956,167	1,129,500	85,005		4,170,672
JUMLAH KESELURUHAN	1,632,000	2,380,000	2,956,167	1,984,300	127,142	1,353,749	10,433,357

Nota:

Emolumen Pengarah Eksekutif termasuk elaun dan bayaran balik.

Kualiti dan penyediaan maklumat untuk Lembaga Pengarah

Bagi melaksanakan tugas dengan berkesan, Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tidak terbatas terhadap semua maklumat berkaitan perniagaan dan hal ehwal serta nasihat dan khidmat pengurusan kanan Kumpulan. Selain daripada mesyuarat Lembaga Pengarah rasmi, Pengerusi juga mengekalkan komunikasi yang kerap dengan PCEO untuk membincangkan hal-hal khusus dan dibantu pula oleh Setiausaha Syarikat dalam memastikan komunikasi yang kerap dan pada waktunya antara pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah pada setiap masa.

Para Pengarah juga kerap dimaklumkan tentang sebarang peraturan dan garis panduan baru, serta sebarang pindaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa lain, termasuk cadangan perubahan dalam undang-undang korporat Malaysia mahupun antarabangsa, terutamanya kesan daripada perubahan atau pindaan tersebut ke atas para Pengarah khususnya, dan Bank serta Kumpulan secara amnya.

Perkembangan terkini utama berkenaan perubahan dijangka berlaku yang akan memberi kesan kepada institusi kewangan berikutan keputusan Parlimen terhadap Bil Perkhidmatan Kewangan 2012 yang baru.

Tujuan utama Garis Agenda Tahunan Lembaga Pengarah (diperkenalkan pada tahun kewangan lepas) adalah untuk membawa perhatian Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah yang berkaitan serta pengurusan kanan berhubung hal-hal selain dari "kebiasaan" bagi sepanjang tahun tersebut. Cara ini membolehkan perancangan yang lebih baik di samping lebih keberkesanan dari segi masa untuk pelbagai pihak yang terlibat. Ia juga mewujudkan rasa disiplin yang lebih tinggi di kalangan pengurusan kanan untuk berkomit terhadap agenda tersebut. Pada masa yang sama, tumpuan sebegini membolehkan Lembaga Pengarah mempertimbang dan menyumbang ke arah perbincangan yang lebih bernilai dan berkesan tentang sesuatu isu pilihan dan hal-hal berkaitan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, agenda bersama dengan laporan yang menyeluruh untuk setiap senarai agenda yang akan dibahas akan dikemukakan kepada setiap Pengarah sekurang-kurangnya lima hari genap sebelum mesyuarat yang diadakan untuk membolehkan pengarah-pengarah mendapatkan penjelasan lanjut di mana perlu agar dimaklumkan sepenuhnya sebelum mesyuarat.

Seterusnya, minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah mengandungi perbincangan oleh ahli-ahli di setiap mesyuarat. Minit tersebut adalah tepat dan padat, sejajar dengan cadangan di dalam Kod. Draf minit mesyuarat dikeluarkan untuk edaran dalam tempoh satu minggu sebelum mesyuarat kepada Lembaga Pengarah untuk maklum balas awal dan cadangan sebelum dikemukakan pada mesyuarat yang berikutnya untuk pengesahan rasmi.

Ahli pengurusan kanan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah untuk melaporkan mengenai perkara berkaitan bidang masing-masing, dan juga untuk memberi ringkasan dan mengemukakan maklumat terperinci kepada Pengarah-pengarah tentang cadangan yang dikemukakan untuk pertimbangan. Maklumat tambahan atau penjelasan mungkin diperlukan, khususnya berkaitan isu yang rumit dan teknikal yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.

Setiausaha Syarikat

Ketua Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat, dalam tugasnya sebagai Setiausaha Syarikat, bertanggungjawab memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah tentang isu-isu yang berkaitan dengan pematuhan korporat dengan undang-undang peraturan dan prosedur yang memberi kesan kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan, serta amalan-amalan tadbir urus terbaik. Beliau juga bertanggungjawab menasihati para Pengarah tentang obligasi dan tugas mereka untuk mendedahkan kepentingan yang dimiliki dalam sekuriti dan sebarang percanggahan kepentingan dalam transaksi yang melibatkan Bank, larangan menjalankan transaksi dalam sekuriti dan halangan ke atas pendedahan maklumat yang mempunyai kesan sensitif terhadap harga saham.

Semua Pengarah boleh mendapatkan khidmat dan nasihat Setiausaha Syarikat dan Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah bertindak sebagai mekanisme penilai terhadap sokongan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan.

Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah (BSI)

BSI mencerminkan inisiatif penting untuk memastikan sokongan berterusan yang mencukupi diberi kepada Lembaga Pengarah bagi membantu para Pengarah dalam melaksanakan tugas mereka secara berkesan. Kajian BSI telah dijalankan pada Disember 2012 bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012.

Bidang penilaian meliputi kecekapan transaksi dan operasi, yang merangkumi kualiti minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, kertas-kertas perbentangan dan tatacara mesyuarat, dan latihan dan pengurusan pengetahuan, serta khidmat nasihat mengenai hal-hal berhubung tugas Pengarah, seperti pendedahan kepentingan dan larangan terhadap dagangan.

Nasihat profesional bebas

Setiap Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Bank sekiranya perlu, dalam menjalankan tugas mereka selaras dengan Dasar dan Prosedur Bank mengenai Akses Khidmat Nasihat daripada Penasihat Profesional Bebas, Pengurusan Kanan dan Setiausaha Syarikat oleh Pengarah Kumpulan Maybank. Salinan mana-mana laporan, nasihat dan cadangan yang diberikan oleh penasihat profesional bebas kepada seseorang Pengarah, akan dikemukakan pula kepada Pengarah berkenaan oleh Setiausaha Syarikat, sekiranya sesuai, yang akan mengedarkannya kepada Pengarah lain bagi memastikan mereka dimaklumkan berkenaan isu-isu penting yang mungkin memberi kesan kepada pertumbuhan dan prestasi Kumpulan.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 tiada Pengarah yang memohon proses ini bagi mendapat nasihat profesional bebas.

Program Latihan Berstruktur bagi Pengarah

Menerusi Program Latihan Berstruktur bagi Pengarah (STPD), setiap Pengarah perlu menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan yang dirancang khusus oleh organisasi untuk para Pengarah dalam tahun kewangan yang dikaji, semua Lembaga Pengarah telah mematuhi dasar dalaman dengan menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu-isu melibatkan Kumpulan, yang dianjurkan di peringkat dalaman, serta kerjasama dengan penyedia latihan luaran.

Seperti dilaksanakan pada 2010, ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri program latihan penting iaitu Pendidikan Pengarah-pengarah Institusi Kewangan (FIDE). Berkuatkuasa pada Jun 2012 Kumpulan Maybank turut menjadi anggota korporat berdaftar bagi Forum FIDE, yang ditubuhkan dengan matlamat untuk membolehkan ahli alumni FIDE untuk mempengaruhi amalan tadbir urus serta pemikir utama dalam institusi kewangan, dan antara lain akan mendapat manfaat tadbir urus korporat, rundungan meja bulat, dan sesi kemas kini serta menyediakan maklumat oleh pakar bidang berkenaan. Untuk maklumat terperinci mengenai Forum FIDE, sila rujuk kepada www.fide.org.my.

Perkhidmatan Korporat & Perundangan menyelaras program induksif komprehensif untuk Pengarah-pengarah baru yang dijalankan untuk menyediakan maklumat dan gambaran

menyeluruh yang diperlukan untuk membantu mereka memahami operasi Kumpulan dan menghargai cabaran isu-isu yang dihadapi Kumpulan dalam mencapai matlamatnya. Program ini meliputi perkara-perkara seperti strategi dan perniagaan Kumpulan, Jawatankuasa pemprosesan kerja dan Lembaga Pengarah, serta tugas-tugas dan tanggungjawab Pengarah-pengarah institusi berlesen.

Lembaga Pengarah telah melaksanakan penilaian mengenai keperluan latihan para Pengarah merujuk kepada Penilaian Lembaga Pengarah dan bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan bagi program latihan para Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Keberkesanan Lembaga Pengarah:

- Program Pemilihan FIDE mengenai Penamaan dan Jawatankuasa Imbuhan.
- Program Teras FIDE Modul A – Matlamatnya adalah untuk memberi penekanan dan memperkukuhkan pemahaman terhadap peranan Lembaga Pengarah dan tanggungjawab fiduciari setiap Pengarah terhadap semua pemegang kepentingan dengan memperdalamkan pemahaman mereka terhadap prinsip tadbir urus yang baik. Ini termasuk mempelajari ilmu ini daripada organisasi terbaik dan memahami bagaimana mereka menanamkan nilai di seluruh organisasi dan mempromosikan nilai dan kecekapan organisasi. Lembaga Pengarah turut dilengkapi dengan kelengkapan dan strategi yang boleh digunakan untuk membina kumpulan pengurusan yang dinamik dan mampan.
- Program Teras FIDE Modul B – Bermatlamat untuk menggalakkan penerapan proses yang lebih berstruktur dan mantap bagi pemilihan ahli lembaga dan penilaian berterusan bagi kecekapan lembaga untuk mencapai gabungan lembaga yang optimum selain meningkatkan kesedaran mengenai impak konflik dalaman dan kesan bagi pengaruh dominan yang disertakan dalam kawalan syarikat. Ia juga menyediakan pemahaman terhadap isu utama dalam pelaporan kewangan dan membantu pengarah untuk melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan bagi memastikan integriti dalam laporan kewangan. Lembaga Pengarah dilengkapi dengan pengetahuan untuk menetapkan atau menyemak strategi-strategi yang mampu mewujudkan nilai ke atas pertubuhan. Mereka juga mampu mengenalpasti serta mengelakkan kesulitan dalam pelaksanaan strategi.

Tadbir Urus Korporat:

- Sidang Kemuncak Tadbir Urus Korporat Tahunan KL Keempat 2012 – Membawa Asia ke dalam Lembaga Pengarah
- Forum Berita Kewangan Islam
- Forum Ekonomi Islam Sedunia

Pengurusan Risiko:

- Program Pilihan FIDE – Jawatankuasa Pengurusan Risiko di Bank
- Bengkel Risiko Tahunan Maybank (penganjuran dalam oleh Pengurusan Kredit dan Risiko Kumpulan)

Sehingga akhir tahun kewangan 31 Disember 2012, semua pengarah perlu mematuhi Program Akreditasi Mandatori bagi mematuhi syarat Keperluan Penyenaraian.

PROFESIONALISME LEMBAGA PENGARAH

Jawatan Pengarah dalam Syarikat-syarikat lain

Lembaga Pengarah Maybank sudah mematuhi syarat Keperluan Penyenaraian yang memerlukan setiap ahli Lembaga Pengarah tidak boleh memegang lebih daripada lima jawatan pengarah dalam syarikat senarai awam. Syarat ini juga selari dengan amalan terbaik saranan Buku Hijau (Green Book) yang menyatakan para pengarah sebaik-baiknya tidak menjadi ahli Lembaga Pengarah lebih daripada lima (5) syarikat senarai awam bagi memastikan komitmen, sumber dan masa mereka ditumpukan lebih tinggi bagi melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Lembaga Pengarah menghargai pengalaman dan perspektif yang diperoleh oleh Pengarah Bukan Eksekutif daripada perkhidmatan mereka di syarikat-syarikat, pertubuhan dan persatuan lain. Bagaimanapun, sebelum menerima perlantikan sebagai Pengarah di syarikat-syarikat senarai awam yang lain, Buku Panduan Lembaga Pengarah menetapkan Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif seharusnya berunding dengan Pengerusi untuk memastikan perlantikan berkenaan tidak akan menjejaskan komitmen masa dan tanggungjawab sebagai Lembaga Pengarah Maybank serta jadual dan aktiviti-aktiviti Kumpulan. Lembaga Pengarah mendapati keperluan ini seperti ditetapkan dalam MCCG 2012.

Perlu dijelaskan, meskipun Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memegang Jawatan pengarah dalam beberapa syarikat dalam Kumpulan Maybank, NRC menilai kebebasan seseorang Pengarah berdasarkan satu deklarasasi yang menyatakan mereka tidak menerima arahan dari mana-mana pihak termasuk Maybank dalam hal ini, semua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

mematuhi sepenuhnya panduan berkenaan BNM/GP1. Selain itu, setiap subsidiari utama dalam Kumpulan telah melantik Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang bukan ahli kepada Lembaga Pengarah Maybank untuk memastikan keseimbangan optimum di antara ahli lembaga pengarah dari segi pengarah bebas dalaman dan luaran.

Percanggahan Kepentingan

Sejajar dengan pelbagai keperluan berkanun mengenai pendedahan kepentingan pengarah, adalah menjadi amalan Kumpulan Maybank bahawa ahli-ahli Lembaga Pengarah akan membuat deklarasi pada mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya mereka mempunyai kepentingan dalam cadangan yang sedang dipertimbangkan termasuk kepentingan yang wujud menerusi keluarga rapat ahli Lembaga Pengarah dan mana-mana pihak berkaitan. Mana-mana pengarah yang berkepentingan akan mengecualikan diri mereka dari menghadiri perbincangan dan perbahasan mengenai tajuk cadangan tersebut.

Urus niaga Dalaman

Menurut Keperluan Penyenaraian dan peruntukan berkaitan dalam Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai prinsipal Maybank dilarang daripada terbabit dalam transaksi sekuriti atau sebarang hartanah berdasarkan maklumat sensitif yang belum dimaklumkan kepada awam. Notis untuk pemberhentian dagangan dalam saham Maybank terutamanya sebelum pengumuman hasil kewangan suku tahun, akan diedarkan kepada Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai prinsipal yang dianggap memiliki maklumat sensitif, terlebih dahulu, apabila hampir tempoh pemberhentian dagangan.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mengagihkan sebahagian tanggungjawab urus tadbir mereka kepada jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah berikut yang beroperasi menurut terma rujukan yang jelas bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Lembaga Pengarah telah memberi kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk membincangkan dan membuat keputusan untuk beberapa perkara operasi, tugas utama membuat keputusan akhir tetap milik Lembaga Pengarah keseluruhannya.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti mengikut Syarat-syarat Rujukannya dan memiliki akses tanpa had dalam audit luaran dan dalaman dan ahli pengurusan kanan Kumpulan. Aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit yang bermesyuarat 14 kali

dalam tahun kewangan ini telah diringkaskan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dan Syarat Rujukannya sebagaimana dinyatakan di halaman 216 Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Semakan Kredit

Tanggungjawab Jawatankuasa Kajian Semakan Kredit antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Untuk menyemak/menolak pinjaman yang diluar bidang kuasa Jawatankuasa-jawatankuasa Kredit Credit (GMCC);
- (ii) Untuk menyemak/menolak, dengan kuasa untuk menerima atau menyokong, semua cadangan yang dikemukakan oleh GMCC kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan atau pengesahan, termasuk peraturan dan dasar pinjaman, termasuk tetapi tidak terhad kepada peraturan dan dasar pinjaman;
- (iii) Untuk mengesahkan pendedahan baru dan semasa Kumpulan; dan
- (iv) Untuk melaksanakan lain-lain tanggungjawab yang mungkin diserahkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa-ke-semasa.

Jawatankuasa bertemu sekali seminggu dan sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012, Jawatankuasa telah bertemu sebanyak 50 kali. Ahli dan Jawatankuasa Semakan Kredit serta maklumat terperinci mengenai kehadiran ahli dalam mesyuarat berkenaan dinyatakan di halaman 199 Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan ("NRC")

NRC hanya terdiri daripada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, majoritinya terdiri daripada pengarah bebas dan ketika ini dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Bebas Maybank.

Tanggungjawab NRC antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai dasar perlantikan, kenaikan pangkat dan imbuhan serta pampasan bagi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
- (ii) Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja bagi Pembangunan Kepimpinan bagi Kumpulan;
- (iii) Untuk menyelia pemilihan komposisi am Lembaga Pengarah (saiz, kemahiran dan keseimbangan antara para Pengarah Eksekutif dan bukan Eksekutif);
- (iv) Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank mengenai rangka kerja ganjaran para Pengarah meliputi yuran, elaun dan faedah barangan kerana menjalankan tugas mereka sebagai Pengarah bagi semua Lembaga Pengarah dan jawatankuasa serta bagi PCEO dan pegawai-pegawai pengurusan kanan;

- (v) Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang dasar berkaitan tempoh perkhidmatan pengarah eksekutif dan bukan eksekutif;
 - (vi) Untuk menilai prestasi dan keberkesanan individu dan ahli-ahli Lembaga Pengarah secara kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan subsidiari-subsidiarinya serta prosedur bagi membuat penilaian;
 - (vii) Untuk mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah;
 - (viii) Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank, sebuah rangka kerja/model Prestasi Pengurusan, termasuk menetapkan penanda aras dan pengukur sasaran prestasi yang bersesuaian bagi Kad Skor Seimbang PCEO pada permulaan setiap tahun kewangan;
 - (ix) Untuk menyelia perancangan penggantian, pengurusan bakat dan penilaian prestasi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
 - (x) Untuk menimbang dan mencadangkan penyelesaian terhadap isu percanggahan kepentingan melibatkan pengarah-pengarah;
 - (xi) Untuk membuat penilaian tahunan supaya memastikan pengarah-pengarah dan eksekutif pengurusan kanan utama tidak tersingkir di bawah Seksyen 56 BAFIA; dan
 - (xii) Untuk menyemak keperluan latihan dan program bagi para Pengarah.
- NRC telah mengadakan 11 mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Pertimbangan utama yang dibuat, antara lain, termasuk:
- (i) Menyemak komposisi Lembaga Pengarah dan lembaga syarikat-syarikat subsidiari;
 - (ii) Pemilihan semula dan persaraan mengikut giliran Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan Kumpulan Maybank;
 - (iii) Penilaian Tahunan Lembaga bagi Lembaga Pengarah Maybank, dan Lembaga syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan;
 - (iv) Penilaian Kesesuaian dan Kelayakan Pengarah dan eksekutif kanan;
 - (v) Menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan yang ditubuhkan dalam negara;
 - (vi) Menyemak dan menganalisis perbandingan imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan Maybank;
 - (vii) Perlaksanaan Skim Bonus Berubah-ubah Kumpulan Maybank;
 - (viii) Menyemak prestasi dan pampasan tahunan bagi eksekutif kanan;
 - (ix) Menyemak Jumlah Pampasan bagi tempoh enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 – post mortem;
 - (x) Konsep Kertas Bank Negara Malaysia bagi Risiko Tadbir Urus bertarikh 23 Februari 2012 – Mengetengahkan mengenai Imbuhan Berasaskan Risiko;
 - (xi) Cadangan perlantikan bagi jawatan pengurusan Eksekutif utama dalam Kumpulan, dan penentuan bagi pakej pampasan berkaitan;
 - (xii) Ringkasan dasar dan proses berkaitan perlantikan eksekutif Kumpulan Maybank sebagai Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif;
 - (xiii) Maklumat terkini pengurusan bakat; dan
 - (xiv) Maklumat terkini Sijil Mandatori dan Perancangan 2013 berkenaan sijil Profesional Kredit Bertauliah bagi operasi tempatan dan Akreditasi Kemahiran Kredit bagi unit luar negara.
- Ahli NRC dan maklumat kehadiran mesyuarat bagi ahli-ahlinya dinyatakan dalam Halaman 199 Laporan Tahunan ini.
- ### Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)
- Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi kekhilafan risiko antara lain termasuk yang berikut:
- (i) Untuk membangun dan memupuk budaya kesedaran tentang risiko dalam Bank;
 - (ii) Untuk mengkaji dan meluluskan strategi pengurusan risiko dan rangka kerja, polisi atau dasar, toleransi risiko dan had penerimaan risiko; dan rangka kerja dalam mengenalpasti, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko serta sejauh mana mereka beroperasi dengan berkesan;
 - (iii) Untuk memastikan infrastruktur, sumber dan sistem disediakan untuk pengurusan risiko, iaitu memastikan kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan sistem risiko pengurusan menjalankan tugas berkenaan secara bebas daripada kegiatan pengambilan risiko institusi kewangan – aktiviti-aktiviti yang dijalankan;
 - (iv) Untuk mengkaji dan menilai tahap dana yang bersesuaian untuk Bank berhubung dengan profil risikonya;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (v) Untuk mengkaji dan membuat cadangan tindakan strategik yang perlu diambil oleh Bank untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- (vi) Untuk mengkaji dan meluluskan produk-produk baru dan memastikan pematuhan terhadap garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau badan undang-undang berkaitan yang lain;
- (vii) Untuk menyelia resolusi mengenai Risiko Komposit BNM untuk Kumpulan Maybank;
- (viii) Untuk menyelia kepentingan pengurusan risiko khusus dalam unit perniagaan yang meraih manfaat atas Unit Risiko Tersirat pada unit berkenaan; dan
- (ix) Untuk mengkaji dan meluluskan model pengurusan risiko dan rangka kerja kesasihan.

Jawatankuasa RMC lazimnya bertemu sembilan kali sepanjang tahun kewangan dengan mesyuarat tambahan diadakan untuk menangani isu segera yang memerlukan pertimbangan mereka. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, sembilan mesyuarat telah diadakan. Pengerusi dan majoriti ahli jawatankuasa Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli RMC dan maklumat kehadiran ahli-ahlinya dinyatakan dalam halaman 199 Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan (Jawatankuasa ESS)

Skim Saham Kakitangan (ESS) dilaksanakan bagi memberikan pelan insentif jangka panjang dan juga untuk menyelaraskannya dengan kepentingan kakitangan dengan matlamat Kumpulan Maybank untuk mewujudkan peningkatan nilai yang berterusan bagi organisasi dan pemegang saham. Tawaran pertama di bawah ESS ini diberikan pada 23 Jun 2011 kepada semua kakitangan yang layak.

Lembaga Pengarah telah menyerahkan kepada Jawatankuasa ESS tanggungjawab bagi menentukan semua persoalan terhadap dasar dan kewajaran daripada pentadbiran ESS dan untuk melaksanakan langkah-langkah perlu untuk menjana yang terbaik bagi pihak Bank.

Tanggungjawab menyeluruh Jawatankuasa ESS seperti digariskan dalam Terma Rujukan termasuk untuk mentadbir ESS dan untuk mencadangkan Sasaran/kriteria kewangan dan prestasi kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan sebelum pelaksanaan dan apa jua syarat yang dirasakan sesuai.

Semua ahli Jawatankuasa ESS merupakan Pengarah Bukan Eksekutif. Mesyuarat diadakan pada bila-bila masa Jawatankuasa ESS diperlukan untuk mempertimbangkannya dengan kadar segera.

Sebanyak enam mesyuarat Jawatankuasa ESS telah diadakan dalam tahun kewangan yang dikaji.

Ahli Jawatankuasa ESS dan maklumat mengenai kehadiran mesyuarat ahli-ahlinya dinyatakan dalam halaman 199 Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PENGURUSAN PERINGKAT EKSEKUTIF (ELC)

PCEO, dengan sokongan Lembaga Pengarah mewujudkan pelbagai ELC dan memberikan sebahagian kuasanya untuk membantu dan menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengarah berkaitan dalam operasi Bank. ELC utama, yang mana kebanyakan dipengerusikan oleh PCEO atau Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:-

- Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan
- Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- Jawatankuasa Risiko Eksekutif
- Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti
- Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan
- Jawatankuasa Pemerolehan Kumpulan
- Jawatankuasa Pemanduan IT Kumpulan

PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Perhubungan Pelabur (IR) berperanan penting sebagai satu bahagian penting dalam rangkaian kerja tadbir urus korporat Maybank dalam memastikan para pemegang saham, pemegang kepentingan, pelabur dan komuniti pelaburan di dalam dan luar negara diberikan maklumat yang sewajarnya, tepat pada masa dan komprehensif tentang Kumpulan. Unit IR Maybank komited dalam menyediakan komunikasi terbuka dan efektif untuk memperbaiki pendedahan dan ketelusan.

Dasar Perhubungan Pelabur Maybank menyediakan garis panduan mengenai dasar, prosedur dan proses yang boleh digunakan oleh Maybank untuk melaksanakan program Perhubungan Pelabur dengan jayanya sambil menyediakan panduan komunikasi menerusi jurucakap yang ditetapkan. Program Perhubungan Pelabur dilaksanakan dalam tahun kewangan bagi memastikan aktiviti yang terancang dikendalikan sepanjang tahun untuk memaklumkan mengenai strategi, prestasi operasi, keputusan kewangan, dan perkembangan yang berlaku kepada Bursa Malaysia, penganalisis, pelabur, pemegang saham dan lain-lain pemegang kepentingan dalam tempoh masa yang tepat serta terbuka dan secara komprehensif.

Keputusan Suku Tahunan

Keputusan kewangan suku tahunan Maybank dikeluarkan pada waktu rehat dagangan tengahari yang segera diikuti dengan taklimat media dan penganalisis dan/atau sidang panggilan. Taklimat media dan penganalisis dikendalikan serentak dengan sidang panggilan dalam tempoh separuh tahun dan tahun kewangan penuh. Sidang panggilan pula diadakan dalam suku pertama dan ketiga. Penyata kewangan, kertas pembentangan dan siaran media turut dihantar secara e-mel selain disediakan untuk tontonan umum di laman sesawang korporat bagi menyediakan pemahaman lebih baik kepada pemegang saham mengenai prestasi Maybank. Tempoh berdiam diri selama dua minggu sebelum pengumuman keputusan kewangan diambil bagi mengelakkan prestasi kewangan terkini terdedah secara tidak sengaja.

Persidangan dan Mesyuarat di Luar Pejabat

Perhubungan pemegang kepentingan dikendalikan menerusi persidangan dan mesyuarat yang diadakan di dalam atau di luar negara di mana pengurusan kanan akan berkomunikasi mengenai strategi Kumpulan, kemajuan pelbagai inisiatif dan maklumat terkini bagi pemegang saham untuk memahami operasi Maybank dengan lebih baik.

Mesyuarat Pelabur

Perhubungan Pelabur mengadakan mesyuarat pertemuan secara bersemuka dan berkumpul dengan penganalisis, pelabur dan pelabur berpotensi sepanjang tahun bagi menyediakan maklumat yang konsisten untuk komuniti pelabur. Pertemuan dengan pengurusan kanan turut disediakan bagi memastikan penganalisis dan pelabur-pelabur yang penting boleh bertemu dengan eksekutif utama dalam kumpulan. Unit Perhubungan Pelabur turut berhubung dengan rakan di Indonesia, menyelaras aktiviti IR bagi penganalisis dan pelabur untuk bertemu dengan pengurusan syarikat subsidiari Maybank, Bank Internasional Indonesia.

Hari Pelabur

Hari pelabur dianjurkan beberapa kali dalam setahun untuk menyediakan platform bagi unit perniagaan terpilih, diketuai oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif masing-masing untuk bertemu dengan penganalisis dan pelabur bagi menjelaskan mengenai strategi perniagaan, operasi dan prestasi kewangan sekali gus menyediakan lebih ketelusan dan memperincikan pemahaman mengenai fungsi perniagaan utama dalam Kumpulan Maybank.

Laman Sesawang Kumpulan

Laman sesawang korporat Maybank di www.maybank.com menyediakan laluan pantas untuk Maklumat mengenai Kumpulan. Maklumat yang terkandung di laman sesawang ini termasuk profil korporat, profil pengurusan kanan, saham dan maklumat dividen termasuk Pelan Pelaburan Semula Dividen, pembentangan kertas kerja pelabur, keputusan kewangan, laporan tahunan, berita korporat, dan operasi Maybank dan syarikat subsidiarinya di seluruh dunia.

Pengunjung laman sesawang ini juga boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai Maybank dengan menghantar e-mel dan RSS menerusi langganan di laman sesawang. Selain itu, Bursa Link menjadi satu lagi saluran bagi pemegang kepentingan untuk mendapatkan Pengumuman Maybank di Bursa tukaran saham dan yang terdapat di laman sesawang Bursa Malaysia di www.bursamalaysia.com.

Laporan Tahunan

Laporan tahunan Maybank menyediakan laporan lengkap mengenai hala tuju dan prestasi Kumpulan. Laporan tahunan menyediakan pendedahan penuh dan ia disediakan dengan pematuhan terhadap peraturan yang sewajarnya untuk memastikan ketelusan. Laporan tahunan juga dicetak dalam bentuk ringkasan disertakan bersama dengan CD-ROM. Laporan Tahunan versi dalam talian juga boleh didapati di laman sesawang korporat Maybank.

Liputan Media

Liputan media mengenai Kumpulan dan pengurusan kanan, sama ada menerusi media cetak atau liputan TV turut menjadi alat perhubungan untuk menyediakan publisiti yang meluas dan meningkatkan pemahaman umum mengenai perniagaan Kumpulan di kalangan pelabur dan awam.

Penarafan Kredit

Maybank mengekalkan penarafan kredit oleh lima agensi penarafan seperti Standard and Poor's, Fitch Ratings and Moody's Investors Services, RAM Ratings Services Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) sebagai sebahagian daripada penyediaan aliran bebas maklumat kepada pemegang saham dan juga kepada umum.

Untuk maklumat mengenai aktiviti perhubungan pelabur yang dikendalikan dalam tahun kewangan, sila rujuk halaman 167.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Maklumat terperinci jurucakap IR:

Mohamed Rafique Merican
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Telefon: (6)03 2074 7878
E-mel: rafique@maybank.com.my

Narita Naziree
Ketua, Perancangan Perniagaan dan Perhubungan Pelabur Kumpulan
Telefon: (6)03 2074 8017
E-mel: naritanaziree.a@maybank.com.my

Raja Indra Putra Raja Ismail
Ketua, Perhubungan Pelabur
Telefon: (6)03 2074 8582
E-mel: rajaindra@maybank.com.my

MESYUARAT-MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Kumpulan merupakan pentas utama untuk interaksi dua hala secara terus antara pemegang-pemegang saham, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan. Selari dengan demokrasi pemegang saham dan polisi ketelusan yang diguna pakai oleh Kumpulan, kelulusan pemegang saham diperlukan dalam setiap perkara termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan dan pelantikan pengarah-pengarah, penggabungan material, pembelian dan penjualan serta perlantikan juruaudit dan pembayaran dividen.

Dalam AGM yang berlangsung pada 29 Mac 2012, kehadiran pemegang saham adalah sangat menggalakkan sebagaimana ditunjukkan dengan kehadiran 2,441 pemegang saham, naik berbanding 1,842 pemegang saham yang menghadiri AGM pada 2011.

Selain daripada AGM dan EGM, pemegang saham dan pemerhati pasaran turut dialu-alukan untuk mengemukakan pertanyaan pada bila-bila masa menerusi Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Pengurusan Strategi Kumpulan.

Maybank terdorong untuk mengambil langkah aktif untuk menggalakkan penyertaan pemegang saham dalam AGM dengan menyerahkan notis mesyuarat lebih awal daripada tempoh notis minimum selama 21 hari, selari dengan Prinsip 8 MCCG 2012 dan lebih penting lagi Maybank telah memastikan dengan konsisten bahawa AGM ini diadakan dalam tempoh tiga bulan daripada tempoh akhir tahun kewangan.

Selari dengan Cadangan 8.2 MCCG 2012 mengenai pemilihan, Maybank sentiasa membuat persediaan bagi pemilihan untuk semua resolusi di AGM. Maybank turut memberi perhatian terhadap Cadangan 8.2 MCCG 2012 mengenai Pemilihan dalam talian, e-voting dan akan mencari kesesuaian dan kemungkinan untuk menggunakan pendekan elektronik untuk pemilihan berikutan asas pemegang saham yang luas dan kerumitan berkaitan logistik.

STRUKTUR PEMILIKAN

Saham Maybank kebanyakannya dipegang oleh pemegang-pemegang saham institusi yang menguasai struktur pemilikannya. Pada 31 Disember 2012, tiga pemegang saham utamanya adalah Skim Amanah Saham Bumiputra (ASB) dengan pegangan 40.58%, Lembaga Kumpulan Simpanan Pekerja sebanyak 14.09% dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan pegangan 5.08%, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 59.75%.

Walaupun ketiga-tiga pemegang saham Maybank menguasai lebih separuh daripada jumlah modal berbayarnya, Maybank tidak tertakluk kepada sebarang pengaruh daripada para pemegang saham utama yang juga tidak memegang jawatan pengurusan dalam Kumpulan. Pengaturan sebegini memastikan tahap tadbir urus korporat berada pada tahap tertinggi dan membolehkan Kumpulan sentiasa berusaha untuk mewujudkan nilai bagi pemegang sahamnya.

Struktur pemegang saham adalah telus dan dinyatakan di halaman 230 Laporan Tahunan ini. Sebarang maklumat terkini dalam struktur pemegangan saham boleh didapati dengan mengemukakan permintaan kepada kakitangan pengurusan yang menjaga Perhubungan Pelabur. Struktur pemegangan saham sedia ada secara keseluruhannya mengandungi Saham Biasa yang tidak mempunyai perbezaan kelas. Tiada had bagi pemegangan Asing dan Tatacara dan Tataurus Syarikat tidak mempunyai sebarang peruntukan jelas yang menghalang sebarang pemerolehan. Bagaimanapun, Bank adalah tertakluk kepada BAFIA yang mengandungi halangan tertentu tentang pemilihan saham.

Sebagai sebahagian daripada usaha Maybank untuk memperkembangkan mudah tunai dan asas pemegang sahamnya, Maybank telah mewujudkan Program Penerimaan Depositori Amerika (ADR) Tahap 1 yang didagangkan melalui kaunter di Amerika Syarikat sejak bulan Mei 2005 pada asas 1 ADR bersamaan 2 saham Maybank. Perkhidmatan Kustodian Maybank adalah kustodian tunggal yang memegang sekuriti di bawah Program ADR dan jumlah saham biasa yang dipegang untuk Program Maybank ADR adalah sebanyak 7,378,591 pada 31 Disember 2012. Peratusan saham yang diterbitkan di bawah ADR berbanding modal diterbitkan dan berbayar adalah 0.09%.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Laporan Kewangan dan Pendedahan

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab fidusiari dalam menyediakan penilaian yang jelas, seimbang dan bermakna terhadap kedudukan kewangan, prestasi dan prospek Kumpulan. Bagi mencapai tanggungjawab yang diharapkan itu, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia proses laporan kewangan dan mutu penyata kewangan. Ini bagi memastikan laporan yang dibentangkan adalah benar dan adil berdasarkan kepada prestasi Kumpulan dan pihak Bank sehingga 31 Disember 2012, selain keputusan dan aliran tunai Kumpulan serta Bank dalam tahun kewangan berkenaan.

Lembaga Pengarah juga memastikan akaun tergabung di bawah Kumpulan adalah berdasarkan keperluan lebih ketat dan penyata kewangan Maybank yang dibuat selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Skop pendedahannya termasuk kajian terhadap sumber utama pendapatan berasaskan aktiviti perniagaan dan geografi, analisa prestasi akhir tahun, kecukupan modal, bersama penjelasan terperinci perubahan terhadap Penyata Kewangan dan Penyata Pendapatan, bagi memberikan kefahaman yang jelas terhadap operasi Kumpulan. Selain Laporan Audit, Kumpulan juga ada menerbitkan laporan kewangan belum diaudit pada setiap suku yang boleh didapati di laman web Maybank dan Bursa Malaysia.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah secara keseluruhannya bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh, merangkumi kawalan kewangan, operasi dan pematuhan serta pengurusan risiko bagi memastikan pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Kumpulan dilindungi.

Sistem Kawalan Dalaman sentiasa disemak untuk memastikan ia berfungsi dengan semakan berterusan proses audit dalaman. Jawatankuasa Audit (AC) menilai dari semasa-ke-semasa kecekapan dan kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan dengan meninjau tindakan yang diambil terhadap isu-isu kawalan dalaman yang dikenalpasti dalam laporan-laporan yang disediakan oleh Audit Dalaman Kumpulan ketika mesyuarat bulanannya. AC turut menyemak cadangan dan maklum balas pengurusan terhadap cadangan-cadangan yang berkenaan.

Penyata Pengarah berhubung Kawalan Dalaman dibentangkan di halaman 213 Laporan Tahunan ini yang memberikan gambaran keseluruhan keadaan kawalan dalaman Kumpulan.

Dasar Pemberi Maklumat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa rangka kerja untuk pemberi maklumat mencukupi khususnya Dasar Pelaporan Penyelewengan yang dilaksanakan pada 2004. Kesemua kakitangan Kumpulan boleh melaporkan sebarang penyelewengan, kegiatan jenayah, ketidakjujuran dan salah laku yang berlaku melalui Talian Penting Pelaporan Penyelewengan yang diwujudkan oleh pihak Bank:-

- Talian Bebas Tol Bagi Rakaman Mesej 1-800-38-8833 atau bagi panggilan ke luar negara hantar ke 603-20268112
- Alamat e-mel yang dilindungi di integrity@maybank.com.my
- Alamat Peti Surat Berjamin Peti Surat 11635, 50752 Kuala Lumpur

Saluran-saluran ini melindungi kakitangan yang khuatir untuk memberi maklumat kerana bimbang dengan akibat yang akan timbul kerana membuat laporan yang benar, dan jaminan identiti mereka dirahsiakan. Semua maklumat dan identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah dasar tersebut. Aduan yang dibuat tanpa menyatakan nama juga boleh dipertimbangkan sekiranya aduan itu jelas dan spesifik. Maklumat lanjut tentang Dasar Pelaporan Penyelewengan dinyatakan pada halaman 214 Laporan Tahunan ini.

Hubungan dengan Juruaudit

Audit Dalaman

Fungsi Audit Dalaman Kumpulan adalah bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit-unit lain dan fungsinya tertakluk di bawah Jawatankuasa Audit (AC) Bank. Ia juga tidak memiliki sebarang had laluan kepada AC. Audit Dalaman Kumpulan lazimnya mengendalikan audit pengurusan risiko, kawalan dalaman kecekapan operasi, pematuhan kepada keperluan dalaman dan peraturan di seluruh Bank dan Kumpulan. Laporan audit yang menyediakan keputusan tindakan audit sejajar dengan cadangan audit dan maklum balas pengurusan akan dibentangkan kepada AC setiap bulan. Ketua Audit Eksekutif dijemput untuk menghadiri mesyuarat AC untuk memudahkan penyampaian laporan audit. Minit mesyuarat AC kemudiannya akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk maklumat dan rujukan berguna khususnya jika terdapat isu penting yang ingin diketengahkan oleh ahli AC kepada Lembaga Pengarah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Juruaudit Luar

AC dan Lembaga Pengarah memberikan tumpuan yang luas terhadap objektif dan kebebasan Juruaudit Bank, iaitu Tetuan. Ernst & Young, dalam menyediakan laporan yang relevan dan telus kepada pemegang saham. Sebagai pengukur bagi memastikan pendedahan penuh perkara berkenaan, Juruaudit Bank kerap kali diundang untuk menghadiri mesyuarat AC (dan juga Mesyuarat Agung Tahunan), selain daripada perbincangan dua kali setahun dengan AC tanpa kehadiran pengurusan kanan.

Laporan penuh AC yang menggariskan peranan berkenaan juruaudit dalam dan luaran dikemukakan dalam halaman 216 – 220 Laporan Tahunan ini.

Kot Etika dan Perilaku Kumpulan Maybank

Selain Kod Etika Pengarah-Pengarah seperti mana terkandung dalam BNM/GP7-Bahagian 1 Kod Etika: Garis Panduan Mengenai Kod Tata Laku Pengarah, Pegawai dan Kakitangan dalam Industri Perbankan, serta Kod Etika Pengarah Syarikat yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kumpulan juga mempunyai Kod Etika dan Perilaku yang menyatakan prinsip-prinsip yang baik serta piawaian amalan terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan yang dipatuhi oleh pengarah-pengarah dan kakitangannya. Para pengarah dan kakitangan diminta menjulang integriti dalam menjalankan tugas dan ketika berurusan dengan pemegang kepentingan, pelanggan, rakan sejawat dan penguat kuasa. Ini juga adalah selaras dengan Nilai-nilai Teras Kumpulan yang menekankan etika perilaku ketika berurusan dengan pihak ketiga dan kakitangan.

Ikrar Integriti Korporat

Kumpulan Maybank mengukuhkan komitmen terhadap kebertanggungjawaban dan ketelusannya pada tahap yang tinggi apabila menjadi institusi kewangan pertama di Malaysia memeterai Ikrar Integriti Korporat Malaysia pada Ogos 2011.

Ikrar ini adalah hasil daripada usahasama di antara:

- Bursa Malaysia Berhad;
- Suruhanjaya Syarikat-syarikat Malaysia;
- Institut Integriti Malaysian;
- Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia & Jabatan Pemantauan Rasuah & Koordinasi NKRA;
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- Transparency International Malaysia dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

Ikrar ini membuktikan kepada umum sokongan Kumpulan dan pendirian Pertubuhan terhadap anti rasuah di Malaysia dan juga berusaha mewujudkan persekitaran bebas rasuah dalam pelaksanaan perniagaan dan dalam interaksi dengan rakan perniagaan serta kerajaan.

Dengan memeterai perjanjian Ikrar Integriti ini, Maybank kini termasuk dalam senarai yang dipaparkan dalam laman web Institut Integriti Malaysia, dan ia boleh dilayari di laman web Bursa Malaysia Berhad.

Tanggungjawab Korporat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa terdapat keseimbangan yang baik yang berjaya dicapai antara usaha mewujudkan nilai dengan tanggungjawab korporat. Perincian inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan dinyatakan di halaman 158 – 166 Laporan Tahunan ini.

Akta Persaingan 2010

Akta ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2012, dan untuk memudahcara pematuhannya di seluruh Kumpulan, Sekretariat Bersama Jawatankuasa Anti Pecah Amanah Kumpulan Maybank (Sekretariat Bersama) terdiri daripada wakil utama daripada Perkhidmatan Korporat dan Undang-undang Kumpulan, dan juga Pematuhan Kumpulan, telah membangunkan Buku Panduan kepada Akta Persaingan 2010 (Buku Panduan). Buku Panduan ini telah dikongsi bersama EXCO Kumpulan, Lembaga Pengarah Maybank dan telah diedarkan kepada kakitangan Maybank menerusi e-portal Kumpulan.

Buku panduan ini bertujuan untuk membantu semua kakitangan Maybank untuk memahami elemen asas akta ini dan isu peraturan persaingan secara umum serta memastikan operasi perniagaan dan tindak tanduk kami yang tidak bercanggah dengan persaingan, berjalan seperti biasa. Akta ini mengetengahkan dua larangan utama, iaitu perjanjian anti persaingan dan penyalahgunaan kedudukan utama.

Kakitangan Maybank telah diberitahu bahawa sebarang pertanyaan lanjut berkenaan peraturan ini boleh dikemukakan sama ada menerusi e-mel kepada Sekretariat Bersama atau kepada antitrust@maybank.com.my.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

1. Penggunaan Hasil

- (a) Penempatan persendirian RM3.66 bilion sebanyak 412,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu di Maybank pada harga terbitan RM8.88
 - Diterbitkan pada 11 Oktober 2012. Hasil daripada terbitan ini untuk tujuan pembiayaan modal kerja dan perbankan umum Maybank.
- (b) Nota Subordinat Tahap 2 sebanyak AS\$800 juta
 - Diterbitkan pada 20 September 2012. Hasil daripada terbitan Nota Subordinat mata wang dolar Amerika ini bertujuan untuk membiayai modal kerja, perbankan umum dan lain-lain tujuan korporat Maybank.
- (c) Nota Kanan HK\$600 juta di bawah Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Matawang bernilai AS\$5.0 bilion
 - Diterbitkan pada 20 Julai 2012. Perolehan daripada terbitan Nota Kanan matawang Hong Kong ini bertujuan membiayai modal kerja, perbankan umum dan lain-lain tunjangan korporat Maybank.
- (d) Nota Kanan bernilai JPY5 bilion bagi Program Nota Jangka Pertengahan Pelbagai Mata Wang
 - Diterbitkan pada 30 Mei 2012. Hasil daripada Nota Kanan JPY ini bertujuan untuk membiayai modal kerja, perbankan umum dan lain-lain tujuan korporat Maybank.
- (e) Nota Subordinat Modal Tahap 2 bernilai RM2.1 bilion
 - Diterbitkan pada 10 Mei 2012. Hasil daripada terbitan ini adalah bagi tujuan modal kerja, Perbankan umum dan lain-lain tujuan korporat Maybank.
- (f) Nota Kanan AS\$500 juta di bawah Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang AS\$2.0 bilion
 - Diterbitkan pada 8 Mei 2012. Hasil daripada Nota Kanan mata wang dolar Amerika ini bertujuan untuk membiayai modal kerja, perbankan umum dan lain-lain tujuan korporat Maybank.

- (g) Nota Kanan HK\$700 di bawah Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang bernilai AS\$2.0 bilion
 - Diterbitkan pada 1 Mac 2012. Hasil daripada terbitan Nota Kanan mata wang Hong Kong ini bertujuan untuk membiayai modal kerja, perbankan umum dan lain-lain tujuan korporat Maybank.
- (h) Nota Kanan AS\$400 juta di bawah Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang AS\$2.0 bilion
 - Diterbitkan pada 10 Februari 2012. Hasil daripada Nota Kanan dolar Amerika ini bertujuan untuk membiayai modal kerja, perbankan umum dan lain-lain tujuan korporat Maybank.
- (i) Pelan Pelaburan Semula (DRP) – Sedang berlangsung
 - Hasil daripada DRP (selepas ditolak anggaran perbelanjaan DRP berkenaan) bertujuan untuk membiayai pertumbuhan berterusan dan pengembangan Kumpulan Maybank.

2. Belian balik saham

Maybank tidak membuat sebarang cadangan bagi belian balik saham dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012.

3. Opsyen, Waran atau Sekuriti boleh tukar

Maybank tidak menerbitkan sebarang opsyen, waran dan saham boleh tukar sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, kecuali opsyen berkaitan Skim Saham Kakitangan.

4. Pengenaan sekatan dan/atau penalti

Tiada sebarang sekatan dan/atau penalti telah dikenakan ke atas Maybank dan anak-anak syarikat, pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan kawal selia berkaitan, yang diumumkan kepada pihak awam dalam tahun berakhir pada 31 Disember 2012.

5. Yuran Bukan Audit

Yuran Bukan Audit mesti dibayar kepada juruaudit luar, Ernst & Young, untuk tahun ini adalah berjumlah RM6,094,000 untuk Kumpulan dan RM3,885,000 untuk Bank.

6. Kelainan dalam Prestasi

Tiada unjuran keuntungan yang dikeluarkan oleh Maybank dan syarikat-syarikat subsidiarinya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

7. Jaminan Keuntungan

Tiada sebarang jaminan keuntungan dikeluarkan oleh Maybank dan syarikat-syarikat subsidiarinya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

8. Kontrak Material

Tiada kontrak material telah dimeterai oleh syarikat dan subsidiari-subsidiarinya yang melibatkan pengarah-pengarah dan pemegang saham utama, sama ada masih lagi kekal wujud pada akhir tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012 atau dimeterai akhir tahun kewangan sebelumnya.

9. Dasar Penilaian

Kumpulan tidak menilai semula hartanah bertanah yang dikelaskan di bawah Hartanah dan Peralatan. Polisi penilaian semula hartanah bertanah diklasifikasi sebagai Pelaburan Hartanah yang dinyatakan dalam Nota 2.3(xi) dalam pemyata kewangan Laporan Tahunan 2012.

10. Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan dalam bentuk Hasil atau Perdagangan (RRPT)

Syarikat tidak memohon sebarang mandat daripada pemegang-pemegang sahamnya atau mempunyai RRPT yang perlu bagi operasi harian berdasarkan terma-terma yang lebih memihak pihak berkaitan selain daripada apa yang pada amnya ditawarkan kepada orang awam dan tidak menjejaskan pemegang-pemegang saham minoriti bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 25 Januari 2013.

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR
Pengerusi Lembaga Pengarah

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012

Pengenalan

Penyata Kawalan Dalaman ini disediakan selaras dengan Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad yang memerlukan para Lembaga Pengarah untuk memasukkannya ke dalam Laporan Tahunan syarikat mengenai keadaan kawalan dalaman. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2012) yang telah disemak semula memerlukan semua syarikat tersenarai untuk mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang kukuh demi menjaga pelaburan para pemegang saham serta aset-aset syarikat.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah telah menyediakan Penyata Kawalan Dalaman ("Penyata") yang selaras dengan "Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman – Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Senarai Awam" yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad yang menggariskan proses-proses yang akan digunakan oleh Lembaga Pengarah dalam menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah sedar akan tanggungjawab menyeluruhnya untuk mengekalkan sistem-sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi menjaga kepentingan para pemegang saham serta aset-aset Kumpulan. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja kawalan dalaman adalah direka untuk menguruskan risiko-risiko Kumpulan di dalam lingkungan profil risiko yang boleh diterima, dan bukanlah untuk melenyapkan risiko kegagalan dalam mencapai dasar-dasar, sasaran dan matlamat Kumpulan. Dengan itu, ianya hanyalah memberikan kepastian yang munasabah dan bukan kepastian sepenuhnya akan keberkesanan terhadap kesilapan penyata pengurusan serta maklumat kewangan ataupun terhadap kerugian kewangan dan penipuan.

Lembaga Pengarah telah menyediakan suatu struktur dan proses yang bersesuaian untuk mengenal pasti, menilai, mengawasi dan menguruskan risiko-risiko ketara yang mungkin menjejaskan pencapaian matlamat-matlamat perniagaan. Proses yang telah diinstitusikan ke seluruh Kumpulan ini telah dikemaskini dan disemak semula dari semasa ke semasa untuk disesuaikan dengan perubahan dalam persekitaran perniagaan. Proses yang berterusan ini telah wujud sepanjang tahun kewangan yang ditinjau sehingga tarikh kelulusan penyata ini untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan.

Peranan Pengurusan termasuk:

- Mengenalpasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi dan pencapaian matlamat perniagaan dan strategi-strateginya
- Membentuk dasar yang berkaitan dan prosedur untuk mengurus risiko-risiko yang tersebut.

- Merangka, melaksana dan memantau sistem kawalan dalaman yang kukuh
- Melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai sebarang perubahan berkenaan risiko dan tindakan pembedahan.

Struktur Kawalan Dalaman

Proses-proses utama yang telah diwujudkan oleh Pengarah-pengarah di dalam menyemak semula kecukupan serta integriti sistem kawalan dalaman termasuk seperti berikut:

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

- Lembaga Pengarah telah mewujudkan satu struktur organisasi yang mempunyai garis-garis tanggungjawab yang jelas, had bidang kuasa serta akauntabiliti yang seiring dengan keperluan-keperluan perniagaan dan operasi yang menyokong penyelenggaraan kawalan persekitaran yang kukuh. Ia telah meluaskan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("ACB") untuk meliputi penilaian kawalan-kawalan dalaman, melalui fungsi Audit Dalaman ("IA").
- Lembaga Pengarah juga telah menyerahkan tanggungjawab untuk menyemak semula keberkesanan pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Keberkesanan sistem pengurusan risiko diawasi dan dinilai oleh fungsi Pengurusan Risiko Kumpulan secara berterusan. RMC membantu Lembaga Pengarah untuk memantau kecukupan pengurusan risiko Bank, yang mana fungsi Pengurusan Risiko adalah untuk membantu pemantauan berterusan dan penilaian sistem pengurusan risiko bank. Sebarang kelulusan dasar dan kerangka yang dibentuk untuk mengenalpasti, mengukur dan memantau pelbagai komponen risiko akan disemak semula dan dicadangkan oleh RMC kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, RMC juga menyemak dan menilai tahap kecukupan dasar-dasar pengurusan risiko bagi memastikan yang infrastruktur, sumber dan sistem sentiasa tersedia bagi pengurusan risiko.

- Fungsi pengurusan risiko diperkukuhkan dengan adanya Ketua Pegawai Risiko Kumpulan ("GCRO"), yang memantau pengurusan kredit dan risiko di seluruh Kumpulan. Struktur risiko tadbir urus diselaraskan merangkumi seluruh unit perniagaan, unit luar negara, dan subsidiari Kumpulan melalui penyelarasan rangka kerja risiko, dasar-dasar, struktur Organisasi bagi memperkasakan pengurusan risiko dan budaya risiko berdasarkan kepada pertumbuhan serantau Kumpulan dan pelan pengembangan.
- Prinsip pengurusan risiko, dasar, prosedur dan amalan dikemaskini dengan kerap untuk memastikan ia relevan dan mematuhi undang-undang dan peraturan semasa dan boleh digunapakai. Ia juga disediakan dan diberi maklum kepada semua kakitangan. Kumpulan turut menggunakan dasar pemberi maklumat, menyediakan saluran kepada kakitangan untuk membuat laporan terhadap penyelewengan yang berlaku atau yang disyaki, salah laku atau pencabulan dasar-dasar Kumpulan dan peraturan, dengan menggunakan pendekatan yang selamat dan sulit.
- Dasar Kawalan Pengurusan (MCP) dan Dasar Kawalan Dalaman (ICP) secara bertulis daripada Pengurusan juga disediakan. MCP menggariskan tanggungjawab khusus pelbagai pihak termasuk Pengurusan, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Jawatankuasa Audit bagi Lembaga Pengarah berkaitan kawalan dalaman bagi Kumpulan Maybank. ICP bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan semua kakitangan mengenai komponen kawalan dalaman dan dasar kawasan asas Kumpulan Maybank.
- Terdapat Garis Panduan Anti-Penipuan dilaksanakan yang menyediakan prinsip meluas, strategi dan dasar bagi Kumpulan untuk digunapakai dalam urusan berkaitan penipuan bagi menggalakkan piawaian integriti yang tinggi. Garis panduan ini mewujudkan program yang mantap dan lengkap selain kawalan bagi Kumpulan dan juga mengetengahkan mengenai peranan dan tanggungjawab kepada setiap tahap bagi mengelak dan bertindak balas terhadap penipuan.
- Penubuhan tiga (3) barisan konsep Pertahanan - unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman. Unit pengambilan risiko menguruskan pengurusan risiko yang berlaku dari hari ke hari dalam aktiviti perniagaan, manakala unit kawalan risiko bertanggungjawab bagi menetapkan garis panduan pengurusan risiko dan membangunkan keperluan dan pendekatannya. Audit dalaman pula menyediakan jaminan bebas mengenai kecekapan pendekatan pengurusan risiko.

Fungsi Audit Dalaman

- Fungsi Audit Dalaman termasuklah mengendalikan kajian semula secara lazim bagi Operasi Kumpulan, serta terhadap sistem kawalan dalaman dengan melakukan kajian semula secara lazim mengenai proses-proses perniagaan untuk memeriksa dan menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan kewangan dan operasi serta mengutarakan risiko-risiko ketara dan ketidakpatuhan yang memberi kesan kepada Kumpulan. Di mana perlu, mereka memberikan cadangan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus. Pihak pengurusan akan membuat tindakan susulan dan kajian semula mengenai status tindakan yang diambil ke atas usul yang dibuat oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar. Pemeriksaan audit dijalankan dalam unit-unit yang telah dikenalpasti keutamaannya berdasarkan pendekatan yang berisiko, dengan kesedaran yang selaras dengan objektif Kumpulan serta dasar-dasar dalam konteks persekitaran perniagaan dan peraturan yang semakin berkembang, dengan mengambil kira input daripada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah.
- Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC) ialah jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh GCFO dan terdiri daripada wakil-wakil kanan dari lingkungan perniagaannya yang luas dan unit-unit sokongan Bank. IAC bermesyuarat dengan kerap bagi mempertimbangkan semua hasil audit yang telah ditandatangani dan laporan penyiasatan dan memutuskan tindakan yang bersesuaian yang diperlukan untuk menyelesaikan isu-isu audit yang meliputi segala aspek perniagaan Bank dan operasinya. Apabila diperlukan, wakil dari pihak yang telah diaudit akan diminta menghadiri mesyuarat IAC bagi membolehkan perbincangan yang lebih terperinci dan penyelesaian pantas bagi perkara yang dibincangkan. Minit mesyuarat IAC kemudiannya dibentangkan bersama laporan audit kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB). IAC juga menyusuli sebarang tindakan yang diputuskan oleh ACB.
- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB) bertemu pada masa yang ditetapkan untuk menyemak isu kawalan dalaman dalam laporan yang disediakan oleh Audit Dalaman, juruaudit luar, pihak berkuasa dan seterusnya menyemak keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan. ACB meninjau secara aktif perkara berkaitan kebebasan Audit Dalaman, skop kerja dan sumber. Ia turut menyemak fungsi Audit Dalaman, khususnya mengenai skop pelan audit tahunan dan kekerapan aktiviti-aktiviti audit dalaman. Minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Maklumat terperinci aktiviti yang dikendalikan oleh ACB dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

Lain-lain Elemen Kawalan Dalam

Lain-lain elemen utama bagi prosedur yang diwujudkan oleh Lembaga Pengarah untuk menyediakan kawalan dalaman yang berkesan termasuklah:

- Perancangan perniagaan tahunan dan belanjawan diusulkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Prestasi sebenar telah dikaji semula berbanding dengan keputusan sasaran secara bulanan bagi membolehkan tindak balas yang cepat serta tindakan pembetulan yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko. Lembaga Pengarah mengulas laporan-laporan lazim daripada pengurusan mengenai statistik operasi utama, juga bagi hal-hal berkaitan undang-undang dan peraturan. Lembaga Pengarah juga meluluskan sebarang perubahan atau pindaan terhadap dasar-dasar Kumpulan.
- Beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah ditubuhkan bagi membantu Lembaga Pengarah untuk menjalankan fungsi-fungsi tinjauannya. Tanggungjawab khusus telah diamanahkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini, yang mana semuanya mempunyai terma-terma rujukan yang rasmi. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa kesemua perkara yang berada di dalam bidang kuasa mereka dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah berserta dengan syor-syor mereka. Untuk maklumat yang lebih terperinci mengenai Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, sila rujuk halaman 204 - 206.
- Pelbagai Jawatankuasa Pengurusan Tahap Eksekutif (ELC) diperkenalkan oleh Pengurusan untuk membantu dan menyokong pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk memerhati bidang teras operasi perniagaan. ELC ini termasuk Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan, Jawatankuasa Risiko Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti, Jawatankuasa Pemerolehan Kumpulan, Jawatankuasa Pemandu IT Kumpulan, Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan dan Jawatankuasa Disiplin Sumber Manusia.
- Dasar/garis panduan bagi pengambilan dan kenaikan pangkat di dalam Kumpulan diadakan bagi memastikan hanya mereka yang berkaliber sahaja dipilih bagi menjawat jawatan yang disediakan. Program latihan secara formal sama ada secara berhadapan atau melalui e-pembelajaran, penilaian prestasi separa tahun dan tahunan dan lain-lain prosedur yang berkenaan telah disediakan bagi memastikan kakitangannya adalah cekap dan terlatih secukupnya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Garis panduan yang rapi juga telah dirangka untuk pemberhentian kakitangan.
- Satu rangka kerja terperinci yang jelas beserta dengan had bidang kuasa yang sesuai telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk pemilikan dan pelupusan aset,

penganugerahan tender, pelupusan item-item operasi dan kredit, sumbangan dan juga meluluskan perbelanjaan am dan operasi.

- Terdapat dasar-dasar serta prosedur-prosedur yang disediakan bagi memastikan pematuhan kepada kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang ditentukan. Dasar-dasar dan prosedur-prosedur ini dinyatakan di dalam Arahan Amalan Piawaian Kumpulan dan dikemaskini dari masa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran perniagaan dan garis panduan kawal selia.

Jaminan pihak Pengurusan

Lembaga telah menerima jaminan yang munasabah daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif ("PCEO") dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan ("GCFO") bahawa pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalaman adalah beroperasi dengan cukup baik dan berkesan dalam semua aspek material, berdasarkan kepada model pengurusan risiko yang digunakan dalam Kumpulan.

ULASAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Juruaudit luar telah membuat semakan mengenai Penyata Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan berakhir pada 31 Disember 2012.

Juruaudit luar mengendalikan semakan ini selaras dengan "Cadangan Panduan Amalan 5: Panduan untuk Juruaudit bagi Ulasan Penyata Pengarah mengenai Kawalan Dalaman" ("RPG 5") yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Semakan ini telah dijalankan bagi menilai sama ada Penyata Kawalan Dalaman telah disokong oleh kedua-dua dokumen yang telah disediakan oleh/atau untuk para Pengarah dan secara wajarnya mencerminkan proses-proses yang digunakan oleh para Pengarah dalam mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan tersebut.

RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada Penyata Kawalan Dalaman Pengarah merangkumi semua risiko dan kawalan, atau untuk membentuk satu pendapat tentang keberkesanan prosedur risiko dan kawalan Kumpulan. RPG 5 juga tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada proses yang diterangkan untuk berdepan dengan aspek kawalan dalaman yang penting bagi sebarang perkara besar yang didedahkan di dalam laporan tahunan, sebenarnya akan mengurangkan risiko yang telah dikenalpasti atau memulihkan masalah yang akan timbul.

Berdasarkan kepada ulasan mereka, juruaudit luar telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada perkara yang timbul pada pemerhatian mereka, yang boleh menyebabkan mereka percaya bahawa Penyata Kawalan Dalaman ini tidak konsisten dengan pemahaman mereka berkaitan proses-proses yang telah digunakan oleh Lembaga Pengarah di dalam kajian semula mengenai kecukupan dan integriti kawalan dalaman Kumpulan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

A. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Komposisi

1. Jawatankuasa dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan pengarah-pengarah bukan eksekutif dan haruslah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli. Pengerusi dan majoriti daripada ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan pengarah-pengarah bebas dan sekurang-kurangnya seorang (1) daripada mereka mestilah:
 - merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika bukan ahli MIA, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja; dan
 - i. beliau mesti telah lulus peperiksaan yang dikhususkan di bawah Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
 - ii. beliau mestilah seorang ahli bagi satu (1) daripada persatuan akauntan yang telah dikhususkan di bawah Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967.

2. Apabila Pengerusi tidak dapat menghadiri mesyuarat, ahli-ahli hendaklah melantik salah seorang daripada mereka sebagai Pengerusi.
3. Semakan semula keanggotaan adalah dilakukan sekali setiap tiga (3) tahun. Semakan semula ini adalah berkenaan dengan terma-terma penjawatan dan prestasi ahli.

Mesyuarat

1. Mesyuarat harus diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan atau mengikut kekerapan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana individu perseorangan untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu perbincangannya. Sekurang-kurangnya sekali setahun, Jawatankuasa boleh mengadakan pertemuan dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.
2. Jawatankuasa akan mengawal selia prosedurnya sendiri terutamanya yang berkaitan dengan makluman untuk mengadakan mesyuarat, notis yang perlu diberikan untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat tersebut, pengundian serta perjalanan mesyuarat, penyimpanan minit-minit mesyuarat serta penjagaan, penerbitan dan pemeriksaan minit-minit tersebut.

Ahli Jawatankuasa Audit
Maybank dari kiri ke kanan:

- Tan Sri Datuk Dr. Hadenan A. Jalil (Pengerusi)
- Dato' Johan Ariffin (Ahli)
- En. Cheah Teik Seng (Ahli)
- En. Erry Riyana Hardjapamekas (Ahli)



- Atas permintaan juruaudit luar, suatu mesyuarat akan diadakan untuk menimbangtara sebarang perkara yang difikirkan perlu untuk diberi perhatian oleh para pengarah dan pemegang saham.

Korum

Korum terdiri daripada dua (2) orang yang mana kedua-duanya merupakan pengarah bebas.

Setiausaha

Kaunsel Am & Setiausaha Syarikat, En. Mohd Nazlan Mohd Ghazali adalah Setiausaha bagi Jawatankuasa Audit (ACB).

Bidang Kuasa

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

- Menyiasat mana-mana kegiatan atau perkara di dalam lingkungan terma-terma rujukannya.
- Melaporkan dengan segera kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") mengenai perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan dengan cara yang memuaskan, yang melanggar Peraturan Penyenaraian Bursa Securities.
- Mendapatkan nasihat profesional daripada pihak luar yang berkecuali, sama ada dari segi perundangan atau apa-apa yang dirasakan perlu.
- Mengekalkan saluran-saluran komunikasi secara terus dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman dan juga dengan pengurusan kanan Bank serta anak-anak syarikatnya.
- Mengadakan mesyuarat-mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman tanpa kehadiran pihak pengurusan, bilamana perlu.

Dalam menjalankan fungsi-fungsi yang di atas, Jawatankuasa (ACB) telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mempunyai:

- Sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
- Akses penuh tanpa had kepada sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya.

B. TUGAS-TUGAS & TANGGUNGJAWAB

Tugas-tugas utama serta tanggungjawab Jawatankuasa Audit (ACB) berkenaan dengan fungsi Audit Dalaman Kumpulan Maybank, juruaudit-juruaudit dalaman, laporan kewangan, urus niaga pihak yang berkaitan, laporan tahunan dan penyiasatan adalah seperti berikut:

1. Audit Dalaman

- Menyemak semula kecukupan skop audit dalaman dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber audit dalaman, piagam Audit Dalaman dan sama ada ia (Audit Dalaman) mempunyai kuasa yang perlu untuk menjalankan tugasnya.
- Menyemak semula laporan-laporan audit dalaman bagi memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak Pengurusan dengan kadar segera bagi menangani kecuaiian kawalan atau kaedah yang dikenalpasti oleh Audit Dalaman.
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Eksekutif Audit serta Ketua-Ketua Jabatan Audit Dalaman.
- Menilai prestasi Audit Dalaman, menentukan dan meluluskan pembayaran serta kenaikan gaji tahunan juruaudit dalaman.
- Mengenal pasti peletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman serta sebab-sebabnya.

2. Audit Luar

- Menyemak semula pelantikan dan prestasi juruaudit luar, yuran audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan, serta mengusulkan cadangan-cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- Menilai kelayakan, kepakaran, sumber-sumber serta keberkesanan juruaudit luar.
- Memantau keberkesanan prestasi juruaudit luar serta keberkecualian dan objektiviti mereka.
- Menyemak semula skop serta perancangan juruaudit luar, termasuk sebarang perubahan terhadap skop kepada pelan audit yang dirancang.
- Menyemak semula penemuan utama yang dikemukakan oleh juruaudit luar serta tindak balas pihak Pengurusan termasuk status usul-usul audit terdahulu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

- Menyemak semula bantuan kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kumpulan kepada juruaudit luar serta apa-apa kesukaran yang ditempuhi semasa menjalankan tugas tersebut, termasuk sebarang halangan terhadap skop aktiviti atau akses kepada maklumat yang diperlukan.
- Meluluskan perkhidmatan-perkhidmatan bukan audit yang diberikan oleh juruaudit luar.

3. Laporan Kewangan

Menyemak semula penyata-penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahun dengan memberi tumpuan kepada:

- sebarang perubahan dalam dasar perakaunan serta amalannya.
- peristiwa yang ketara dan di luar kelaziman.
- pematuan terhadap Piawaian Laporan Kewangan yang diguna pakai serta lain-lain peraturan perundangan dan peraturan kawal selia.

4. Urus niaga Pihak Yang Berkaitan

Menyemak semula mana-mana urus niaga pihak yang berkaitan serta situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul di dalam bank atau Kumpulan Maybank termasuk urus niaga, prosedur atau perlakuan yang boleh menimbulkan pertikaian mengenai integriti pihak Pengurusan.

5. Laporan Tahunan

Melaporkan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan.

6. Penyiasatan

Mengarahkan sesuatu penyiasatan dilakukan ke atas mana-mana aktiviti atau perkara di dalam lingkungan terma rujukannya.

7. Perkara-perkara lain

Bertindak di atas perkara-perkara lain yang dianggap perlu atau sebagaimana yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah.

C. AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT SEPANJANG TAHUN

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan pertugasannya, telah melakukan aktiviti-aktiviti berikut:

Kehadiran Mesyuarat

Sebanyak 14 mesyuarat telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Maklumat mengenai kehadiran setiap ahli Jawatankuasa mesyuarat sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Komposisi dan nama ahli jawatankuasa		Bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh di bawah kajian
1 Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil (Pengerusi)	14/14	
- Dilantik pada 15/7/2009		
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif		
2 En Cheah Teik Seng (ahli)	14/14	
- Dilantik pada 26/8/2009		
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif		
3 Dato' Johan Ariffin (ahli)	14/14	
- Dilantik pada 26/8/2009		
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif		
4 En. Erry Riyana Hardjapamekas (ahli)	7/7	
- Dilantik pada 25/6/2012		
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif		
5 Dato' Sreesanthan Eliathamby (ahli)	3/3	
- Dilantik pada 27/10/2010		
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (bersara bermula dari 29/3/12)		

Jawatankuasa Audit terdiri daripada empat (4) Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Seorang daripada ahlinya (En Cheah Teik Seng) merupakan ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales. Ini memenuhi syarat Peraturan Penyenaraian Bursa Securities yang memerlukan sekurang-kurangnya seorang akauntan yang bertauliah sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit bertemu mengikut jadual yang ditetapkan. Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dan Ketua Eksekutif Audit (CAE) akan dipelawa untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat ini. Juruaudit Luar juga dipelawa untuk membincangkan Surat-surat Pihak Pengurusan, Memorandum Perancangan Audit dan perkara-perkara lain yang berkenaan.

Sebagai tambahan kepada mesyuarat yang telah dijadualkan, ahli-ahli Jawatankuasa Audit juga mempunyai dua (2) sesi satu-temu-satu dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Jawatankuasa Audit juga bertemu bagi membincang dan mengulas hasil keputusan kewangan yang belum diaudit dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit bagi Bank dan Kumpulan Maybank. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO) dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dijemput menghadiri mesyuarat tersebut, bersama-sama dengan Juruaudit Luar.

Audit Dalaman (IA)

1. Menyemak semula pelan audit dalaman tahunan bagi tahun kewangan berakhir 2012 untuk memastikan skop yang mencukupi, liputan mengenai aktiviti Bank dan Kumpulan serta keperluan sumber audit dalaman untuk menjalankan fungsinya secara efektif.
2. Menyemak semula laporan audit dalaman, usul-usul audit dan penerimaan pihak pengurusan terhadap usul tersebut.
3. Menyemak semula laporan status berdasarkan usaha pihak Pengurusan untuk menyelaraskan baki isu audit bagi memastikan kecuaiian kawalan dapat ditangani.
4. Menyemak semula laporan bulanan prestasi audit untuk memastikan kecukupan, prestasi, perkembangan, pencapaian dan liputan mengenai fungsi audit dalaman dan menyatakan sebab-sebab pemberhentian kakitangan audit.
5. Menyemak semula laporan audit yang dikemukakan oleh pihak yang mengawal selia, penerimaan pihak Pengurusan terhadap usul yang dikemukakan oleh pengawal selia, dan tindakan penyelesaian yang diambil untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikesan.
6. Membincangkan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Audit anak-anak syarikat untuk meninjau pengurusan risiko serta sistem kawalan dalaman anak-anak syarikat tersebut.
7. Mengemukakan penilaian berkecuali mengenai prestasi dan pakej remunerasi kakitangan audit berdasarkan kepada peraturan pengawal selia.
8. Meluluskan perlantikan kakitangan audit dalam jawatan-jawatan utama.

9. Mengarahkan penyiasatan terhadap mana-mana aktiviti atau perkara di dalam lingkungan terma-terma rujukannya.
10. Menyemak semula Laporan Jawatankuasa Audit serta Penyata Kawalan Dalaman.
11. Menyemak semula minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalaman bagi meninjau perbincangan serta tindakan-tindakan pembaikan yang telah diambil oleh pihak Pengurusan terhadap kecuaiian kawalan yang dikemuka oleh juruaudit-juruaudit dalaman.

Laporan Kewangan

12. Menyemak semula keputusan suku tahunan yang belum diaudit serta penyata kewangan tahunan Bank serta Kumpulan Maybank yang telah diaudit bagi memastikan laporan kewangan serta keperluan pendedahan maklumat adalah mematuhi piawaian perakaunan, dengan tumpuan khusus diberikan kepada perubahan dalam dasar perakaunan, dan juga transaksi ketara dan di luar kelaziman.

Audit Luar

13. Menyemak semula bersama juruaudit luar:
 - Memorandum Perancangan Audit dan skop kerja mereka untuk tahun tersebut.
 - Hasil audit, laporan-laporan audit yang berkenaan dan Surat-surat Pihak Pengurusan berserta penerimaan/komen pihak Pengurusan terhadap hasil penemuan tersebut.
14. Meluluskan perkhidmatan bukan-audit yang diberikan oleh juruaudit-juruaudit luar. Ketika mempertimbangkan kelulusan bagi perkhidmatan ini, Jawatankuasa Audit mengambil kira pertimbangan mengenai proses dan keperluan (termasuk yuran) yang diwujudkan di bawah dasar perlantikan berkenaan.
15. Menilai semula prestasi juruaudit luar dan membuat saranan kepada Lembaga mengenai perlantikan berkenaan.

Skim Saham Kakitangan (ESS)

16. Menyemak peruntukan yang berkenaan bagi memastikan ia selari dengan syarat yang diluluskan.

Latihan Para Pengarah

17. Latihan yang dihadiri oleh Jawatankuasa adalah dilaporkan di bawah Penyata Tadbir Urus Korporat di halaman 202-203.

E. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan mempunyai Audit Dalamannya (IA) sendiri yang sudah sedia diwujudkan untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi pihak Pengurusan dalam menyediakan pengurusan risiko, kawalan dalaman serta sistem pentadbiran yang kukuh. Kos penyelenggaraan fungsi IA bagi tahun kewangan dianggarkan sebanyak RM42.0 juta yang terdiri daripada terutamanya penggajian, perbelanjaan perjalanan dan penginapan serta elaun sara hidup bagi tugas-tugas audit.

Fungsi audit dalaman adalah berpanduan kepada Piagam Audit di mana dari segi fungsinya, ia melaporkan kepada Lembaga Jawatankuasa Audit Bank dan dari segi pentadbiran pula kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif. Ia juga adalah berkecuali daripada aktiviti-aktiviti serta operasi unit-unit operasi yang lain. Tanggungjawab utama IA adalah melakukan penyemakan semula sistem-sistem kawalan dalaman secara lazim dan sistematik, untuk memberikan kepastian yang munasabah bahawa sistem-sistem tersebut telah dan akan terus beroperasi dengan licin dan berkesan. Skop liputan IA merangkumi kesemua unit serta operasi Bank, termasuk anak-anak syarikat. Pemilihan unit-unit yang akan diaudit daripada segala bentuk pengauditan hingga ke pembentukan perancangan audit adalah berdasarkan suatu pendekatan berasaskan risiko dan adalah menjadi tanggungjawab IA untuk memberikan Jawatankuasa Audit dengan laporan yang berkecuali dan objektif mengenai keadaan dan tahap pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses pentadbiran.

Fungsi audit dalaman bagi operasi Maybank dan anak-anak syarikatnya di Malaysia dan Papua New Guinea disusun berdasarkan Kumpulan dalam Maybank. Sokongan teknikal dalam bidang-bidang risiko kredit, risiko pasaran, sistem-sistem teknologi maklumat serta inisiatif-inisiatif pembangunan dipacu secara berpusat untuk memastikan piawaian serta guna pakai yang konsisten. Ketika meluluskan Pelan Audit Tahunan, Lembaga Jawatankuasa Audit menyemak semula keperluan kakitangan IA Maybank untuk memastikan fungsinya mencukupi dan wajar. Fungsi audit dalaman bagi setiap anak syarikat di Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan Kemboja diselaraskan dengan baik dan disokong oleh kumpulan audit dalaman residen dengan tanggungjawab langsung kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Audit bagi anak-anak syarikat yang berkenaan.

Laporan-laporan audit yang memberikan hasil audit yang dijalankan dari segi risiko pengurusan unit tersebut, keberkesanan operasi kawalan-kawalan dalaman, pematuhan keperluan-keperluan dalaman serta pengawalan dan keseluruhan pengurusan unit diserahkan kepada Jawatankuasa Audit masing-masing untuk semakan semula. Isu-isu kawalan utama, risiko-risiko ketara serta usul-usul adalah diketengahkan, bersama dengan penerimaan pihak Pengurusan serta pelan tindakan untuk penambahbaikan dan/atau

pembetulan, di mana sesuai. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit melakukan fungsi kawal selia dengan membentuk satu pendapat mengenai kecukupan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Pengurusan.

Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) yang dikeluarkan oleh Institut Audit Dalaman (IIA), Amalan Penasihat yang diterbitkan oleh IIA, Garis Panduan mengenai Fungsi Audit Dalaman, Garis Panduan Bank Negara Malaysia, Garis Panduan Insurans dan Garis Panduan mengenai Pengurusan Persekitaran IT digunakan di mana perlu sebagai satu panduan berkanun bagi prosedur audit dalaman.

Dalam tahun kewangan ini, aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan oleh IA:

1. Membangunkan pelan audit tahunan berdasarkan pendekatan berasaskan risiko dan selari dengan pelan pengembangan perniagaan Kumpulan, dengan mengambil kira input daripada Pengurusan Kanan dan Lembaga Jawatankuasa Audit.
2. Melaksanakan peranan jaminan bebas melalui semakan semula unit-unit dan operasi yang dikenalpasti dalam pelan audit tahunan, untuk menilai dan menambah baik keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus. Ini termasuk semakan tahap operasi dan perkhidmatan oleh Penyedia Perkhidmatan.
3. Menyemak semula kecukupan serta perlunya kawalan-kawalan dalaman serta pendedahan risiko di dalam produk, pakej pembiayaan baru.
4. Memastikan tahap pematuhan dengan dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang sudah tersedia serta keperluan berkanun.
5. Selain aktiviti-aktiviti jaminan risiko, IA juga menjalankan audit terhadap perkakasan komputer, sistem-sistem operasi dan aplikasi juga rangkaian teknologi komunikasi maklumat (ICT) Kumpulan Maybank.
6. Melaksanakan apa-apa tugas atau semakan semula khas bila mana diarahkan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.
7. Cadangan penambahbaikan dan peningkatan kepada sistem kawalan dalaman yang sedia ada serta prosedur/proses kerja.
8. Melaksanakan penyiasatan audit ke atas aktiviti-aktiviti atau perkara-perkara seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Kanan.
9. Menjadi saksi kepada proses pembukaan tender bagi perkhidmatan hasil.
10. Menyediakan Laporan Jawatankuasa Audit dan Penyata Kawalan Dalaman bagi Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

PENGURUSAN RISIKO

“Kami terus mengukuhkan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan dengan menanamkan kesedaran risiko yang kukuh di kalangan kakitangan, menyatakan dengan jelas dan lebih spesifik terhadap kehendak risiko kami serta menerapkan pengetahuan mengenai pengurusan risiko dan kesedaran mengenainya.”

Dr John Lee Hin Hock

Pegawai Ketua Risiko Kumpulan

SOROTAN UTAMA

1. Terus mengukuhkan strategi risiko kami dan tadbir urus untuk menanam serta mengukuhkan budaya risiko kami dan pengurusan di seluruh Kumpulan bagi menyokong pelan pertumbuhan serantau.
2. Menubuhkan pelan tindakan Risiko Pengurusan Kakitangan untuk meningkatkan kemahiran sumber insan dan menetapkan platform untuk merapatkan jurang kecekapan.
3. Menambah baik proses pengurusan risiko dengan mengoptimumkan modal dan sumber, menambah baik masa membuat keputusan kredit, meningkatkan pelaporan risiko di seluruh enterpris supaya lebih cekap mengawasi risiko dan memperhalusi amalan risiko untuk lebih cekap dan konsisten di seluruh Kumpulan.
4. Melaksanakan dan menambah baik pelbagai sistem risiko seperti hala tuju Arkitektur Risiko IT, Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan dan sistem Pengurusan Risiko Operasi bagi memastikan keupayaan risiko yang lebih cekap menerusi teknologi.

ULASAN

Dalam TK2012, Kumpulan Maybank mencapai perkembangan ketara dalam menguruskan risiko secara lebih berkesan dan menyeluruh di dalam Kumpulan. Di tengah-tengah cabaran perniagaan dan regim kawal selia yang lebih ketat, Pengurusan Risiko telah berjaya meningkatkan dan menanam pengurusan risiko ke dalam perniagaan untuk memacu penciptaan nilai untuk Kumpulan.

Faktor-faktor risiko yang dihadapi oleh Kumpulan boleh dikategorikan seperti berikut:

Ekonomi — Meliputi kebimbangan risiko makroekonomi yang terdiri daripada persekitaran ekonomi, sistem kewangan, infrastruktur, ketidaktentuan dan peraturan.

- Persekitaran pasaran tempatan serta global akan memberi kesan terhadap keputusan kewangan kami.
- Kumpulan mungkin mendapat pendedahan langsung dan tidak langsung daripada krisis ekonomi yang sedang berlaku.
- Segalanya bergantung kepada risiko ekonomi di negara-negara di mana kami beroperasi.

Geopolitik — Meliputi risiko dalam bidang-bidang seperti politik, diplomasi, konflik, jenayah dan pentadbiran.

- Perubahan status geopolitik di negara-negara kami beroperasi dan turut memiliki pendedahan akan turut menjejaskan kami.
- Risiko politik dan perubahan dalam peraturan diplomatik serta pentadbiran turut menjejaskan kami.

Kebijaksanaan makro, Peraturan dan Perundangan – Meliputi risiko berkaitan perubahan dalam peraturan dan lanskap peraturan.

- Perniagaan Kumpulan bergantung kepada undang-undang dan peraturan yang luas dan juga kawal selia dan pengawasan kerajaan.
- Pembangunan undang-undang atau peraturan, atau perubahan dasar peraturan kerajaan berupaya memberi kesan yang tidak menyenangkan kepada operasi, kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan.

Persekitaran — Meliputi peristiwa persekitaran risiko yang luas seperti bencana alam, pencemaran yang tidak dapat dipulihkan dan eksploitasi melampau terhadap spesies.

- Pendedahan kepada syarikat-syarikat yang menjejaskan persekitaran mungkin boleh mendatangkan risiko terhadap reputasi Kumpulan.
- Terdapat risiko bencana alam yang menjejaskan negara-negara di mana Kumpulan beroperasi.

Risiko dalam Operasi Perniagaan, Tadbir Urus dan Sistem Kawalan Dalaman – Meliputi risiko yang disebabkan oleh operasi perniagaan seharian termasuk kegagalan tadbir urus dan kawalan dalaman dalam proses perniagaan kami.

- Risiko berkaitan kualiti kredit peminjam yang berpunca daripada perniagaan Kumpulan.
- Risiko operasi wujud dalam proses perniagaan.
- Ketidaktentuan pasaran mungkin mengurangkan nilai atau pendapatan yang dijana daripada portfolio kami.
- Mudah tunai atau akses dana yang sentiasa ada amat penting bagi aktiviti Kumpulan.

PENGURUSAN RISIKO

- Penurunan taraf kredit Kumpulan, dan syarikat-syarikat subsidiarinya atau sebarang sekuriti hutang berupaya meningkatkan kos atau dana dan menjejaskan kedudukan mudah tunai dan margin kepentingan.

Dari Segi Teknologi — Meliputi risiko dalam bidang teknologi semasa dan sedang muncul serta teknologikal luaran – berkaitan ancaman seperti serangan siber, kecurian data, penipuan dan sebagainya.

- Operasi kami amat bergantung kepada penggunaan sistem teknologi maklumat yang berterusan.
- Sebarang kerosakan atau kegagalan dalam sistem mampu memberi impak besar terhadap perniagaan Kumpulan.

Sebagai langkah berjaga-jaga terhadap risiko berkenaan, Kumpulan terus merancang, memantau dan memberi maklum balas terhadap faktor-faktor risiko dalaman dan luaran. Ia dicapai dengan terus melaksanakan Program Transformasi Risiko (RTP).

Objektif utama bagi RTP adalah mereka semula kedudukan risiko semasa dan menyesuaikan dengan keupayaan fungsi risiko Kumpulan dengan aspirasi strategiknya. RTP bermatlamat untuk meningkatkan proses pengurusan risiko global bagi meningkatkan keupayaan kami untuk menguruskan risiko di semua pasaran di mana kami beroperasi, menambah baik maklum balas terhadap perniagaan, mengoptimumkan keupayaan pulangan risiko dan bertindak seperti pemimpin pasaran dan membuat keputusan dalam pengurusan risiko serantau.

Sorotan pencapaian risiko utama dan langkah-langkah yang diambil oleh Kumpulan dalam tahun kewangan termasuk yang berikut:

STRATEGI DAN TADBIR URUS

Penyata Kehendak Risiko

Penyata kehendak risiko Kumpulan telah disemak semula dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk menghubungkan strategi perniagaan dengan lebih baik dengan keupayaan pengambilan risiko dan mengoptimumkan pulangan risiko. Daripada perspektif Maybank, kehendak risiko adalah berhubung strategi risiko Kumpulan dengan strategi perniagaannya, termasuk menerusi sasaran penarafan (kemampuan) yang dikehendaki, ketidak-tentuan pendapatan dan had risiko.

Kami berjaya melaksanakan Rangka Kerja Kehendak Risiko Kumpulan di seluruh Maybank dan syarikat-syarikat subsidiari luar negara serta cawangan-cawangan utama. Kami terus menyesuaikan dan menanamkan kehendak risiko ke dalam pengurusan risiko utama dan proses perancangan perniagaan untuk memastikan risiko, pulangan dan modal diuruskan secara bersepadu.

Untuk tujuan ini, kami telah menubuhkan sebuah kumpulan yang menumpukan kepada proses pengurusan kehendak risiko, untuk bertindak sebagai perantara antara Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan semua pemegang kepentingan perniagaan dalam Kumpulan. Kami merasakan Rangka Kerja Kehendak Risiko sebagai alat komunikasi berkesan, sebagai rujukan perbincangan pulangan risiko antara Lembaga Pengarah, perniagaan dan pengurusan risiko.

Rangka Kerja Kehendak Risiko menyatakan dengan jelas dan berkesan mengenai sempadan-sempadan risiko seperti yang didefinisikan oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan kepada pelbagai perniagaan di seluruh Kumpulan. Ia juga memastikan semua risiko prinsip Kumpulan turut diambil kira dalam perniagaan, pengurusan risiko dan proses perancangan modal.



Budaya Risiko

Budaya Risiko ditakrifkan oleh Institut Kewangan Antarabangsa (IIF) sebagai “norma dan tradisi tingkah laku individu dan kumpulan-kumpulan dalam sesebuah organisasi menentukan cara mereka mengenalpasti, memahami, berbincang dan bertindak terhadap risiko yang dihadapi dan ditanggapi organisasi.” Selari dengan kehendak Lembaga Pengarah untuk “mewujudkan dan menanam budaya risiko yang sewajarnya”, kami mewujudkan Indeks Budaya Risiko bermatlamat untuk mengukur kedudukan semasa Budaya Risiko di seluruh Kumpulan.

Kami berpendapat Budaya Risiko sebagai asas bagi rangka kerja pengurusan enterpris yang kukuh dibina. Mewujudkan dan menanam Budaya Risiko menjadi batu asas pengurusan risiko yang berkesan terhadap Kumpulan dan pelanggan-pelanggan kami. Justeru, menerusi indeks ini, kami mahu mengukur dan mensasarkan bidang spesifik yang boleh dijadikan tumpuan pembinaan pengurusan risiko dan memastikan budaya risiko kami diinstitusikan.

Indeks ini berjaya dilancarkan pada 2012, dan keputusannya akan dimasukkan ke dalam proses prestasi pengurusan di seluruh Kumpulan. Pelan tindakan yang spesifik juga akan turut dibangunkan untuk memastikan kami berupaya untuk mengekalkan pertumbuhan kami berterusan dan peka dengan risiko.

Pentadbiran Unit Serapan Risiko (ERU)

Dalam tahun kewangan lalu, Kumpulan terus meningkatkan kecekapan Unit Serapan Risiko dalam sektor perniagaan, unit luar negara dan syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan untuk memenuhi matlamat yang berkenaan:

- Untuk menyelaras amalan pengurusan risiko Kumpulan dengan amalan pengurusan risiko peneraju.
- Untuk menyelaras pelaksanaan rangka kerja dan dasar-dasar risiko.
- Untuk meningkatkan tinjauan risiko.
- Untuk menyediakan kejelasan peranan dan tanggungjawab fungsi pengurusan risiko dalam sektor perniagaan, syarikat-syarikat subsidiari, cawangan luar negara dan unit-unit di luar negara.
- Untuk memperuntukkan lebih ramai pekerja yang berdedikasi untuk menyokong aktiviti pengurusan risiko.
- Untuk membaik pulih fungsi skala dan pengulangan pengurusan risiko dalam menyokong pertumbuhan serantau Kumpulan.

Kecekapan Strategi Pengurusan Modal

Pendekatan pengurusan modal Kumpulan didorong oleh matlamat strategik dan turut mengambil kira semua peraturan, persekitaran ekonomi dan komersial yang sewajarnya di mana-mana sahaja Kumpulan beroperasi. Kumpulan menyifatkan memiliki kedudukan modal yang kukuh amat penting bagi strategi perniagaan dan persaingannya. Sehubungan itu, implikasi kedudukan modal Kumpulan turut diambil kira oleh Lembaga dan pengurusan kanan sebelum melaksanakan keputusan perniagaan yang penting bagi memastikan kekuatan modal keseluruhan Kumpulan dapat dipertahankan.

Dasar pengurusan modal Kumpulan bertujuan untuk memperluaskan sumber modalnya; untuk memperuntuk dan mengatur modal dengan cekap, bergantung kepada keserasian antara modal yang ada dan risiko perniagaan utamanya; dan untuk memenuhi jangka pemegang kepentingan utama, termasuk pelabur, pengawal selia dan agensi penarafan.

Satu set garis panduan tadbir urus yang kukuh serta proses-prosesnya diserapkan dalam Rangka Kerja Pengurusan Modal. Dasar yang sesuai telah disediakan untuk mengawasi pindahan modal dalam Kumpulan. Matlamatnya adalah bagi memastikan modal berkenaan dipindahkan sewajarnya, dengan mematuhi keperluan peraturan tempatan, dan keseluruhan sumber modal dioptimumkan di peringkat Kumpulan serta entiti. Tanggungjawab sebenar bagi pengurusan modal yang cekap bergantung kepada Lembaga, manakala EXCO Kumpulan bertanggungjawab untuk sentiasa memastikan keberkesanan dasar pengurusan modal dan untuk mengemaskini Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan untuk mencerminkan semakan dan pembangunan baru.

Pelaksanaan Basel III

Pelaksanaan Basel III di Malaysia berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 di bawah peraturan baru Basel III yang dikeluarkan pada 28 November 2012 oleh Bank Negara Malaysia. Peraturan baru itu keseluruhannya selari dengan cadangan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (BCBS) pada Disember 2010 (dikemaskini pada Jun 2011), dengan pengecualian bidang keperluan baru Basel III lebih ketat di bawah rejim baru tempatan, Kumpulan menjangkakan kedudukan modalnya akan kekal memuaskan pada tahap melebihi keperluan syarat minimum, walaupun tanpa pengaturan transisi.

Sila rujuk halaman 465 – 471 dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2012 untuk maklumat lebih lanjut mengenai Pengurusan Modal dan Proses ICAAP.

PENGURUSAN RISIKO

KAKITANGAN

Pelan Tindakan Pengurusan Kakitangan Risiko

Kumpulan telah membangunkan dan melaksanakan pelan tindakan risiko pengurusan kakitangan yang komprehensif untuk menerangkan dengan jelas kecekapan risiko teras yang diperlukan oleh pakar profesional risiko di Maybank. Selain itu, kami menjelaskan kurikulum latihan untuk membina keupayaan risiko yang diperlukan dan juga menyokong pengurusan laluan kemajuan kerjaya dan perancangan pengganti.

Kelas Master Risiko

Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan sumber pengurusan risiko syarikat-syarikat subsidiari, Bank Internasional Indonesia (BII) telah menganjurkan Kelas Master Risiko, yang mana pakar dalam bidang risiko dari seluruh Kumpulan berkongsi pengetahuan mereka mengenai pelbagai topik pengurusan risiko dan corak risiko semasa.

Taja Jamin Kualiti Kredit

Kumpulan telah meluluskan program Penilaian Kredit Teras Kakitangan (IACCP). Ini merupakan proses penilaian dalam tugas untuk menilai kecekapan kredit teras kakitangan, dan juga kualiti cadangan kredit yang dihasilkan. IACCP akan membantu mengenalpasti bidang yang menjadi kelemahan individu dengan matlamat untuk mencadangkan program latihan kredit yang khusus untuk membangunkan kemahiran mereka dan terus meningkatkan kualiti taja jamin kredit.

PEMROSESAN

Mengoptimumkan Risiko Kewajaran Aset (RWA)

Program mengoptimumkan RWA direka bagi usaha kerjasama antara Pengurusan Risiko dan perniagaan sebagai sebahagian daripada proses pengurusan modal yang berterusan. Sehingga kini, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti membangunkan model penarafan baru, menyemak model sedia ada, menguruskan penarafan usang, memastikan klasifikasi yang sesuai bagi aset dan meningkatkan cagaran maklumat pengurusan.

Peningkatan Keputusan Kredit

Pemprosesan kredit disusun semula seluruhnya untuk segmen perniagaan berbeza, daripada peringkat awal pemasaran hinggalah pinjaman dikeluarkan, dengan tumpuan untuk membuat keputusan kredit yang lebih cepat tanpa meningkatkan risiko kami. Kami menggunakan Pengurusan Pemprosesan Perniagaan (BPM) untuk meningkatkan Sistem Punca Pinjaman (LOS), melancarkan pemprosesan kredit untuk masa penyelesaian yang lebih baik di semua pusat transaksi.

Pengurusan Risiko Pasaran

Kami mencapai kesan kepelbagaian dalam pengiraan Nilai-pada-Risiko (VaR) global menerusi Engin Risiko Kondor yang dipertingkatkan di semua Pusat Pasaran Global.

Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Bagi menyokong hasrat Kumpulan untuk mendapatkan pensijilan Pendekatan Standard (TSA) bagi ORM, kami melancarkan pelbagai inisiatif untuk memastikan ORM diinstitusikan di seluruh Kumpulan. Usaha ini termasuk meningkatkan kecekapan latihan ORM kami, menghubungkan dan berkongsi pengetahuan dengan rangkaian cawangan dan menguji kakitangan kami.

Budaya Pematuhan

Pelbagai inisiatif dan program seperti Penyelesaian e-Pembelajaran, Minggu Integriti dan Program Peningkatan Kemahiran Pematuhan Kumpulan ditubuhkan untuk menginstitusikan budaya pematuhan dalam Kumpulan.

Pelaporan Risiko Kumpulan

Mengenalpasti kepentingan maklumat risiko tepat masa dan lengkap, kami meningkatkan pemprosesan laporan risiko di seluruh Kumpulan menerusi:

- Laporan risiko di seluruh Kumpulan secara standard dan rasional.
- Meningkatkan petunjuk “Enterprise Risk Dashboard” (ERD) dan penetapan “daya tahan” untuk analisis lebih bermakna dan membuat keputusan dengan jitu.
- Laporan risiko secara automasi bagi memastikan proses pengeluaran laporan yang lebih pantas.
- Sistem Amaran Awal (EWS) yang terdiri daripada semakan tinjauan hadapan bagi petunjuk risiko utama dan analisis senario.

SISTEM

Arkitektur Risiko IT (RITA)

Sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Risiko, kami telah membangunkan Arkitektur Enterpris Risiko IT yang mentakrifkan sasaran kedudukan aplikasi, data dan infrastruktur teknologi yang sesuai untuk menyokong pengurusan risiko kami.

RITA dimulakan untuk meningkatkan infrastruktur risiko untuk (i) mempromosikan kecekapan proses perniagaan, (ii) selaras dengan arkitektur seluruh enterpris, dan (iii) mencapai maklumat risiko sumber tunggal, justeru mampu mengoptimumkan kos infrastruktur IT tadbir urus korporat.

Kumpulan telah melabur sejumlah besar ke dalam teknologi khusus untuk meningkatkan keupayaan pengurusan risiko. Sistem-sistem ini termasuk yang berikut:

- Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan (TRMS) untuk memastikan keupayaan memantau risiko pasaran yang lebih pesat terhadap risiko pasaran.
- Penyelesaian Pengurusan Risiko Data (RDMS) yang mematuhi pengiraan aset berwajaran risiko (RWA) Basel II - yang mengira RWA berdasarkan agregat kelas aset yang berbagai dalam Kumpulan.
- Sistem Pengurusan Pendedahan Kumpulan menguruskan had pendedahan di peringkat Kumpulan dan menyediakan satu platform untuk menguruskan tumpuan pendedahan kepada seseorang peminjam.
- Sistem Pengurusan Risiko Operasi Maybank (ORM) yang menguruskan risiko operasi Kumpulan.
- Sistem Pengurusan Cagaran Kumpulan merupakan sistem pengurusan cagaran berpusat yang menyediakan penyelesaian yang lebih cekap terhadap maklumat cagaran dan memenuhi keperluan operasi dan pemantauan di bawah Basel II bagi penggunaan teknik pengurangan risiko kredit, satu-satunya sumber data cagaran bagi pelaporan pengawal selia dan pematuhan, serta sistem penilaian semula automatik terhadap cagaran khusus yang layak.
- Sistem Penarafan Risiko Kredit membolehkan Kumpulan untuk menyemak dan mengukur risiko kredit peminjam berdasarkan kepada model penarafan dalaman.
- Pusat Data Risiko Kredit (CRDM) merupakan pusat penyimpanan data risiko kredit untuk memudahcara analisis risiko kredit, model aliran, pelaporan, keperluan pengesahan ilaian dan ujian tekanan dalam tempoh yang cekap dan bertepatan masa.

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO

Selari dengan struktur dan aspirasi serantau Kumpulan, kami terus meningkatkan pendekatan pengurusan risiko berintegrasi terhadap kecekapan pengurusan risiko di seluruh enterpris. Kumpulan berpendapat proses pengurusan risiko keseluruhan dengan pendekatan yang teratur dan berdisiplin selari dengan strategi, dasar, pemprosesan, kakitangan dan teknologi dengan matlamat khusus untuk menilai semua jenis risiko selaras dengan usaha meningkatkan nilai pemegang saham.

Struktur Tadbir Urus Risiko

Lembaga Pengarah
Lembaga Pengarah adalah "badan pentadbiran utama" Kumpulan Maybank yang bertanggungjawab secara keseluruhan mengawasi risiko. Ia meluluskan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan, had risiko, rancangan dan sasaran prestasi bagi Kumpulan dan anak-anak syarikat operasi utama, pelantikan pegawai-pegawai kanan, delegasi pihak berkuasa untuk risiko kredit dan lain-lain risiko serta penubuhan prosedur kawalan yang berkesan.


Jawatankuasa Peringkat Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)
RMC adalah Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab terhadap fungsi pengawasan risiko di dalam Kumpulan. Ia bertanggungjawab terutamanya untuk mengkaji semula dan meluluskan rangka kerja risiko utama dan dasar-dasar untuk pelbagai risiko.
Jawatankuasa Semakan Kredit (CRC)
Jawatankuasa Semakan Kredit (CRC) ditugaskan oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji semula permohonan pinjaman baru atau tambahan tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan terlebih dahulu dan penilaian risiko kredit sebagaimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan.

Jawatankuasa Peringkat Eksekutif

Jawatankuasa Risiko Eksekutif (ERC)	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan (GORMC)	Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALCO)	Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan (GMCC)
ERC, GORMC, ALCO dan GMCC merupakan Jawatankuasa Eksekutif yang bertanggungjawab terhadap semua risiko berunsur kebendaan di dalam Bank. Skop ERC merangkumi semua jenis risiko, manakala GORMC pula khusus untuk semua urusan risiko operasi. ALCO bertanggungjawab terutamanya terhadap pembangunan dan pelaksanaan strategi dan polisi yang luas untuk menguruskan penyataimbangan terkumpul dan risiko yang melibatkannya. GMCC pula diberi kuasa sebagai kelulusan jawatankuasa pinjaman berpusat bagi Kumpulan.			

Komponen utama rangka kerja Pengurusan Risiko Enterpris termasuk:



Selaras dengan pendekatan pengurusan risiko enterpris, Kumpulan telah menggunakan dan setia mengamalkan amalan Tujuh Prinsip Umum dalam Pengurusan Risiko untuk memastikan integrasi matlamat, dasar, metodologi dan sistem di seluruh pusat operasi serantau.

Tujuh Prinsip Umum Pengurusan Risiko Kumpulan Maybank

Tujuh Prinsip Umum mentakrif prinsip-prinsip utama dalam kebertanggungjawaban, kebebasan, struktur, dan skop.

Prinsip

1. Pendekatan pengurusan risiko melibatkan tiga barisan pertahanan – unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman.
2. Unit pengambilan risiko bertanggungjawab bagi pengurusan risiko yang wujud dalam aktiviti perniagaan mereka sehari-hari manakala unit kawalan risiko yang bertanggungjawab untuk menetapkan rangka kerja pengurusan risiko dan membangunkan kaedah untuk mengenal pasti, mengukur, memantau, mengawal dan menilai risiko. Peranan ini diperlengkap oleh audit dalaman yang menyediakan jaminan bebas tentang keberkesanan pendekatan pengurusan risiko.
3. Pengurusan risiko menyediakan pengawasan risiko bagi kategori utama termasuk risiko kredit, risiko pasaran, risiko mudah tunai, risiko operasi, risiko reputasi, perniagaan dan risiko strategik, model risiko dan lain-lain risiko industri.
4. Pengurusan risiko memastikan bahawa teras polisi risiko Kumpulan adalah konsisten, menetapkan tahap toleransi risiko dan memudah cara pelaksanaan rangka kerja penilaian penyesuaian risiko bersepadu.
5. Pengurusan risiko berfungsi dan ditadbir secara bebas daripada sektor perniagaan dan unit-unit pengambilan risiko lain dalam Kumpulan Maybank.
6. Lembaga Pengarah Maybank melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap fungsi pengawasan dalam Kumpulan.
7. Pengurusan risiko yang bertanggungjawab untuk pelaksanaan pelbagai dasar risiko dan keputusan yang berkaitan dengan perniagaan yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah.

PENGURUSAN RISIKO

Pada masa hadapan, Kumpulan akan meneruskan Program Transformasi Risiko yang menumpukan kepada peningkatan dan integrasi pengurusan risiko ke dalam perniagaan untuk memacu penciptaan nilai bagi Kumpulan seperti berikut:

Menginstitutionkan Pelan Pengurusan Kakitangan	A • Untuk melaksanakan Pelan Pengurusan Kakitangan di seluruh Kumpulan dan entitinya. • Untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan pakar profesional risiko bagi meningkatkan keputusan risiko dan mempercepatkan kelulusan.
Penubuhan Pusat Kecemerlangan	B • Untuk melaksanakan Pusat Kecemerlangan Teknikal untuk membina pengkhususan profesional dalam bidang risiko, yang akan menyediakan pemantauan risiko nilai tambah bagi menyokong pembuatan keputusan. • Untuk melaksanakan Pusat Kecemerlangan Operasi bagi meningkatkan kecekapan kos dan menurunkan kos pelaksanaan.
Modal Dipertingkatkan & Teknik Mudah Tunai	C • Untuk terus mengoptimumkan RWA menerusi pengurusan modal yang diperhalusi dan mengimbangi teknik pengurusan. • Untuk terus meningkatkan teknik pengurusan mudah tunai dan memenuhi keperluan pengawal selia.
Peningkatan Budaya Risiko	D • Untuk memastikan bahawa “Budaya Risiko Yang Betul” diterapkan di seluruh Kumpulan dan pelan tindakan dilaksanakan mengikut perancangan.
Menyelaras Kehendak Risiko	E • Untuk kekal selari dengan kehendak risiko dan menanam kehendak risiko ke dalam pemprosesan pengurusan risiko dan tekniknya di seluruh Kumpulan.
Meningkatkan Risiko Utama Sistem Amaran Awal	F • Untuk meningkatkan sistem amaran awal risiko utama dan memasukkan petunjuk risiko tinjauan masa hadapan ke dalam laporan pengurusan risiko.
Meningkatkan Risiko Penyelarasan Prestasi Pengukuran	G • Untuk meningkatkan metodologi RAPM dan terus menanam langkah-langkah RAPM ke dalam pengurusan/peningkatan proses pelanggan. • Untuk terus menanam dan meningkatkan penetapan harga berdasarkan risiko di seluruh Kumpulan bagi menambah baik prestasi.
Menginstitutionkan Pematuhan Syariah	H • Menginstitutionkan pematuhan syariah di seluruh Kumpulan dengan menerapkan rangka kerja tadbir usus Syariah.
Meningkatkan Perhubungan dengan BNM	I • Untuk melaksanakan strategi untuk menambah baik Penarafan Risiko Komposit BNM bagi bank. • Untuk mendapatkan pensijilan BNM bagi kesediaan untuk TSA. • Memacu pematuhan kepada keperluan BNM untuk Basel III.

Sila rujuk kepada “Pendedahan Pilar 3 Basel II” untuk maklumat lanjut mengenai pendedahan dan Pengurusan Risiko.

DASAR PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM/PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Kumpulan Maybank sentiasa mematuhi keperluan Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001), garis panduan, proses dan prosedur serta standard antarabangsa dan amalan terbaiknya. Peningkatan kecanggihan dan capaian serta rangkaian yang lebih luas dalam pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) di peringkat global telah meningkatkan ancaman ini. Dalam usaha memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, Kumpulan Maybank komited untuk memiliki amalan AML/CFT yang kukuh bagi memastikan risiko AML/CFT Kumpulan diuruskan dengan sebaik-baiknya. Ini akan membantu mengurangkan kos disebabkan oleh penyiasatan dan kes AML/CFT serta melindungi integriti dan reputasi Kumpulan.

Kumpulan sentiasa mengukuhkan program AML/CFT di seluruh perniagaannya dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko bagi memastikan langkah-langkah utama sentiasa ada untuk menghalang dan mengurangkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan sepadan dengan pematuhan risiko yang telah dikenalpasti dan dinilai.

Sebagai sebahagian daripada mekanisma pengawasan untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, Pematuhan Kumpulan (GC) kerap berkomunikasi dengan sektor perniagaan mengenai senarai individu/entiti yang disyaki terlibat dengan keganasan seperti yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC) untuk memastikan pemantauan yang sewajarnya telah dilaksanakan.

Telah terbukti latihan AML/CFT yang sewajarnya perlu dipertingkatkan dan diselaraskan mengikut keperluan. GC akan terus meningkatkan pembabitannya dalam latihan dan pensijilan yang khusus untuk kekal kukuh. Pelbagai usaha juga dilakukan untuk memastikan bahan-bahan latihan AML/CFT sesuai dengan perubahan lanskap risiko dan peraturan.

GC telah mengeluarkan soalan-soalan berkaitan AML/CDD dan Pensijilan Global USA Patriot dalam laman web korporat Kumpulan yang bertujuan untuk meninjau amalan-amalan Kumpulan, pematuhan kepada undang-undang dan garis panduan BNM, dan juga keperluan ketekunan wajar bagi penubuhan perkhidmatan perbankan. Penyata Dasar AML/CFT turut menyediakan penerangan ringkas bagi prinsip am dan langkah-langkah utama yang dipatuhi oleh Kumpulan.

Kumpulan sentiasa berhati-hati dengan tahap pematuhan peraturan dan langkah-langkah AML/CFT di peringkat sektor perniagaan. Pendekatan tematik akan terus dilaksanakan di cawangan dan syarikat-syarikat subsidiari bagi pematuhan AML/CFT, apabila terdapat keperluan. Penilaian mengenai kecekapan kawalan AML/CFT telah dilaksanakan dan sentiasa dipatuhi oleh entiti dalam Kumpulan, membentuk komponen utama bagi penilaian risiko berterusan Kumpulan dalam memenuhi cadangan Kumpulan Kerja Tindakan Kewangan yang disemak semula.

Cadangan baru FATF menjadi komponen utama bagi memastikan tanggungjawab dan ketelusan Kumpulan serta kepatuhan terhadap mematuhi keperluan pihak pengawal selia.

Memandangkan usaha memperkukuhkan AML/CFT di seluruh Kumpulan adalah tanggungjawab bersama, sektor perniagaan akan diuruskan dengan mengimbangi pengambilan risiko dengan menguruskan perniagaan secara berhemah.

Dalam kes seumpama ini, tahun 2012 menunjukkan Kumpulan telah mengukuh dan mendapat kelebihan unik dalam memenuhi peraturan yang ditetapkan.

ANALISIS PEGANGAN SAHAM & KLASIFIKASI PEMEGANG SAHAM

pada 6 Februari 2013

Modal Saham Dibenarkan : 10,000,000,000
 Modal Saham Berbayar : 8,440,128,635
 Kelas Saham : Saham biasa RM1 sesaham
 Hak Mengundi : 1 undi bagi setiap saham biasa

Saiz Pemegang Saham	Bilangan Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Modal Terbitan
Kurang dari 100	3,263	5.59	109,202	0.00
100 hingga 1,000 saham	11,197	19.17	7,254,540	0.09
1,001 hingga 10,000 saham	32,773	56.12	113,610,386	1.35
10,001 hingga 100,000 saham	9,544	16.34	252,669,930	2.99
100,001 hingga kurang dari 5% saham terbitan	1,616	2.77	3,052,179,242	36.16
5% dan melebihi terbitan saham	3	0.01	5,014,305,335	59.41
JUMLAH	58,396	100.00	8,440,128,635	100.00

Pemegang saham utama mengikut Pendaftaran Pemegang Saham Utama

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
1.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Skim Amanah Saham Bumiputera)	3,408,017,893	40.38
2.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Lembaga Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	1,179,158,824	13.97
3.	Permodalan Nasional Berhad	427,128,618	5.06

Tiga Puluh Pemegang Saham Utama mengikut Rekod Pendeposit

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
1.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Skim Amanah Saham Bumiputera)	3,408,017,893	40.38
2.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	1,179,158,824	13.97
3.	Permodalan Nasional Berhad	427,128,618	5.06
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	178,039,898	2.11
5.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	149,059,476	1.77
6.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for State Street Bank & Trust Company (West Clt OD67))	135,164,293	1.60
7.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Amanah Saham Wawasan 2020)	130,741,235	1.55

Tiga Puluh Pemegang Saham Utama mengikut Rekod Pendeposit (samb.)

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
8.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Amanah Saham Malaysia)	96,000,000	1.14
9.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: BBH and Co Boston for Vanguard Emerging Markets Stock Index Fund)	82,466,888	0.98
10.	Valuecap Sdn Bhd	69,630,700	0.82
11.	Cartaban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for Eastpring Investments Berhad)	65,018,619	0.77
12.	Malaysia Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad (B/P: Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (Par 1))	61,039,156	0.72
13.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: AS 1Malaysia)	59,445,200	0.70
14.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN untuk JPMorgan Chase Bank, National Association (Norges BK Lend))	58,702,105	0.70
15.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (U.A.E))	49,922,636	0.59
16.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (Saudi Arabia))	47,560,442	0.56
17.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Government of Singapore Investment Corporation Pte Ltd for Government of Singapore (C))	47,239,427	0.56
18.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Employees Provident Fund Board (NOMURA))	38,623,877	0.46
19.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: BNY SA/NV for Virtus Emerging Markets Opportunities Fund))	36,848,745	0.44
20.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for American International Assurance Berhad)	36,106,145	0.43
21.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for The Bank Of New York Mellon (Mellon Acct))	29,581,645	0.35
22.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (U.S.A.))	29,550,768	0.35
23.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	28,608,250	0.34
24.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Pictet and Cie for Pictet Global Selection Fund - Global High Yield Emerging Equities Fund)	28,224,700	0.33
25.	Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Legal & General Assurance (Pensions Management) Limited (A/C 1125250001))	27,252,648	0.32
26.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	24,892,989	0.29

ANALISIS PEGANGAN SAHAM & KLASIFIKASI PEMEGANG SAHAM

Tiga Puluh Pemegang Saham Utama mengikut Rekod Pendeposit (samb.)

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
27.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: BNY Brussels for Wisdomtree Emerging Markets Equity Income Fund)	24,277,200	0.29
28.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: RBC Investor Services Bank for Vontobel Fund – Emerging Markets Equity)	23,661,640	0.28
29.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (U.K.))	22,421,937	0.27
30.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for RBC Investor Services Trust (Client Account))	19,085,820	0.23
JUMLAH		6,613,471,774	78.36

KLASIFIKASI PEMEGANG SAHAM

pada 6 Februari 2013

Kategori	Bilangan Pemegang Saham		Jumlah Saham Dipegang		% Jumlah Pemegang Saham	
	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing
INDIVIDU						
a. Bumiputera	3,137		23,510,556		0.28	
b. Cina	39,314		288,760,844		3.42	
c. India	1,568		9,804,144		0.12	
d. Lain-lain	240	2,062	1,613,861	45,461,094	0.02	0.54
BADAN KORPORAT						
a. Bank/Institusi Kewangan	71		4,435,358,789		52.55	
b. Pelaburan/Amanah	12		12,873,253		0.15	
c. Persatuan	13		373,154		0.00	
d. Industri	682	52	88,061,908	19,250,576	1.04	0.23
AGensi KERAJAAN/INSTITUSI						
PENAMA	14		212,511,479		2.52	
	7,844	3,387	1,677,252,743	1,625,296,234	19.87	19.26
JUMLAH	52,895	5,501	6,750,120,731	1,690,007,904	79.97	20.03

PERUBAHAN MODAL SAHAM

Modal Saham Dibenarkan

Modal saham dibenarkan Bank masa kini ialah RM10,000,000,000 dibahagikan kepada 10,000,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Butir-butir perubahan modal dibenarkan sejak Bank ditubuhkan adalah seperti berikut:-

Tarikh	Peningkatan dalam Modal Saham Dibenarkan	Jumlah Modal Saham Dibenarkan
31-05-1960	20,000,000	20,000,000
06-09-1962	30,000,000	50,000,000
09-04-1977	150,000,000	200,000,000
17-01-1981	300,000,000	500,000,000
06-10-1990	500,000,000	1,000,000,000
09-10-1993	1,000,000,000	2,000,000,000
19-06-1998	2,000,000,000	4,000,000,000
11-08-2004	6,000,000,000	10,000,000,000

Modal Saham Terbitan Dan Berbayar

Butir-butir perubahan modal terbitan dan berbayar Bank sejak penubuhan adalah seperti berikut:-

Tarikh Peruntukan	Bilangan Peruntukan Saham Biasa	Nilai Setara RM	Cara Penyelesaian	Jumlah Modal Terbitan dan Berbayar RM'000
31-05-1960	1,500,000	5.00	Tunai	7,500,000
18-05-1961	500,000	5.00	Tunai	10,000,000
31-05-1962	1,000,000	5.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM7.00 sesaham	15,000,000
21-08-1968	1,500,000	5.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM7.00 sesaham	22,500,000
04-01-1971	22,500,000	1.00*	Terbitan Hak (1:2) pada RM1.50 sesaham	45,000,000
06-05-1977	15,000,000	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:3)	60,000,000
23-06-1977	30,000,000	1.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM3.00 sesaham	90,000,000
21-02-1981	30,000,000	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:3)	120,000,000
10-04-1981	60,000,000	1.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM4.00 sesaham	180,000,000
14-11-1984	45,000,000	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:4)	225,000,000
28-12-1984	45,000,000	1.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM6.00 sesaham	270,000,000
31-11-1985	68,249	1.00	Pertukaran Nota Tidak Bercagar	270,068,249
15-11-1986	9,199,999	1.00	Diterbitkan sebagai Pertukaran Pembelian Kota Discount Berhad (Kini dikenali sebagai Mayban Discount Berhad)	279,268,248
01-12-1986	10,550	1.00	Pertukaran Nota Tidak Bercagar	279,278,798
29-07-1987 hingga 20-10-1987	90,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	279,368,798
30-11-1987	11,916	1.00	Pertukaran Nota Tidak Bercagar	279,380,714
08-06-1988	27,938,071	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:10)	307,318,785
30-11-1988	10,725	1.00	Pertukaran Nota Tidak Bercagar	307,329,510

PERUBAHAN MODAL SAHAM

Tarikh Peruntukan	Bilangan Peruntukan Saham Biasa	Nilai Setara RM	Cara Penyelesaian	Jumlah Modal Terbitan dan Berbayar RM'000
16-03-1989 hingga 21-06-1989	9,198,206	1.00	Pertukaran dengan saham Kwong Yik Bank Berhad ("KYBB")	316,527,716
11-07-1989 hingga 23-11-1989	7,555,900	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	324,083,616
30-11-1989	46,174,316	1.00	Pertukaran Nota Tidak Bercagar	370,257,932
01-12-1989 hingga 24-10-1990	4,508,900	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	374,766,832
16-11-1990	187,383,416	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:2)	562,150,248
27-11-1990	11,550	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	562,161,798
30-11-1990	280,497	1.00	Pertukaran Nota Tidak Bercagar	562,442,295
03-01-1991	3,300	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	562,445,595
03-01-1991	188,991,002	1.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM5.00 sesaham	751,436,597
04-01-1991	4,950	1.00	Terbitan Hak (1:2) ketika ESOS pada RM5.00 sesaham	751,441,547
25-01-1991 hingga 28-11-1991	726,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	752,167,547
30-11-1991	35,197	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	752,202,744
11-12-1991 hingga 20-05-1992	5,566,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	757,768,744
30-11-1992 hingga 30-11-1993	3,153,442	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	760,922,186
18-01-1994	380,461,093	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:2)	1,141,383,279
29-12-1994	2,030,428	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	1,143,413,707
19-06-1998	1,143,413,707	1.00	Permodalan Saham Premium dan Akaun Keuntungan Dikekalkan (Terbitan Bonus 1:1)	2,286,827,414
21-09-1998 hingga 09-10-2001	72,909,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	2,359,736,414
23-10-2001	1,179,868,307	1.00	Permodalan Akaun Saham Premium (Terbitan Bonus 1:2)	3,539,604,721
25-10-2001 hingga 05-08-2003	60,567,200	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	3,600,171,921
29-09-2004 hingga 14-02-2008	304,058,100	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	3,904,230,021

Tarikh Peruntukan	Bilangan Peruntukan Saham Biasa	Nilai Setara RM	Cara Penyelesaian	Jumlah Modal Terbitan dan Berbayar RM'000
20-02-2008	976,057,505	1.00	Permodalan Akaun Saham Premium (Terbitan Bonus 1:4)	4,880,287,526
27-02-2008 hingga 30-10-2008	859,625	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	4,881,147,151
27-04-2009	2,196,516,217	1.00	Terbitan Hak (9:20) pada RM2.74 sesaham	7,077,663,368
29-07-2009 hingga 26-08-2009	319,400	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	7,077,982,768
20-12-2010	244,257,623	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM7.70 sesaham	7,322,240,391
12-05-2011	155,965,676	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM7.70 sesaham	7,478,206,067
05-07-2011 hingga 09-12-2011	10,000	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,478,216,067
28-12-2011	161,221,416	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM7.30 sesaham	7,639,437,483
10-01-2012 hingga 26-01-2012	3,600	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,639,441,083
26-03-2012 hingga 09-05-2012	8,100	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,639,449,183
04-06-2012	202,854,119	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM8.00 sesaham	7,842,303,302
28-06-2012 hingga 08-10-2012	12,233,400	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,854,536,702
11-10-2012	412,000,000	1.00	Penempatan Persendirian	8,266,536,702
16-10-2012 hingga 22-10-2012	52,400	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	8,266,589,102
25-10-2012	173,144,233	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM8.40 sesaham	8,439,733,335
31-10-2012 hingga 04-02-2013	395,300	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	8,440,128,635

* Nilai nominal saham Bank ditukar daripada RM5.00 kepada RM1.00 pada 25 November 1968.

HARTANAH DIMILIKI OLEH KUMPULAN MAYBANK

Kawasan	Bil. Hartanah		Keluasan Tanah	Nilai Buku Pada
	Milik Kekal	Milik Pajakan	(meter persegi)	31.1.2013 (RM)
Maybank				
Kuala Lumpur	11	13	48,546.58	198,261,381.30
Johor Darul Takzim	29	9	18,399.86	54,389,335.09
Kedah Darul Aman	11	5	6,111.83	9,419,328.26
Kelantan Darul Naim	1	4	1,691.00	2,618,314.98
Melaka	1	4	3,253.00	4,974,711.28
Negeri Sembilan Darul Khusus	12	5	23,655.20	7,953,846.87
Pahang Darul Makmur	9	14	16,053.74	11,852,990.81
Perak Darul Ridzuan	13	8	9,828.85	12,826,984.58
Perlis Indera Kayangan	1	3	1,475.00	1,574,336.80
Pulau Pinang	22	3	13,421.52	23,701,545.58
Sabah	-	17	14,276.92	24,574,768.40
Sarawak	9	13	6,625.57	19,233,717.06
Selangor Darul Ehsan	25	18	104,422.17	124,431,385.90
Terengganu Darul Iman	6	2	4,329.00	4,330,553.45
Hong Kong	-	2	193.00	HKD1,117,793.57
London	1	5	1,215.00	GBP4,235,983.41
Singapura	11	12	20,858.00	SGD101,548,848.15
Aurea Lakra Holdings Sdn Bhd				
(Dahulunya dikenali sebagai Mayban P.B. Holdings Sdn Bhd)				
Kuala Lumpur	-	1	294.00	769,424.78
Johor Darul Takzim	2	1	1,330.00	2,259,204.99
Pahang Darul Makmur	1	2	595.42	969,969.16
Perak Darul Ridzuan	1	1	857.74	2,445,900.43
Pulau Pinang	1	-	445.93	753,935.39
Sabah	-	1	257.62	1,074,721.12
Sarawak	-	1	314.00	894,656.30
Selangor Darul Ehsan	2	1	1,269.13	3,080,264.17
Maybank International (L) Ltd				
W.P. Labuan	-	3	1,089.81	USD185,789.93
Maybank Investment Bank Berhad				
Negeri Sembilan Darul Khusus	1	2	549.25	416,152.43
Pahang Darul Makmur	1	1	229.11	298,862.03
Pulau Pinang	1	-	84.04	141,050.00
Perak Darul Ridzuan	-	1	260.00	222,763.76
ETIQA				
Kuala Lumpur	2	4	24,258.47	619,720,813.63
Johor Darul Takzim	1	-	286.00	740,000.00
Kedah Darul Aman	2	1	1,127.97	1,249,223.47
Melaka	-	1	452.00	1,160,416.46
Negeri Sembilan Darul Khusus	3	1	1,659.64	2,683,508.82
Pahang Darul Makmur	1	2	18,334.57	3,048,833.69
Pulau Pinang	1	1	624.00	3,400,000.00
Sabah	1	1	222.22	2,068,945.22
Selangor Darul Ehsan	1	1	38,927.49	42,844,327.33

SENARAI 10 HARTANAH UTAMA DIMILIK KUMPULAN MAYBANK

pada 31 Januari 2013

Lokasi	Butiran	Penggunaan Semasa	Tempoh	Baki Tempoh Pajakan (Tarikh Luput)	Usia Bangunan	Keluasan Tanah (meter persegi)	Tahun Pemerolehan	Nilai Buku Bersih (RM)
Etika Twins No. 11, Jalan Pinang Kuala Lumpur	Bangunan pejabat berkembar 27 tingkat	Pejabat & Disewakan	Pegangan Bebas	—	17 tahun	6,612.00	1994	330,000,000.00
Maybank Tower 2, Battery Road Singapore	Bangunan pejabat 32 tingkat	Pejabat	Pajakan 99 tahun	815 tahun (amat 2825)	10 tahun	1,135.70	1962	SGD67,269,035.04
Dataran Maybank No. 1 Jalan Maarof Bangsar	2 blok bangunan pejabat 20 tingkat dan satu blok bangunan pejabat 22 tingkat	Pejabat & Disewakan	Pajakan 99 tahun	74 tahun (amat 3.12.2085)	11 tahun	9,918.00	2000	131,293,320.19
Menara Maybank 100, Jalan Tun Perak Kuala Lumpur	Bangunan pejabat 58 tingkat	Ibu Pejabat & Disewakan	Pegangan Bebas	—	24 tahun	35,494.00	1978	121,874,529.30
Lot 153, Seksyen 44 Jalan Ampang Kuala Lumpur	Tanah komersil	Kosong	Pegangan Bebas	—	—	3,829.00	2008	86,500,000.00
Akademi Etika 23, Jalan Melaka Kuala Lumpur	Bangunan pejabat 25 tingkat	Pejabat & Disewakan	Pajakan 99 tahun	55 tahun (amat 2065)	16 tahun	1,960.47	1994	68,000,000.00
1079, Seksyen 13 Shah Alam	Tanah komersil	Kosong	Pajakan 99 tahun	92 tahun (amat 11.3.2102)	—	38,417.00	1994	41,400,000.00
Lot 379, Seksyen 96 Bangsar Kuala Lumpur	Tanah kosong	Disewa	Pajakan 99 tahun	55 tahun (amat 25.7.2065)	—	4,645.00	1975	38,500,000.00
Johor Bahru City Square Aras 1 (M1-22), 2(M2-15) 3(M3-25) dan Aras 8 City Square Johor Bahru	Unit niaga- Aras 1 (podium) Aras 2 (podium) Aras 3 (podium) Aras 8 (menara pejabat)	Pejabat	Pajakan 99 tahun	81 tahun (amat 14.6.2091)	11 tahun	3,972.00	2000	26,930,539.82
Jalan Air Itam Bangi Kajang Selangor	Bangunan 5 tingkat	Akademi Maybank	Pajakan 99 tahun	76 tahun (amat 18.12.2086)	24 tahun	80,692.00	1987	21,993,754.36

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin
Megat Mohd Nor

DPCM, PJN, PSM

Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Mohd Salleh Hj Harun

DSDK

Naib Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Sri Abdul Wahid Omar

SSAP, DSAP

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

(Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif)

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil

PSM, PNBS, SIMP, DMSM, JMN, KMN, AMN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Seri Ismail Shahudin

SPMP

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Dr Tan Tat Wai

PhD DMPN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Zainal Abidin Jamal

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Alister Maitland

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Cheah Teik Seng

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Johan Ariffin

DPTJ

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Sreesanthan Eliathamby

DPNS

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Bersara bermula dari 29 Mac 2012)

Datuk Mohaiyani Shamsudin

PJN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Erry Riyana Hardjapamekas

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

(Perlantikan bermula pada 25 Jun 2012)

Mohd Nazlan Mohd Ghazali

(LS0008977)

Penasihat Perundangan & Setiausaha
Syarikat

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 14, Menara Maybank

100, Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon : (6)03-2070 8833

Faks : (6)03-2032 4775

(Perancangan Perniagaan
Kumpulan & Perhubungan
Pelabur)

: (6)03-2711 3421

(Maklum Balas Pelanggan &
Pengurusan Resolusi)

: 1300-88-8899

(Perkhidmatan Pelanggan
Kumpulan Maybank)

: (6)03-2031 0071

(Perkhidmatan Kesetiausahaan
Syarikat)

SWIFT : MBBEMYKL

Laman web : <http://www.maybank.com>

E-Mel : publicaffairs@maybank.com.my

PENDAFTAR SAHAM

Malayan Banking Berhad

Tingkat 14, Menara Maybank

100, Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : (6)03-2074 7822

Faks: (6)03-2072 0079

PENYENARAIAH BURSA SAHAM

Pasaran Utama,

Bursa Malaysia Securities Berhad

(Disenaraikan sejak 17 Februari 1962)

JURUAUDIT LUAR

Tetuan Ernst & Young

(AF: 0039)

Akauntan Berdaftar

Aras 23A, Menara Milenium

Jalan Damanlela

Pusat Bandar Damansara

50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : (6)03-7495 8000

Faks: (6)03-2095 9076/78

Talian Pertanyaan Mesyuarat

Agung Tahunan

Tel : (6)03-2264 3883

(Tricor Investor Services Sdn Bhd)

: (6)03-2074 8051 atau

(6)03-2070 8833 Samb. 8058

(Perkhidmatan Kesetiausahaan Syarikat
Maybank)

PERBANKAN KOMERSIL

Malayan Banking Berhad

Tingkat 14, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2070 8833
Faks: (6)03-2031 0071
Laman web korporat: www.maybank.com
Emel: publicaffairs@maybank.com.my

Maybank Islamic Berhad

Tingkat 10, Tower A
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2297 2001
Faks: (6)03-2297 2002
Laman web: www.maybankislamic.com.my
Emel: MIB_stratcomms@maybank.com.my

P.T. Bank Maybank Syariah Indonesia

Tingkat 3, Sona Topas Tower
Jl. Jend. Sudirman Kav. 26
Jakarta 12920
Indonesia
Tel: (62)-21-250 6446
Faks: (62)-21-250 6757
Laman web korporat:
www.maybanksyariah.co.id

Maybank Philippines Incorporated

Maybank Corporate Center
No. 7, Avenue Corner 28th Street
Bonifacio High Street Central
Bonifacio Global City 1634
Taguig City, Metro Manila
Filipina
Tel: (632)-588 7777
Faks: (632)-720 9581
Laman web: www.maybank2u.com.ph

Maybank (PNG) Ltd

Port Moresby Branch
Corner Waigani Road/Islander Drive
P.O. Box 882 Waigani, National Capital
District
Port Moresby
Papua New Guinea
Tel: (675)-325 0101
Faks: (675)-325 6128
Laman web korporat: www.maybank.com
Emel: maybankpom@datec.net.pg

Maybank International (L) Ltd

Tingkat 16 (B), Main Office Tower
Financial Park Complex
Jalan Merdeka
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel: (6)087-414 406
Faks: (6)087-414 806
Laman web korporat: www.maybank.com
Emel: millmit@streamyx.com

P.T. Bank Internasional Indonesia Tbk

Gedung Sentral Senayan 3, 26th Floor
Jl. Asia Afrika No. 8
Senayan Gelora Bung Karno
Jakarta 10270
Indonesia
Tel: (62)-21-2922 8888
Faks: (62)-21-2922 8799
Laman web: www.bii.co.id
Emel: cs@bii.co.id

Maybank (Cambodia) Plc.

No. 4B Street 114 (Kramoun Sar)
Sangkat Phsar Thmey 1
Khan Daun Penh, Phnom Penh
Kingdom of Cambodia
Tel: (855)-23-210 123
Faks: (855)-23-210 099
Laman web: www.maybank2u.com.kh
Emel: mbb@maybank.com.kh

PERBANKAN PELABURAN

Maybank Investment Bank Berhad

Tingkat 32, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2059 1888
Faks: (6)03-2078 4194
Laman web: www.maybank-ib.com/
www.maybank-ke.com
Emel: helpdesk@maybank-ib.com

Maybank IB Holdings Sdn Bhd

Tingkat 32, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2059 1888
Faks: (6)03-2031 5633

Maybank Kim Eng Holdings Limited Maybank Kim Eng Securities Pte. Ltd.

50, North Canal Road
#03-01, Singapore 059304
Tel: (65)-6231 5000
Faks: (65)-6339 6003
Laman web: www.maybank-ke.com.sg

Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Public Company Limited

999/9 The Offices at Central World
Tingkat 20-21, 24 Rama 1 Road
Pathumwan
Bangkok, 10330 Thailand
Tel: (+66)-2 658 6300
Faks: (+66)-2 658 6301
Laman web: www.maybank-ke.co.th
Emel: IB@maybank-ke.co.th

Maybank ATR Kim Eng Financial Corporation

Tingkat 8 & 17
Tower One & Exchange Plaza
Ayala Triangle, Ayala Avenue
Makati City, Philippines
Tel: (632)-893 1150, 810 0106
Faks: (632)-893 1145
Laman web: www.maybank-atrke.com
Emel: atrke_financial@atr.com.ph

Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc

Tingkat 17
Tower One & Exchange Plaza
Ayala Triangle, Ayala Avenue
Makati City, Philippines
Tel: (632) 849 8988/849 8888
Laman web: www.maybank-atrke.com

Maybank ATR Kim Eng Securities, Inc

Tingkat 17, Tower One & Exchange Plaza
Ayala Triangle, Ayala Avenue
Makati City, Philippines
Tel: (632) 849 8988/849 8888
www.atrkimengsecurities.com

PT. Kim Eng Securities

Plaza Bapindo-Citibank Tower
Tingkat 17
Jl. Jenderal Sudirman Kav 54-55
Jakarta 12190 Indonesia
Tel: (62)-21-2557-1188
Faks: (62)-21-2557-1189
Laman web: www.kimeng.co.id
Emel: cosec@maybank-ke.co.id

Kim Eng Securities (Hong Kong) Limited

Aras 30, Three Pacific Place
1 Queen's Road East
Hong Kong
Tel: 852-2268 0800
Faks: 852-2845 3772
Laman web: www.kimeng.com.hk
Emel: cs@kimeng.com.hk

Kim Eng Securities India Private Limited

Tingkat 2, The International
16, Maharishi Karve Marg
Churchgate, Mumbai 400 020
India
Tel: 91-22 6623 2600
Faks: 91-22 6623 2604
Emel: ajain@maybank-ke.co.in

Maybank Kim Eng Securities (London) Limited

Tingkat 6, 20 St. Dunstan's Hill
London EC3R 8HY
United Kingdom
Tel: 44-20 7626 2828
Faks: 44-20 7283 6674
Emel: sales@maybank-ke.co.uk

Maybank Kim Eng Securities USA, Inc

777 Third Avenue, Tingkat 21
New York NY 10017
USA
Tel: 212-688 8886
Faks: 212-688 3500
Emel: sales@maybank-keusa.com

INSURANS

Maybank Ageas Holdings Berhad

Tingkat 19, Tower C
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2297 3888
Faks: (6)03-2297 3800
Laman web: www.etiqa.com.my
Emel: info@etiqa.com.my

Etiqua Life International (L) Ltd Etiqua Offshore Insurance (L) Ltd

Tingkat 11B, Blok 4 Office Tower
Financial Park Labuan Complex
Jalan Merdeka
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel: (6)087-582 588
Faks: (6)087-583 588
Laman web: www.etiqa.com.my
Emel: info@etiqa.com.my

Etiqua Insurance Berhad Etiqua Takaful Berhad

Tingkat 19, Tower C
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2297 3888
Faks: (6)03-2297 3800
Laman web: www.etiqa.com.my
Emel: info@etiqa.com.my

PENGURUSAN ASET

Maybank Asset Management Group Berhad (dahulunya dikenali sebagai Aseamlease Berhad)

Tingkat 14, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2070 8833
Faks: (6)03-2031 0071
Laman web korporat: www.maybank-am.com

Maybank Asset Management Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Mayban Investment Management Sdn Bhd)

Tingkat 12, Tower C
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2297 7888
Faks: (6)03-2297 7880
Laman web korporat: www.maybank-am.com

Maybank Ventures Sdn Bhd

Tingkat 41, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2032 2188
Faks: (6)03-2031 2188
Laman web: www.mayban-ventures.com.my

LAIN-LAIN

Maybank Trustees Berhad

Tingkat 34, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2078 8363
Faks: (6)03-2070 9387
Laman web korporat: www.maybank.com
Emel: mtb@maybank.com.my

Mayban-JAIC Capital Management Sdn Bhd

Tingkat 41, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2032 2188
Faks: (6)03-2031 2188

Maybank (Nominees) Sendirian Berhad Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd Maybank Nominees (Asing) Sdn Bhd

Tingkat 14, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2070 8833
Faks: (6)03-2031 0071
Laman web: www.mayban.com

Maybank Securities Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. Maybank Securities Nominees (Asing) Sdn. Bhd.

Tingkat 8, Tower C
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel: (6)03-2297 8888
Faks: (6)03-2282 5136

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-53

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53 Malayan Banking Berhad (Maybank/Syarikat) akan diadakan di Grand Ballroom, Level 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 28 Mac 2013, jam 10.00 pagi untuk tujuan melaksanakan urusan-urusan berikut:-

URUSAN BIASA:

1. Untuk menerima laporan-laporan Lembaga Pengarah, Juruaudit dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.
(Resolusi Biasa 1)
2. Untuk meluluskan pembayaran Dividen Akhir bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 iaitu dividen selepas ditolak cukai sebanyak 18 sen ditolak cukai pendapatan sebanyak 25% sesaham biasa (bersih 13.5 sen) dan dividen satu peringkat sebanyak 15 sen sesaham biasa, di mana jumlah dividen bersih adalah 28.5 sen sesaham biasa sebagaimana yang disyorkan oleh Lembaga Pengarah.
(Resolusi Biasa 2)
3. Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 96 dan 97 Tataurus Syarikat:-
 - i) Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor
(Resolusi Biasa 3)
 - ii) Dato' Mohd Salleh Harun
(Resolusi Biasa 4)
 - iii) Dato' Seri Ismail Shahudin
(Resolusi Biasa 5)
4. Untuk melantik semula Encik Erry Riyana Hardjapamekas yang bersara selaras dengan Artikel 100 Tataurus Syarikat:-
(Resolusi Biasa 6)
5. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.
(Resolusi Biasa 7)

URUSAN KHAS:

Untuk menimbang dan sekiranya bersesuaian, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-

6. **MEMBERI KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENERBITKAN SAHAM**
"BAHAWA tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tataurus Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa/pengawalselia berkaitan, para Pengarah adalah diberikan kuasa menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham Syarikat pada bila-bila masa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya, di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan untuk tujuan-tujuan berkaitan mengikut budi bicara mutlak para Pengarah dengan syarat jumlah agregat saham yang akan diterbitkan tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat masa ini."
(Resolusi Biasa 8)
7. **PERUNTUKAN DAN TERBITAN SAHAM BIASA BARU RM1.00 SESAHAM DALAM MAYBANK ("SAHAM MAYBANK") BERKAITAN PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN BERULANG DAN PILIHAN YANG MEMBENARKAN PEMEGANG SAHAM MAYBANK ("PEMEGANG SAHAM") UNTUK MELABUR SEMULA DIVIDEN MASING-MASING DALAM SAHAM BIASA BARU RM1.00 SESAHAM DALAM MAYBANK ("PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN")**
"BAHAWA menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen seperti diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 14 Mei 2010, kelulusan diberikan kepada Syarikat untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah saham baru Maybank bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan kepada mereka yang berkenaan mengikut budi bicara mutlak para Pengarah dan untuk kepentingan Syarikat DENGAN SYARAT harga terbitan saham baru Maybank ditetapkan oleh Pengarah tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) diskaun pada penyalarsan nilai harga pasaran purata wajar lima (5) hari ("VWAMP") bagi saham Maybank sejurus sebelum tarikh penetapan harga, yang mana VWAMP diselaras sebagai ex-dividen sebelum menggunakan diskaun yang disebutkan dalam penetapan harga terbitan;

DAN BAHAWA Pengarah dan Setiausaha Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk melakukan tindakan dan melaksanakan urusan-urusan dan dokumen-dokumen yang mungkin diperlukan atau dipercepatkan untuk memberi kesan sepenuhnya terhadap Pelan Pelaburan Semula Dividen dengan kuasa sepenuhnya untuk mengizinkan sebarang syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan (jika ada) yang mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh mana-mana pihak berkuasa atau akibat daripada pelaksanaan syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan atau kebijaksanaan para Pengarah membuat keputusan terbaik untuk Syarikat."

(Resolusi Biasa 9)

8. Untuk melaksanakan urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis mengenainya telah diterima selaras dengan Akta Syarikat, 1965.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI

LS0008977

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
6 Mac 2013

NOTA-NOTA:

1. Setiap ahli yang berhak menghadiri, berucap dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik seorang proksi untuk menghadiri mesyuarat, berucap dan mengundi bagi pihaknya sama ada dengan undian tangan atau "poll". Proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat ini. Suratarca pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang telah diberikan kuasa secara bertulis, atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, suratarca pelantikan proksi itu mestilah mempunyai meterai syarikat atau sebarang cara yang diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersebut.
2. (i) Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) proksi untuk menghadiri, berucap dan mengundi di mesyuarat.
(ii) Walau bagaimanapun, penama diberi kuasa yang dikecualikan, adalah dibolehkan untuk melantik proksi berbilang bagi setiap satu Akaun Omnibus yang dipegang.
(iii) Seorang ahli yang merupakan seorang penama yang diberi kuasa sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat) 1991, berhak melantik sekurang-kurangnya satu proksi tetapi tidak melebihi dua (2) proksi bagi setiap satu Akaun Sekuriti yang dipegangnya yang masih berbaki kredit saham-saham biasa Syarikat bagi Akaun Sekuriti berkenaan.
(iv) Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada seorang proksi, perlantikan tersebut hanya sah sekiranya beliau menyatakan bahagian pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
3. Borang Proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar ke pejabat pendaftar saham Syarikat yang dilantik bagi Mesyuarat Agung Tahunan ini, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat daripada 26 Mac 2013 pada 10.00 pagi.
4. Bagi Borang Proksi yang telah disempurnakan di luar Malaysia, tanda tangannya mestilah disahkan oleh Peguamcara, Notari Awam, Konsul atau Majistret.
5. Hanya ahli-ahli yang berdaftar di dalam Rekod Pendeposit pada 22 Mac 2013 layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.
6. **Nota penjelasan kepada Urusan Biasa:-**
(i) **Resolusi Biasa 2 - Pembayaran Dividen Akhir**
Cadangan Dividen Akhir sepertimana di Resolusi Biasa 2 mengandungi bahagian tunai dividen satu peringkat sebanyak 4 sen sesaham biasa dan bahagian pilihan sebanyak 29 sen (bersih 24.5 sen) sesaham biasa, yang mana bahagian pilihan terdiri daripada dividen satu peringkat sebanyak 11 sen dan dividen selepas ditolak cukai sebanyak 18 sen (bersih 13.5 sen) sesaham biasa. Bahagian pilihan yang boleh dilaburkan semula dalam saham biasa baru sejajar dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen seperti yang dinyatakan di dalam Nota 46 Penyata Kewangan.

Menurut Perenggan 8.26 Keperluan Penyenaaran Pasaran Utama, Dividen Akhir, sekiranya diluluskan, akan dibayar tidak lebih dari tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan pemegang saham. Tarikh Penutupan Buku akan diumumkan selepas Mesyuarat Agung Tahunan.

(ii) Resolusi Biasa 4, 5 dan 6 - Penilaian Kebebasan Pengarah Bebas

Kebebasan Dato' Mohd Salleh Harun, Dato' Seri Ismail Shahudin dan Encik Erry Riyana Hardjapamekas yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat telah dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan dan telah disahkan oleh Lembaga Pengarah.

7. Nota penjelasan kepada Urusan Khas:-

(i) Resolusi Biasa 8 - Memberi Kuasa Kepada Para Pengarah Untuk Menerbitkan Saham

Resolusi Biasa 8 yang dicadangkan adalah pembaharuan mandat am menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya, dan sekiranya diluluskan akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menerbitkan saham biasa dalam modal Syarikat untuk bilangan agregat saham tidak melebihi 10% saham terbitan dan berbayar modal Syarikat pada waktu tersebut tanpa perlu mengadakan satu mesyuarat agung. Mandat ini, kecuali ditarik balik atau diubah pada satu mesyuarat agung yang lain, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

Tujuan mandat pemegang saham adalah untuk memberi Bank fleksibiliti pada tempoh berkenaan untuk melaksanakan sebarang terbitan saham tanpa perlu mengadakan Mesyuarat Agung. Rasional cadangan mandat ini adalah untuk membolehkan terbitan saham dan/atau aktiviti penjanaan dana termasuk penempatan saham untuk tujuan pembiayaan projek pelaburan semasa dan/atau di masa hadapan, modal kerja dan/atau pemerolehan dan juga sekiranya timbul peluang strategik termasuk tawaran ekuiti yang memerlukan Bank menerbit dan memperuntukkan saham baru dengan kadar segera yang mana dapat mengurangkan tempoh urusan serta kos berkenaan mengadakan mesyuarat tambahan pemegang saham. Walau bagaimanapun mandat ini hanya akan dilaksanakan sekiranya Lembaga Pengarah menganggapnya sebagai suatu kepentingan yang terbaik untuk Syarikat.

Selaras dengan mandat terdahulu yang telah diberikan kepada para Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan ke 52, yang akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan ke 53 yang akan diadakan pada hari Khamis, 28 Mac 2013, Maybank telah menempatkan 412,000,000 saham biasa baru mewakili 4.98% modal saham Maybank yang telah diterbitkan dan berbayar setakat 12 Oktober 2012 pada harga terbitan RM8.88 sesaham. Penempatan ini telah menjana jumlah hasil sebanyak RM3,658,560,000 di mana kesemua saham telah disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 12 Oktober 2012 ("Tawaran Persendirian").

Matlamat Tawaran Persendirian tersebut, sepertimana yang telah diumumkan sebelum ini, adalah untuk mengukuhkan modal asas dan menyokong objektif pertumbuhan Syarikat serta untuk memenuhi keperluan modal yang lebih ketat di bawah rangka kerja Basel III. Hasil telah digunakan bagi modal kerja dan tujuan perbankan am.

Maklumat tambahan dan status penggunaan hasil daripada Tawaran Persendirian ini boleh didapati bahagian "Maklumat Pematuhan Tambahan" di halaman 211 Laporan Tahunan Maybank 2012.

(ii) Resolusi Biasa 9 - Pelan Pelaburan Semula Dividen

Resolusi Biasa 9 yang dicadangkan akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen bagi dividen yang diisytiharkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini dan seterusnya sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Pembaharuan kuasa ini akan dicadangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

8. Penyata Iringan bagi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Maklumat tambahan berkenaan Perenggan 8.27 (2) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama, Bursa Malaysia Securities Berhad dinyatakan di Lampiran A Laporan Tahunan Maybank 2012.

ANNEX A

PENYATA IRINGAN NOTIS

MESYUARAT AGUNG KE-53

(Menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad)

Profil Pengarah yang bersedia untuk pemilihan semula (menurut Resolusi biasa 3 hingga 6 sebagaimana dinyatakan di atas) pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-53 Malayan Banking Berhad yang akan diadakan di Grand Ballroom, Aras 1, Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada Khams, 28 Mac 2013 jam 10.00 pagi dinyatakan di halaman 174 hingga 181 Laporan Tahunan 2012.

Butiran lanjut mengenai sebarang kepentingan dalam sekuriti Maybank dan anak-anak syarikatnya (jika ada) yang dipegang oleh pengarah-pengarah berkenaan dinyatakan di halaman 23 dalam Laporan Tahunan 2012.

KALENDAR KEWANGAN

23 FEBRUARI 2012

Pengumuman keputusan kewangan yang telah diaudit bagi Maybank dan Kumpulan dan pengumuman dividen akhir bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2011

7 MAC 2012

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-52 dan terbitan laporan tahunan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2011

29 MAC 2012

Mesyuarat Agung Tahunan ke-52

3 MEI 2012

Penutupan buku bagi menentukan kelayakan dividen

24 MEI 2012

Pengumuman keputusan kewangan yang belum diaudit bagi Maybank dan Kumpulan bagi suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

4 JUN 2012

Tarikh pembayaran dividen tunai akhir sebanyak 36 sen sesaham (ditolak 25% cukai pendapatan Malaysia) yang mana Pelan Pelaburan Semula Dividen diguna pakai dalam pembayaran dividen dan bahagian boleh pilih kasar sebanyak 32 sen sesaham Maybank yang dipegang bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2011

16 OGOS 2012

Pengumuman keputusan kewangan yang belum diaudit bagi Maybank dan Kumpulan bagi suku kedua tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

25 SEPTEMBER 2012

Penutupan buku untuk menentukan kelayakan dividen

25 OKTOBER 2012

Tarikh pembayaran dividen tunai interim sebanyak 32 sen sesaham (ditolak 25% cukai pendapatan Malaysia) yang mana Pelan Pelaburan Semula Dividen diguna pakai bagi pembayaran dividen, dan bahagian boleh pilih kasar sebanyak 28 sen bagi sesaham Maybank yang dipegang dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

9 NOVEMBER 2012

Pengumuman keputusan kewangan yang belum diaudit bagi Maybank dan Kumpulan bagi suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

21 FEBRUARI 2013

Pengumuman keputusan yang telah diaudit bagi Maybank dan Kumpulan dan pengumuman dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

6 MAC 2013

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-53 dan terbitan laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

28 MAC 2013

Mesyuarat Agung Tahunan ke-53

BORANG PROKSI

Bagi Mesyuarat Agung Tahunan ke-53

MALAYAN BANKING BERHAD

(No. Syarikat 3813-K)

(Ditubuhkan di Malaysia)

Jumlah saham yang dimiliki	No Akaun CDS bagi penama yang dibenarkan*												
				-				-					

Sila rujuk kepada nota di bawah sebelum melengkapkan Borang Proksi ini.

Saya/Kami _____ No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Syarikat _____
(nama penuh dalam huruf besar)

yang beralamat di _____ No. Telefon _____
(alamat penuh)

selaku pemegang saham/pemegang-pemegang saham MALAYAN BANKING BERHAD, dengan ini melantik _____

_____ No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Syarikat _____
(nama penuh dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(alamat penuh)

atau penggantinya _____ No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Syarikat _____
(nama penuh dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(alamat penuh)

atau penggantinya, Pengerusi mesyuarat, sebagai proksi saya/kami untuk mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Malayan Banking Berhad ke-53 yang akan diadakan di Grand Ballroom, Aras 1, Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada Khamis, 28 Mac 2013 jam 10.00 pagi dan pada sebarang penangguhannya bagi resolusi-resolusi biasa berikut seperti yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan:-

No.	Resolusi	Menyokong	Menentang
	Resolusi Biasa:		
1	Penerimaan Penyata Kewangan dan Laporan-Laporan		
2	Pengisytiharan Dividen Akhir.		
	Pemilihan semula Pengarah-pengarah berikut selaras dengan Artikel 96 dan 97:-		
3	i. Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor		
4	ii. Dato' Mohd Salleh Harun		
5	iii. Dato' Seri Ismail Shahudin		
	Pemilihan semula Pengarah berikut selaras dengan Artikel 100 Tataurusan Syarikat:-		
6	i. En. Erry Riyana Hardjapamekas		
7	Perlantikan semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit.		
8	Pemberian kuasa kepada Pengarah-pengarah untuk menerbitkan saham-saham menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965.		
9	Peruntukan dan penerbitan saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham Maybank berkaitan dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen Berulang dan Pilihan (Pelan Pelaburan Semula Dividen).		

Proksi saya/kami hendaklah mengundi bagi resolusi-resolusi yang ditentukan dengan menandakan "X" di ruang berkenaan. Sekiranya borang ini dikembalikan tanpa apa-apa arahan, proksi saya/kami akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengundi ataupun sebaliknya.

Bertarikh hari ini pada _____ 2013 _____

Tandatangan Pemegang Saham

Nota:

1. Setiap ahli yang berhak menghadiri dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik seorang proksi untuk menghadiri mesyuarat berucap dan mengundi bagi pihaknya sama ada dengan undian tangan atau "poll". Proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat ini. Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang telah diberikan kuasa secara bertulis, atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi itu mestilah mempunyai meterai syarikat atau sebarang cara yang diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersebut.
2. (i) Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) proksi untuk menghadiri, berucap dan mengundi di mesyuarat ini.
(ii) Walau bagaimanapun, penama yang diberi kuasa yang dikecualikan adalah dibolehkan untuk melantik proksi mengikut setiap satu Akaun "Ombibus" yang dipegang.
(iii) Seorang ahli yang merupakan penama yang diberi kuasa seperti mana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Berpusat) 1991, berhak melantik sekurang-kurangnya satu proksi tetapi tidak melebihi dua (2) proksi bagi setiap satu Akaun Sekuriti yang dipegangnya yang masih berbaki kredit saham-saham biasa Syarikat, bagi Akaun sekuriti berkenaan.
- (iv) Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada seorang proksi, pelantikan tersebut hanya sah sekiranya beliau menyatakan bahagian pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
3. Borang Proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar ke pejabat pendaftar saham Syarikat yang dilantik bagi Mesyuarat Agung Tahunan ini, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat daripada 26 Mac 2013 jam 10.00 pagi.
4. Bagi borang Proksi yang telah disempurnakan di luar Malaysia, tandatangannya mestilah disahkan oleh Peguamcara, Notari Awam, Konsul atau Majistret.
5. Hanya ahli-ahli yang berdaftar di dalam Rekod Pendeposit pada 22 Mac 2013 layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.
- * Boleh digunakan bagi saham-saham yang dipegang menerusi akaun penama sini

Lipat di sini

TAMPALKAN
SETEM

Pendaftar Saham bagi Mesyuarat Agung Tahunan Maybank ke-53
Tricor Investor Services Sdn Bhd
Aras 17, The Gardens
North Tower, Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Malaysia

Lipat di sini